

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 5

Isnin

13 Mac 2017

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 27)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 28)
Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Datuk Liang Teck Meng (Simpang Rengam)</i>	(Halaman 28)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA
Isnin, 13 Mac 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, nak ucap tahniah kepada Dato' Lee Chong Wei? *[Ketawa]*

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya hendak, kami bagi pihak rakyat Malaysia mengucapkan tahniah kepada Dato' Lee Chong Wei kerana memenangi kejuaraan badminton... *[Tepuk]*

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, dengan keizinan untuk saya mengalu-alukan kehadiran pemimpin-pemimpin masyarakat daripada Parlimen Kuala Pilah yang terdiri daripada komuniti masyarakat Orang Asli, Melayu, Cina dan India yang ada di belakang Dewan... *[Tepuk] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Mereka sedang melihat wakil rakyat mereka, Yang Berhormat.

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Selamat datang. Yang ketiga, saya mengemukakan soalan yang pertama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

1. Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta Menteri Luar Negeri menyatakan, bahawa sokongan terbuka kepada komuniti Rohingya di Myanmar membuktikan ketegasan Malaysia dalam isu kemanusiaan khususnya yang melibatkan umat Islam. Seterusnya, apakah langkah lebih konkrit yang bakal diambil Malaysia bagi membantu komuniti ini agar tidak terus tertindas dari segi ekonomi dan politik di tanah air sendiri.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* serta salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak mengucapkan terima kasih kepada semua yang menanyakan soalan berkaitan dengan perkara ini dan saya mohon untuk menjawab semuanya secara bersekali kerana ia menyentuh dan juga berkisar kepada perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Minta maklumkan senarai Ahli Parlimen Yang Berhormat.

Dato' Seri Reezal Merican: Seramai 12 orang, Yang Berhormat Kuala Pilah, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Bandar Tun Razak dan juga Yang Berhormat Pendang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Reezal Merican: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sememangnya terkenal dan lantang dalam menyuarakan isu-isu berkaitan keganasan terhadap kemanusiaan sama ada di Palestin, Syria, Yaman dan termasuk juga yang berlaku di Wilayah Utara Rakhine, Myanmar. Selain daripada itu, Malaysia juga mengadakan perbincangan dan perdampingan secara konstruktif ataupun dengan izin, *constructive engagement* dengan Kerajaan Myanmar untuk memastikan penindasan dan kekejaman yang dikatakan berlaku terhadap etnik Rohingya dapat dihentikan. Perbincangan secara konstruktif dengan Kerajaan Myanmar diadakan secara konsisten termasuk di peringkat pegawai kanan kerajaan, Menteri Luar dan pimpinan kedua-dua kerajaan.

Walaupun pendirian dan dasar luar yang diamalkan oleh Malaysia dan negara-negara anggota ASEAN adalah konsisten iaitu mengamalkan prinsip tidak campur tangan dan menghormati kedaulatan sesebuah negara itu, namun Malaysia juga percaya bahawa negara-negara anggota ASEAN mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi prinsip-prinsip antarabangsa mengenai perlindungan hak asasi manusia seperti yang terkandung di dalam piagam ASEAN dan pengisytiharan hak asasi manusia ASEAN.

Maka sebab itulah, berkaitan isu keganasan yang dikatakan berlaku di Wilayah Utara Rakhine, Myanmar, kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah. Antaranya pada peringkat awal telah memberi cadangan untuk mengadakan sidang tergepar di peringkat Menteri-Menteri Luar ASEAN. Walaupun begitu, ia telah ditolak oleh Kerajaan Myanmar kerana sememangnya diketahui bahawa ASEAN mengamalkan amalan konsensus. Akan tetapi hasil desakan yang berterusan, akhirnya sesi permukiman di peringkat Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN telah diadakan oleh Kerajaan Myanmar di Yangon pada 19 Disember 2016.

Sesi permukiman tersebut, Kerajaan Myanmar telah menyatakan dan memberi jaminan untuk memberi perkembangan terkini berkaitan dengan situasi di Rakhine. Selain daripada itu, Malaysia juga telah membawa isu ini di peringkat OIC di mana satu sesi tergepar di peringkat Menteri-menteri Luar Negeri OIC mengenai situasi minoriti Islam Rohingya di Myanmar telah dianjurkan oleh Malaysia di Kuala Lumpur pada 19 Januari 2017. Penganjuran mesyuarat tergepar itu telah mendapat sambutan yang cukup padu daripada negara-negara OIC.

Sebanyak 44 buah negara OIC daripada 56 buah negara telah hadir dalam persidangan tersebut. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyampaikan ucapan ketika perasmian dan menyatakan secara lantang dan terus terang berkaitan dengan perlunya penderitaan etnik kaum Rohingya dihentikan serta-merta. Sebagai langkah konkrit juga, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan sumbangan sebanyak RM10 juta bagi membiayai usaha kemanusiaan dan projek pemulihan sosial di Rakhine semasa mesyuarat tersebut.

■1010

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* dengan adanya usaha-usaha ini semua, usaha Malaysia telah didapati berkesan bagi membantu meringankan keperitan yang dialami oleh etnik Rohingya di Myanmar. Sebagai salah satu contoh keberkesanan, perbincangan berterusan antara kedua-dua negara adalah kejayaan misi kemanusiaan *Food Flotilla for Myanmar*. Misi ini telah dianjurkan secara bersama oleh Kelab Putera 1Malaysia bersama dengan Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) serta gabungan-gabungan NGO yang cukup ramai. Misi tersebut telah berjaya menyalurkan bantuan 500 tan kepada komuniti terjejas di Rakhine termasuk kepada etnik Rohingya yang dihantar ke Yangon.

Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri dan juga pihak kerajaan ingin menyatakan ucapan terima kasih, *a dedicated attributable credit* kepada semua yang terlibat terutamanya kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim Ahli Parlimen Baling... [*Tepuk*] yang telah melaksanakan misi kemanusiaan *Food Flotilla for Myanmar*. Saya juga ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa selain daripada Yang Berhormat Baling, ada juga dua orang Ahli Parlimen lain yang turut serta yang saya kira wajar disebut namanya di sini iaitu Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dan juga Yang Berhormat Bachok... [*Tepuk*]

Susulan daripada misi kemanusiaan tersebut, Duta Malaysia ke Myanmar telah melawat Rakhine pada 6 Mac, dan 8 Mac 2017 bagi memastikan pengagihan bantuan kemanusiaan tersebut sampai ke perkampungan dan ke kem-kem pelarian yang telah pun dikenal pasti. Melihat kepada kejayaan misi tersebut, kerajaan akan meneruskan kerjasama dengan Kerajaan Myanmar dalam tujuan yang tersebut untuk membantu NGO-NGO yang sememangnya mempunyai minat yang cukup mendalam dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada komuniti terjejas di *Rakhine State*.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memandang bahawa kerajaan yang dipimpin di bawah Aung San Suu Kyi yang dibentuk secara rasminya pada bulan April 2016 haruslah diberi peluang untuk mengambil langkah-langkah proaktif sebagaimana yang disarankan oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa. Sebagai makluman yang terkini, Kerajaan Myanmar telah pun mengumumkan pada 15 Februari 2017 bahawa operasi keselamatan di Utara Rakhine yang bermula sejak kejadian serangan pada 9 Oktober 2016 telah pun dihentikan. Situasi keselamatan di Utara Rakhine telah stabil dan berikutan itu, perintah berkurung juga telah dilonggarkan.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan bahawa agar kedutaan Malaysia di tutup sebagai satu bantahan, pada pengamatan Kementerian Luar Negeri adalah salah satu daripada kemungkinan

yang mungkin membantut usaha Malaysia untuk mencari jalan penyelesaian bagi isu Rohingya di Myanmar. Penutupan kedutaan ini juga akan menghalang Malaysia daripada mendapat pengesahan berkaitan maklumat-maklumat yang sahih mengenai isu Rohingya di Myanmar.

Sebaliknya, Malaysia berpegang kepada pendirian untuk terus mengekalkan hubungan dua hala yang sedia ada di samping mengadakan pendampingan ataupun *constructive engagement* dengan Myanmar sejajar dengan semangat solidariti ASEAN agar satu penyelesaian yang lebih tuntas kepada isu Rohingya dapat dicapai bersama dengan Myanmar. Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang cukup *elaborate*, yang cukup bermaklumat untuk pengetahuan kita. Sebenarnya umum mengetahui apatah lagi dunia pun sudah mengetahui bagaimana Malaysia telah memainkan peranan dan juga mengadakan pelbagai inisiatif bagi membantu krisis kemanusiaan di Utara Wilayah Rakhine ini. Oleh kerana itu, saya pertamanya hendak bertanyakan kepada pihak kementerian sejauh manakah keberkesanan usaha-usaha dalam membantu situasi di Utara Rakhine. Inisiatif sudah buat, bagaimana keberkesanan usaha-usaha tersebut, kita hendak tahu.

Satu lagi ialah berkenaan dengan usaha yang sedang dilaksanakan projek perintis yang dilaksanakan oleh pihak kementerian. Kami ingin tahu, adakah kementerian bercadang untuk menambah bilangan pelarian etnik Rohingya yang dibenarkan bekerja dalam negara melalui projek perintis yang telah diperkenalkan? Adakah hasrat kementerian hendak melaksanakan program ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Kuala Pilah. Sememangnya yang kita sedia maklum bahawa usaha berterusan dilakukan dengan pengumuman yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebanyak RM10 juta untuk dibantu, kita masih mengenal pasti projek-projek yang mempunyai kesan yang jauh lebih efektif dan dekat dengan masyarakat Rohingya. Terutamanya isu-isu yang dianggap sebagai *basic needs that serve the livelihood of the Rohingya*. Terbaru, kita sebut kata mereka perlukan pengairan ataupun sistem *tube well*, sistem untuk pembekalan air bersih dan juga sistem-sistem yang lain di samping bantuan-bantuan yang diberi oleh pihak-pihak NGO.

Berkaitan dengan soal pelarian ataupun rakyat Rohingya yang berada di sini, ia sememangnya dilaksanakan di bawah KDN. Namun saya hendak maklumkan bahawa kita bukanlah negara yang menandatangani 1951 *the protocol relating to refugees*. Walau bagaimanapun, atas peri kemanusiaan, kita tetap menerima dan mereka ini kita adakan program sebagaimana yang telah diatur di bawah KDN, sebelum mereka ini *to be resettle* kepada *the third receiving countries*. Itulah antara program yang pada waktu ini yang dilakukan. Setakat ini saya boleh maklumkan sejumlah 56,000 etnik Rohingya yang berada di negara kita. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya? Terima kasih kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling yang bertanggungjawab dengan flotila.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Sebenarnya saya hendak tambah sedikit apa yang telah berlaku 22 hari kita di atas flotila. Saya hendak rakan-rakan yang lain kongsi bersama.

Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi betul. Sememangnya diperlukan 1000 *tube well* dan lebih kurang 10,000 tandas bergerak diperlukan untuk kedua-dua tempat ini iaitu di Teknaf dan *Rakhine State*. Teknaf berada di perairan Bangladesh dan Maungdaw dan Sittwe berada di kawasan Rakhine State iaitu di kawasan negara Myanmar.

Jadi walau bagaimanapun, saya hendak ucapkan jutaan terima kasih Yang Amat Berhormat Pekan yang telah memberi peluang kepada kami dan membantu kami sehingga berjaya misi bantuan kemanusiaan *Food Flotilla for Myanmar*. Terima kasih juga kepada MoFA iaitu *Ministry of Foreign Affairs*, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membantu. Terima kasih.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setelah kita mengagihkan bekalan bantuan makanan ini sebanyak 532 tan kepada Yangon untuk diagihkan kepada mereka yang sedang menghadapi masalah di kawasan Maungdaw dan Sittwe. Bantuan ini bukan sahaja diberikan untuk orang Islam, malah yang bukan Islam pun dapat bantuan tersebut. Saya meneliti pengagihan itu yang dibuat yang mana Duta Besar kita Tuan Yang Terutama Datuk Hanif yang berada di situ telah dapat berjaya melaksanakan bantuan ini ke peringkat akar umbi yang sememangnya mereka memerlukan bersama-sama dengan rakan-rakan saya daripada Kelab Putera dan MAPIM.

Jadi persoalan saya, apakah boleh kerajaan di bawah Kementerian Luar Negeri boleh minta kebenaran khas untuk kami. Kali ini kami tidak hendak naik flotila. Kita hendak bawa bekalan secara yang betul. *Flotilla is a big name* yang menggerunkan. Jadi oleh kerana itu, kita hendak bawa yang mana *tube well* tadi dan tandas bergerak dan lebih bekalan makanan ke kawasan *Rakhine State* iaitu di Maungdaw dan Sittwe. Kita hendak buat pada bulan Ramadhan ini.

■1020

Jadi soalan saya, harapan saya dan kali ini saya akan menjemput lebih ramai rakan-rakan daripada DAP, daripada PKR, daripada Pas untuk kita sama-sama turun membantu mereka dalam konteks misi kemanusiaan.

Jadi soalan saya, apakah boleh kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri, melalui MOFA dapatkan kelulusan khas untuk kami ke sana, kurang lebih 10 hari untuk kami membuat-memberikan bekalan bantuan-bantuan ini kepada pelarian Rohingya ataupun etnik Rohingya yang berada di Mandau dan Sittwe. Inilah dua kawasan yang amat-amat diperlukan kerana mereka yang telah lari ke Teknaf, kita telah beri bantuan lebih 1,500 tan di sana. Yang ini untuk kita bantu khas rakyat etnik Rohingya. Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk] Saya rasa Yang Berhormat Baling ini memang dia *passionate* bila *it comes to* bab Rohingya ini. Saya rasa ini adalah satu benda yang memang amat baik. Secara kebetulan pula yang ada ketika di Yangon ini itu ada tiga orang. Bukan kata Yang Berhormat Baling dan Yang Berhormat Kulim, Yang Berhormat Kepala Batas pun ada. *So dark, darker, darkest.* Ketiga-tiganya ada dekat sana. Akan tetapi saya difahamkan depa katalah Yang Berhormat Kepala Bataslah manis sedikit. Apa pun saya hendak *habaq* kata, saya hendak jawab bahawa bantuan itu telah selamat sampai dengan baik dan saya hendak rekodkan bahawa kita juga berterima kasih kepada Kerajaan Myanmar. Saya pergi sebagai Timbalan Menteri tetapi mewakili Kerajaan Myanmar adalah Menteri Senior. Bukan sahaja dia menerima malahan dia mengadakan sukarelawan mereka sendiri selain daripada sukarelawan yang datang daripada *Flotilla Team*.

Tiga *shipment* dihantar ke Sittwe dan semuanya dipantau bukan hanya oleh Duta kita. Dipantau secara rapi oleh *United Nations Office for the Coordination of Humanitarian Affairs* (OCHA), kemudian *UN World Food Programme*. Ini telah dirakam. Saya minta supaya setiap kali benda ini dirakam. Semua gambar penerimaan bantuan sampai ke kumpulan sasaran melalui yang dihantar kepada Yangon. Jadi saya yakin kalau ada *a good confidence building* dalam hubungan kita, *now it is time for us to build a good will* dengan Kerajaan Myanmar kerana setelah kita berjaya mengekang dan juga menghentikan sama sekali apa yang berlaku keganasan di wilayah Rakhine itu, *the next step* adalah *to build the good will* untuk pastikan *unimpeded assess of humanitarian aids* boleh sampai ke kawasan yang diperlukan. Maka saranan untuk bawa ke daratan melalui jalan, Kementerian Luar Negeri amat mengalu-alukan dan *we will facilitate there*. Terima kasih.

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya. Saya sudah tentunya mengiktiraf dan menghormati tindakan yang dilakukan oleh kerajaan dan juga oleh Ahli-ahli Parlimen kita untuk membantu rakyat yang tertindas di Rohingya ini, sudah tentunya.

Tuan Yang di-Pertua, daripada sudut itu, kita lihat pula dari sudut politik sebenar di Myanmar itu. Baru dua hari yang lalu BBC melaporkan tentang keadaan di Rohingya, Myanmar sekali lagi. Dalam bahasa Inggeris, saya sebut, rujukan oleh rakyat Rohingya terhadap pemimpin nombor satu politik Myanmar iaitu Aung San Suu Kyi. Izinkan saya memetik dalam bahasa Inggeris dalam *website* BBC ini. *"She is doing nothing at all for us. If she was good, we wouldn't have to suffer so much in this country. Since she is in power, Myanmar is hell for us"*. Sambung lagi, *"But Aung San Suu Kyi hasn't been to northern Rakhine State, and has never visited a Rohingya camp. In short, Myanmar's Nobel prize winner has given no indication to the Rohingya that she really cares"*.

Jadi soalan saya mudah sahaja. Selain daripada tindakan yang begitu baik, cemerlang dari segi kemanusiaan yang agak terhad akhirnya kesannya dari sudut jangka masa panjang politik rakyat Myanmar yang berkaum Rohingya ini, adakah kita berhasrat untuk meningkatkan lagi tindakan dan usaha politik kita dan berdepan langsung dengan pemimpin Aung San Suu Kyi ini dan

mendesak beliau supaya memberi komitmen yang lebih jelas, nyata dan berkesan membantu masa depan rakyat Rohingya ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Reezal Merican: Baik, terima kasih banyak Yang Berhormat Tumpat. Setiap kali saya jawab, Yang Berhormat Tumpat sahaja hendak *mai kacau* saya [*Ketawa*] Sebenarnya Yang Berhormat Tumpat, saya bersetuju dengan pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat sebab itulah perkara yang keras- *statement-statement* yang keras dibangkitkan juga oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga yang Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ketika *the retreat* di Yangon. Bukan itu sahaja, ada banyak juga *the untold stories of what* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bangkitkan. Dia bangkitkan ketika *annual consultation* dengan *Singapore*. Perkara yang sebenarnya hanya berkisar pada hubungan dua hala tetapi Perdana Menteri bangkitkan juga salah satu topik perbincangan berkaitan dengan Rohingya.

Akan tetapi saya hendak maklumkan juga bahawa ini adalah proses yang boleh saya anggap *work in progress*. Sebab apa? Kerajaan yang ditubuhkan secara demokrasi ini, melalui NLD di bawah pimpinan Aung San Suu Kyi tidak sampai pun lagi setahun. Ditubuhkan pada April 2016 *inauguration*-nya. Sememangnya untuk melakukan *reform* bukanlah suatu benda yang boleh berlaku dalam masa sehari. *Rome was not build in a day*. Demikian juga *to reform* sebuah kerajaan yang diperintah oleh Junta, puluhan tahun. Yang melakukan *atrocities* di dalam kawasan *Rakhine State* itu bukan mudah.

Akan tetapi saya hendak maklumkan juga sebagai memberi keadilan juga kepada apa yang dilakukan oleh kerajaan di bawah Aung San Suu Kyi. Bila mana ada laporan yang berkaitan dengan tentera yang melakukan keganasan, pimpinan Aung San Suu Kyi mengambil tindakan. Malahan selain daripada apa yang dimaklumkan, lapan orang pegawai polis telah pun dikenal pasti dan tiga orang telah pun ditangkap. Maknanya ada tindakan. Kemudian, kalau kita ingat lagi dalam sekitar dua bulan sudah, ada seorang *lawyer* yang mati dibunuh di *airport*. Saya pergi ke Yangon, saya berjumpa dengan rakan-rakan beliau dan saya difahamkan beliau adalah *Constitutional Reform Advisor* kepada Aung San Suu Kyi. Maknanya Aung San Suu Kyi ambil juga di kalangan orang Islam untuk menjadi *Constitutional Reform Advisor*. *So there was an attempt also by Aung San Suu Kyi*. Demikian juga laporan-laporan yang dikeluarkan.

Untuk makluman, hari ini pada pukul lima petang, kemungkinan akan dikeluarkan laporan yang paling *conclusive* oleh *United Nations. Human Rights Repertoire*. Makluman ini akan memberi penjelasan tentang bagaimana perkembangan yang berlaku. Antara yang disebut juga dulu ialah bagaimana disebut *State of Rakhine Commission* bersama dengan Kofi Annan. Kalau kita anggap di dalam Myanmar yang besar itu ada puluhan *state*, banyak juga ketinggalan tetapi *state commission* yang diberi keutamaan oleh Aung San Suu Kyi adalah salah satunya Rakhine. *So, saya nampak ada kewujudan attempt* untuk memastikan bahawa berlakunya kestabilan di wilayah yang mana rata-ratanya terdiri daripada kalangan Buddha dan juga Rohingya.

Jadi, dalam pada kita melihat bahawa ia perlu diselesaikan dan masyarakat antarabangsa mengambil peranan, pada waktu sama kita tetap percaya bahawa *constructive engagement* yang

berterusan untuk memulihkan, *to enable situation the democratic practices and upholding the human right conduct* ini benar-benar dapat dilakukan di *northern Rakhine State*. Terima kasih.

2. Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta Yang Berhormat Perdana Menteri menyatakan, pendekatan diambil untuk memperbaiki kedudukan negara dalam *Transparency International's World Corruption Perceptions Index* (CPI) iaitu untuk berada di kedudukan ke-30 menjelang 2020. Berikan sebab kenapa kemerosotan kedudukan di dalam kedua-dua aspek berkaitan yang sekali gus menjejaskan imej Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan tiga lagi soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Gopeng pada 15 Mac 2017, Yang Berhormat Putatan pada 22 Mac 2017 serta Yang Berhormat Taiping pada 6 April 2017 yang menyentuh mengenai perkara yang sama iaitu *Corruption Perception Index*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila, Yang Berhormat.

■1030

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Corruption Perception Index* merupakan satu indeks persepsi rasuah yang memberikan skor kepada negara-negara berdasarkan kajian yang dijalankan dengan memberi gambaran bagi kerajaan untuk mengambil maklum serta melakukan penambahbaikan.

Indeks CPI 2016 ini adalah maklum balas daripada soal selidik terkini terhadap pandangan responden dari kalangan ahli-ahli perniagaan dan pelabur antarabangsa. Di antara soalan yang ditanya kepada responden adalah mengenai pengalaman mereka berurusan dengan sektor awam di negara-negara yang dikaji serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Walaupun Malaysia menduduki tangga yang ke-55 bagi tahun 2016 dengan skor sebanyak 49, Malaysia masih di kedudukan satu pertiga terbaik daripada 176 buah negara yang terlibat dalam kajian indeks ini. Malaysia juga menduduki tempat ketiga terbaik di antara 10 negara ASEAN yang terlibat.

Antara perkara yang mempengaruhi skor yang diperoleh ialah antaranya metodologi kajian, soalan yang berbeza di antara negara, responden atau kumpulan sasar serta jumlah penglibatan negara yang berbeza setiap tahun. CPI bagi tahun 2016 dikira berdasarkan lapan soal selidik yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi antarabangsa ke atas 176 buah negara berbanding pada tahun 2015 yang dilaksanakan ke atas 168 buah negara.

Sukacita saya nyatakan di sini bahawa daripada lapan soal selidik berkenaan, Malaysia turut mendapat skor yang cemerlang untuk *Global Insight Country Risk Ratings* di mana peningkatan skor sebanyak 17 mata iaitu dari 42 pada tahun 2015 kepada 59 pada tahun 2016. Ini berikutan sistem penyampaian Malaysia yang cekap dan berdaya saing. Skor ini juga telah

memberi kesan positif kepada kedudukan Malaysia dalam *Global Competitiveness Index* (GCI) oleh *World Economic Forum*.

Forum Ekonomi Dunia pada tahun 2015 telah meletakkan Malaysia antara 20 negara paling berdaya saing di dunia dalam Laporan Daya Saing Global 2015/2016. Berdasarkan laporan tersebut, Malaysia menduduki tempat ke-18 iaitu kedudukan tertinggi sejak tahun 2005. Laporan *East of Doing Business 2015* oleh Bank Dunia turut memberikan penilaian yang positif tentang Malaysia dengan menyebut persekitaran perniagaan yang bertambah baik sekali gus menempatkan negara dalam kumpulan 20 ekonomi global teratas.

Terkini, Malaysia juga berada di kedudukan pertama dalam *Best Countries to Invest In* berdasarkan kajian oleh BAV Consulting, sebuah firma di bawah komunikasi pemasaran global dan *Wharton School of the University of Pennsylvania* yang dilaksanakan berdasarkan skor daripada lebih 6,000 pembuat keputusan perniagaan yang mematuhi lapan petunjuk yang dinyatakan tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa meneruskan usaha untuk menambah baik struktur tadbir urus negara dan memperbaiki kedudukan negara dalam CPI. Walau bagaimanapun, harus kita ingat, usaha-usaha penambahbaikan adalah bersifat jangka panjang dan hasilnya juga akan hanya dapat dilihat dalam jangka masa yang akan datang dan bukan mudah untuk mengubah budaya serta amalan lazim yang perlu dipupuk dan ia perlu dipupuk secara berterusan. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan rasuah makan perbelanjaan yang agak besar untuk negara Malaysia, malah dianggarkan sebanyak RM27 bilion setahun dalam satu muka depan keluaran *The Star* sepuluh tahun yang lepas.

Adakah pihak Kerajaan Persekutuan berpuas hati dengan kedudukan *CPI Transparency International* untuk tahun 2016 apabila kedudukan telah merosot daripada 54 ke 55 dan markah telah turun daripada 50 ke-49 iaitu telah gagal dalam anggaran biasa? Dan adakah bahawa perkara-perkara yang harus diperbaiki khususnya dari aspek persepsi antarabangsa terhadap usaha yang dijalankan untuk membanteras rasuah bukanlah hanya kepada kes-kes yang diambil tindakan tetapi yang lebih penting ialah kes-kes yang menjadi perhatian umum iaitu seperti kes 1MDB dan juga kes *donation* USD1 bilion?

Memandangkan kes-kes begini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju sekiranya kedua-dua kes ini diselesaikan disiasat, diselesaikan...

Beberapa Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan mengganggu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...Persepsi daripada *Transparency International*, CPI atau *Corruption Perception Index* dapatlah ditambah baik sekiranya kedua-dua skandal ini dapat kita atasi? Apakah langkah untuk menjalankan siasatan? Memandangkan ada tiga buah negara yang

telah jalankan siasatan iaitu Singapura, Switzerland dan Amerika Syarikat tetapi bukannya di Malaysia.

Di antara langkahnya, bolehkah meminta suspek utama iaitu Jho Low- mengapakah Jho Low tidak dipanggil balik untuk disiasat? Bila tindakan untuk memaksa dia pulang bagi menjalankan siasatan? Boleh diambil dengan mudah sahaja iaitu membatalkan passport Jho Low. Mengapa tindakan sedemikian tidaklah dijalankan? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Sebelum saya jawab, saya hendak buat satu- tadi ditanya tentang pandangan saya. Yang disebut tadi tentang persepsi dan juga tentang mungkin kalau ada siasatan tetapi yang bertanya itu sedang dalam didakwa. Saya pun kadang-kadang rasa...

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kena betulkan dahulu. CPI adalah satu indikator saya sebut tadi untuk beritahu- kajian yang dibuat- untuk beritahu tentang keadaan rasuah yang diambil daripada ahli perniagaan antarabangsa di Malaysia. Itu jawapan yang pertama. Ia seterusnya terus beritahu bahawa soal yang ditanya itu sebenarnya tidak relevan. Bukti kepada perkara itu tidak digunakan sebagai indikator perbandingan. Ini bukan Lee Chong Wei dapat empat kali menang All England berbanding tahun lepas, mempertahankan kejuaraan, tidak. PI tidak digunakan sebagai perbandingan dengan tahun lepas. Ia hanya untuk membantu kerajaan menambah baik.

Seterusnya kenyataan saya- Yang Berhormat Bagan juga mengendalikan sebuah kerajaan yang juga menyumbang kepada maklumat responden tadi. Ia bukan hanya hak mutlak Kerajaan Persekutuan. Ada Kerajaan Negeri dan sebagainya. Dan orang meniaga di Malaysia ini ada di Pulau Pinang juga. Jadi sebenarnya urusan kepada CPI ini adalah untuk kita mengambil bahan-bahan kajian bagi kita menambah baik.

Sudah tentu kita tidak puas hati kalau ada berlaku rasuah di kalangan penjawat awam. Sebab itu SPRM, yang bukan berkaitan soalan ini, menjalankan tugas mereka tetapi yang ini hanya untuk melihat bagaimana *doing business in Malaysia*, dengan izin, kepada masyarakat luar.

Oleh sebab itu walaupun indikator berturun naik, saya beritahu tadi sekarang ini 176 negara, dahulu 168, sudah tentu menyumbang, itu bukan alasan yang kukuh untuk saya guna pakai tetapi saya nyatakan sebab itu yang berlaku. Ada negara tidak menggunakan lapan, ada negara menggunakan 13 kajian antarabangsa. Ada negara guna lima. Kita guna lapan. Yang penting, untuk duduk dalam CPI, ia mesti diguna sekurang-kurangnya tiga penilaian antarabangsa.

Dan Malaysia terus mendapat pelaburan daripada negara luar. Apa juga pandangan ini kita akan cuba tambah baik tetapi lawatan Raja Salman membawa hampir RM40 bilion pelaburan. Kalau negara ini sangat teruk, maka sudah tentu orang tidak datang melabur. Sebelum ini negara China, syarikat-syarikat China datang melabur. Maka, keyakinan itu masih tetap ada walaupun skor kita kadang-kadang naik, kadang-kadang turun. Ini perkara yang kita mustahak untuk faham kerana kita melihat untuk menambah baik dan terserah kepada Yang Berhormat untuk mempolitikkannya. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dia tidak jawab fasal 1MDB pun. Ini lari. Apa ini? Apa? Penakutlah... [*Dewan riuh*]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik soalan ini sebab saya juga turut menyoyal soalan seperti ini.

Baru-baru ini kita diberi taklimat daripada *Transparency International expert* dan satu daripada punca-punca yang mengakibatkan seseorang itu terlibat dalam korupsi adalah desakan daripada *second party* atau *third party*. Satu antaranya adalah golongan-golongan yang berumur di bawah 40 tahun dan kadang-kadang beristeri muda ini yang mendesak. Ini taklimat yang saya difahamkan.

■1040

Jadi, apakah soalan saya itu, apakah tindakan dan rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah ini sebab *percentage* dia lebih daripada 60 peratus yang golongan 40-an ini. Bolehkah Yang Berhormat memberi satu kaedah yang mana kerajaan boleh menangani masalah seperti ini? Lain-lain punca itu, itu satu punca. Mungkin ada lagi punca-punca daripada *third party* yang lain.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, 1MDB saya boleh jawab, tak ada masalah. Akan tetapi soalan ini bukan fasal 1DB, panjang cerita, panjang cerita.. . [Disampuk] Jangan sebut, jangan sebut seolah-olah nanti keluar kita takut jawab. Saya boleh jawab, cuma ruang untuk jawab bukan di sini. Ini waktu soal jawab pagi [Tepuk]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Dato' Razali bin Ibrahim: No, no, no duduk, duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang, duduk Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bila mempunyai ruang?

Dato' Razali bin Ibrahim: No, tak apa, tak payah luar, dalam Dewan ini saya boleh jawab dan saya pernah jawab banyak kali dah. Akan tetapi bila bangkit begitu, macam kita takut. Di luar nanti dia tunjuk macam kerajaan cuba melindungi dan takut. Tak adil, tetapi tempat tak kena. Akan tetapi saya nak ucap tahniah Yang Berhormat Putatan orang yang ada maklumat. Dia bertanya perkara yang betul. Yang Berhormat kena tahu, untuk kita bertanya tentang satu perkara, dia mesti tepat kepada persoalan. Jangan kita bawa perkara yang jauh sehingga kita menimbulkan keresahan kerana ini persepsi yang diwujudkan dan tak pernah berhenti.

Dari dulu cerita benda ini dan akhirnya persepsi itu seolah-olah menjadi betul. Persepsi pun namanya. Akan tetapi yang disebut tadi ada perkara yang kita peroleh, kita kongsi. Saya hendak kongsi lagi, 50 peratus dalam satu kajian yang terbaru yang bakal dikeluarkan, *the barometer*, 50 peratus rakyat tidak mahu melaporkannya. Ini kita kena tengok. Di kalangan gender dan usia itu kita ada tetapi masih tidak mahu kerana mereka rasa tidak ada tindakan yang diambil. Kita hendak beri nyatakan bahawa lapor dan kita akan ambil tindakan.

Dua, 15 peratus takut kepada dia pula yang disiasat. Kita hendak beritahu kita takkan siasat orang yang melaporkan. Kemudian 12 peratus tak tahu mana nak lapor. Maka, kita kena tolong bantulah mana hendak pergi lapor dan 10 peratus, dia tak tahu tentang usaha yang sedang dilakukan ini pun.

Jadi sebenarnya usaha untuk kita memerangi rasuah- ini bukan pasal CPI sahaja, yang dibangkitkan tadi tentang integriti dan rasuah. Perkara ini adalah menjadi satu dapatan penemuan yang perlu kita jayakan supaya lebih ramai berani tampil membantu untuk melaporkan apa juga salah laku supaya persepsi itu dapat kita kurangkan kerana kerajaan bersungguh-sungguh untuk meningkatkan tadbir urus tertinggi dan menetapkan nilai integriti tertinggi di kalangan penjawat awam supaya ketirisan dan juga ketidakamanan yang berlaku dapat dikurangkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

3. Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, kesan pembatalan *Trans Pasific - Partnership Agreement* (TPPA) oleh Amerika Syarikat terhadap polisi pelaburan serta perniagaan import dan eksport Malaysia bersama negara-negara anggota dan rancangan hala tuju perdagangan Malaysia setelah perjanjian ini dibatalkan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak orang Jeli, Kelantan dan Malaysia, saya juga ikut serta ucap tahniah atas kejayaan cemerlang Dato' Lee Chong Wei di kejohanan All England. Tahniah kita ucapkan kepada Dato' Lee Chong Wei.

Soalan TPP ini Tuan Yang di-Pertua, antara yang paling popular. Ada 19 soalan semuanya, maka saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab bersekali. Soalan-soalan ini selain daripada hari ini daripada Yang Berhormat Setiu, juga Yang Berhormat Kota Melaka 14 Mac, Yang Berhormat Keningau 15 Mac, Yang Berhormat Bandar Tun Razak 15 Mac, Yang Berhormat Permatang Pauh 22 Mac, Yang Berhormat Selayang 22 Mac, Yang Berhormat Mukah 23 Mac, Yang Berhormat Tumpat 23 Mac, Yang Berhormat Kota tinggi 23 Mac, Yang Berhormat Rompin 27 Mac, Yang Berhormat Setiawangsa 28 Mac, Yang Berhormat Shah Alam 29 Mac, Yang Berhormat Kinabatangan 29 Mac, Yang Berhormat Kuala Selangor 3 April, Yang Berhormat Batu 3 April, Yang Berhormat Kuala Kerai 3 April, Yang Berhormat Ranau 5 April, Yang Berhormat Kuala Kedah 5 April, Yang Berhormat Kota Bharu 6 April, Yang Berhormat Bukit Bendera 6 April. Saya mohon izin untuk menjawab bersekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, 12 negara Asia Pasifik termasuk Malaysia telah tandatangan Perjanjian TPPA pada 4 Februari 2016 di Auckland, New Zealand setelah kira-kira lima tahun berunding. Berikutan pengunduran Amerika Syarikat pada 23 Januari 2017, TPPA tidak boleh dilaksanakan kerana Artikel 30.5 menetapkan bahawa perjanjian ini hanya boleh berkuat kuasa bila ratifikasi dilaksanakan sekurang-kurangnya oleh enam buah negara yang mewakili 85 peratus daripada KDNK negara TPP. Oleh sebab Amerika sahaja merupakan 60 peratus daripada KDNK negara TPP, maka kemungkinan TPP terlaksana adalah amat kecil.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini umumnya ada tiga kelompok negara-negara TPP ini iaitu kelompok seperti Jepun dan New Zealand yang sudah pun ratifikasi TPP. Umumnya negara-negara ini hendak laksanakan TPP dengan pindaan kecil sahaja. Keduanya, negara-negara seperti Mexico dan Kanada yang terlibat dalam NAFTA dengan Amerika Syarikat berkuat kuasa pada tahun 1994. Mungkin tumpuan mereka adalah hal-hal bilateral. Mexico dan Kanada merupakan negara-negara yang banyak bergantung kepada Amerika syarikat. Mungkin TPP bukan prioriti kepada mereka. Kelompok ketiga negara seperti Malaysia dan Vietnam yang mana tujuan utama kami menyertai TPP adalah untuk mendapat akses pasaran lebih baik ke pasaran Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Trump mengumumkan pengunduran pada 23 Januari, kami telah mengadakan beberapa perbincangan bersemuka, *online*, telefon, saya sendiri terlibat bercakap dengan rakan-rakan dan pada pandangan saya, mesyuarat pertama yang formal mungkin berlangsung pada bulan Mei 2017 antara Menteri-Menteri TPP di Vietnam apabila diadakan Mesyuarat Perdagangan Menteri-Menteri Perdagangan APEC.

Dalam pada itu, Yang Berhormat sedia maklum mungkin dalam sehari dua lagi negara Chile akan mengadakan pertemuan negara-negara TPP tetapi penyertaannya kita menjangkakan tidak *high level*. Beberapa Menteri akan hadir. Ini merupakan inisiatif pertama. Esok, lusa akan berlangsung perbincangan di Chile berkaitan masa depan TPP tetapi pada pandangan saya, mesyuarat yang lebih substantif akan diadakan di Vietnam pada bulan Mei akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, soalan dibangkitkan adalah berapa kerajaan belanja untuk TPP ini. TPP ini lima tahun dan kita belanja kira-kira RM15 juta iaitu RM3 juta setahun kerana ia melibatkan 15 kementerian/agensi. Belanja ini adalah untuk hotel, untuk kapal terbang. Biasalah kena makan, minum. Pada pandangan kerajaan ia tidaklah tinggi sangat, RM3 juta setahun yang melibatkan 15 kementerian/agensi yang terlibat dalam perbincangan TPP.

Ketiga yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah berkaitan RCEP. Seperti telah dijawab minggu lepas, 16 negara terlibat termasuklah Malaysia dan ini satu perjanjian yang masih lagi dalam perbincangan dan di segi standard dan liputannya rendah berbanding dengan TPP. Ia menghadapi beberapa halangan termasuklah oleh sebab jurang pembangunan yang ketara antara negara-negara dalam RCEP. RCEP ini adalah 16 buah negara, 10 negara ASEAN dan termasuk juga China, Korea Selatan, Jepun, India, Australia, New Zealand. Amerika tidak termasuk dalam perbincangan ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kami bercadang untuk menambah baik semua perjanjian yang telah ditandatangani di rantau ini melalui RCEP dan ini jika dimuktamadkan akan memberi peluang baru untuk meningkatkan perdagangan di rantau ini.

Saya baru balik daripada Manila untuk menyertai Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN dan salah satu tajuk utama dalam mesyuarat tersebut ialah RCEP, hala tuju RCEP, ke mana RCEP hendak kita bawa. Jadi kesemua Menteri ASEAN di Manila telah menyatakan komitmen untuk memastikan bahawa kita terus mencatatkan kemajuan sehinggalah pada akhir

tahun ini kita cuba memuktamadkannya. Apa yang penting juga kita menyatakan bahawa kita akan memimpin dan menerajui rundingan RCEP, bukan negara- negara lain. Apa yang dipanggil konsep 'ASEAN Centrality', ini kita akan perjuangkan. Maka, RCEP ini akan dipimpin oleh ASEAN. Kita juga buat keputusan untuk tidak ada perkenalkan bidang-bidang baru. Kita sudah bersetuju bidang-bidang yang akan diliputi oleh RCEP, kita tak mahu ada bidang-bidang baru. Kalau ada bidang baru, sudah pasti ini akan melambatkan proses rundingan RCEP.

Sehingga kini, 17 rundingan peringkat pegawai telah diadakan Tuan Yang di-Pertua, dan seterusnya pada bulan Mei akan diadakan pusingan ke-18 di peringkat pegawai.

■1050

Di peringkat Menteri akan diadakan pertemuan di Vietnam pada 21 dan 22 Mei yang akan datang khusus untuk membincangkan RCEP di kalangan 16 buah negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat ialah hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat. Persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kita sedia maklum bahawa Presiden Trump mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap polisi-polisi perlindungan berdasarkan slogan "America First" dan "Make America Great Again". Ini antara perkara-perkara yang sedang diperjuangkan dan kita tahu juga bahawa dasar perdagangan Amerika Syarikat belum jelas lagi. Pada masa ini, walaupun Setiausaha Perdagangan telah dilantik dan diluluskan oleh pihak-pihak berkenaan, Wilbur Ross namanya tetapi USTR seorang *key player*, seorang pemain utama dalam rundingan antarabangsa, Robert Lighthizer belum lagi diluluskan oleh Dewan Senat Amerika Syarikat setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Amerika Syarikat, saya ingin memaklumkan bahawa Amerika Syarikat merupakan negara penting bagi Malaysia daripada segi ekonomi. Daripada segi perdagangan, tahun lepas nombor tiga dan peningkatannya 5.3 peratus. Satu peningkatan yang tinggi berbanding dengan perdagangan dengan negara lain. Eksport terbesar ke Amerika Syarikat hampir 60 peratus ialah barangan *electrical* dan elektronik. Syarikat-syarikat Amerika Syarikat yang berada Kulim, di Pulau Pinang, di Shah Alam banyak mengeksport barangannya kembali ke Amerika Syarikat. Maka Amerika Syarikat merupakan rakan dagangan yang besar.

Daripada sudut pelaburan, Amerika Syarikat juga merupakan salah sebuah negara yang terpenting. Daripada sudut pelaburan dalam bidang pembuatan umpamanya, setakat ini RM95 bilion telah diluluskan dengan potensi peluang pekerjaan sebanyak hampir 300,000 orang. Jadi ringkasnya daripada sudut pelaburan dan juga perdagangan, Amerika Syarikat merupakan sebuah negara penting. Oleh itu, Malaysia akan meneruskan *engagement* dengan izin, dengan Amerika Syarikat untuk memastikan bahawa perdagangan dan pelaburan Amerika ini terus akan berjalan seperti biasa malah kita ingin melihat peningkatan dalam perdagangan dan pelaburan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, apa dia masa depan ataupun *way forward*. *Way forward*-nya, TPP, RCEP dan lain-lain seperti berikut iaitu yang pertama, *priority* Malaysia atau keutamaan kita ialah untuk meletakkan keutamaan kepada ASEAN, Komuniti Ekonomi ASEAN. ASEAN berkembang dengan pesat di rantau ini. Semuanya berjalan dengan baik, telah diisytiharkan

ASEAN sebagai satu komuniti pada hujung tahun 2015 di Kuala Lumpur. Itu *priority* kita yang pertama dalam ASEAN. Kita nak kurangkan halangan bukan tarif ataupun *non-tariff measures*. Kita nak harmonikan standard di kalangan negara-negara ASEAN. Kita nak tambah *Intra-Asian Trade and Investments*, ini *priority* kita. Seterusnya- merupakan *priority* kita.

Yang ketiga, kita juga nak susuli segala persetujuan yang telah dicapai umpamanya dengan Arab Saudi baru-baru ini, disebut oleh Timbalan Menteri Luar iaitu USD7 bilion. Di negara China, 14-15 MoU. Dengan India yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan melawat India pada hujung tahun ini. Jadi ini tiga *priority* kita. Ringkasnya yang pertama ASEAN, yang kedua RCEP dan yang ketiga menyusuli segala persetujuan yang telah dicapai hasil pertemuan Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin lain termasuk Timbalan Perdana Menteri dalam lawatan-lawatan yang telah diadakan sama ada di luar ataupun kunjungan negara asing ke negara kita, Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya adalah tentang pernah Yang Berhormat Menteri mencadangkan ataupun menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri akan membuat satu perjanjian bebas lain iaitu FTA dengan negara-negara lain maksud saya yang berada dalam TPPA. Jadi apakah perkembangan setakat ini yang boleh pihak Yang Berhormat Menteri nyatakan sekarang. Perkembangannya. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kita telah maklumkan kepada Dewan dan juga kepada umum, kita telah mula perundingan dengan Iran, bilateral FTA dengan Iran. Keduanya ialah dengan Sri Lanka. Ketiga, baru kita buat keputusan dua, tiga hari lepas untuk kita mulakan semula rundingan dengan EU. Ini tiga perjanjian yang sedang dalam perundingan dan selain daripada RCEP, maknanya empat semuanya sedang dalam perundingan.

Saya juga ingin memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti sedia maklum kita telah tubuhkan kokus Parlimen mengenai TPP. Saya telah buat keputusan untuk meneruskan kokus ini. Kokus ini mengandungi Ahli-ahli Barisan Nasional, Ahli-ahli Pembangkang dan kokus ini akan meliputi tiga ke empat perkara. Pertama, untuk saya memaklumkan perkembangan terkini tentang TPP jika masih ada lagi. Kedua ialah RCEP, yang ketiga EU FTA dan yang keempat ialah perundingan-perundingan bilateral yang sedang kita lakukan sekarang ini. Jadi saya ingin beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa proses yang kita mulakan lebih dua tahun lalu untuk memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat sama ada kerajaan atau pembangkang. Kita akan teruskan supaya kita tahu apa yang sedang dirundingkan oleh Kerajaan Malaysia. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya sedang melihat 19 orang Ahli Parlimen lain yang turut serta mengemukakan soalan ini tetapi nampak yang bangun tiada seorang pun ya. Saya jemput Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jika 11 anggota TPPA hendak meneruskan dengan perjanjian itu, apakah pendapat Malaysia dan bolehkah RCEP menggantikan TPPA.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kepong. Ada satu kelompok negara seperti yang saya sebutkan tadi yang ingin meneruskan TPP, dengan izin, *in the current form with minor changes*, tidak banyak perubahan. Jadi Malaysia tidak tertarik dengan *option* ini kerana tujuan utama kita menyertai TPPA ialah untuk mendapat akses pasaran kepada Amerika Syarikat. Itu pendirian kita. Yang Berhormat tanya apa pendirian kita, itu pendirian kita. Jadi kalau kita dengan izin, *in its current form*, kita kurang berminat kerana ia tidak menepati kehendak kita, objektif kenapa kita menyertai TPP.

Kedua, soalan Yang Berhormat, sama ada boleh menggantikan TPP? TPP ini ada empat elemen:

- (i) *market access*. Nak masuk pasaran Amerika, Kanada, Mexico, Peru yang mana kita belum ada FTA dengan empat buah negara. Yang pertama, *market access*;
- (ii) berkaitan dengan *governance* atau tadbir urus. Berkaitan dengan *environment, labor, corruption* atau rasuah. Itu yang kedua, TPP;
- (iii) berkaitan dengan standard piawaian. Piawaian buruh juga. Standard-standard perdagangan antarabangsa. Standard ini lebih tinggi daripada standard yang ada hari ini; dan
- (iv) berkaitan dengan kerjasama ekonomi. Umpamanya pertama kali dalam mana-mana perjanjian, kita ada satu *chapter* dalam TPP berkaitan dengan *SME Development*. Jadi itu empat perkara utama.

Jadi RCEP ini tidak mengandungi beberapa elemen tersebut. Jadi kalau nak kata RCEP boleh menggantikan TPP, maka jawapan saya tidak boleh menggantikan sepenuhnya kerana TPP lebih besar daripada segi *marketnya*. Kalau *trade*, TPP ini lebih daripada RCEP. RCEP cuma 30 peratus *world trade*, TPP hendak hampir 40 peratus, jadi lebih besar lagi.

Daripada segi bilangan penduduk, ramailah. Negara China 1.4 bilion tetapi daripada segi *marketnya* lebih kecil. Jadi itulah jawapan ringkasnya. Tidak boleh jadi dengan izin, *complete replacement*. Kerana apa, kerana TPP ini skopnya lebih besar. Dalam pada itu, boleh kita katakan sebagai *second best*. Sekiranya TPP tidak terlaksana, maka sudah pasti RCEP akan dapat memenuhi sebahagian daripada jurang atau pun *vacuum* yang akan diakibatkan daripada TPP tidak terlaksana. Terima kasih Yang Berhormat.

4. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan:

- (a) dalam rampasan yang dilakukan oleh KPDNKK, bagaimana Kementerian membuktikan ianya berus cat bulu babi; dan
- (b) tindakan yang disyorkan oleh Kementerian dalam mengelakkan perkara ini menjadi satu isu perkauman.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Tuan Yang di-Pertua, terdahulu izinkan saya menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan dua pertanyaan lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching pada 23 Mac 2017 dan Yang Berhormat Tenom pada 29 Mac 2017 kerana menyentuh perkara yang sama iaitu mengenai tindakan penguatkuasaan terhadap penjualan berus cat yang diperbuat daripada bulu babi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penguatkuasaan yang dilakukan oleh penguat kuasa kementerian saya kepada peniaga-peniaga yang tidak mempamerkan dan melabelkan berus cat yang diperbuat daripada bulu babi ini adalah merujuk kepada Perintah Perihal Dagangan (Barang-barang Diperbuat Daripada Mana-mana Bahagian Babi atau Anjing) 2013. Yang mana apa-apa barangan yang diperbuat daripada mana-mana bahagian babi atau anjing hendaklah dipamerkan secara berasingan daripada barang-barang lain dan membuat penandaan ungkapan yang jelas iaitu diperbuat daripada babi atau diperbuat daripada anjing.

■1100

Untuk makluman sidang Dewan yang mulia, hukum penggunaan berus dibuat daripada bulu babi ini merupakan khilaf mazhab dalam agama Islam. Ada mazhab yang mengharamkan, ada yang mengharuskan penggunaannya. Kekhilafan ini timbul dari pelbagai tafsiran bahawa di dalam Al-Quran yang diharamkan ialah daging babi. Jadi para ulama berbeza pendapat sama ada pengharaman adalah daging babi sahaja atau ia merangkumi keseluruhan badan babi.

Walau bagaimanapun, dalam konteks kita di Malaysia, kita mengambil pendapat mazhab Syafie yang mengharamkan penggunaan babi secara menyeluruh. Suka saya merujuk Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-12 yang bersidang pada 22 hari bulan dan 23 Januari 1985 yang memutuskan bahawa penggunaan berus yang diperbuat daripada bulu babi adalah haram. Sekiranya tidak mengetahui sama ada berus tersebut diperbuat daripada bulu babi atau tidak, maka diharuskan penggunaannya. Oleh sebab itu mempamerkan, menandakan dan melabelkan barang-barang ini amatlah penting bagi menghilangkan salah faham serta kekeliruan kepada rakyat sejajar dengan Perintah Perihal Dagangan 2013 ini.

Tuan Yang di-Pertua, arahan yang saya keluarkan kepada Pegawai Penguatkuasa KPDNKK untuk menghentikan tindakan serbuan dan rampasan ke atas premis yang menjual berus yang diperbuat daripada bulu babi adalah bersifat sementara iaitu selama sebulan sahaja bermula daripada 9 Februari 2017 bagi memberi masa serta peluang kepada peniaga-peniaga mematuhi Perintah Perihal Dagangan (Barang-barang Diperbuat daripada Mana-mana Bahagian Babi atau Anjing) 2013 yang saya nyatakan tadi.

Tindakan ini adalah bertepatan dengan konsep masalah umum atau masalah mursalah bagi mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan hidup berbilang kaum dan agama di negara yang disayangi ini serta mengelakkan mudarat yang besar iaitu salah faham antara kaum dan agama akibat daripada isu ini. Kita khuatir jika salah faham ini tidak dibendung, boleh membawa kepada isu kaum dan agama antara kita. Semoga dengan penerangan ini akan dapat memberikan kefahaman yang jelas kepada Ahli Dewan semua dan kepada rakyat khususnya keharmonian yang dikecapi buat masa ini. Terima kasih.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat kerana bagi jawapan yang panjang lebar. Soalan saya, dengan penguatkuasaan dan juga rampasan yang dibuat oleh kementerian, adakah kementerian telah memulangkan berus cat yang diperbuat daripada bulu babi ataupun tidak kepada peniaga? Ini kerana peniaga mengadu barangan yang dirampas itu sahaja tidak dipulangkan. Begitu juga, adakah kementerian untuk menyeragamkan perkataan yang digunakan untuk label ini? Ini kerana banyak peniaga menggunakan perkataan yang berlainan misalnya *halal*, *non halal*. Ini hanya untuk makanan. Ada yang sengaja simpan, hanya ada permintaan, baru ambil keluar. So, bagaimana kementerian menangani masalah ini. Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menjelaskan terutama tentang soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan ini, sama ada barang-barang tersebut akan kita pulangkan ataupun kita simpan selepas kita buat rampasan tempoh hari. Oleh sebab itu saya jelaskan tadi, pengumuman yang saya buat, saya berikan tempoh selama sebulan untuk peniaga-peniaga meletakkan label seperti mana yang ada dalam akta tersebut.

Selepas sebulan, bermula daripada 9 Mac ini, pegawai-pegawai saya telah pun turun dan periksa balik kepada premis yang telah pun kita buat rampasan sebelum ini dan mereka mesti meletakkan label iaitu, "*barang ini diperbuat daripada babi*" atau "*barang ini diperbuat daripada binatang (babi)*". Itu saja yang kita hendakkan. Kalau mereka mematuhi, maka kita pulangkan semula sebab kita bagi tempoh sebulan untuk mereka mengikutnya. Akan tetapi kalau mereka gagal, maka itu kita ambil untuk kita jadikan sebagai bahan bukti untuk kita bawa dan ambil tindakan yang seterusnya.

Jadi tentang penyeragaman itu, sebenarnya telah pun berlaku daripada awal lagi. Apa yang jadi masalahnya peniaga-peniaga tidak mengikut akta yang ada mengikut akta yang telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia yang berbunyi supaya mudah dengan mengatakan bahawa

barang-barang ini diperbuat daripada babi. Itu saja yang kita perlukan. Ini kerana dalam seperti yang telah pun saya jelaskan tadi ada kekhilafan tentang halal haramnya. Maka kita hendak, kita letakkan supaya diperbuat daripada babi atau kalau binatang lain, anjing. Itu saja yang kita perlu. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat tentang kesan daripada sosial media yang ada sekarang. Kita dengar tadi cerita tentang bulu babi itu. Hari ini ramai orang di sosial media bebas memberi nasihat. Kita ada doktor, ada *lawyer*, ada ustaz sosial media yang tidak ada tauliah. Antaranya yang terkini ialah berhati-hati beli ikan masin yang kuning kerana itu disapu dengan minyak babi. Jadi ini menggerunkan rakyat dan menggerunkan ramai orang dan tidak ada pengesanan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sejauh manakah penguatkuasaan dijalankan kepada mereka yang tanpa sengaja ataupun tidak sedar yang barangan yang dijual ini adalah ada mengandungi unsur-unsur yang tidak halal? Apakah usaha dan perancangan kerajaan dalam memberikan peringatan supaya mana-mana peniaga terlibat sentiasa peka dan sentiasa memeriksa produk yang dijual? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Tadi saya telah jelaskan bahawa dalam isu perihal dagangan ini banyak perkara yang mesti diambil maklum oleh semua peniaga. Kita hendak supaya peniaga-peniaga ini mempunyai etika mengikut apa yang ada, undang-undang yang ada dalam negara kita.

Tentang penguatkuasaannya, saya jelas menerangkan tadi bahawa kalau dalam Akta Perihal Dagangan ini, banyak perkara yang ada dalam seluruh akta yang ada itu. Manakala tentang makanan halal, haram, ianya bukanlah satu kewajipan tetapi dalam hendak menentukan sesiapa yang hendak meniaga dan meletakkan label supaya produk itu halal atau haram, dia mesti mengikut akta yang tersebut.

Jadi kalau ada aduan yang mengatakan kekeliruan yang berlaku, contohnya dia menjual sesuatu yang tidak halal. Maka penguat kuasa boleh turun dan periksa. Apabila mereka menjual sesuatu yang tidak halal kepada yang bukan Islam, maka kita boleh mengambil tindakan kerana mereka tidak menerangkan perkara tersebut mengikut Akta Perihal Dagangan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1110

5. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu] minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah kementerian ingin memperbanyakkan kaedah konsep sewa beli rumah terutamanya di kawasan Parlimen Kulim-Bandar Baharu seperti yang dilakukan di kawasan PPR di ibu negara bagi memberi peluang lebih banyak rakyat Malaysia dapat memiliki rumah.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tidak jadi nak pakai *amplifier* suara yang kuat, jadi suara pun mesti berhema. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada adinda saya, Yang Berhormat daripada kawasan Kulim-Bandar Baharu yang telah pun mengutarakan tentang Program RTO atau pun *Rent to Own*.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada kawasan Kulim-Bandar Baharu, Tuan Yang di-Pertua, Program Perumahan PPR ini ialah merupakan satu program kerajaan menyediakan kemudahan perumahan yang selesa dan berkualiti bagi golongan berpendapatan rendah dan juga penempatan semula setinggian di kawasan-kawasan bandar. Itu adalah sebenarnya inti pati, misi yang kita letakkan bagi Program PPR. Kerajaan sememangnya Tuan Yang di-Pertua, amat sedar dan peka tentang keluhan suara-suara rakyat dalam bab yang berkaitan dengan isi pemilikan rumah.

Atas keprihatinan kerajaan ini Tuan Yang di-Pertua, maka isu perumahan sering diberikan penekanan dalam setiap agenda kerajaan untuk memberikan peluang yang lebih banyak lagi untuk rakyat memiliki rumah. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun memperkenalkan Program Pembiayaan Melalui Kaedah Sewa untuk Miliki atau pun Sewa untuk Milik ataupun Program *Rent to Own* bagi PPR dimiliki. Pembiayaan melalui kaedah *Rent to Own* PPR ini Tuan Yang di-Pertua, hanya ditawarkan kepada pemohon-pemohon atau pun bakal pembeli rumah pertama sahaja yang layak melalui syarat yang dikenakan oleh kementerian tetapi gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan.

Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, para pemohon yang ditawarkan kaedah *Rent to Own (RTO)*, selepas ini saya sebut RTO. RTO PPR ini mereka akan menjalani tempoh percubaan selama dua tahun Yang Berhormat. Dua tahun pertama sebelum ditawarkan untuk mereka memasuki dalam Program RTO ini. Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, KPKT telah pun melaksanakan kaedah RTO ini di PPR Gua Musang sebanyak 1,000 unit dan terbaru ialah di PPR Taman Danau, Kampung Hassan Hulu Bernam sebanyak 300 unit dan manakala pelaksanaan bagi PPR Lembah Subang 2, sebanyak 1,580 unit dan PPR Ladang Seliau di Negeri Sembilan sebanyak 150 unit sedang dilaksanakan dalam masa terdekat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu juga, PPR ini Yang Berhormat terdapat dua kategori. Satu, PPR disewa, sama ada disewa dengan kadar sewaan sebanyak RM174 dan PPR dimiliki, maknanya sama ada dijual ataupun dijual melalui Program RTO tadi. Selepas PPR ini siap Tuan Yang di-Pertua, kita akan serahkan kepada kerajaan negeri. Sekiranya ia nya akan dijual, kaedah RTO ini akan digunakan bagi mana-mana PPR baru yang akan dibina oleh pihak kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, sehingga 10 Mac 2017 bagi negeri Kedah, sebanyak dua projek melibatkan 1,894 unit PPR telah pun kita siapkan. Manakala empat lagi projek merangkumi 1,728 unit PPR sedang dalam pembinaan. Sebanyak satu PPR

meliputi 500 unit rumah PPR masih lagi dalam peringkat pelbagai perancangan untuk dilaksanakan.

Sama ada Program RTO ini akan dilaksanakan di Kedah atau tidak, kita akan mulakan dengan empat PPR yang saya sebutkan tadi Gua Musang, Lembah Subang 2, Kampung Hassan dan juga Ladang Seliau. Kita akan kaji keberkesanan pelaksanaan RTO ini di empat PPR ini dulu. Sekiranya ia berjalan dengan baik, tidak ada masalah, maka kita akan panjangkan, *insya-Allah* suatu hari nanti ia akan sampai ke Kedah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma kita RTO ini ia sebab jadinya sebab ketidakmampuan, terutamanya golongan-golongan yang *medium to lower income* ini untuk membeli rumah. Persoalannya balik kepada harga rumah kita masih lagi cukup-cukup tinggi. Saya tertarik juga dengan kajian *Khazanah Research Institute* yang meletakkan median harga rumah tiga kali ganda median pendapatan tahunan isi rumah sebagai harga mampu milik. Kajian itu mendapati dalam negara kita ini mediannya adalah 4.4 *times* isi rumah, yakni pendapatan isi rumah.

Persoalan saya, kita tahu bahawa harga rumah ini bergantung pada kos tanah, kedua - kos pembinaan. Tidakkah kerajaan bercadang untuk melihat tanah-tanah milik kerajaan di seluruh negara ini yang berpotensi untuk dimajukan sebagai rumah mampu milik ini. Kerajaan wartakan supaya tidak ada lagi cadangan-cadangan *ad hoc* yang akhirnya menidakkan rancangan awal untuk membangunkan rumah mampu milik. Kedua, kerajaan hari ini mempunyai banyak agensi-agensi yang membangunkan rumah, PR1MA, SPNB, pelbagai. Kalau kita tengok di Singapura ia hanya ada satu sahaja, *Housing Development Board* dan ia membangunkan keseluruhan.

Saya rasa kalau kerajaan dapat gabungkan semua institusi ini, bukan sahaja kita dapat mengurangkan kos operasinya. Hari ini ada 10 agensi, 10 CEO, kalau bandingkan kos itu sahaja saya rasa berpuluh-puluh juta kita belanja hanya untuk kos operasi. Berpuluh-puluh juta itu kalau kita kembalikan sebagai subsidi, ia dapat mengurangkan juga, memberi peluang kepada kerajaan untuk membangunkan banyak lagi rumah. Kedua, dengan ada satu sahaja unit, kerajaan boleh memperkenalkan banyak kaedah pembinaan. *Industrial Building System* contohnya, kalau ada saiz, unit yang banyak, ia dapat digunakan dan dapat mengurangkan kos untuk pembangunan ini. Itu soalan saya Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Tuan Yang di-Pertua, setiap pembinaan PPR ini Yang Berhormat, kita akan bincang dengan pihak kerajaan negeri, termasuklah Kerajaan Negeri Selangor dan sebagainya. Walaupun terdapat halangan-halangan yang tertentu tetapi ada halangan-halangan tertentu, Yang Berhormat tidak tahu jangan jawab. Yang Berhormat Seremban tidak maklum tentang perkara ini, jadi jangan campur dalam urusan saya menjawab.

PPR ini kita akan runding dengan pihak kerajaan negeri kerana peruntukan pembinaan PPR ini Yang Berhormat, ia disalurkan oleh kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Melalui peruntukan Kerajaan Pusat, Kerajaan Barisan Nasional ini, nak cerita apa? Inilah dia peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kita tawarkan untuk bina rumah-rumah PPR bagi mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah ini Yang Berhormat, yang perlukan pembelaan. Akan tetapi bila kadang-kadang, bila kita bawa cadangan kita untuk bina PPR di negeri-negeri yang tertentu, tidak payah saya sebutlah, tepuk dada, tanya selera sudah tahu. Kadang-kadang kita dihalang daripada mendapatkan tanah dan tanah ini dikeluarkan, diberikan oleh pihak kerajaan negeri. Oleh kerana setakat ini Tuan Yang di-Pertua, kita belum ada lagi tanah-tanah yang diperuntukkan seperti cadangan Yang Berhormat tadi kepada Kementerian KPKT, khusus untuk pembinaan PPR.

Jadi, bila kita ada peruntukan, bila bab tanah ini kita kena runding dengan kerajaan negeri. Biasanya, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan-kerajaan negeri, terutama Kerajaan-kerajaan Negeri Barisan Nasional yang telah memberikan kerjasama yang amat baik. Contoh, seperti di Kedah, banyak PPR yang kita bina seperti yang saya sebutkan tadi. Kalau kerajaan negeri berikan kerjasama ini Tuan Yang di-Pertua, maka sudah tentulah lebih banyak lagi rumah-rumah PPR akan dapat dibina.

Keduanya, cadangan Yang Berhormat tadi gabungkan semua PR1MA, SPNB, PPA1M dan lain-lain. Agensi melalui kementerian yang lain digabungkan di bawah satu dan diletakkan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kami diperingkat kementerian Tuan Yang di-Pertua, amat mengalu-alukan cadangan itu. Sekiranya itu adalah cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, dapat dipertimbangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak ada masalah untuk kementerian menguruskan semua program-program perumahan untuk rakyat di Malaysia.

Namun buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, walaupun rumah-rumah ini dilaksanakan, contoh PR1MA, SPNB dan sebagainya dilaksanakan oleh jabatan di bawah kementerian yang lain tetapi Kabinet telah pun membuat keputusan supaya apa-apa urusan yang berkaitan dengan perumahan di peringkat negara walaupun terdapat agensi dan jabatan yang lain-lain, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertanggungjawab untuk memberikan kenyataan dan mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan perumahan keseluruhannya, terutama di bawah Program 1 Juta Rumah Mampu Milik.

Saya ucapkan terima kasih di atas cadangan yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

■1120

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, tadi saya mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tentang ada masalah

pengambilalihan PPR di negeri. Saya hendak tanya status PPR Lembah Subang di mana tadi Yang Berhormat Menteri kata, persekutuan telah pun memperuntukkan banyak kewangan kepada PPR Lembah Subang. Akan tetapi untuk maklumat Yang Berhormat, kerajaan negeri Selangor melalui Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah pun memperuntukkan lebih RM50 juta semenjak mengambil alih PPR Lembah Subang ini. Saya hendak tahu status pengambilalihan dan juga tentang PPR Lembah Subang II yang masih dipegang oleh Kementerian KPKT kerana saya nampak banyak lagi kekosongan dalam PPR Lembah Subang II belum diduduki.

Mengikut statistik daripada Lembaga Perumahan Selangor banyak yang sedang beratur dan telah pun memberi nama untuk mendapatkan rumah PPR Lembah Subang II tetapi sampai sekarang saya nampak masih banyak kekosongan. Apa masalahnya? Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tentang PPR Lembah Subang I ini, Yang Berhormat jangan tanya saya. Yang Berhormat tanya Yang Berhormat Menteri Besar Selangor. Yang Berhormat tanya Menteri Besar Selangor. Kita di peringkat kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara telah berurusan dengan kerajaan negeri. Jadi serahkanlah cepat Lembah Subang I itu supaya kita boleh rancang untuk kita naik taraf Lembah Subang I. Selama tempoh kita serahkan kepada kerajaan negeri Tuan Yang di-Pertua, *nothing much was done*. Tidak ada apa. Pergilah tengok lapan blok Lembah Subang I. Apa berlaku kepada 3,000 keluarga yang ada di sana? Selama ini kutipan untuk PPR kita serah kepada kerajaan negeri untuk penyelenggaraan. Kita letakkan kadar sewa RM124, mereka letak RM250.

Ini adalah rumah kerajaan pusat jadi jangan pandai-pandai buat keputusan tanpa rujuk kepada kementerian yang bertanggungjawab berkaitan dengan perumahan. Jadi saya hendak nasihatkan kepada Kerajaan Negeri Selangor, selesaikan cepat dan serahkan rumah itu kepada kita kerana kementerian sudah pun menyediakan peruntukan untuk kita baiki lif. Lif semua rosak. Tidak ada apa pun yang selesa untuk dinikmati oleh penduduk Lembah Subang I. Jadi sebab itu saya kata Yang Berhormat jangan tanya soalan itu kepada saya. Yang Berhormat tanya soalan itu kepada Yang Berhormat Gombak. Tanya kepada Yang Berhormat Gombak Menteri Besar Selangor. Terima kasih.

Bagi Lembah Subang II, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah berurusan dah. Yang Berhormat hendak tahu lebih, tanya dengan Lembaga Perumahan Selangor, tanya dengan Lembaga Perumahan Selangor. Kita duduk dalam mesyuarat di bawah Jawatankuasa Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri. Kita bincang perkara-perkara ini. Takkanlah Lembaga Perumahan Selangor tak balik khabarkan kepada kerajaan negeri. Takkan saya hendak terangkan apa tindakan yang kita bincang bersama dalam Parlimen ini. Jadi balik rujuk kepada mereka berdua. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No.6 - YB. Dr. Azman bin Ismail (Kuala Kedah) tidak hadir]

7. **Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah usaha yang dilakukan bagi memastikan hutan tidak diceroboh dan diterokai sesuka hati terutamanya yang berdekatan dengan kawasan tadahan air dan sungai kerana ianya menyebabkan masalah kekurangan air bila kemarau dan banjir bila hujan lebat kerana fungsi hutan melepaskan air secara perlahan lahan telah tiada dan sungai telah menjadi cetek akibat mendapan sedimen yang berlaku.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya mohon maaf saya tak pandai pantun saya sangat. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini secara bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Gerik yang akan dijawab pada 15 Mac 2017 kerana ia juga berkaitan dengan pencerobohan hutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Silakan Yang Berhormat.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak menafikan berlakunya aktiviti pencerobohan hutan dalam kawasan hutan simpan kekal. Sehingga kini berdasarkan maklumat, imej satelit kawasan hutan simpan kekal yang telah dicerobohi adalah seluas lebih kurang 19,700 hektar. Walau bagaimanapun, maklumat tersebut perlu dibuat pemeriksaan pengesahan di lapangan ataupun di *ground thrusting* memandangkan imej satelit juga mengambil kira kawasan-kawasan ladang sebagai kawasan hijau. Oleh yang demikian, Jabatan Perhutanan Negeri kini sedang menjalankan kajian dan dalam proses untuk menyediakan maklumat yang terperinci berkaitan dengan status terkini kawasan diceroboh dalam kawasan hutan simpan kekal.

Di samping itu untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kejadian sungai yang cetek akibat mendapat sedimen bukanlah disebabkan oleh fakta penerokaan hutan sahaja, tetapi ia juga ada hubung kait dengan aktiviti pembangunan tanah untuk tujuan pertanian, pembangunan-pembangunan lain. Kementerian melalui Jabatan Hutan Semenanjung Malaysia sentiasa komited dalam usaha untuk menangani pencerobohan penerokaan hutan secara haram termasuk di kawasan hutan tadahan air. Oleh yang demikian, aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan bagi menangani kegiatan pencerobohan dan penerokaan haram kawasan hutan simpan kekal.

Di antara langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi mengawal dan mencegah kegiatan penerokaan haram dan pencerobohan di kawasan hutan simpan kekal adalah seperti berikut:

- (i) penguatkuasaan hutan secara berpadu melalui program *National Blue Ocean Strategy* seperti *1Malaysia Biodiversity Enforcement Operation Network (1MBEON)* dan *Centralised Enforcement Team (CET)* serta penubuhan pasukan elit penguatkuasaan JPSM ataupun JET yang terlatih serta dilengkapi dengan penggunaan kemudahan logistik yang *rugged* seperti penggunaan motosikal lasak, penggunaan senjata api dan lain-lain kemudahan keselamatan;

- (ii) penggunaan teknologi terkini melalui aplikasi sistem *Forest Monitoring Using Remote Sensing plus 5* ataupun FMRS+5 bagi mengesan perubahan litupan kawasan hutan. Sistem ini disokong dengan menggunakan dron yang memberikan gambaran kawasan secara *real time*. Penggunaan sensor *hyper spectral*, *Geography Information System* (GIS) dan *Global Positioning System*;
- (iii) meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan daripada semasa ke semasa terutama kawasan-kawasan dikenal pasti berisiko tinggi dan kawasan-kawasan penerokaan haram yang telah dikenal pasti;
- (iv) menjalinkan kerjasama dengan Angkatan Pertahanan Awam (APM) melalui pasukan sukarelawan Renjer Hutan APM yang baru ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri; dan
- (v) menjalankan program restorasi kawasan hutan yang dicerobohi dalam usaha memulihara kawasan tersebut.

Jawatankuasa pemulihan kawasan penerokaan haram di peringkat negeri melibatkan pelbagai agensi yang berkaitan juga ditubuh dalam usaha menangani isu pembalakan dan penerokaan haram di dalam kawasan hutan simpan kekal. Bagi tujuan memelihara kawasan tadahan air, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengenal pasti seluas 816,833 hektar kawasan hutan simpan kekal di Semenanjung yang berpotensi untuk dijadikan sebagai hutan tadahan air. Sehingga kini, seluas 734,731 hektar telah berjaya diwartakan sebagai hutan tadahan air di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

Memandangkan tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, kementerian bermohon kerjasama kerajaan negeri untuk menyegerakan pewartaan baki kawasan hutan tadahan air yang telah dikenal pasti. Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah tangkapan dan pendakwaan yang telah dilakukan oleh pihak bertanggungjawab di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 kepada penceroboh-penceroboh terutamanya pembalak-pembalak haram? Serta, adakah pihak kementerian bercadang untuk meminda akta ini agar ia lebih relevan dengan situasi semasa? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1130

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tadi saya ada mempunyai kertas butiran mengikut negeri tangkapan yang dibuat sepanjang tahun lalu tetapi tidak ada di hadapan saya pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, memang dalam pandangan kementerian dan saya sendiri mendapati undang-undang Jabatan Hutan sekarang adalah perlu dibuat pindaan-pindaan yang baru, tetapi oleh sebab hutan adalah sumber kepunyaan kerajaan negeri, maka tiap-tiap perundangan yang bakal kita bawa ke Parlimen

perlu menerusi proses perbincangan dengan pihak kerajaan negeri dahulu sebelum kita boleh melaksanakannya. Kalau tidak, ia tidak akan serasi dengan Perlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru dapat butiran-butiran ini. Panjang Tuan Yang di-Pertua, jadi saya boleh beri secara bertulis dengan Yang Berhormat Jerantut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sebelum saya hendak tanya...

*Bukan kami terkapa-kapa,
Bukan pula cuba hendak mengena,
Duit masuk tidak mengapa,
Duit 2.6 bilion hilang ke mana?... [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya satu soalan. Dari sudut pengurusan macam manakah Kerajaan *Federal*... [Disampuk] Alah, tadi bagi pantun jual, saya beli lah. Saya hendak tanya pentadbiran kerajaan negeri kepada Menteri. Selalunya masalah penguatkuasaan ini ialah tak cukup pegawai penguat kuasa, jadi oleh sebab tanah duduk di bawah negeri, kita menerima banyak aduan penceroboh yang masuk khusus di kawasan tadahan hujan tidak ada penguatkuasaan. Saya mohon Menteri bagi penjelasan sedikit tentang penguatkuasaan.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, kita mempunyai program dan kita mempunyai kerangka program untuk pelaksanaan. Akan tetapi memang saya menerima hakikat bahawa di bawah Jabatan Hutan itu sendiri memang kita tidak cukup anggota. Walau bagaimanapun, kita buat kerjasama dengan pihak-pihak tertentu umpamanya APM, tentera dan juga polis dalam menguatkuasakan undang-undang. Akan tetapi sebagaimana yang telah saya sebutkan juga tadi bahawa undang-undang kita belum lagi sedinamik- dinamik yang sepatutnya dibuat. Oleh sebab undang-undang ini dirangka pada tahun-tahun yang lalu yang mana keadaannya berlainan, masyarakatnya berlainan dan keadaan aktiviti pencerobohan dan pencurian balak di hutan pun berlainan.

Jadi dalam keadaan demikian, undang-undang ini dianggap tidak sesuai lagi dan saya tengah merangka undang-undang baru supaya ia lebih memberi kuasa kepada pihak penguatkuasaan. Akan tetapi perlu kita menerima hakikat bahawa barang siapa hendak menguatkuasakan undang-undang hutan ini Tuan Yang di-Pertua, mesti mempunyai kepakaran sendiri. Maksudnya, bantuan daripada agensi-agensi lain dalam sudut ini hanya sebagai pembantu sahaja. Kita mesti mempunyai renjer kita sendiri yang mempunyai kepakaran sendiri, yang mengetahui semua, di mana hutan-hutan simpan kekal, di mana hutan kerajaan negeri, di mana hutan yang boleh dibalak, yang mana hutan-hutan yang memang tidak boleh diganggu-gugat dan tidak boleh dibalak. Mana satu hutan yang dianggapkan sebagai *sanctuary* kepada binatang-

binatang dan biodiversiti lain yang tidak boleh diganggu gugat. Jadi semua pengenalpastian ini mesti diketahui oleh pihak penguatkuasaan.

Di sini kita memang saya menerima hakikat bahawa ada sedikit kekurangan dalam kita menguatkuasakan undang-undang. Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pendapat daripada sudut pendapat dari tiap-tiap negeri dalam soal hutan ini. Pendapat ini menunjukkan— pendapat sumber kewangan kepada kerajaan negeri itu menunjukkan berapa banyak hutan-hutan kerajaan negeri itu telah diterokai. Maknanya *economic concern* tiap-tiap negeri itu yang tidak boleh *radiate* ekonomi cara lain perlu berubah, perlu berubah sebagaimana di Sabah berubah yang mana penduduk dahulu membalak dan sekarang menggunakan *ecotourism* dan *generate income* yang lebih tinggi lagi daripada apa mereka lakukan pada masa menerokai hutan dan membalak dahulu.

Itulah mengapa kita mengatakan *it must be*— jangan lagi menebang hutan. Tidak lagi membalak tetapi ada industri-industri lain patut dibangunkan. Kita tengah menggalakkan kerajaan negeri berbuat demikian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Setakat itulah sesi jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.36 pg.

Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi hari Selasa, 14 Mac 2017.”

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL

**MENJUNJUNG KASIH TITAH
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Ketiga Belas.” **[9 Mac 2017]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk membolehkan lebih ramai yang mengambil bahagian untuk perbahasan Titah Diraja ini,

diputuskan bahawa had masa perbahasan sekarang dihadkan tidak melebihi 20 minit selepas Yang Berhormat Putatan. Saya jemput Yang Berhormat Putatan untuk menyambung selama 26 minit.

11.37 pg.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan saya ke atas Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya sambung, tidak melupakan Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar yang baru keluar kerana melawat Putatan dan mengemukakan sejumlah peruntukan RM481 juta untuk mengatasi banjir yang memberikan masalah yang terlalu banyak di Putatan. Rakyat Putatan berterima kasih Menteri dan juga Timbalannya, sahabat saya dari Ledang turun padang, semua pelosok di Putatan pun masuk termasuk hutan-hutan pun dia ikut saya masuk.

Dia tanya saya, "*Every inch of Putatan you know?*", dia bilang. *So*, terima kasihlah kerana melawat ke kuala, muara-muara Sungai Petagas. Saya merekodkan di sini terima kasih bagi pihak warga Putatan. Terima kasih. Selain daripada itu peruntukan-peruntukan dari pada kerajaan. Selamat datang Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya sambung perbahasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila. Peruntukan daripada Kerajaan Barisan Nasional telah pun dipunyai oleh Putatan lebih banyak terutama sekali pembaikan rumah-rumah, pembaikan surau-surau, masjid, rumah-rumah ibadat yang bukan beragama Islam begitu banyak dan saya ucapkan terima kasih.

Namun Tuan Yang di-Pertua, masih lagi banyak yang diperlukan kerana Putatan ini baru juga diisytiharkan sebagai daerah yang baru. Punca kebakaran di Putatan begitu banyak. Menteri KPKT dahulu membantu saya juga. Terima kasih, jadi saya mengharapkan janji untuk bomba itu Yang Berhormat Menteri, sekarang sudah EPU, walau bagaimanapun saya punya sahabat dari Tenggara, janji itu tetap ditunaikan sebab kebakaran di Putatan ini makin banyak sebab banyak rumah-rumah kampung. Mungkin dia punyai *wiring* itu digigit tikus, sudah lama.

■1140

Jadi, saya mintalah pihak-pihak daripada SESB, elektrik, *to check*, memantau wayar-wayar di rumah ini kerana ini perlu di-*check*. Kalau tidak, banyak lagi punca kebakaran tapi walau bagaimanapun saya mintalah pejabat bomba itu diadakan di Putatan sebab ini diperlukan.

Keduanya, permohonan kami untuk mengadakan IPD, ibu pejabat polis satu daerah tidak ada pejabat polis. Hanya menyewa daripada rumah persendirian. Jadi hanya mempunyai 22 orang anggota, kereta Kancil selalu rosak. Saya tanya dengan CP dia bagi saya baru. Terima kasih kepada CP negeri Sabah. Baru, *brand new*. Jadi masalah dia kita ada 30 kilometer persegi dan

jumlah penduduk kurang lebih 100 lebih. Jadi bayangkan 22 orang menjaga 100 lebih penduduk. Saya mohonlah kalau anggota PDRM itu ditambah di Putatan.

Selain daripada itu, saya juga memohon supaya janji kita pada RMKe-9 dahulu, SMK Pitagas ini, peruntukan sudah kena bagi, tidak dapat dilaksanakan sebab kos sesuaian tanah itu tidak baik. RMKe-11 pun ada juga peruntukan tapi tidak dapat dilaksanakan dengan sebab yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada kawasan di sini dari Putatan pergi Parlimen. Di Dewan yang mulia ini kita lihat begitu indah transformasi dia dan saya dengar banyak yang *complain* bahawa ini tidak baik, suara tidak baik. Semua pun pandangan-pandangan yang mengkritik, seolah-olah mengkritik kepada kerajaan. Patut kita bersyukur. Inilah niat daripada sahabat saya dari rakan-rakan daripada Yang Berhormat Gelang Patah misalnya. Kita mahu Parlimen ini *first class Parliament... [Disampung]* Jadi tengok masalah, masalah gelagat perangai daripada rakan-rakan di sana itu macam kebudak-budakan dan ada juga yang umur sudah melampau, patut tidak perlu diundi lagilah macam sahabat saya dari Gelang Patah.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak ada lain mengkritik, sengaja menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak pernah saya dengar pandangan yang baik.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Batu Kawan. Minta laluan Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak pernah saya mendengar...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Pandangan, mencadangkan kepada kerajaan apa patut yang dilaksanakan...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Putatan, tidak pernah ada Ahli Parlimen pembangkang...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak ada isu untuk bahaskan. *You* yang cakup kosong.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Selain daripada mengkritik kerajaan, menghentam kerajaan seolah merebut mahu berkuasa...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Putatan, tidak pernah ada Ahli Parlimen pembangkang yang menggunakan perkataan 'pondan' dalam Dewan yang mulia ini.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Akan tetapi sengaja untuk mendapat Timbalan Perdana Menteri saja.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Daripada BN ada... *[Disampuk]* Daripada pembangkang tak ada.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kenapa tidak- hei! Tidak tahu peraturankah? Duduk.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *No*, daripada pembangkang *no MP's has used foul words in the Parliament*. Daripada Barisan Nasional, *every Parliament sitting* ada Ahli Parlimen menggunakan kata-kata kesat dalam Dewan yang mulia.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah dibenarkan?

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *So, please* tarik balik apa yang dikatakan terhadap Yang Berhormat Gelang Patah dan Ahli Parlimen pembangkang.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi, seolah-olah mahu jadi Timbalan Perdana Menteri. Alang-alang kenapa tidak mahu jadi Perdana Menteri?... *[Disampuk]* Kenapa dulu menghentam dengan bekas Perdana Menteri. Sekarang sahabat baik. Saya lihat seseorang yang Yang Berhormat katakan ini sudah terlalu lama di sini. Banyak sudah kekurangan. Macam orang bilang, "Talam dua muka", tapi bagi saya, 'baldi dua muka'.

Seorang Ahli: Banyak muka.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Banyak muka. Jadi, saya haraplah yang senior-senior ini bagilah tunjuk ajar kepada budak-budak di sini ini. Jangan bercakap tanpa kebenaran daripada Speaker. Tengok! Kebudak-budakan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Jangan bercakap benda yang tidak berkaitan. Jangan mengelirukan Dewan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Gelagat macam gengster. Jadi, saya haraplah kita mahu transformasi Parlimen. Kita mahu transformasi Parlimen. Jadi, kononnya ada juga DAP daripada Kota Kinabalu, misalnya. Penyokong-penyokong DAP di Kota Kinabalu tidak mungkin melantik sahabat saya daripada Yang Berhormat Kota Kinabalu sebab dia dalam Parlimen, dia menjadi pelakon, *entertainer*. Dia bilang badut DAP. Jadi, saya haraplah ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *You are the real entertainer*. Cakap kosong tak ada isi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Mengharapkan supaya... *[Dewan riuh]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuduh sana sini sahaja.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Orang-orang seperti ini tidak haruslah diundi.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, *is this call Parliamentary reforms?* Buang masa sahaja.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya bagi pihak kepada masyarakat Kota Kinabalu, tukarlah kepada orang yang boleh dianggap sebagai Ahli Parlimen yang *first class!*

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Putatan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Putatan, bagi laluan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, bukan macam Yang Berhormat Batu.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Putatan, bagi laluan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Belum putus dia punya kes di mahkamah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagi laluan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Biarlah *appeal* dulu. Kau duduk dulu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh, boleh bagi laluan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *Appeal* dulu kes kau, baru saya bagi 'can' duduk.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Berani, bagi laluanlah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi, saya mengharapkanlah ...

Seorang Ahli: Duduklah!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini *first class MP* kah?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Semua kita ini rakan dalam Dewan ini, sama-sama jadikan Dewan yang mulia ini sebagai *first class Parliament*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya... [*Dewan riuh*]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sebagai gambaran di antarabangsa.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *First class* bagi laluanlah... [*Dewan riuh*]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Duduk.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh? Berani bagi laluan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini macam gengster.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kalau Yang Berhormat Putatan ada dalam Parlimen tidak boleh *first class* lah.

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Putatan yang jadi *low class*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Luar Dewan berdemonstrasi seolah-olah ...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Saya rasa *low class* bolehlah. *Low class [Ketawa]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Berdemonstrasi di jalan raya. Janganlah bawa, tolonglah. Kita ada *class*.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Saya tidak tahu ada *low class* ataupun *no class*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kita ada *class*. Macam ini budak-budak nakal, samseng.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Putatan, bagilah laluan. Nak bahas, bahas betul-betul.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya nasihatkan pengundi-pengundi kawasan tempat di mana dia bertanding, jangan undi lagi. Ini pesanan saya kepada pengundi di kawasan di mana dia bertanding. Okey.

Seorang Ahli: [Ketawa] Mereka tak dengar.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya beralih sedikit Tuan Yang di-Pertua kepada klinik di Parlimen ini. Dr. Sukumar, saya sebut nama beliau, jika dibenarkan. Dia *familiar* dengan Ahli-ahli Parlimen, termasuklah rakan-rakan yang cantik di sebelah sana. Kadang-kadang tidak cantiknya. Jadi, saya dengar dia ditukarkan. Saya mengharapkan janganlah. Saya mohon daripada Menteri yang menjaga Parlimen dan Menteri Kesihatan itu jangan sebab doktor ini sangat baik. Sebab bila kita berada di kawasan masing-masing, *almost* tiga kali seminggu dia telefon kita. Bagaimana keadaan kesihatan kita. Kalau ini ditukar mungkin yang baru, mungkin dia tidak *familiar* dengan keadaan kesihatan kita Tuan Yang di-Pertua termasuk Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya doktor ini telefon. Betul?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: [Mengangguk]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya mohonlah supaya rakan-rakan di sana sokong, supaya doktor ini ...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh bagi laluan untuk sokong?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Batu tunggu dulu. Saya belum habis.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya nak sebut sokongan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kalau boleh selesaikan kes kau di mahkamah dulu. *Appeal* dulu. Kalau tidak, tidak jadi Ahli Parlimen lagi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Putatan, saya nak ramakan sokongan terhadap cadangan Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey. Soal... [Disampuk] Kita ke arah negara maju. Dalam tahun 2020, tidak lama lagi, masa tiga tahun ini, kita melihat bagaimana keadaan sepuluh tahun yang lalu dan pada tahun ini. Banyak perubahan. Siapa yang membuat perubahan yang terbaik ini? Adalah Kerajaan Barisan Nasional dan kalau mahu ubah juga, kita berjumpa pada PRU Ke-14. *Do not worry*. Jadi, saya di dalam Dewan yang mulia ini, saya menyebutlah kita *transform* lah tabiat-tabiati kita, gelagat-gelagat kita sebagai profesional, Ahli Parlimen yang profesional. Jangan macam Yang Berhormat Batu, jangan macam Yang Berhormat Serdang ini.

Jadi, kita ada satu program baru TN50. Sejuta aspirasi kita semua ini, kita bersama-sama memacu negara kita kepada negara lebih maju lagi. Aspirasi yang mungkin kita tidak lihat pada ketika ini tapi pada masa yang akan datang. Jadi, ini *inclusivity* termasuklah pelbagai agama, pelbagai bangsa, pelbagai kepercayaan dan pelbagai budaya. Menaikkan taraf hidup rakyat sama-sama untuk kerana hala tuju rakyat melalui *national discourse*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Putatan, kita tak pasti 2050 *you* dan saya masih hidup atau tidak.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Mahu mencelahkah tidak?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi TN50 ini cakap kosong sahaja.

■1150

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Cakap kosong itu memang tabiat, memang gelagat, memang budaya DAP. Jadi pandangan dan cadangan daripada sahabat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: BN yang dibangkitkan ini. Jadi yang tipu adalah dari Barisan Nasional.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Seputeh patut memberi pandangan dan cadangan yang terbaik. Kita memberi cadangan yang terbaik.

Saya juga hairan, Ketua Menteri daripada Pulau Pinang ada dalam Dewan, sudah berucap, terima kasih. Ini satu teladan yang baik. Teladan yang baik, ada di sini. Akan tetapi, sahabat saya Yang Berhormat Gelang Patah di mana dia? Bapa kepada sahabat saya...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Amat Berhormat Pekan di mana, Yang Amat Berhormat Pekan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Hairan saya dia tidak datang. Saya mahu dia datang supaya dia dengar.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Jawab dululah Yang Amat Berhormat Pekan di mana?

Seorang Ahli: Yang Berhormat Bagan Datok, Yang Berhormat Bagan Datok?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Bagan Datok pun tidak ada.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: So, terima kasihlah. Dan sahabat-sahabat saya daripada PAS ini semua *gentleman*. Minggu yang lalu berucap sebelum saya adalah sahabat saya daripada Pasir Puteh. Dia 15 minit baca, yang saya tidak faham sebab saya tidak ada belajar. Ini *gentleman*. Bukan macam Yang Berhormat Shah Alam, dulu PAS dia sudah tukar dia punya warna kepada *pink* sebab PAS tidak mahu orang yang nakal.

So, kita mahu PAS ini sama-sama kita- sahabat saya dari Kelana Jaya okey, *very gentleman*, yang lain itu tidak boleh pakai. Jangan undi, tidak perlu undi. Rakyat jangan undi. Jadi menjemputlah rakan-rakan sebelah sana sama-samalah kita ya. Ini cara yang baiklah, sama-sama. Macam Yang Berhormat Lanang itu okey.

Perlembagaan Persekutuan menjamin kesamarataan hak bagi menjalani kehidupan harian masing-masing. Maka dari itu, pandangan daripada semua lapisan masyarakat, kita ambil berpolitik, janganlah lagi terlalu berpolitik untuk menjangkau kepada tahun 2050. Tidak masalah berpolitik yang cara terbaik tetapi kalau berpolitik seolah-olah membenci pentadbiran kerajaan, itu bukan cara dia.

Saya kalau melihat perkara ini, saya melihat gelagat itu tidak baik. Cuba bagi pandangan yang terbaik mengkritik secara yang *for positive change*. Itu yang kita mahu. Dan kerajaan yang

berjiwa rakyat seperti Barisan Nasional ini tetap akan meneruskan tanggungjawabnya kepada masyarakat. Sama-samalah kita berganding bahu.

Saya ingin menyentuh tentang kesamarataan. Saya harap sahabat saya dari Yang Berhormat Bukit Gantang juga setuju dengan saya. Suku Semang dikatakan Negrito, Senoi dan *Proto-Malay* ini adalah orang asal, *the original residence of Semenanjung Malaysia*, dengan izin.

Walaupun ada jabatan yang tertentu menjaga hal ehwal Orang Asli yang ditubuhkan pada tahun 1954 dan diganti baru-baru ini dengan jabatan yang dinamakan JAKOA, sebagai menyesuaikan konsep 1Malaysia, saya mengharapkan Orang Asli ini diterima sebagai rakyat seperti kita dan kalau boleh jangan letakkan dalam satu jabatan. Inilah agenda kita kepada tahun 2050 supaya Perkara 8, kesamarataan untuk warga termasuk Orang Asli. Kalau kita melihat perkara dalam Perlembagaan Persekutuan kita Perkara 153, perkara-perkara berkaitan hendaklah dipinda bagi membolehkan Orang Asli dikategorikan sebagai bumiputera dan diberikan hak bumiputera seiringan dengan orang-orang Melayu dan kaum-kaum anak negeri Sabah, Sarawak. Inilah patut diberi keutamaan pada penggal sebelum tahun 2050.

Kalau kita melihat dari segi pendidikan daripada golongan-golongan yang tinggal terpencil di luar bandar, belum kita dapat mencapai hasrat ini menjangkau tahun 2020. *Our journey towards 2050 is a tough journey. So, there are a lot of things to be done by the government*, dengan izin.

Human capital, pendidikan bahasa dan *brain-drain*, dengan izin, meluaskan kegunaan bahasa. Saya bercadang supaya bahasa Mandarin juga dianggap sebagai *third language* di negara kita sejajar dengan kelulusan Kerajaan Negeri Sarawak yang mereka *organize*-kan *certificate* UEC. Sijil UEC yang diperkenalkan oleh UCSCAM telah diiktiraf oleh universiti-universiti di serata negara terutama sekali, misalnya di United Kingdom, Amerika Syarikat, Taiwan, Hong Kong, China, Australia, Kanada, Singapura dan lain-lain negara lagi. Jika universiti tempatan tidak merancang untuk satukan pendapat kita, kehilanganlah orang-orang yang terpandai kerana mereka ini akan terpaksa menyambung pelajaran mereka ke luar negara. Akan tetapi, jangan kita lupa bahasa Malaysia mesti diutamakan

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Putatan, minta laluan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *Sorry, I...*

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Putatan, sekejap sahaja. Hari ini *Sin Chew headline front page* kata Yang Berhormat Ketereh itu dipecat kerana UEC dia sokong.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya faham. Baru-baru ini Menteri menjaga alam sekitar ini, kita juga memerlukan alam sekitar dalam peribadi manusia terutama sekali berbudi bahasa, berdiri dalam Dewan ini mesti ada kebenaran dari Tuan Yang di-Pertua, bukan macam gelagat-gelagat di belakang, *courteous* dan sopan di jalan raya. Di Jepun, kalau seseorang pemandu memberi laluan, maka yang diberi laluan itu membuat signal berterima kasih. Sama juga dengan signal-signal tertentu. Jadi ini kempen dikenalkan sebagai alam sekitar di jati diri manusia.

Tegur-menegur kutu sampah. Kalau kita melihat orang dewasa membuang sampah merata-rata, misalnya puntung rokok, saya mengharapkan Jabatan Pendidikan di kementerian untuk membuat kempen kepada murid-murid sekolah kita untuk menegur orang-orang dewasa yang kuat, yang sering meletakkan sampah merata-rata. Mengutip sampah itu dan menegur cara yang terbaik dan diplomatik kepada yang pesalah. Jadi ini membawa kesan. Kenapa kerajaan kita tidak buat kempen secara begini? Tidak perlu ketatkan undang-undang sampai kita bagi dia *fine*. Patut kita tanamkan, menyemaikan budi bahasa kepada semua lapisan masyarakat kita.

■1200

Juga dengan membuatkan sebagai *culture*, budaya untuk menanam pokok di perkampungan. Ini ke arah kepada tahun 2050, mencintai alam sekitar. Masyarakat di kampung-kampung tidak semestinya masyarakat di bandar, kita galakkan masyarakat kampung mencintai alam sekitar kita, membersihkan sungai-sungai seperti yang dijawab oleh Menteri tadi.

Perumahan, saya tambah sedikit pertanyaan kepada sahabat saya dari Tenggara. Soal perumahan PR1MA dan PPRT itu minta *attention* daripada sahabat, Yang Berhormat Datuk Halimah daripada Tenggara, soal PR1MA dan PPRT. Ini pesanan saya daripada pembeli-pembeli rumah yang mana, tidak tahulah mungkin bukan di bawah kementerian...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan, PR1MA dengan PPRT saya percaya di bawah KPKT.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini hanya perhatian, mungkin ada. Ini sebab ada penghuni-penghuni, pemilik yang menyewa...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *First class MP.*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Akan tetapi tidak dibenarkan membeli rumah itu, hanya menyewa sampai tidak tahu bila dan *maintenance* yang dibuat oleh pengurusan *management corporation*. Kalau dia buat sewa dan beli, mungkin pemilik itu boleh membersihkan ataupun *maintain* harta itu cara yang terbaik, membersihkan kawasan-kawasan misalnya, *environment, landscaping* di kawasan perumahan itu dengan penglibatan masyarakat. Ini maksud saya dalam alam sekitar ini. Jadi kalau boleh melibatkan penghuni-penghuni di perumahan itu untuk menanam kemasyarakatan itu. Kalau sewa sahaja, dia tidak peduli. Dia mahu dia memiliki rumah itu.

Saya hanya tinggal 54 saat. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya serta masyarakat warga Putatan mendukung Titah Diraja dan saya menyokong sepenuhnya usul dan Titah Diraja pada hari Isnin yang lalu. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tepat, ada 18 saat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Selama 20 minit ya.

12.03 tgh.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua,

saya berterima kasih kerana diberi peluang menyertai perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-15, Sultan Muhammad V.

Usaha untuk meneruskan pemerintahan yang adil dan saksama mengutamakan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara adalah usaha yang diterima dan disokong oleh rakyat. Malah ialah merupakan harapan penting rakyat jelata negara. Saya cuba menganalisa kenyataan kerajaan komited untuk meningkatkan ekonomi dari RM1.3 trilion kepada RM2 trilion dalam masa tujuh, lapan tahun akan datang dan jangka masa panjang menjadikan Malaysia antara negara yang ke-20 utama dunia.

Saya telah meneliti beberapa kajian tentang keluaran negara kasar negara-negara di dunia. Untuk makluman Dewan, kajian *International Monetary Fund* (IMF) *estimate* pada tahun 2016 menyatakan GDP, Keluaran Negara Kasar Malaysia adalah USD302 bilion. Jadi, saya gunakan tukaran Malaysia-US sebanyak empat, jadi hampir angka yang disebut oleh kerajaan. Malaysia berada di tempat 38 sekarang di tahap dunia. Dari kajian yang dibuat oleh *World Bank*, *World Bank* juga membuat kajian pada 2015, Keluaran Negara Kasar Malaysia adalah pada tahap USD296 bilion dan berada di tahap 35. Saya juga semak data yang dikeluarkan oleh kajian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu Malaysia adalah pada jumlah Keluaran Negara Kasar pada USD326 bilion dan berada di taraf 35.

Kemudian, saya cuba melihat data-data negara ASEAN iaitu kita bandingkan dengan Indonesia, Thailand dan Singapura. Di negara Indonesia, GDP ataupun Keluaran Negara Kasar yang dikaji oleh IMF ialah USD904 bilion di tahap yang ke-16. *World Bank*, angkanya ialah USD861 bilion, juga tahap ke-16 dan kajian *United Nations* atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, USD861 bilion.

Saya hendak menunjukkan jaraknya antara USD302 bilion dan USD904 bilion. Di Thailand pula, kajian dibuat oleh IMF seperti yang dibuat dengan Malaysia ialah USD390 bilion, IMF di tahap 28. *World Bank*, angka yang dikeluarkan untuk Thailand USD395 bilion, nombor 27 dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ialah USD404 bilion iaitu nombor 30. Saya juga memetik angka-angka yang dikeluarkan oleh Singapura. Singapura, IMF memberikan angka sebanyak USD296 bilion iaitu tahap 40. *World Bank* USD292 bilion, tahap 38 dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memberi angka USD307 bilion di tangga yang 36. Jadi itu gambaran di mana Malaysia berada dengan jiran-jirannya itu.

Jelas, negara Malaysia terpaksa lebih tekun dan berusaha untuk menentukan peratus pertumbuhan ekonomi ini melebihi lima peratus ataupun oleh sebab kita sangat berusaha untuk mempertingkatkan ekonomi kita, saya harapkan kajian yang berusaha terus supaya kita dapat ke angka tujuh atau lapan peratus seperti yang masa permulaan Wawasan 2020 untuk menyertai kumpulan 20 negara utama. Kalau tidak, jadi angka-angka ini tidak mencapai tujuan yang kita nyatakan.

■1210

Saya juga melihat kajian dan pengalaman tentang faktor-faktor yang terpenting untuk menentukan kejayaan negara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan. Saya lihat selain daripada apa yang dikatakan perancangan ekonomi yang bijaksana dan berhemat dan mempunyai apa yang dalam bahasa Inggeris, *sound and prudent monetary and fiscal policy* iaitu perancangan dan pengelolaan polisi kewangan dan cukai dan *sustainable balance of payment* adalah pelajaran ataupun pengajian yang perlu diawasi.

Jadi saya lihat satu kenyataan yang sangat jelas dalam menentukan sama ada kita akan berjaya mencapai tujuan kita iaitu kerajaan dalam mengurus sumber-sumber negara mestilah dalam bahasa Inggerisnya *reduction in extravagant and unproductive government expenditure*. Itu satu kriteria yang sangat-sangat utama iaitu mengurangkan keadaan yang kita membelanjakan berlebih-lebih dan tidak produktif. Jadi itu satu perkara yang kalau kita ingin, maknanya kita akan mengkaji perkara ini. Saya mengambil contoh, umpamanya dalam penggunaan keluaran negara kasar Malaysia, 28.5 peratus ialah perbelanjaan kerajaan, 28.5 peratus daripada keluaran negara kasar Malaysia ini daripada kerajaan.

Saya membandingkan dengan Indonesia, 18.5 peratus. Saya membandingkan juga dengan Thailand, 23.4 peratus dan saya juga ambil angka daripada negara yang sangat cepat membangun iaitu negara China iaitu 23.9 peratus. Jadi daripada kenyataan ini adalah sangat mempunyai peluang yang sangat besar untuk Kerajaan Malaysia memikirkan bagaimana kita boleh mengurangkan perbelanjaan yang mewah dan tidak produktif ini supaya hasilnya menuju ke aras pembangunan peratus peningkatan pembangunan kita.

Antara perkara yang jelas saya lihat ialah kerajaan membelanjakan RM20 bilion dalam bentuk subsidi yang kalau di campur dalam lima atau enam tahun melebihi RM120 bilion. Saya tidak menghalang usaha untuk menentukan semua rakyat dibela tetapi kita mesti perkenalkan konsep produktiviti dan *value added* dalam memberikan subsidi ini. Ini sangat penting. Jadi kalau kita boleh gunakan subsidi ini untuk juga mempertingkatkan produktiviti rakyat dan negara, ini akan dapat memberikan jaminan bahawa kita tidak menggunakan dana-dana rakyat ini dengan cara yang tidak sepatutnya.

Untuk itu saya telah cuba meneliti apakah perkara-perkara yang sangat penting untuk penggunaan dana negara ini dibuat dengan cekap dan produktif. Itu saya telah membaca dan melihat apakah faktor-faktor yang boleh kita secara ringkas menyatakan bahawa ini boleh sebagai tanda tunjuk kepada pengurusan ekonomi negara. Satu perkara yang jelas yang dibuat dalam kajian IMF iaitu *public sector* atau sektor awam mestilah mencari jalan supaya kelakuan dan usaha pengurusan mereka ialah dibuat *at the lowest possible cost of operation*. Maknanya kos itu merupakan punca utama dalam keputusan yang dibuat oleh kerajaan iaitu *must be cost effective*, yang ini merupakan satu tanda bagaimana kerajaan itu cekap atau tidak bukan banyak tetapi daripada segi kosnya.

Kedua, sudah tentu dalam bajet-bajet yang lepas saya lihat kenyataan mengenai *value for money*. Akan tetapi sama ada kita menjalankan kajian selepas membuat apa-apa keputusan itu sama ada kita mencapai ke tahap *value for money* itu saya belum dapat lihat kajian-kajian yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi dalam usaha ini. Jadi dua faktor ini adalah antara faktor yang akan menambah nilai kita dan kajian juga dibuat dalam memberi cadangan ini. Analisa yang dibuat oleh dua *research centers* yang mengatakan, antara sebab yang membolehkan kita mengurangkan apa yang dipanggil rasuah dan salah penggunaan kuasa ialah kalaulah kerajaan dapat menguruskan pengurusan itu dengan kos yang terendah dan terbaik dan ini akan menyelesaikan masalah apa yang dipanggil rasuah dan salah guna kuasa.

Ini ada logiknya. Kalau orang yang buat *business* untuk mendapat kontrak, mendapat untung yang berlebihan sudah tentu mereka akan menggunakan lebih itu untuk memberikan rasuah sebab untuk mendapat kontrak tersebut. Akan tetapi kalau kos yang dikenakan kepada mereka ataupun perbelanjaan yang dikenakan pada mereka dengan harga yang tidak untung tetapi tidak mencukupi untuk memberi rasuah jadi sudah tentulah rasuah tidak akan berlaku. Jadi untuk ini, kajian juga telah memberikan dua faktor yang boleh kita melaksanakan *lowest possible cost* dan *value for money* iaitu untuk mengelakkan ketirisan ini kita mesti adakan apa yang dipanggil *transparent data*. Maknanya maklumat-maklumat ini akan terus maknanya untuk rakyat dan sentiasa mengadakan *analytical evaluation*.

Jadi dalam usaha kajian itu tersebut, oleh sebab kita dalam kajian ini menunjukkan bahawa kalau kita menghendaki sektor swasta yang menjadi *engine of growth* jadi usaha yang paling penting ialah mengurangkan kuasa monopoli, *that means the power of monopoly*. Maknanya kita mesti terbitkan apa yang dipanggil *anti-monopoly commission*.

■1220

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Tuan Yang di-Pertua, walau apa-apa pun, saya ada lihat usaha ini perlu mendapat sokongan kita dan usaha bersama. Saya juga lihat usaha ini selaras dengan matlamat pembangunan negara yang mampan, agenda 2030. Jadi oleh sebab itu, ada lima faktor yang saya hendak ingatkan Dewan ini, pertama, kita mesti memperjuangkan tidak ada kemiskinan. Jadi dia konsep *no poverty* adalah asas utama kita; kedua, *no hunger*. Maknanya kita bersedia untuk menentukan setiap rakyat negara kita tidak menghadapi kebuluran; ketiga, *good health and well being*; keempat, *education for all and quality education*; dan kelima, *sustainable cities and communities*.

Perkara yang kelima inilah yang akan sangat mencabar keupayaan negara Malaysia sebab negara Malaysia ini akan menuju ke arah *city states*. Jadi, pembangunan negara ialah tertumpu kepada pembangunan bandar-bandar dan daripada kajian yang tidak dinyatakan di dalam ucapan Duli Tuanku tetapi daripada kajian, akan terjadi 70 peratus daripada penduduk negara ini akan menjadi penduduk bandar. Jadi ini ada satu cabaran yang sangat besar dari segi membuat perancangan dan usaha ini.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, walaupun- saya ingin menyatakan bahawa dalam ucapan itu tidak memberikan jaminan kepada perancangan warga emas. Dalam ucapan di Dewan ini yang lepas, saya telah meminta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat membuat kertas putih, *white paper* mengenai warga emas. Oleh sebab saya hendak ingatkan Dewan ini, dalam masa sekarang sahaja sudah ada tiga juta warga emas, mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas. Dalam 10 tahun ke 15 tahun, angka itu akan melebihi tujuh juta, lapan juta. Kalau tidak ada perancangan yang dibuat, bererti kita akan tidak memberikan kesejahteraan kepada mereka dan ini perlu kita lakukan.

Jadi akhir sekali, saya hendak ingatkan, tiga juta daripada masyarakat ini adalah mereka yang akan mengundi kerajaan ataupun sesiapa yang akan menjadi kerajaan. Jadi kalau kerajaan tidak bersedia untuk mencari program membangunkan dan menentukan warga emas mendapat tempat yang istimewa di negara kita, sudah tentulah sukar dari segi politik untuk mempertahankan kedudukan kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Terima kasih. Ya, Yang Berhormat Kalabakan. Selepas Yang Berhormat Kalabakan, baru Yang Berhormat Batu Kawan. Sila, 20 minit.

12.24 tgh.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bersama-sama rakan membahas Titah Yang di-Pertuan Agong pada 6 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Yang di-Pertuan Agong, kita nampak banyak kali disebut kesejahteraan untuk rakyat. Akan tetapi mungkin kesejahteraan untuk rakyat hanya berada di dalam bandar. Kalau kawasan-kawasan luar bandar banyak masalah yang masih dihadapi oleh rakyat. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, ini untuk Kementerian Kesihatan. Di luar bandar, kita yang begitu terpencil sekali, rakyat di sana tidak ada kemudahan perubatan. Ada kadang kala mungkin bukan di kawasan saya sahaja, di kawasan Persiangan pun ada. Ada Menteri dia di sini, di mana rakyat yang menghadapi kesakitan atau tinggal jauh daripada bandar, apabila mahu pergi ke hospital, tidak ada hospital yang dekat, hanya mungkin pergi ke bandar seperti di Kalabakan, pergi ke Tawau.

Ada cases tertentu, orang-orang yang mengalami sakit ini, mati di tengah jalan. Tidak sampai ke hospital kerana tidak ada hospital yang berdekatan. Jadi kita mintalah, kalau boleh, untuk kesejahteraan rakyat, kita mahu kerajaan berbelanja lebih untuk memastikan ada hospital-hospital yang boleh merawat penyakit-penyakit di luar bandar kerana kita tidak mahu kes-kes seperti mati di tengah jalan ini berlaku. Bukan sahaja di kawasan saya, mungkin di pedalaman negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita ada satu Institut Jantung Negara (IJN). Jadi, kita nampak bahawa pesakit-pesakit daripada Sabah dan pantai timur Semenanjung Malaysia, mereka

ini apabila mengalami sakit jantung dan lain-lain mereka terpaksa menunggu sampai empat bulan untuk mereka dirawat di IJN di Kuala Lumpur.

Jadi saya cadangkan kepada kerajaan supaya IJN seperti IJN ini diadakan di Sabah, Sarawak dan juga di pantai timur di Semenanjung seperti di Kelantan dan tempat-tempat lain yang jauh daripada Kuala Lumpur. Ini kerana kesihatan rakyat kita penting dan kita berharap supaya mereka ini dapat merawat penyakit-penyakit mereka dengan segera, bukan tunggu. Ini kerana kalau sakit jantung, tunggu tiga bulan, kita tidak tahu mungkin sebelum sampai tiga bulan, dia sudah tidak boleh lagi...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Hidup dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bintulu bangun.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Memang saya setuju dan juga saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Kalabakan.

Yang Berhormat Kalabakan tadi cerita, IJN. Sarawak memang ada IJN tetapi Sarawak punya kawasan begitu luas. Walaupun kita ada IJN, kita sama juga, mahu *queue* panjang lebar. Sampai masa di Bintulu, sudah berapa masa mahu masuk IJN? Akhir sekali, semua jalan. Masa belum sampai, sudah jalan. Apabila sudah jalan, hospital telefon lagi, "*Ha, sekarang sudah sampai turn kita*". Keluarga beritahu, "*Saya punya bapa sudah jalan, dua bulan lalu, dia sudah jalan*".

Satu isu lagi, kawasan luar bandar. Itu hari dalam soalan pertanyaan, saya memang sudah bersuara beritahu janganlah dalam bandar-bandar yang utama ataupun *bigger township*, kita cuma hanya ada macam Kuching, adalah macam-macam *especially*. Mesti mahu *decentralize* sikit. Macam contoh di Bintulu, apa-apa kalau pakar kita mahu, mesti mahu hantar pergi Kuching. Tidak habis, sudah tambah nanti. Ini mustahak. Rakyat punya hak. Kita- kementerian sampai hari ini, berkali-kali beritahu, akan pertimbangkan. Timbang sampai bila? Janganlah timbang sampai rakyat punya nyawa semua terbang. Inilah masalah.

Kita mestilah tanya Yang Berhormat Kalabakan, setuju atau tidak kita mesti mahu ada satu cadangan dan rancangan menaik taraf klinik-klinik desa ataupun apalah hospital yang bersedia untuk kawasan pedalaman. Mestilah letak pakar-pakar di kawasan pedalaman juga.

■1230

Contoh, macam saya punya satu kawasan, Kalabakan pun turun mahu 8 jam, sampai dia sudah habis. Jadi, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju. Mungkin ucapan pertanyaan daripada Yang Berhormat Bintulu masuk dalam ucapan saya sebab kalau saya ulas, tentu saya tidak ada masa lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua,

kita minta supaya- kita bersetuju Kementerian Kesihatan diberi lebih peruntukan untuk mengatasi masalah-masalah luar bandar. Bukan sahaja di Kalabakan, bahkan di seluruh negeri Sabah. Kita tidak boleh kata sudah ada Klinik 1Malaysia. Klinik 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua, bila orang pergi ke Klinik 1Malaysia, dia bagi panadol sahaja. Orang sakit jantung, sakit apa pun, dia bagi panadol sahaja. Jadi, tidak ada pakar, tidak ada doktor atau yang layak untuk melayan pesakit-pesakit. Itu saya minta supaya kerajaan mengambil serius perkara ini kerana kita tidak mahu perkara seperti mati di tengah jalan untuk pergi ke hospital berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih ke tajuk yang lain.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bintulu bangun lagi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh bagi masuk sedikit lagi, fasal pakar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Yang Berhormat, kita sedar atau tidak, pakar ini pun ada kongkalikung punya pakar. Saya bagi contoh, saya sendiri punya keluarga, saya punya *aunty*. Itu pakar *high blood*, jaga *high blood*, dia boleh bagi ubat salah. Dia kata, '*you tidak ada high blood*', sakit jantung. Dia bagi makan sakit jantung, sudah pengsan tiga empat kali. Akhir sekali, saya hantar dia pergi IJN Kuching, *check*. Bila *specialist* IJN itu *check* satu kali, dia kata, '*Aunty, kamu tiada sakit jantung, kamu memang confirm high blood*'. '*Apa ubat you makan?*'. Dia tunjuk sama dia makan memang saya setuju Yang Berhormat Kalabakan, dia makan panadol sama lain-lain punya ubat. Dia cakap, '*aunty tidak boleh makan ini*'. Ubat tidak ngam, tidak betul ubat ini. Belakang baru bagi ubat yang betul. Kalau macam itu Yang Berhormat Kalabakan, pakar ini, setujukah ada kongkalikung punya pakar juga.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan, saya fikir Yang Berhormat Bintulu punya pertanyaan sudah makan saya punya masa tujuh minit. Jadi, saya minta tambahanlah tujuh minit. Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada tajuk lain. *Malaysian Airlines System* ini Tuan Yang di-Pertua, orang mengatakan mana ada sistem. Jadi, kali ini kita sudah terbukti *Malaysian Airlines* ini mana ada sistem kerana kita dapati *Malaysian Airlines* tidak mengaut keuntungan.

Dia buang ramai pekerja dan sekarang kita nampak dia mengambil pekerja-pekerja baru yang tidak ada pengalaman sama sekali. Jadi, kalau inilah pentadbiran MAS, tentu sekali kapal-kapal yang mahu berangkat kerana pekerjanya tidak ada pengalaman, dia *delay* semua, rugi besar. Jadi, kita minta supaya kerajaan meneliti pergerakan MAS, jangan dia suka-suka buang orang yang berpengalaman dan dia ambil orang baru kerana orang baru dia tidak tahu apa-apa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, misalnya kalau kita pergi ke luar negeri, kita nampak MAS sebab mungkin ada syarikat yang *supply* minuman arak, jadi orang ikut MAS kerana kalau sekiranya dia pergi ke *London* 15 jam, orang itu mahu MAS kerana dia boleh minum arak sampai mabuk, 15 jam dia boleh minum. Jadi, saya cadangkan jangan ada jualan arak dalam- diberi minuman arak dalam MAS. Bagi macam AirAsia, kalau mungkin dia mahu boleh beli, tidak boleh bagi *free* kerana kalau

free tentu sekali MAS tidak boleh dapat keuntungan. Ini penting Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Kalabakan, boleh bagi lagi? Nanti jangan 7 minit, bagi 15 minit tambahan.

Yang Berhormat Kalabakan, kita sedar atau tidak? MAS ini cerita memang berkualiti, standard yang tertinggi. Masalahnya kita hari ini nampak MAS punya tiket mahal, macam contoh di Bintulu itu, ulang balik kira ribu. Bila bising, dia turun sedikit, nanti lama-lama naik balik. Bila minyak harga rendah, gaji krew semua lagi murah daripada AirAsia tetapi akhir sekali MAS keluar, dia punya akaun semua bukan untung, lagi rugi. Mana dia punya peruntukan pergi? Dalam masa lagi, MAS punya *flight* kita boleh nampak Sabah, Sarawak, MASWings, Malaysian Airlines, suka-suka semua *flight* dibatalkan. Macam mana, apa punya cerita ini? Minta pandangan sedikit daripada Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Itulah saya katakan, kebanyakan rakyat tidak puas hati dengan penerbangan MAS. Nombor satu, dia mahal, dia memang mahal. Kalau dibandingkan dengan AirAsia, AirAsia lagi murah kerana AirAsia tidak ada minuman *free*, tidak ada arak *free*, semuanya kena dibayar. Jadi, saya cadangkan MAS ikut jejak AirAsia. Apa yang *passenger* mahu, mesti dibayar. Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh perkara lain, sedikit sahaja perkara lain tetapi minta izinlah bahawa kita ada Ahli Parlimen Labuan di dalam Dewan.

Jadi, saya fikir saya mahu cakap sedikit fasal hal Labuan. Labuan ini Tuan Yang di-Pertua, diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan tahun 1984 tetapi kita nampak Labuan tidak ada perubahan yang ketara untuk rakyat di sana. Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri janji bulan dan bintang kepada Dato' Harith pada ketika itu. Dia kata Labuan ini boleh jadi macam-macam kemajuan tetapi Labuan masih lagi macam hari yang diserahkan 1984.

Labuan Tuan Yang di-Pertua, yang banyak masuk ke Labuan ialah arak. Arak yang masuk ke Labuan, bukan orang Labuan minum saja, kalau orang Labuan minum bagus lagi. Ini bukan minum, mandi pun boleh, mandi pakai arak pun boleh. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua, masuk ke dalam Labuan minuman-minuman keras ini, kemudian di seludup keluar ke Sabah kerana inilah peniaga-peniaga mengambil keuntungan. Jadi, kita minta supaya Kerajaan Labuan, siapa juga, Kerajaan Federal, siapa juga yang kementerian jaga, telitilah perkara ini.

Sekarang kita nampak Tuan Yang di-Pertua, di Sabah, di sana di sini dari pantai timur ke pantai barat kita ada *Pan Borneo Highway*. *Pan Borneo Highway*, orang Labuan dengar, wah di Sabah ini banyak pembangunan, *Pan Borneo Highway*. Sedangkan mereka yang dijanjikan satu jambatan daripada Tanah Besar Sabah sampai ke Labuan sampai sekarang belum ada. Jadi, kita minta sebelum pilihan raya yang akan datang ini, mintalah Menteri yang bertanggungjawab usaha dapat peruntukan, mulalah bikin jambatan supaya rakyat tahu ada jambatan. Jadi, kita selamatkan Pulau Labuan ini tidaklah jadi ke tangan pembangkang, kita minta.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Boleh masuk tak? Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Yang Berhormat Labuan, ya.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Dah sebut Labuan. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan sebab turut menyuarakan untuk Labuan.

■1240

Saya ingin sentuh mengenai Pan Borneo yang disebutkan tadi yang mana jumlah pembangunannya adalah RM20 bilion lebih atau RM30 bilion lebih. Jadi sebenarnya kalau mahu dipanjangkan terus ke Labuan adalah tinggal tambah RM2 bilion, RM3 bilion sahaja lagi. *Percentage* yang kecil daripada jumlah pembangunan. Pembangunan ini adalah dibiayai melalui PFI atau *private fund initiative*.

Jadi memang ia satu urusan yang sudah dibuat, tinggal mahu tambah skop, besarkan sedikit untuk memasukkan Labuan. Dengan Labuan disambung dengan Pan Borneo, Beaufort ke Menumbuk dan seterusnya ke jambatan ke Labuan, sudah tentu ia akan memberikan manfaat kepada bukan sahaja Labuan tetapi juga kepada Sabah di mana Labuan mempunyai infrastruktur seperti *airport* dan sebagainya yang boleh dimanfaatkan oleh seluruh penduduk di rantau tersebut. Setuju atau tidak Yang Berhormat Kalabakan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Jadi saya masukkanlah cadangan Yang Berhormat Labuan ke dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada lain tajuk. Di KLIA Tuan Yang di-Pertua, apabila *passenger* masuk, ada sekatan-sekatan daripada sekuriti. Semua barang dan manusia yang lintas di-*screen* dahulu. Jadi kita minta, negara kita sudah negara maju, kita sudah begitu lama merdeka. Jangan lagi kita sekuriti pakai ramas. Dia ramas, ramas-ramas. Di negara maju, tidak pakai ramas, dia pakai *scan*. Jangan ramas. Kalau salah ramas, nanti bahaya akhirnya. Jadi kita minta supaya Kementerian Dalam Negeri yang jaga ini, belilah alat-alat canggih untuk *scan*. Jangan lagi pakai ramas-ramas.

Tuan Yang di-Pertua, saya tinggal satu minit sahaja lagi sebab dua kawan saya sudah ambil lebih daripada separuh. Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk akhirnya kita Ahli-ahli Parlimen di sini diberi kad Ahli Parlimen. Jadi saya mahu tanya Tuan Yang di-Pertua, sebab ini Tuan Yang di-Pertua yang punya kuasa. Kad Ahli Parlimen ini boleh laku kah kalau dipakai? Kalau kita pergi ke mana-mana di dalam negara boleh laku kah? Ini kita punya polis, kita punya Imigresen boleh iktirafkah Ahli Parlimen punya kad? Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua, satu hari, saya terbang ke Kuala Lumpur saya tertinggal IC. Apabila saya sampai di Imigresen, dia bilang ini tidak boleh pakai. Dia buang kad saya.

Apa guna kita dalam Parlimen ini, kita pembuat undang-undang. Ada kad dikeluarkan oleh Parlimen tetapi tidak laku. Imigresen tidak boleh terima. Jadi apa ertinya kad ini? Jadi kita minta.

Kita minta supaya Parlimen membuat sesuatu beritahu agensi-agensi kerajaan supaya apabila Ahli Parlimen lintas di satu kawasan di Imigresen di mana-mana, apabila dia bawa itu, tahu dalam internet, dalam dia punya komputer, ini Ahli Parlimen.

Janganlah kita susah, Ahli Parlimen pun tidak laku, kad Parlimen pun tidak laku. Jadi kita minta ini kerana kita mahu supaya Ahli-ahli Parlimen ini adalah *privilege* sedikit. Diberi kad tetapi tidak laku.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya menghormati masa. Ada dua, tiga perkara saya mahu sampaikan. Akan tetapi kerana saya menghormati, saya sudah pun mungkin memakan masa lebih, maka saya Ahli Parlimen Kalabakan menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya terima kasih. Yang Berhormat Batu Kawan, sila.

12.45 tgh.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang Batu Kawan mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia atas Titah Diraja bagi Penggal Kelima, sidang Parlimen Ketiga Belas.

Sebelum saya memulakan perbahasan saya, ingin saya nyatakan di Dewan yang mulia ini sokongan solidariti kepada semua warganegara Malaysia yang berada di Korea Utara dan doa agar mereka semua dalam keadaan yang selamat. Dengan izin, *God be with you in this trying times*.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan saya, izinkan saya memetik nukilan seri kandi bangsa, Shamsiah Fakeh yang berbunyi, "*Sebenarnya aku bukanlah pemimpin wanita Parti Komunis Malaya atau seorang tokoh wanita yang terkemuka. Aku hanya seorang pejuang wanita yang berjuang melawan British untuk kemerdekaan tanah air dan untuk emansipasi atau kebebasan wanita. Dalam perang, adil dan tidak adil memang sukar dielakkan pertumpahan darah. Barang siapa yang berdiri di pihak penjajah dengan bersenjata sudah tentu akan dibalas. Itu salah mereka kerana berdiri di pihak penjajah*".

Tuan Yang di-Pertua, saya memetik nukilan ini berikutan sambutan Hari Wanita Sedunia yang ke-100 yang disambut minggu lepas dan untuk satu bulan ini. Sokongan padu saya kepada kesediaan kami buat julung kali dalam sejarah tanah air seorang Perdana Menteri wanita selepas pilihan raya yang ke-14.

Penglibatan wanita dalam bidang politik Malaysia masih jauh di belakang berbanding dengan negara-negara dalam rantau ini. Akan tetapi selepas tsunami politik 8 Mac 2008 lebih ramai wanita dalam bentuk ahli politik atau aktivis sedar satu platform baru telah wujud untuk suara wanita bergema di setiap pelosok tanah air ini.

Daripada seorang ketua pembangkang Parlimen, Datin Seri Wan Azizah kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Undangan negeri Selangor, Hannah Yeoh Tseow Suan, daripada mahasiswa UM yang berani bersuara Anis Syafiqah, kepada Peguam Hak Asasi Manusia Michelle

Yusadesh, Malissa Sasiderren, Firdaus Husni dan Siti Kassim, aktivis ternama Ambiga Sreenevasan, Sharmini Darshini, Ivy Joshiah, Zalina Anuar dan ramai lagi. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pengerusi *Bar Council* Kuala Lumpur, Goh Siu Lin di atas kemenangan beliau dalam pemilihan Jawatankuasa Kuala Lumpur Bar baru-baru ini.

Namun dalam kebangkitan wanita dalam bersuara untuk kebenaran di negara ini, kedudukan wanita dalam keluarga, masyarakat dan negara masih seperti telur di hujung tanduk. Bilangan wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga, keganasan seksual, gangguan seksual di tempat kerja, diskriminasi wanita dan wanita hamil di tempat kerja, kebolehlaksanaan kemudahan penjagaan kanak-kanak yang berpatutan, pengagihan cuti bersalin atau cuti *paternity* serta cuti kecemasan untuk si ibu dan bapa menjaga anak mereka atau ibu bapa yang sakit serta banyak lagi isu ketidaksamarataan gender yang perlu diharungi oleh wanita Malaysia hari demi hari.

Tuan Yang di-Pertua, berita BBC pagi ini memaparkan satu rencana mengenai peningkatan bilangan wanita dalam ruang dan alam pekerjaan seluruh dunia. Namun demikian, adalah hakikat bagi ibu-ibu yang bekerja apabila anak mereka sakit, mereka terpaksa mengambil cuti kecemasan atau *annual leave* atau *emergency leave* untuk menjaga anak yang sakit. Ini secara langsung akan memberi kesan negatif kepada rekod pekerjaan serta produktiviti syarikat mereka. Maka dengan ini saya ingin mencadangkan agar satu skim cuti *paternal leave* diberikan kepada kedua-dua ibu dan bapa besertakan bukti MC untuk anak tersebut supaya tanggungjawab untuk menjaga anak yang sakit akan ditanggung oleh kedua-dua ibu dan bapa.

Pihak kerajaan boleh mulakan dengan kementerian dan agensi kerajaan dahulu sebelum memasuki sektor swasta. Saya pasti ini akan membantu ramai ayah dan ibu terutama sekali daripada kakitangan Parlimen di sini untuk menjaga anak mereka yang sakit dan cuti mereka tidak perlulah diambil daripada *emergency leave* ataupun daripada *annual leave*. Maka dengan ini cuti mereka telah diagihkan lima hari seminggu, 14 hari dengan contoh.

Tuan Yang di-Pertua, November lalu Maria Chin Abdullah telah ditahan 11 hari di bawah SOSMA, satu akta drakonian yang memberikan nafas baru roh Akta Keselamatan Dalam Negeri, ISA. Tuduhan beliau menggugat keamanan negara mengikut Ketua Polis Negara. Akan tetapi selepas 11 hari dilepaskan, apakah bukti yang menunjukkan bahawa Maria Chin Abdullah menggugat keamanan negara apatah lagi keselamatan Malaysia.

■1250

Ahli Parlimen perlu tahu apakah tafsiran yang telah digunakan oleh Peguam Negara, Menteri Dalam Negeri dan juga Ketua Polis Negara untuk mendakwa seseorang itu jika mereka menggugat keselamatan dan keamanan negara. Sekiranya tafsiran ini tidak dijelaskan, maka tidak salahlah beranggapan bahawa kesemua Peguam Negara, Menteri Dalam Negeri dan Ketua Polis 'Tweeter Jaya' telah menyalahgunakan posisi mereka untuk menyumbat suara yang bertentangan pendapat dengan kerajaan.

Apakah bukti Maria Chin, seorang ibu, seorang wanita yang telah ditahan selama sebelas hari dalam *solitary confinement*, dengan izin, hanya disebabkan pengaruh Maria Chin sebagai penjana penggerakan anak bangsa Malaysia yang cintakan negara ini bagi menuntut pilihan raya yang bersih, adil dan bebas. Ini merupakan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *a mockery to the Federal Constitution than democracy* di negara kita dan akan ada *effect snowball* di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada jawapan yang telah saya terima berhubung dengan kematian dalam penjara dan sama ada kerajaan akan menggantikan SIAP atau Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dengan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC). Setakat ini dari tahun 2010 hingga Februari 2017, seramai 1,654 orang telah mati dalam tahanan polis di atas pelbagai sebab walaupun ada sesetengah itu tidak masuk akal seperti HIV dan kanser. Ada yang mati disebabkan sakit jantung, masalah darah, paru-paru, TB, asma dan lain-lain penyakit.

PECAHAN KEMATIAN MENGIKUT KAUM

BANGSA	BILANGAN (ORANG)
Melayu	1,037
Cina	222
India	182
Lain-lain	28
Warganegara Asing	185

Ini bererti Tuan Yang di-Pertua, dalam tujuh tahun dua bulan, 1,654 orang telah mati dalam tahanan polis dengan anggaran 19 kematian sebulan. Ini merupakan satu angka yang tidak dapat diterima *not even by us and should not been even by MP's on the other side*- 19 kematian dalam tahanan PDRM menunjukkan SIAP yang ditubuhkan merupakan satu agensi yang telah gagal untuk membendung insiden kematian dalam penjara. Mengapakah kerajaan masih mahu lagi mempertahankan kewujudan agensi ini? Mengapa tidak menubuhkan IPCMC yang sudah bertahun-tahun diuar-uarkan oleh Ahli Parlimen dari sebelah sini dan juga *Bar Council* bersama dengan NGO-NGO dan aktivis yang lain? Ini seakan bukti kerajaan tidak menghormati *rule of law* dan membenarkan kematian dalam penjara semakin berlaku.

Saya ingin kementerian senaraikan dengan terperinci bilangan kes yang telah dibawa ke mahkamah daripada 1,654 kematian dan tindakan yang telah diambil ke atas pegawai-pegawai atau tertuduh dalam kes kematian dalam tahanan ini dan juga status bagi kes-kes yang dalam mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pada Jun 2016, Bill Kayong seorang aktivis dari PKR telah ditembak mati di Miri. Pada 6 Julai, seorang wanita ditembak mati dan anaknya tercedera dalam satu kes tembakan di Taman OUG, Kuala Lumpur. Seramai 13 orang telah menjadi mangsa tembakan tahun

lepas dari Januari sehingga Julai. Pada 1 Disember 2016, tiga orang telah mati ditembak dan empat lagi tercedera di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, Pulau Pinang. Pada 22 Februari tahun ini, seorang wanita telah ditembak pada jarak dekat di Sungai Dua, Georgetown apabila beliau sedang memandu keretanya yang dipercayai berhubung kait dengan masalah perniagaan. Pada 23 Februari, seorang penjual bunga, Sameera Krishnan telah ditembak mati dan ditetak dengan kejam di Kuantan. Mendiang telah diculik, dirogol dan diseksa dengan zalim pada tahun 2015. Dipercayai Sameera akan menjadi saksi sebagai mangsa dalam kes culiknya sendiri terhadap dua suspek lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah yang melibatkan senjata api ini bukanlah satu perkara yang memeranjatkan lagi rakyat Malaysia tetapi persoalannya ialah bagaimana penjenayah memperoleh senjata api ini dan apakah yang sedang dilakukan oleh Ketua Polis Negara dan Menteri Dalam Negeri untuk mencegah keganasan dengan senjata api. Saya ingin mengetengahkan percanggahan dalam jawapan Parlimen KDN berhubung statistik jenayah yang melibatkan senjata api. Jawapan November 2015 menyatakan di antara tahun 2014 dan September 2016 dilaporkan 105 kes bunuh, 117 kes percubaan membunuh dan 27 kes rompakan bersenjata.

Akan tetapi dalam satu jawapan lebih awal bertarikh 18 November, dalam sembilan bulan pertama tahun 2016, dilaporkan ada 24 kes bunuh, 27 kes percubaan membunuh dan 31 kes rompakan bersenjata. Bagaimana kes rompakan bersenjata dari tahun 2014 sehingga 2016 adalah 27 dan dalam sembilan bulan pertama 2016, dilaporkan 31. Apa punya statistik ini, Tuan Yang di-Pertua? Jawapan dari Kementerian Dalam Negeri jelas menunjukkan satu percanggahan dalam statistik jenayah dan saya mohon agar Menteri Dalam Negeri menjelaskan percanggahan ini kerana ini melibatkan persepsi masyarakat terhadap keseriusan kerajaan dalam melawan jenayah bersenjata ini.

Bagaimana penguatkuasaan negara ini dapat berfungsi dengan baik sekiranya bab statistik pun *kantoi*. Kegunaan senjata api untuk melakukan jenayah seakan-akan menunjukkan penjenayah bermaharajalela di Malaysia dan persepsi rakyat Malaysia adalah negara Malaysia kini sebuah *rogue state*. Seolah-olah sistem dan undang-undang yang sedia ada tiada kesan ke atas penjenayah tetapi lebih berkesan digunakan ke atas suara-suara yang berbeza pendapat. Saya mohon juga apakah langkah-langkah pencegahan yang sedang atau akan diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah masuk hari yang ke-28 semenjak Pastor Koh di culik di Jalan SS4B/10 Petaling Jaya dan saya ingin menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa insiden penculikan ini telah mendapat perhatian antarabangsa terutamanya dari *Commonwealth Initiative of Freedom of Religion and Belief* di *University of Birmingham* serta *World Council of Churches*. Penculikan ini telah menggegarkan negara Malaysia dan mempertikaikan keselamatan rakyat jika jenayah seperti ini dan jenayah-jenayah berat dilakukan di siang hari tanpa rasa takut akan kehadiran polis atau penguat kuasa. Apa yang saya dan semua rakyat Malaysia ingin lihat adalah dedikasi, komitmen dan kepantasan yang sama daripada Polis Diraja Malaysia dalam kes

pembunuhan Kim Jong Nam di KLIA2 diaplikasikan sama di atas kes penculikan Pastor Koh memandangkan pembunuhan abang tiri Presiden Korea Utara telah dibawa ke muka pengadilan walaupun kedua-dua insiden penculikan dan pembunuhan berlaku pada hari yang sama.

Namun, sehingga kini tiada apa-apa berita selain daripada satu atau dua lebih petunjuk menurut Ketua Polis Negara. Kes warga asing yang dibunuh di tanah air ini dikendalikan dengan pantas dan efisien manakala penculikan Pastor Raymond Koh masih belum ada apa-apa yang konkrit walaupun ada rakaman CCTV. Saya ingin bertanya, jika pihak polis telah mengenal pasti pemilik rakaman CCTV ini, apakah yang sedang dilakukan untuk menjejak Pastor Raymond Koh? Mengapa tiada apa-apa notis atau hebahan media untuk kes ini seperti yang dilihat pada tahun 2012 apabila seorang budak lelaki Netherlands telah hilang ataupun diculik daripada sekolah antarabangsa di Kuala Lumpur. Semua platform media telah digunakan sebaik mungkin untuk menguarkannya penculikan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Hanya sekadar untuk membuat sedikit pembedaan. Saya rasa perlu disebut bahawa rakaman video yang tersebar dalam *WhatsApp*, dalam internet dan sebagainya, ia bukan rakaman CCTV kerana ia merupakan *video recording* yang dilakukan dan kemungkinan besar ia dilakukan oleh pihak yang terlibat dalam *kidnapping* yang dilakukan. Ia bertujuan mungkin untuk memberikan amaran ataupun untuk meminta *ransom* tetapi setakat ini apa yang kita tahu permintaan *ransom* itu tidak begitu *credible*.

Apa Yang kita kawatir ialah ia merupakan satu petanda wujudnya trend pelampau Islam ekstremisme IS yang telah mula menular di negara kita. Ini sekiranya benar, ia merupakan satu tumpuan yang serius oleh pihak yang berkuasa. Apa pandangan Yang Berhormat Batu Kawan?

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh rakan saya daripada Shah Alam dan saya mohon kementerian *take note* apa yang telah dibangkitkan supaya dapat dijawab dalam sesi jawapan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan kesyukuran saya dan ramai Ahli Parlimen di sini di atas pengampunan Diraja oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah kepada Shahrul Izani, seorang lelaki muda yang berumur 18 tahun apabila ditahan di atas tuduhan mengedar dadah pada tahun 2003 ketika menunggang motosikal kawannya di mana beliau didapati memiliki kanabis sebanyak 622 gram. Beliau telah diberikan pengampunan tetapi akan masih lagi melangsungkan *jail term* beliau dalam Penjara Sungai Buloh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Kawan, kita sambung jam 2.30 petang.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada empat minit 31 saat lagi.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Batu Kawan, empat minit 31 saat.

■2.32 ptg.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Minta *injury time* sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini belum ada apa-apa tindak balas dari Jabatan Peguam Negara mengenai moratorium ke atas hukuman gantung sampai mati seperti yang diuar-uarkan oleh mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Berapa lamakah yang perlu lagi untuk Jabatan Peguam Negara meneliti laporan oleh Profesor Roger Hood mengenai konsensus masyarakat berhubung dengan hukuman gantung sampai mati?

Dari kabinet ke Peguam Negara berbalik kepada kabinet sudah lebih satu tahun dan kami masih menunggu keputusan dari pihak kerajaan. Saya berharap kerajaan akan memandang serius akan isu ini yang melibatkan masa depan anak-anak kita yang menjadi keldai dadah oleh sindiket dadah yang beroperasi di Malaysia dan mengambil keputusan secepat mungkin untuk mengenakan moratorium ke atas hukuman gantung sampai mati yang berkaitan dengan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini mengenai isu pemerdagangan manusia yang berkaitan dengan dengan industri pelacuran di negara ini. Saya gunakan perkataan 'industri' kerana pelacuran bukan lagi satu bidang yang dilakukan dengan senyap. Kini ianya dilakukan di khalayak ramai di setiap negeri di Malaysia dan kadang-kadang dalam radius 300 meter daripada balai polis yang terdekat.

Mengapa walaupun serbuan di atas serbuan dilaksanakan tetapi masih ada yang mahukan *trade* pelacuran ini masih berjalan. Wanita dan kanak-kanak, lelaki dan perempuan warganegara dan bukan warganegara turut menjadi mangsa eksploitasi sebagai komoditi menjual maruah dan tubuh badan mereka dalam *trade* yang jijik ini. Bersebelahan dengan pejabat saya juga sebuah kedai judi masih lagi beroperasi dengan apa yang disyaki satu sarang pelacuran di tingkat atas.

Di Serdang wujud sarang pelacuran giat beroperasi bertopengkan pusat urut refleksologi sama seperti di Pahang, Johor, Melaka dan semua negeri termasuklah Sabah dan Sarawak. Kebiasaannya sarang pelacuran beroperasi dengan sindiket penjualan manusia, penjualan bayi dan juga pengedaran dadah ala-ala seperti kopi segera campuran *four in one*.

Kitaran yang toksik ini sudah lama beroperasi di negara kita dan dalam banyak kes pihak polis, imigresen serta kerajaan tempatan juga berganding bahu untuk melindungi sindiket ini kerana mereka ini *beneficiary* daripada *trade* ini. Saya ingin tahu mengapa setelah serbuan dilakukan masih ada lagi sarang pelacuran yang beroperasi? Adakah pemberi maklumat akan dilindungi oleh undang-undang?

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dapat diguna pakai untuk memastikan masyarakat umum yang ingin melaporkan tempat-tempat yang disyaki merupakan sarang pelacuran atau tempat pengedaran dadah tidak terdedah kepada apa-apa ancaman atau ugutan yang akan membahayakan keselamatan mereka.

Saya ingin mencadangkan agar balai polis turut serta dalam sesi dialog bersama penduduk atau JKKK untuk berinteraksi dan mengeratkan perhubungan di antara PDRM dan penduduk di sekitar setiap balai. Saya juga ingin mencadangkan agar pihak polis sendiri diberi perlindungan saksi jika mereka melaporkan penglibatan pegawai polis yang lain dalam kegiatan pelacuran, pengedaran dadah dan pemerdagangan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Rabu lepas mayat seorang bayi perempuan cukup sifat besertakan tali pusat dijumpai di surau Abu Bakar As-Siddiq, Putrajaya dalam sebuah beg kitar semula di atas rak kasut bersama sekeping nota yang memohon agar bayi ini dimandikan dan dikapankan. Kandungan nota tersebut adalah, "Saya tidak ada sesiapa hendak minta tolong dan hanya Allah sahaja dapat balas orang surau". Sedih melihat kejadian bayi terbang hari demi hari. Isu ini sudah beberapa kali dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini namun fenomena bayi terbang tiada kesudahan.

Tuan Yang di-Pertua, nota yang dibaca tadi menunjukkan bahawa ibu yang hamil sama ada gadis muda atau mangsa rogol masih lagi hilang akal akan di mana mereka boleh mengadu apabila mereka dapati mereka hamil atau sistem sokongan yang sedia ada untuk membimbing mereka menghadapi tempoh kehamilan mereka.

Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bahawa daripada 104 bayi yang dibuang hanya 43 ditemui hidup, 61 mati tetapi bilangan bayi terbang saya pasti lebih tinggi daripada statistik ini. Apakah penyelesaian kerajaan terhadap tragedi gadis muda dan wanita yang terpaksa mengambil keputusan perit selepas mendapati mereka ini tersepit dalam satu keadaan yang tiada harapan lagi.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*The way forward is to offer sex education to young boys and girls and none discriminating support system in the event a young girl or a female gets pregnant*". Dalam jawapan Parlimen saya bertarikh 8 Mac, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memasukkan elemen pendidikan seks dalam pendidikan kesihatan reproduktif dan

sosial. Saya ingin bertanyakan di sini apakah sukatan pelajaran *atau syllabus PEERS* yang diajar di sekolah sebab setahu saya, saya tidak pernah pun menghadiri satu kelas *PEERS* tetapi diajar bab pertama Tingkatan Tiga mengenai pembiakan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Oktober tahun lepas, Mesyuarat Agong MIC, Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Pekan menyatakan bahawa satu *blueprint* bagi kaum India akan diumumkan pada bulan Januari 2017. Akan tetapi sampai sekarang masih tidak lagi kedengaran apa-apa berita mahupun bau mengenai *blueprint* ini.

Statistik populasi kaum India di Malaysia adalah di antara tujuh hingga lapan peratus sahaja. Akan tetapi sehingga bulan Mac ini tidak kedengaran apa *blueprint* itu dan selepas 60 tahun parti MIC masih lagi ingin membantu kaum India di Malaysia. Saya ingin bertanya di dalam Dewan yang mulia ini apakah kandungan *blueprint* ini dan mengapa selepas 60 tahun masih lagi perlukan satu *blueprint* untuk membantu kaum India di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dua lagi isu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Sedikit sahaja sebab saya sediakan ucapan saya untuk 30 minit tetapi baru hari ini dapat tahu dipotong kepada 20 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, kita bagi peluang kawan yang lain. Terima kasih.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Dua poin sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup, Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Sekijang.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sedikit masa lagi sebab...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup, Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Sekijang.

2.38 ptg.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut sama berbahas menjunjung titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersempena dengan Pembukaan Persidangan Parlimen pada minggu lepas. Dalam titah baginda telah memberi banyak penekanan dalam pelbagai sudut berkepentingan dalam negara baik dari segi ekonomi, pembangunan mahupun aspek kelestarian dan kebajikan kehidupan rakyat di bandar serta di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, titah Seri Paduka Baginda turut menyentuh isu berkaitan dengan banjir dan telah memuji bagaimana kerajaan pada hari ini telah berjaya mempertingkatkan tahap

kesiapsiagaan semua agensi berkaitan dalam menghadapi masalah banjir yang melanda saban tahun. Walaupun masalah banjir ini saya kira ramai di kalangan Ahli-ahli Parlimen telah pun menyebut berkaitan dengan permasalahan dengan banjir namun masalah banjir yang melanda pada penghujung tahun lalu tidaklah sebegitu teruk sebenarnya berbanding dengan banjir yang berlaku pada penghujung tahun 2014.

■1440

Namun untuk beberapa tempat, banjir yang berlaku pada awal tahun ini dilihat berpanjangan. Dan untuk makluman Dewan, sehingga minggu lepas, masih terdapat mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara di kawasan saya di Sekijang dan juga dalam Daerah Segamat.

Walaupun projek mitigasi banjir telah dijalankan di banyak tempat termasuklah di Sekijang, namun apa yang terjadi memperlihatkan banyak lagi ruang yang boleh kita tingkatkan. Saya ambil contoh projek tebatan banjir yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran di Sekijang. Saya nak ucap terima kasih kepada Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar yang sempat hadir untuk melawat projek ini sebelum kejadian banjir yang sebenarnya berlaku pada awal tahun ini. Projek ini sebenarnya memang telah banyak membantu mencegah berlakunya kejadian banjir, namun terdapat beberapa aspek yang perlu diberikan perhatian serius oleh pihak JPS. Antaranya ialah berkaitan dengan kekuatan ban dan ketinggian yang dibina dilihat tidak mampu menampung kuantiti arus deras bila mana berlakunya hujan lebat. Jadi berlakulah limpahan air yang membawa kepada masalah banjir.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar dapat meluluskan permohonan daripada JPS Daerah Segamat baru-baru ini dengan meninggikan kawasan ban di Rancangan Tebatan Banjir dari Kampung Jawa ke Felda Medoi, juga membaik pulih ban yang pecah dan diperkukuhkan di jajaran Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kenawar.

Selain daripada itu, saya juga ingin mendapatkan kepastian daripada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berkaitan dengan Tabung Bencana Agro Makanan. Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan di bawah tabung ini dan adakah jumlah peruntukan yang disediakan di bawah tabung ini iaitu berjumlah sebanyak RM50 juta mencukupi bagi persediaan menghadapi musibah bencana yang kita semua tahu impaknya memang sukar untuk kita jangka? Saya ingin bertanya juga kepada pihak kementerian, berapakah jumlah daripada tabung ini yang telah disalurkan kepada petani-petani di kawasan Sekijang yang telah terjejas akibat kejadian banjir baru-baru ini?

Saya juga berharap agar projek-projek baik pulih infrastruktur yang rosak teruk akibat banjir seperti jalan raya, jambatan dan runtuh tanah dapat dijalankan dengan kadar segera bagi menjamin perhubungan penduduk di kawasan saya selain memastikan keselamatan mereka terus terjamin.

Untuk itu, saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak JKR, apakah projek baik pulih yang menjadi keutamaan JKR untuk dijalankan apabila berlakunya kerosakan? Adakah terdapat

satu tabung khas bencana banjir khusus untuk kerosakan infrastruktur memandangkan masalah banjir ini saban tahun berlaku dan sudah pasti akan ada kerosakan pasca banjir yang memerlukan baik pulih dengan segera? Selain daripada itu, saya dimaklumkan terdapat banyak juga agensi-agensi yang menguruskan projek baik pulih berkaitan dengan kerosakan akibat banjir ini selain daripada pihak JKR.

Juga Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Projek Landasan Kereta Api Berkembar yang katanya melalui kawasan Sekijang dan akan dilaksanakan pada tahun ini dapat dilaksanakan dengan segera. Ini kerana antara sebab lain, dengan mudahnya Daerah Segamat ini dilanda banjir adalah kerana laluan kereta api sedia ada menyebabkan laluan air sungai tersekat dan menyebabkan berlakunya limpahan air sungai tersebut. Jadi saya amat berharap agar projek ini dapat dipercepatkan bagi mengatasi masalah air yang tersekat dan kedudukan landasan kereta api sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, di Sekijang terdapat sebuah pelabuhan darat– walaupun kawasan saya ini tak ada laut, ada sungai sahaja, tetapi ada pelabuhan darat berkeluasan 23 hektar yang mana pelabuhan ini pada awal perancangannya akan menjadi hab logistik yang penting khususnya bagi negeri Johor serta bahagian selatan Semenanjung Malaysia. Tetapi apa yang sedikit mengecewakan ialah projek yang bermula pada tahun 1999 hingga tahun 2000 ini dilihat masih gagal mencapai objektif kewujudannya dan dilihat seperti projek ‘gajah putih’.

Setelah ditutup pada tahun 2006, sembilan tahun berikutnya pada tahun 2015, terima kasih kepada pihak Kementerian Pengangkutan dan juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam dua lawatan yang berbeza ke Daerah Segamat telah mengumumkan sejumlah peruntukan melalui Lembaga Pembangunan Pelabuhan Malaysia ataupun MIDA bahawa Kerajaan Pusat akan membangunkan semula pelabuhan darat ini. Namun, sehingga ke hari ini masih belum ada apa-apa tindakan lanjut susulan daripada pengumuman tersebut.

Untuk makluman, projek pembangunan semula pelabuhan darat ini sangat penting memandangkan masih terdapat pengilang-pengilang yang menggunakan pelabuhan darat ini. Untuk rekod, selepas pengumuman cadangan menaiktarafkan pelabuhan darat ini dilakukan, aktiviti beberapa syarikat industri dilihat semakin berkembang. Saya dimaklumkan baru-baru ini ada lima syarikat dari luar negara iaitu negara China yang telah melabur untuk membina kilang di kawasan pelabuhan darat ini dan ini merupakan prospek yang sangat baik dan ia akan memberikan peluang pekerjaan terutamanya menggiatkan lagi aktiviti ekonomi di sekitar kawasan pelabuhan darat dan dalam Daerah Segamat itu sendiri.

Saya ingin bertanya juga kepada pihak Kementerian Kesihatan dalam mengumumkan peruntukan sebanyak RM400 juta bagi menaiktarafkan kemudahan dan prasarana bagi Hospital Segamat. Pada tahun lalu, diumumkan juga peruntukan sebanyak RM95 juta bagi menaiktarafkan Hospital Segamat kepada hospital berstatus pakar. Namun, sehingga ke hari ini masih belum ada apa-apa lagi *progress* berkaitan dengan projek naik taraf ini.

Justeru, saya ingin memohon penjelasan daripada Menteri Kesihatan— kebetulan Hospital Segamat ini namanya Hospital Segamat tetapi duduknya dalam Parlimen Sekijang—yang juga merupakan Ahli Parlimen Segamat untuk memberi penerangan tentang mengapa perkara ini terjadi. Apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak kementerian dalam meneruskan projek naik taraf hospital ini yang dilihat terlalu penting bagi memudahkan rakyat mendapatkan fasiliti rawatan yang berkualiti daripada pihak kerajaan?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Sekijang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sekijang.

Saya dengar perbincangan Yang Berhormat Sekijang. Nampak macam Sekijang dengan Bagan Serai ini nasib yang sama bab hospital ini. Hospital di Parlimen Bagan Serai yang terletak di Daerah Kerian telah dijanjikan pada tahun 2008 lagi dan kerja-kerja tanah telah dijalankan dan maklumat terkini yang saya dapat daripada kementerian ialah tendernya akan dibuka pada bulan Januari tetapi sehingga sekarang nampak macam tak ada apa-apa yang berlaku.

Jadi saya pun nak tanya Yang Berhormat Sekijang, apa pendapat Yang Berhormat Sekijang tentang apa sebenarnya masalah yang sedang menghantui ini? Sebab kita lihat bahawa perkara hospital ini perkara yang sangat penting yang mana menyebabkan rakyat ini boleh jadi susah kalau masalah kesihatan tak dapat diselesaikan. Apakah pendapat Yang Berhormat Sekijang tentang apa yang kementerian patut lakukan apabila janji-janji ini telah dilakukan? Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya amat bersetuju dan minta supaya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai itu dimasukkan dalam ucapan saya kerana isu berkaitan dengan hospital ini memang agak kritikal. Saya ingat bukan di Bagan Serai dan juga di Sekijang sahaja, saya ingat di mana-mana pun hospital yang ada dalam negara kita ini memang memerlukan penambahbaikan terutamanya di peringkat kementerian.

Saya ingin menyentuh tentang menara pencawang telekomunikasi. Untuk makluman Dewan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah menerima cadangan saya untuk membina lebih banyak menara pencawang telekomunikasi di kawasan Sekijang bagi membolehkan rakyat di Daerah Segamat ini terutamanya mendapat servis perkhidmatan telekomunikasi yang lebih baik. Terima kasih.

Tetapi apa yang menjadi masalahnya ialah menara dah dibina tetapi masih belum dipasang alatan pemancar talian telekomunikasi tersebut. Malah, ada kedapatan menara yang telah dibina hampir dua tahun tetapi tiada peralatan untuk pemancar talian komunikasi ini diletakkan pada menara tersebut. Jadi, usaha murni kerajaan ini untuk memperluaskan jaringan *broadband* kepada penduduk luar bandar masih belum dapat dicapai. Mohon kerjasama daripada pihak kementerian

dapat memantau perkara ini. Apakah permasalahannya? Kerana kita khuatir jika perkara ini berlanjutan, maka kemudahan yang sepatutnya menjadi kemudahan kepada rakyat akan menjadi satu lagi kegagalan.

Berkaitan dengan Perumahan Generasi Baru Felda. Yang ini saya ingin sentuh kerana kita tahu masih kedapatan beberapa projek PGBF ini yang sebenarnya memang telah dapat dilaksanakan dengan baik oleh peringkat FELDA tetapi mengalami masalah apabila ada beberapa projek ini dikategorikan sebagai terbengkalai.

■1450

Saya ingin mencadangkan agar dapat dibuat kerjasama NBOS dengan agensi-agensi utama dalam pembinaan perumahan seperti PR1MA, SPNB dan lain-lain agensi berkaitan untuk melaksanakan pembinaan PGBF ini yang dilihat sedikit sebanyak boleh mempercepatkan pembinaannya.

Saya juga berharap inisiatif kerajaan seperti skim MyHome, MyDeposit, Rent-To-Own yang kita bincangkan secara meluas pada persidangan Dewan pada kali ini dapat diserapkan sama dalam PGBF ini bagi membolehkan pembeli-pembeli rumah dapat membuat pilihan mereka dan tidak bergantung sepenuhnya kepada FELDA untuk melaksanakan pembinaan rumah-rumah tersebut. Jika diberikan ruang juga, mungkin boleh bekerjasama dengan kerajaan negeri mana-mana projek rumah yang terbengkalai ini dan tidak dapat dibina, FELDA boleh mencadangkan kepada pengurusan di pihak tanah rancangan supaya ia boleh diracik dan diberikan peluang untuk dipermudahkan hak milik melalui pemberian lot-lot tanah tersebut kepada generasi kedua FELDA. Ini dapat membantu mereka untuk memiliki tapak rumah dan boleh memohon mana-mana agensi di atas untuk menyediakan rumah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang isu merit kepada pelajar TVET. Pelajar-pelajar TVET terutamanya daripada kolej komuniti kini didedahkan dengan aspek kerja-kerja dan aktiviti komuniti seperti membina dan membaiki rumah serta kerja-kerja teknikal seperti *wiring* dan sebagainya sebagai aktiviti membantu masyarakat. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian serta agensi pelaksana TVET supaya memberikan anugerah merit tambahan serta khas kepada pelajar-pelajar terbabit menerusi sokongan pemimpin setempat. Contohnya seperti kita di kalangan Ahli-ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri sebagai sokongan, boleh juga kita masukkan ketua-ketua kampung, penghulu dan sebagainya sebagai pengiktirafan ke atas jasa mereka dalam aktiviti dan kerja-kerja komuniti yang dijalankan. Menerusi pengiktirafan ini, kolej komuniti atau mana-mana agensi TVET ini dapat menambah kiraan purata nilai mata keputusan pelajar ini kepada gred yang lebih baik jika keputusan kiraan purata nilai mata mereka rendah sebelum ini atau dengan kata lain, jika keputusan mereka ini rendah, melalui kerja-kerja komuniti ini, gred ini boleh dinaikkan kepada gred yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga saya ingin menyatakan sokongan saya kepada perkembangan semasa tentang bukti-bukti terbaru yang dijumpai oleh pihak Peguam Negara dalam isu berkaitan dengan Pulau Batu Puteh. Sebagai pemilik asal Pulau Batu Puteh ini ,

tindakan Kerajaan Persekutuan untuk membuat rayuan kepada Mahkamah Timbangtara Antarabangsa ataupun ICJ adalah sangat-sangat dialu-alukan. Saya amat berharap ia akan berakhir dengan kejayaan berpihak semula kepada negara kita.

Selain itu, saya juga ingin menyatakan sokongan saya kepada pihak kerajaan dalam menangani konflik diplomatik antara Malaysia dan juga Korea Utara. Perkara berkaitan kedaulatan undang-undang negara bukanlah sesuatu yang kita boleh sama-sama politikkan. Justeru, saya juga memohon agar semua rakyat Malaysia dapat mengetepikan sentimen politik buat sementara waktu dan kita berdiri bersama-sama dengan kerajaan pada hari ini bagi memastikan ia dapat diselesaikan dengan secepat mungkin tanpa mengundang apa-apa konflik yang lebih serius. Saya yakin pasukan negara di Wisma Putra akan melaksanakan segala yang terbaik dalam memastikan kedaulatan negara terus terpelihara.

Untuk cadangan sektor berkaitan dengan pelancongan, oleh kerana masa ada lima minit lagi ini. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, walaupun daerah Segamat dan kawasan Parlimen Sekijang ini memang terlibat dengan banjir yang boleh dikatakan kerap, namun kawasan Sungai Segamat dan juga Lembangan Sungai Muar, saya ingin cadangkan boleh dijadikan sebagai produk pelancongan bagi kawasan Sekijang. Dilihat terdapat banyak prospek dan potensi yang boleh diteroka oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan di dua buah sungai ini untuk dijadikan produk pelancongan. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan kita untuk hadir sendiri dan datang ke Parlimen Sekijang untuk melihat potensi yang ada di Lembangan Sungai Segamat dan juga Sungai Muar ini. Saya yakin ia boleh menjadi satu produk pelancongan yang baik dan ia dijangka kalau dapat dilaksanakan, program agro berkaitan dengan pelancongan ini, ia dapat merencanakan lagi ekonomi penduduk sekitar yang mana pada masa ini penduduk di sekitar daerah Segamat memang kebanyakannya bergantung pada industri pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Johor telah mengumumkan Segamat sebagai hab pertanian bagi negeri Johor. Sementara pada tahun lalu kerajaan negeri menerusi JCorp telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM9 juta bagi merealisasikan perkara ini dan terima kasihlah kepada Kerajaan Negeri Johor dalam usaha memastikan Segamat ini benar-benar menjadi hab kepada pertanian. Satu projek agromakanan akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Isnin depan.

Namun begitu, saya banyak kali bangkitkan perkara ini dalam sidang Dewan. Dilihat masih belum ada apa-apa tindakan daripada pihak kementerian untuk membantu hasrat kerajaan negeri ini. Memandangkan Segamat mempunyai ruang tanah yang luas dan sangat bersesuaian untuk aktiviti yang berkaitan dengan pertanian, saya berharap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat memberi perhatian segera kepada perkara ini bagi memastikan jaminan bekalan makanan bukan sahaja di negeri Johor, malah di seluruh negara terjamin dengan adanya hab pertanian ini. Kita sedia maklum sememangnya negara menghadapi beberapa masalah dalam

mengatasi krisis bekalan makanan dan keputusan untuk menjadikan Segamat sebagai hab pertanian dilihat sangat bersesuaian untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu minggu lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengumumkan tentang Lembaga Tenusu Negara yang dilancarkan di Muadzam dan dimaklumkan antara lembangan yang akan diwujudkan berkaitan dengan Lembaga Tenusu ini ialah daerah Segamat itu sendiri. Jadi saya amat berharap jika pihak kementerian dapat memastikan Segamat sebagai hab pertanian ini dimasukkan sama sebagai antara projek untuk dijadikan projek tenusu negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahajalah perbahasan saya untuk petang ini. Saya menjunjung Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas ucapan yang telah diberikan pada minggu lepas dan saya amat berharap apa juga ucapan yang telah saya sampaikan pada petang ini dapat dijawab oleh pihak kementerian. Ini kerana pada penggal yang lepas, ada beberapa perkara nampaknya tertinggal Tuan Yang di-Pertua. Saya harap untuk kali ini, semua perkara ini yang saya bawa kebanyakannya adalah berkaitan dengan kawasan dapat dijawab oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Titah Yang di-Pertuan Agong patik sanjung,

Barisan Nasional dahulukan rakyat tidak berpenghujung.

Sekian, Sekijang mohon menyokong. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena.

3.58 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kelana Jaya, lambat sedikit.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...yang memberikan sedikit peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan Titah Diraja.

Saya ingin menyentuh yang pertama berkaitan dengan isu pertanian yang menyentuh pertanian padi yang telah menyebabkan kerugian yang begitu besar yang dialami oleh petani-petani padi khususnya di keseluruhan kawasan MADA. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pun ada di sini yang juga merupakan Pengerusi MADA sehingga sekarang di mana kalau boleh dikatakan keseluruhan kawasan MADA, pengeluaran padi baru-baru ini mengalami masalah serangan penyakit apa yang orang Kedah panggil penyakit karah. Karah batang dan juga karah tangkai. Ini telah menyebabkan pendapatan mereka begitu merosot.

Oleh sebab itu saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan, khususnya daripada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana daripada sungutan yang dibawa kepada saya oleh petani-petani dan saya juga mengharapkan rakan saya Pengerusi MADA juga harus mengambil inisiatif untuk memberikan tekanan kepada pihak kementerian untuk

menampung sedikit kerugian yang terpaksa dialami, apatah lagi dalam musim yang akan datang ini yang akan bermula dalam tempoh hujung bulan ini, mereka diarahkan untuk memulakan penanaman padi mereka itu melalui tabur kering kerana kekurangan air di banyak empangan di negeri Kedah. Jadi, kos tabur kering ini orang panggil, kosnya meningkat. Pengerusi MADA pun tahu. Saya ingat kos dia meningkat. Kalau kita tabur basah, dulunya dua kampil benih tetapi tabur kering dia terpaksa menggunakan tiga kampil benih padi. Jadi sebab itu saya minta supaya satu bantuan untuk menampung kerugian kehilangan pendapatan yang begitu besar yang dialami oleh petani-petani.

■1500

Yang keduanya saya juga hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua ialah supaya pihak kerajaan, pihak kementerian juga harus mengkaji benih-benih yang telah pun diberikan kepada petani-petani. Kalau sebelum ini kita lihat bahawa benih yang dianggap sebagai kebal, CL1, CL2, tapi benih ini sudah tidak kebal. Benih inilah yang kena penyakit. Pengerusi mana pun tahu, benih inilah yang diserang penyakit sebab dia hanya kebal dari segi rumput padi angin. Dia tidak kebal dari segi penyakit menyebabkan diserang dengan penyakit yang begitu besar. Saya tahu kawan saya Yang Berhormat Bagan Serai pun dok hadapi masalah yang sama baru-baru ini.

Jadi, ini yang dihadapi oleh petani-petani dan saya melihat bahawa ada pandangan-pandangan yang mengatakan bahawa sepatutnya satu-satu benih itu tidak begitu lama. Kerajaan harus menaburkan kawasan-kawasan itu dengan kelainan benih supaya serangan itu tidak menyerang keseluruhan apabila di satu kawasan MADA itu hanya dengan benih yang tertentu sahaja yang ditanam. Jadi menyebabkan bila serangan itu sampai, dia akan berjangkit kepada keseluruhan kawasan MADA kerana dia adalah daripada benih yang sama. Yang Berhormat Bagan Serai, mintak ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai. Ya sila.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena bagi saya tumpang sikit fasal cerita itu cerita yang sama. Di Bagan Serai dulu, bila Tasik Bukit Merah kering kontang kita katakan, pengairan padi terganggu dan bila air *mai* balik, pengairan padi datang tapi tanaman tidak berapa menjadi dan bila hasilnya tidak bagus, pemutuannya tinggi, petani jadi susah. Jadi yang timbul tadi yang Yang Berhormat Pokok Sena cerita tadi tentang penyakit karak dan juga tentang kualiti benih tadi, saya hendak tanyalah Yang Berhormat Pokok Sena, patut kerajaan beri bantuan contohnya memberi benih untuk bantu kerana mereka yang telah hidupnya sudah menjadi susah kerana pendapatan kurang ini, terpaksa tanam semula dan kekurangan wang untuk membeli benih-benih baru ini. Apa pendapat Yang Berhormat Pokok Sena. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya daripada Bagan Serai. Itu yang saya sebut tadi, saya minta supaya ada satu bantuan ganti rugi terhadap kehilangan pendapatan mereka iaitu salah satunya ialah

tampungan dengan benih yang terpaksa mereka tanggung lebih kerana mereka diarah supaya tabur pakai tabur *green* pada musim yang akan datang. Jadi benih-benih yang ada ini harus dikaji semula supaya satu-satu benih itu tidak begitu lama dan tidak meliputi satu benih itu pada satu kawasan yang luas. Jadi antara satu kawasan dengan satu kawasan itu biarlah ada kelainan benih-benih yang tertentu supaya dalam usaha untuk mengelak daripada berlakunya serangan penyakit.

Yang keduanya saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri yang baru-baru ini dalam sebulan dua yang lalu heboh mengatakan bahawa ada kumpulan-kumpulan kongsi gelap, gengster yang ditahan ini ialah mereka-mereka yang bergelar Datuk, Datuk Seri dan sebagainya. Saya hendak dapatkan penjelasan bahawa berapa jumlah orang-orang yang ada gelaran Datuk ini, Tan Sri dan sebagainya yang terlibat dalam kumpulan kongsi gelap, gengster ini yang telah pun ditahan, satu.

Yang keduanya kita hendak tahu, saya hendak minta penjelasan daripada pihak polis, itulah hasil siasatan pihak polis dapat pastikan sama ada Datuk itu, Datuk betul ataupun Datuk palsu. Sama ada Datuk itu Datuk yang dianugerahkan daripada mana-mana pihak istana. Kalau Datuk yang betul, ada satu isu yang lain yang harus dilihat bagaimana cara pemilihan mereka sebab hari ini pun ramai orang tergila-gila hendak jadi Datuk ini. Dia sanggup beli dan sebagainya. Jadi menyebabkan kadang-kadang proses penapisan saringan pemilihan yang dibuat oleh Jawatankuasa di peringkat kerajaan negeri umpamanya untuk mencadangkan kepada pihak istana, orang-orang tertentu yang akan diberikan gelaran Datuk ini tidak ditapis secara yang sebaiknya yang menyebabkan akhirnya dipilih daripada mereka-mereka yang sama ada melalui unsur beli, maka dibayar ataupun daripada mereka-mereka yang ada *connection* dengan Jawatankuasa Pemilih dan sebagainya.

Jadi saya rasa bahawa ini harus dijaga kerana ini memalukan institusi istana apabila terdapat orang yang pihak istana memberikan gelaran Datuk, Tan Sri dan sebagainya, tiba-tiba ada keterlibatan mereka ini dalam kumpulan kongsi dan juga kumpulan gengster dalam negara kita. Jadi saya minta pihak kerajaan khususnya pihak Kementerian Dalam Negeri harus memberikan penjelasan dan saya mengharapkan juga bahawa supaya Majlis Raja-raja dapat membuat satu mekanisme pemilihan untuk menjaga pemilihan penerima pingat kebesaran ini untuk menjaga Institusi Raja-raja itu sendiri supaya dapat distandardkan di seluruh negeri yang ada di dalam negara kita untuk memastikan supaya orang yang terima gelaran itu ialah orang yang betul-betul ada kelayakan. Bukannya bawah tangga pun boleh dapat Datuk dan sebagainya.

Yang ketiganya Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soal kesihatan yang membabitkan soal isu hospital di kawasan saya iaitu Hospital Sultanah Bahiyah. Hospital Sultanah Bahiyah ini telah menerima pengunjung, pesakit di Jabatan Kecemasan. Dia tidak ada klinik-klinik harian macam hospital lain dan sebagainya. Dia hanya ada di wad kecemasan. Satu ratus ribu setahun. Sebab itu kalau Kementerian Kesihatan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan boleh pergi melawat Hospital Sultanah Bahiyah di bahagian wad kecemasan ini, begitu ramai, sesak dalam keadaan

tidak cukup kakitangan, doktor yang tidak mencukupi yang terpaksa setiap orang pesakit itu terpaksa tunggu 4 jam ke 6 jam untuk mendapat rawatan.

Ini disebabkan bila datang kes-kes kecemasan berat macam *accident* yang teruk dan sebagainya, maka doktor dan juga petugas-petugas ini terpaksa tumpu kepada mereka yang mengalami kemalangan yang begitu teruk. Sedangkan yang datang ke situ juga adalah terdiri daripada orang yang demam biasa. Orang yang penyakit-penyakit yang biasa akibat daripada tidak ada klinik harian lain di dalam Hospital Sultanah Bahiyah. Yang ada ialah klinik pakar. Mereka ini tidak boleh pergi ke klinik pakar kalau tidak direkomen oleh doktor di klinik biasa.

Walaupun dalam kawasan saya itu ada satu klinik, pusat kesihatan di Langgang tetapi orang tidak pergi ke pusat kesihatan. Saya pun tidak tahu fasal apa. Tapi saya ada bertanya kepada Lembaga Pelawat Hospital Sultanah Bahiyah antara yang mereka sebut bahawa orang tidak begitu yakin kepada pusat kesihatan walaupun ada doktor di pusat kesihatan. Apatah lagi kepada Klinik 1Malaysia. Orang tidak ada *confident*, tidak ada keyakinan kepada pusat kesihatan ataupun Klinik 1Malaysia yang menyebabkan lambakan orang penyakit biasa, demam biasa, batuk biasa pun pergi kepada Hospital Sultanah Bahiyah iaitu di Jabatan Kecemasan. Sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat saya ingin penjelasan tentang Klinik 1Malaysia di mana saya difahamkan kebanyakan Klinik 1Malaysia tiada doktor, yang hanya ada ialah HA. HA ialah *hospital assistant* yang mempunyai pengalaman yang luas tetapi tidak melayakkan dirinya sebagai seorang doktor. Oleh sebab itu dia tidak boleh memberi antibiotik dan beberapa ubat-buat yang diklasifikasikan. Saya ingin Yang Berhormat Menteri menjelaskan, betul kah keadaan ini sedang berlaku dalam Klinik 1Malaysia. Yang Berhormat terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta ucapan Yang Berhormat Kapar itu dijadikan sebahagian daripada ucapan saya dan saya setuju bahawa orang tidak *confident* macam saya katakan tadi. Ini disebut oleh Lembaga Pelawat Hospital Bahiyah kepada saya tidak *confident* di Klinik 1Malaysia apatah lagi yang tidak ada doktor. Yang ada doktor di pusat kesihatan pun orang tidak *confident*. Padahal antara pusat kesihatan di Pekan Langgang dengan Hospital Sultanah Bahiyah itu hanya dalam 2 kilometer saja. Jadi tertumpu, tahun sudah 114 ribu. Puratanya 100 ribu satu tahun yang pergi ke wad kecemasan dalam keadaan yang begitu teruk.

Jadi, sebab itu saya hendak mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat mewujudkan klinik harian di Hospital Sultanah Bahiyah untuk mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan supaya Jabatan Kecemasan ini betul-betul menumpukan kepada kes-kes kecemasan yang berat seperti mana yang berlaku di hospital-hospital di tempat yang lain. Yang keduanya saya juga nak minta satu kepada pihak kerajaan supaya menggunakan, meningkatkan lagi keupayaan Hospital

Sultanah Bahiyah II iaitu Hospital Besar Alor Setar yang lama sebab dia masih beroperasi sekarang ini untuk kes-kes tertentu.

Saya pada bulan 12 yang lalu buat *operation* yang kecil di hospital lama. Jadi saya melihat bahawa satu kerugian yang besar. Kita terpaksa lambakan 30 juta setahun. Saya dimaklumkan oleh Hospital Sultanah Bahiyah, perbelanjaan untuk hospital lama yang dikenali sebagai Sultanah Bahiyah II itu, 30 juta satu tahun. Jadi sepatutnya bagi saya, bila 30 juta satu tahun dalam keadaan bangunan-bangunan lama yang masih ada itu yang harus diperbaiki, yang perlu dipertingkatkan dan kemudian boleh dimanfaatkan untuk dibuka semula secara yang lebih meluas. Bukan hanya untuk kes-kes tertentu.

■1510

Jadi saya mengharapkan supaya pihak kerajaan mempertimbangkan untuk membuka semula secara yang menyeluruh di Hospital Sultanah Bahiyah II ataupun hospital besar lama di Alor Setar. Ini untuk mengurangkan kesesakan di Hospital Sultanah Bahiyah yang ada sekarang ini. Ini harapan saya kepada pihak kerajaan khususnya kepada pihak kementerian kemudian kepada Kementerian Kesihatan.

Kemudian, saya juga nak mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan iaitu daripada pihak Jabatan Perdana Menteri dan juga pihak Kementerian Pengangkutan berkaitan dengan isu MAS iaitu jawapan yang diberikan kepada saya dalam isu yang berkaitan dengan kerjasama *joint venture* antara MAS Engineering dengan Lufthansa Technik di bahagian MAS Engineering, di bahagian unit *engineering* di dalam MAS. Saya nak dapatkan penjelasan kenapa kita perlu serahkan kepada Lufthansa sedangkan kita mempunyai kepakaran yang begitu lama dalam MAS Engineering.

Alasan yang diberikan kepada saya dalam jawapan pada hari Khamis yang lalu ialah untuk mempertingkatkan lagi keupayaan MAS Engineering dan pemindahan teknologi. Sedangkan kalau mengikut rekodnya, kita lihat bahawa MAS *Engineering* ini sudah lama beroperasi dan satu ketika telah pun menjadi *regional center of excellent* untuk pengendalian pesawat daripada Fokker F127 hingga Boeing 747. Ini keupayaan MAS *Engineering*. Pesawat B747 daripada Amerika, Arab Saudi dan negara lain pun dikendalikan oleh MAS Engineering yang pada waktu itu tiada, Lufthansa pun tiada, mana-mana siapa pun tiada. Ia dikendalikan oleh di kalangan pekerja-pekerja MAS Engineering terdiri daripada anak bangsa Malaysia sendiri. Melayu, Cina, India dan sebagainya merekalah kepakaran yang begitu hebat yang telah pun mereka berjaya mengangkat MAS Engineering dan sehingga MAS Engineering menyumbang keuntungan yang besar yang banyak kepada syarikat penerbangan MAS itu sendiri.

Tiba-tiba sekarang ini, kita telah pun menyerahkan pengendalian tersebut kepada Lufthansa walaupun atas nama JV. Saya difahamkan akan dilaksanakan, telah pun bermula proses itu pada 1 Mac baru-baru ini. Oleh sebab itu saya minta pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan, tidakkan apa saja yang dicadangkan oleh Paul Kear kita setuju semua. Khazanah buat apa? Tidak akan Khazanah tidak semak dari segi keupayaan yang begitu lama MAS Engineering

yang mampu membawa kehebatan kepada Syarikat Penerbangan Malaysia dan juga kepada negara kita.

Jadi sebab itu, Boeing sendiri telah mengiktiraf MAS Engineering sebagai salah sebuah MRO berpiawaian [*Tidak jelas*] tertinggi di dunia dengan menganugerahkan beberapa *world award*. Nilai mutu kerja dan piawaian MAS Engineering amat tinggi sehingga banyak daripada negara-negara luar mengiktiraf persijilan pengendalian daripada MAS Engineering. Jadi, apa pemindahan teknologi yang kita nak daripada kerjasama ataupun JV dengan Lufthansa ini?

Jadi sebab itu saya minta penjelasan ini, malah jurutera-jurutera MAS amat mudah diterima oleh lain-lain *airlines* di luar negara disebabkan oleh mutu kerja mereka. Ini pengiktirafan yang diberikan. Walaupun demikian, saya lihat bahawa MAS Engineering boleh dimajukan semula sebab kita masih mempunyai ramai profesional di kalangan anak bangsa kita yang boleh menghidupkan semula... [*deringan handphone*] [*Ketawa*] Yang boleh menghidupkan semula MAS Engineering ini kepada satu pencapaian yang lebih baik.

Jadi sebab itu bagi saya, saya harap pihak kerajaan dapat memberikan satu jawapan yang munasabah tentang keupayaan yang ada kepada MAS Engineering ini. Bagi saya bahawa dengan kita katakan Lufthansa itu lebih baik pembinaan teknologi, makna satu penghinaan kepada keupayaan anak bangsa kita. Bagi saya ini satu penghinaan kepada keupayaan anak bangsa kita yang telah pun menunjukkan kebolehan mereka dalam mengendalikan MAS Engineering. Malah, kalau kita lihat satu perkara yang harus dilihat di sini ialah di Sepang itu ada satu dinamakan Sepang Aircraft Engineering (SAE) iaitu sebuah syarikat tempatan, yang *hangernya* di sebelah *hanger* MAS, di sebelah *hanger* MAS Engineering yang mampu mengendalikan Airbus A320.

Adanya Lufthansa ini, saya melihat bahawa apakah ini akan terjejas perniagaan SAE itu sendiri? Apakah Khazanah tidak tahu yang SAE ini ada di situ? Ini boleh menjejaskan keupayaan syarikat-syarikat tempatan. Jadi saya minta pihak kerajaan khususnya, kepada pihak Kementerian Pengangkutan dan juga pihak Jabatan Perdana Menteri, iaitu Khazanah sendiri yang telah pun memberikan, yang telah mengendali ataupun mengawasi MAS ini begitu lama, sepatutnya mereka tahu bukan hanya mereka dengar, ikut cakap Paul Kear, ikut cakap orang-orang luar yang diambil untuk akhirnya membawa pulangan balik keuntungan di Malaysia.

Jadi kalau kita ambil Lufthansa, akhirnya Lufthansa angkut segala keuntungan Khazanah ini balik ke Jerman. Akan tetapi kita tidak boleh apa, kita hanya boleh sewa *hanger* sahaja. MAS boleh sewa *hanger*. Saya difahamkan JV ini membawa kepada MAS hanya dapat duit sewa *hanger* sahaja, bukan yang lain. Jadi saya bimbang bahawa apabila pihak kerajaan juga dalam perjanjian JV itu yang membawa kepada pihak syarikat baru ini telah pun melantik vendor untuk yang menyebabkan boleh mendapatkan pekerja-pekerja lain yang akhirnya menyebabkan pekerja-pekerja tempatan akan kehilangan peluang di dalam MAS Engineering. Jadi sebab itu saya minta penjelasan pihak kerajaan supaya kita jangan menggadaikan maruah bangsa dan juga negara kita ini kepada syarikat daripada luar sehingga menafikan keupayaan syarikat tempatan dan anak bangsa kita sendiri.

Akhir sekali, saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah tahap sebenarnya keupayaan keselamatan negara kita apabila Menteri Dalam Negeri dalam jawapan kepada Yang Berhormat Bayan Baru mengatakan bahawa mereka tidak tahu berapa jumlah agen perisik? Ini kerana agen perisik luar itu tidak lapor kepada pihak Kementerian Dalam Negeri. Memanglah agen perisik, dia nak risik, tidak akan dia nak lapor. Kitalah kena risik dia. Jadi ini menunjukkan kelemahanlah pihak kerajaan sehingga tidak mampu untuk merisik risikan daripada luar. Jadi sebab itu, saya minta pihak kerajaan memberikan penjelasan yang sejelas-jelasnya dalam isu keselamatan negara ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Budi baik Tuan Yang di-Pertua sentiasa dikenang.

Timbalan Yang di-Pertua, [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Hebat ucapan Yang Berhormat Pokok Sena. Patutlah PAS sayang ke Yang Berhormat Pokok Sena. *[Dewan riu]* Ya, ikut giliran Yang Berhormat Tenom. Lepas itu Yang Berhormat Bagan. Sila Yang Berhormat Tenom.

3.19 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tatkala Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Parlimen Malaysia yang Ketiga Belas pada 6 Mac 2017 yang lalu. Saya menyambut Titah Tuanku supaya kita berusaha memulihara ketenteraman awam, memerangi rasuah dan penyelewengan dan juga mempertahankan keselamatan nasional serta memperkukuhkan kedaulatan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengucapkan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan titah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu Korea Utara yang mana telah membabitkan pembunuhan Kim Jong-nam abang tiri kepada pemimpin utama mereka, Kim Jong-un di Malaysia ini adalah suatu yang tidak boleh kita terima. Rentetan peristiwa itu, duta Korea Utara di Malaysia cuba berdolak-dalik sehingga mencetuskan konflik antara Kuala Lumpur dan juga Pyongyang.

■1520

Sebagai rakyat Malaysia Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Parlimen Malaysia, saya tidak rela negara kita negara Malaysia yang kita cintai diperlekehkan sebegitu rupa. Saya menyokong penuh tindakan Kerajaan Malaysia kita dalam menangani isu Korea Utara ini. Saya mencadangkan kerajaan menilai semula hubungan diplomatik dengan Korea Utara ini. Ini termasuklah pertimbangan untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan negara berkenaan andainya perkara itu berlanjutan. Ingin saya tegaskan, Malaysia tidak akan menanggung kerugian dari aspek ekonomi dan perdagangan jika hubungan diplomatik kedua-dua negara ini dinilai semula. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, negara kita negara Malaysia juga mempunyai jumlah nilai perdagangan yang kecil dengan negara Korea Utara.

Selain itu, Korea Utara juga mempunyai rekod yang buruk, terutama daripada sudut hak asasi manusia. Sudah banyak laporan yang telah dikeluarkan oleh NGO berkaitan dengan isu-isu kemanusiaan yang menyatakan Korea Utara adalah sebuah negara paling teruk dari aspek hak asasi manusia. Adakah negara sebegini yang kita hendak jalinkan hubungan diplomatik?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ke isu yang seterusnya iaitu isu penyelewengan, ketirisan, juga rasuah. Saya amat bersetuju dengan Titah Tuanku Agong yang mana telah menyentuh soal-soal penyelewengan, ketirisan dan juga rasuah selain pembocoran maklumat. Perkara-perkara sebegini berkait rapat antara satu sama lain. Yang terkesan ialah kesejahteraan dan juga kemakmuran rakyat. Yang terjejas ialah integriti, imej dan juga reputasi kerajaan, pemimpin, Menteri dan juga kementerian.

Umpamanya Tuan Yang di-Pertua, pada kes yang lalu. Di mana pihak SPRM telah menahan bekas pengarah yang berumur 54 tahun dan juga timbalannya yang berusia 50 tahun di pejabat mereka. Selain akauntan yang berumur 50 tahun dan individu berpangkat Datuk berumur 55 tahun yang juga abang kepada bekas timbalan pengarah terbabit. Bekas pengarah dan timbalan itu didakwa menyalahgunakan kuasa dengan memonopoli dan memberikan projek pembinaan infrastruktur asas berkaitan air bernilai RM3.3 bilion sejak tahun 2010 kepada adik-beradik mereka. Berikutan penahanan itu, pihak SPRM telah menyita wang tunai sejumlah RM52.2 juta dengan masing-masing RM45 juta daripada bekas pengarah dan juga RM7.2 juta lagi dari timbalannya.

Semua wang terbabit ditemui disembunyikan dalam rumah, pejabat dan juga kereta milik suspek. Contoh lain pula Tuan Yang di-Pertua, bekas KSN KKLW yang mana telah dihadapkan di Mahkamah Sesyen atas pertuduhan berkaitan rasuah yang bernilai RM550,000. KSU, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. KSU bersama-sama anaknya yang berusia 35 tahun masing-masing menghadapi tuduhan bersubahat dan menerima suapan berhubung Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar di Sandakan, Sabah. Semua ini adalah contoh-contoh mengapa penekanan membanteras rasuah, penyelewengan dan ketirisan perlu digempur habis-habisan dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak SPRM.

Saya juga ingin mengambil perhatian dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam statistik SPRM mengenai tangkapan rasuah ini setiap bulan ada tangkapan. Bulan Januari 2017 sahaja telah memperlihatkan sebanyak 36 penjawat awam ditangkap, terdiri daripada 4 orang dalam pengurusan tertinggi, 5 orang dalam pengurusan dan profesional serta 27 orang dalam sokongan. Manakala bagi sektor luar membabitkan 11 orang dalam sektor swasta, orang awam dan lain-lain 11 orang. Maknanya, 62% sahaja membabitkan tangkapan penjawat awam. Kalau pada bulan Disember 2016, 17 orang penjawat awam, manakala sektor luar seperti swasta dan orang awam seramai 20 orang.

Dikuti bulan November 2016 seramai 18 orang penjawat awam, manakala 44 orang sektor swasta dan orang awam. Pada bulan Oktober 2016 pula membabitkan 43 orang penjawat awam iaitu 61.43%, manakala 27 orang sektor swasta dan awam iaitu 38.57% serta dalam bulan September 2016 juga telah memperlihatkan seramai 62 penjawat awam iaitu 64.58% dan 34 orang

sektor awam iaitu 35.42%. Makanya, setiap bulan ada tangkapan yang telah dijalankan oleh pihak SPRM untuk perlu meneruskan agenda ini secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal dasar pembangunan luar bandar iaitu transformasi negara, melihat kepada keseimbangan pembangunan bandar dan luar bandar sentiasa menjadi perkara utama dalam transformasi kerajaan. Kenikmatan pembangunan itu perlu dirasai oleh semua lapisan masyarakat tidak kira bangsa, agama, umur dan juga budaya. Apatah lagi di kawasan saya di Parlimen Tenom adalah antara kawasan luar bandar yang perlu diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan. Sudah tentu inilah yang menjadi keutamaan saya sebagai seorang wakil rakyat yang mewakili penduduk di kawasan saya.

Agenda transformasi membandarkan luar bandar menjadi matlamat utama, terutama kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar hari ini dengan berpaksikan kepada keperluan dan juga kehendak rakyat di samping memastikan proses pembangunan luar bandar berada di landasan yang betul. Dulu kami mengharap dengan harapan yang cukup tinggi Tuan Yang di-Pertua, kerana ianya telah diterajui sendiri Ahli Parlimen daripada Sabah tetapi hajat tidak kesampaian, Tuan Yang di-Pertua.

Banyak perkara pembangunan yang telah dirancang oleh pihak kerajaan telah tersangkut dan tidak mencapai objektif pelaksanaan. Orang Sabah selalu ternanti-nanti dengan agenda transformasi sebegini. Jadi, saya hendak tahu pelaksanaan transformasi yang dirangka dalam tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2016 dengan penumpuan kepada 6 fokus utama iaitu prasarana, pembangunan belia, ekonomi, keusahawanan, modal insan dan sistem penyampaian. Ini perlu sampai benar-benar ke peringkat akar umbi. Perlu dirasai dan penyediaan infrastruktur asas luar bandar perlu diperhebatkan. Kalau kawasan luar bandar diperkasakan, maka generasi muda akan terus tinggal dan membina masa depan di luar bandar.

Itulah yang sepatutnya kementerian ini komited untuk memberi keutamaan dan kepada penyediaan kemudahan dan perkhidmatan kepada belia-belia di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, KKLW perlu menjadi peneraju projek perumahan generasi kedua luar bandar melalui pembinaan Rumah Bina Negara. Jadi, saya ingin tahu di negeri Sabah, berapakah jumlah unit bakal dibina menjelang 2020 sekali gus meningkatkan pemilikan aset Bumiputera? Saya juga berharap pembinaan rumah mampu milik ini ditawarkan dengan harga yang boleh dimiliki oleh sekumpulan sasar. Soal ini penting kerana matlamat utama adalah untuk membantu mereka memiliki kediaman impian mereka. Tidak ada gunanya andainya rumah seperti yang telah dibina tetapi prosedur pinjamannya agak ketat.

Terlalu *rigid* yang mana akhirnya matlamat kerajaan tidak tercapai. Kalau di Sabah ini saya boleh beri jaminan kerjasama di antara Kerajaan Negeri Sabah boleh mendapatkan tanah-tanah yang murah dan bersesuaian serta bantuan daripada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan dana bagi pembinaan infrastruktur asas kawasan berkenaan. Di bawah transformasi luar bandar ini Tuan Yang di-Pertua, saya telah dimaklumkan pihak kementerian juga akan bakal mewujudkan *techno hub* bagi menggalakkan usahawan belia Bumiputera luar bandar yang mana melibatkan diri

dalam sektor perniagaan yang menguntungkan di bandar berhampiran. Saya juga telah difahamkan Tuan Yang di-Pertua, satu model yang telah dikenalkan sebagai model baru berpendapatan tinggi penduduk luar bandar bakal diwujudkan berperanan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan menjelang tahun 2020.

Jadi, saya berharap model ini boleh mempelbagaikan pendapatan luar bandar supaya tidak bergantung pada satu sumber pendapatan semata-mata. Sebaliknya, meneroka sumber pendapatan lain seperti dividen ladang, dividen koperasi, aktiviti ekonomi tambahan dan juga keusahawanan. Dalam hal bidang keusahawanan pula, saya berharap pihak kerajaan dapat melihat pada soal-soal kedai milikan Bumiputera yang boleh dijadikan sebagai pusat perniagaan, pengumpulan dan juga pemasaran produk-produk daripada luar bandar, inisiatif 1Kampung 1Usahawan serta pembukaan *rural premium outlet*.

■1530

Apabila kawasan luar bandar diperkasakan, sekurang-kurangnya dapat menarik perhatian anak-anak muda dan mereka mengetahui bahawa adanya peluang pekerjaan dan perniagaan yang boleh diceburi atau dilaksanakan tanpa perlu berhijrah ke kawasan-kawasan bandar untuk mencari peluang pekerjaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, ada disentuh perihal sektor pertanian iaitu mampu menjanjikan pendapatan lumayan dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara *self-sufficient* untuk sektor *agriculture*. Asas pendapatan negara asalnya pun daripada sektor pertanian sebelum beralih kepada sektor perkilangan, pembuatan elektronik dan juga perkhidmatan. Namun Tuan Yang di-Pertua, dalam sektor pertanian ini, ia juga memerlukan transformasi. Malaysia memerlukan penglibatan lebih banyak golongan muda untuk merencanakan sektor pertanian tempatan bagi memastikan bidang ini mempunyai kesinambungan dan dapat menjana pendapatan yang lebih lumayan kepada negara kita, sekali gus dapat menjamin sumber bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat.

Hal ini juga turut didorong oleh senario yang memperlihatkan bahawa negara difahamkan memiliki 200,000 hektar tanah di seluruh negara yang masih terbiar dan berpotensi dibangunkan di dalam bidang pertanian. Sementara itu Tuan Yang di-Pertua, statistik menunjukkan bahawa 90 peratus petani di Malaysia didominasi oleh golongan berusia. Keadaan ini agak membimbangkan berikutan kurangnya golongan muda yang terlibat dalam sektor ini sebagai pelapis dalam bidang pengeluaran makanan komersial.

Perkembangan ini sekiranya tidak dibendung akan menyebabkan negara berdepan dengan masalah pengeluaran makanan yang tidak produktif dan seterusnya terpaksa pula menanggung kos yang tinggi untuk mengimport bekalan makanan. Kerajaan perlu mengambil pelbagai langkah positif bagi menarik minat golongan muda di negara kita khususnya di dalam kalangan golongan siswazah untuk meneroka bidang pertanian. Antaranya termasuklah mempromosikan bidang pertanian sebagai salah satu cabang kerjaya di institusi pengajian tinggi dengan membabitkan

usaha sama kepakaran, kewangan dan mengenal pasti peluang produk hiliran yang berupaya dikomersilkan.

Sektor pertanian berpotensi untuk menjadi sumber pendapatan yang menjanjikan pulangan yang lumayan kepada golongan muda jika dilaksanakan secara terancang dan komprehensif. Apatah lagi sektor ini dilihat sangat signifikan untuk dijadikan platform kepada acuan transformasi kerajaan dalam mengubah kehidupan sebahagian masyarakat di negara ini terutamanya yang terbabit dalam bidang pertanian. Pokok pangkalnya Tuan Yang di-Pertua, golongan muda harus mengubah persepsi mereka terhadap bidang pertanian serta tidak menganggap bidang ini tidak relevan lagi dengan hasrat kerajaan untuk muncul sebagai negara maju dan juga berpendapatan tinggi.

Hal ini juga tidak bermakna sektor pertanian akan terpinggir Tuan Yang di-Pertua dan tidak berupaya memberikan pendapatan yang tinggi kepada petani, penternak dan juga nelayan sebagai usahawan tani. Sebaliknya, jika sektor tersebut diusahakan secara komersial dan mencapai tahap industri, tidak mustahil hasrat untuk menjana pendapatan yang lumayan akan menjadi kenyataan. Malahan dijangka sektor pertanian boleh meningkat melebihi RM200 bilion bagi eksport selain eksport produk komoditi lain melebihi RM120 bilion seperti minyak sawit, getah, produk kayu, lada dan koko.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila Yang Amat Berhormat Bagan .

3.34 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam usul menjunjung kasih dan syukur ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa merasmikan Penggal Kelima Parlimen Yang Ketiga Belas. Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda bahawa sebagai rakyat Malaysia kita harus mendukung prinsip Perlembagaan Malaysia dan juga kesahihan dan juga integriti Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat.

Tentunya ia mesti merangkumi 13 buah negeri yang berdaulat termasuk negeri Pulau Pinang. Oleh itu, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga sebagai Ahli Parlimen daripada negeri Pulau Pinang ingin menyatakan bantahan saya ke atas cadangan yang dibuat oleh Menteri Wilayah Persekutuan bahawa Pulau Pinang dijadikan sebagai satu wilayah.

Cadangan seperti ini bertentangan dengan prinsip Perlembagaan Malaysia dan ia telah mendapat tentangan hebat daripada semua rakyat Pulau Pinang tanpa mengira lapisan, kaum, agama dan juga latar belakang. Semalam Tuan Yang di-Pertua, ada satu anjuran larian "Saya Sayang Pulau Pinang" yang disertai oleh lebih 10,000 ribu pelari yang membantah cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Saya harap beliau boleh menghormati sistem Perlembagaan Malaysia, menghormati negeri Pulau Pinang, menghormati kedaulatan

sebuah negeri termasuk juga rakyat yang mahu kuasa untuk memilih bukan sahaja ADUN, ahli Exco, Ketua Menteri dan juga dapat diwakili oleh ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Termasuk juga ada seorang Tuan Yang di-Pertua yang mewakili negeri Pulau Pinang secara sah. Saya harap beliau boleh sedar tentang kesilapannya, menarik balik dan meminta maaf kepada rakyat negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan Persekutuan adalah Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang sekarang agak sesak. Kami memang harap bahawa pihak kerajaan negeri boleh diberikan peluang untuk melihat atau menyaksikan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang supaya kita dapat terus menjana pertumbuhan pelancongan.

Tahun lepas ada sebanyak 6.7 juta penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang melebihi kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sebanyak 6.5 juta penumpang. Bilangan penumpang dijangka akan bertambah, lebih-lebih lagi apabila Pulau Pinang mendapat tempat sebagai satu destinasi pelancongan terunggul apabila CNN telah meletakkan Pulau Pinang di antara 17 tempat yang paling baik untuk dilawati di dunia. Daripada 17 tempat yang paling baik untuk dilawati di dunia, Pulau Pinang muncul nombor dua.

Ini adalah hasil bukan sahaja daripada kerajaan negeri tetapi juga pihak Yang Berhormat Menteri Pelancongan yang telah berusaha untuk mempromosikan negara Malaysia termasuk juga Pulau Pinang di persada antarabangsa. Sekiranya pelancongan bertambah di Pulau Pinang, ia juga akan bertambah untuk keseluruhan Malaysia. Oleh sebab itu, kami harap bahawa pihak Kerajaan Persekutuan bolehlah memperbesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Tidak ada masalah sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan hendak bina Lapangan Terbang Antarabangsa baharu di negeri-negeri lain. Tetapi kami tidak faham apabila negeri-negeri lain tidak ada kapasiti, mengapa kalau hendak bina, terus bina. Akan tetapi kenapa tidak besarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang telah melebihi kapasiti dengan penumpang yang kian bertambah?

Saya harap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bolehlah menjalankan tugas beliau sebagai seorang menteri untuk semua rakyat Malaysia dan bukanlah ingin membalas dendam politik atau menghukum rakyat Pulau Pinang kerana tidak mendapat tempat dalam hati rakyat Pulau Pinang.

■1540

Tolonglah lihat dari sudut kebangsaan kerana ini akhirnya akan memberikan manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia. Apabila Pulau Pinang mendapat tempat nombor dua dalam 17 tempat yang paling baik untuk dilawati oleh CNN, ini CNN. Ini bukan RTM. [Dewan riuh] Ini juga mengharumkan nama Malaysia kerana Pulau Pinang sebahagian daripada Malaysia. Oleh sebab itu kami harap dengan segera, besarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Pada masa yang sama, berkaitan dengan Pulau Pinang, saya harap pihak Kerajaan Persekutuan bolehlah mempercepatkan pelaksanaan projek Tebatan Banjir Sungai Pinang sebanyak RM150 juta yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri. Kami ucapkan terima kasih tapi kami harap bahawa RTB Sungai Pinang ini bolehlah disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong Titah Tuanku yang menyatakan bahawa perhatian perlu diberikan kepada golongan B40 yang menghadapi banyak cabaran ekoran kegawatan ekonomi dan juga kekangan kewangan. Salah satu punca utama kegawatan ekonomi dan kekangan kewangan adalah pelaksanaan GST. Pada 7 Mac, semasa jawapan soalan saya di Parlimen, Menteri Kewangan II telah mengakui bahawa pihak Kerajaan Persekutuan telah menjimatkan sekurang-kurangnya RM20 bilion tiap-tiap tahun ekoran pemansuhan subsidi minyak, subsidi minyak masak dan juga gula.

Sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan boleh menjimatkan RM20 bilion setiap tahun, mengapa perlunya ada GST yang membawa masuk RM20 bilion cukai tambahan ataupun pendapatan tambahan untuk Kerajaan Persekutuan? Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri adalah kerana Petronas telah kurangkan sumbangan sebanyak RM35 bilion berbanding dengan tahun-tahun yang lepas. Oleh sebab itu, sungguhpun ada penjimatan subsidi RM20 bilion, masih ada *shortfall* atau defisit RM15 bilion. Oleh sebab itu, perlukan GST untuk memenuhi *shortfall* ataupun kekurangan ini.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya nak cadangkan bahawa kita tidak perlukan GST. Kalau nak tutup *shortfall* ini, senang sahaja, mudah sahaja iaitu janganlah rasuah kerana mengikut laporan daripada *The Star* – Ini bukan laporan *Rocket* ataupun KEADILAN. Ini laporan *The Star*, menyatakan sekiranya sistem tender terbuka yang benar-benar berdaya saing ataupun rasuah dapat dihapuskan, maka Kerajaan Persekutuan boleh jimatkan sekurang-kurangnya RM27 bilion setiap tahun. Ini bermakna bahawa *shortfall* RM15 bilion yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II, memang ini dapat ditutup oleh tindakan tegas ke atas rasuah. Kalau perlu, tak perlu hapuskan rasuah, tak perlu hapuskan rasuah langsung. Hanya makan kurang sikit pun dah cukup iaitu sekadar RM15 bilion sahaja. Ada RM12 bilion boleh makan lagi.

Kita tak perlukan GST. Itulah sebabnya bila kita sarankan hapuskan GST tanpa menjejaskan BR1M, kita akan teruskan BR1M sebagai satu tanda ikhlas kepada semua penyokong Barisan Nasional. Kita teruskan BR1M. [*Tepuk*] Akan tetapi pada masa yang sama kita mampu mansuhkan GST sekiranya kita makan kurang sikit sahaja. Ini tidak akan menyebabkan bajet kita rapuh sama sekali dan ini dibuktikan Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di negeri Pulau Pinang tetapi juga di negeri Selangor di mana pemberian wang tunai dapat dikongsikan bersama dengan rakyat yang tidak dikongsi sebelum ini. Di Pulau Pinang, bajet yang diberikan kepada rakyat dikongsikan secara wang tunai hampir 12 peratus, di mana sejak 2008, sebanyak RM412 juta wang tunai diberikan secara langsung kepada rakyat yang tak pernah diberikan sebelum ini. Mengapa? Bukan kerana kita ada dapat wang daripada mana-mana pihak, tidak. Kerana kerajaan negeri bersih, tak makan wang. Asalkan tak makan wang, pasti rakyat boleh dapat wang.

Saya yakin bahawa kita dapat melaksanakan dasar yang serupa di peringkat Kerajaan Persekutuan iaitu mansuhkan GST tanpa menjejaskan BR1M. Dua kali menang. Dua kali untung dan rakyat boleh lebih lega. Tidak boleh dinafikan bahawa skandal 1MDB mempunyai kesan yang amat besar kepada rakyat dan saya harap bahawa kita boleh dapat satu penyelesaian. Saya yakin bahawa bukan sahaja *Corruption Perception Index* (CPI) oleh *Transparency International* akan bertambah baik sekiranya kita menjalankan siasatan yang menyeluruh ke atas 1MDB dan juga skandal *donation* tetapi keadaan ekonomi pun akan pulih. Keyakinan pelabur asing pun akan pulih dan langkah yang pertama kita harus lakukan ialah panggil suspek utama pulang. Mengapa tidak batalkan pasport Jho Low supaya dia boleh pulang dan pihak yang berkenaan tak kira SPRM ataupun pihak polis ataupun Bank Negara boleh siasat sampai lubuk cacing?

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Mengapa tidak dilakukannya? Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: **Saya memang bersetuju dengan cadangan yang diberikan – Nanti, tak cukup masa. Minta maaf - Yang dinyatakan oleh Titah Diraja iaitu daripada segi perumahan. Memang saya setuju bahawa kita mesti pastikan bahawa golongan B40 dapat memiliki rumah sendiri tetapi masalah yang kita hadapi Tuan Yang di-Pertua ialah pihak Kerajaan Persekutuan ataupun PR1MA ataupun kerajaan negeri boleh bina rumah. Akan tetapi rumah apabila siap dibina tetap akan kosong. Bukan kerana tak ada pemohon tetapi kerana tak boleh dapat pinjaman bank.**

Saya ingin memohon baik Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun Bank Negara untuk longgarkan garis panduan ataupun syarat-syarat pinjaman kepada golongan B40 atau golongan miskin. Kalau boleh sampai rumah yang berharga RM300,000. Pastikan mereka boleh dapat layanan istimewa supaya pembeli pertama akhirnya dapat memiliki rumah sendiri.

Saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana memang mengambil keprihatinan ke atas masalah ini dan juga bahawa kita bukan hanya jaga pemaju perumahan tetapi mesti jaga pembeli. Saya melahirkan harapan bahawa akhirnya pembeli-pembeli ada seorang pembela bukan seperti sebelum ini, hanya membela pemaju-pemaju perumahan sahaja. Saya nak sebut tentang kes Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di mana bekas Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyalahgunakan kuasanya, memihak kepada pemaju perumahan dengan memberikan lanjutan masa 12 bulan kepada pemaju yang merugikan 104 pembeli. Pemaju perumahan untung tapi 104 pembeli rugi kerana tak boleh tuntutan *liquidated damages*.

Saya nak tahu, berapa banyak LAD atau *liquidated damages* yang tidak dapat dituntut oleh semua 104 pembeli ini? Yang Berhormat Kota Belud, apabila beliau membuat keputusan untuk

memberikan lanjutan masa kepada pemaju perumahan, adakah beliau mendapat pandangan daripada pembeli-pembeli? Adakah beliau merundingkan perkara ini dengan pembeli-pembeli?

■1550

Ini penting Tuan Yang di-Pertua, kerana sebagai seorang Yang Berhormat Menteri bukan sahaja mewakili pemaju perumahan tetapi juga mesti juga mewakili pembeli-pembeli dan saya kesal bahawa perkara ini tidaklah diambil iktibar oleh Yang Berhormat Kota Belud sehingga dianggap sebagai penyalahgunaan kuasa oleh Mahkamah Tinggi.

Saya harap bahawa beliau belajar daripada kesilapannya jangan cuba untuk menganiayai pembeli-pembeli, janganlah rayu di Mahkamah Rayuan, tarik balik rayuan, tahu kesilapan, biarkanlah 104 orang pembeli dapat tuntutan bayaran daripada pemaju perumahan. Mengapa mesti, mengapa mahu terus membela pemaju perumahan?

Seorang Ahli: Makan rasuah.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Mengapa tidak mahu membela 104 orang pembeli, mereka semua pun orang kecil tetapi mereka harus ada hak untuk menuntut bayaran *liquidated damages* dan saya kesal bahawa yang bekas Menteri Perumahan ini nampaknya bukanlah Menteri Perumahan tapi Menteri Pemaju Perumahan.

Buktikan keikhlasan, tarik balik itu rayuan – ini Yang Berhormat Timbalan Menteri dia baik punya orang. Bukan yang dia bagi lanjutan so tidak ada masalah dengan dia. Akan tetapi yang bekas ini yang jahat, yang bekas ini Menteri yang jahat itu yang jadi masalah, yang ini dia baik, dia berhemah juga [*Ketawa*] yang bekas itu Yang Berhormat Kota Belud ini jahat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Minta bahawa dia tarik balik rayuan, jangan rayu supaya 104 orang pembeli boleh cepat dapat tuntutan bayaran..

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Yang Berhormat Bagan mohon laluan. Tidak bolehlah cakap bekas Menteri saya itu jahat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Jahat, memang jahat itu.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tidak boleh.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Memang jahat.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tidak boleh. Sangkaan jahat itu tidak boleh, berdosa, dosa. Tidak boleh itu Yang Berhormat Bagan, minta maaf. Bekas Menteri saya, saya sayang dengan dia, terima kasih Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Memang, Yang Berhormat Timbalan Menteri sayang, pemaju perumahan pun sayang sama dia. [*Ketawa*]. Akan tetapi, sekarang saya lebih sayang pembeli-pembeli biasa. Itu sebab saya minta sedar kesilapan dia tarik balik rayuan yang dia akan buat di Mahkamah Rayuan supaya 104 orang pembeli boleh tuntutan bayaran daripada pemaju perumahan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Yang Berhormat Bagan mohon laluan. Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya boleh minta *injury time*-kah...

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Satu *second* sahaja, please Yang Berhormat Bagan. Tuan Yang di-Pertua, kes ini sudah di bawah ke Mahkamah, rayuan telah difailkan oleh Jabatan Peguam Negara pada 3 Mac yang lalu. Jadi saya minta Yang Berhormat Bagan tolonglah jangan bincang pasal ini di Parlimen Tuan Yang di-Pertua kerana telah dibawa rayuan ini. Sudah tidak ada cerita batal kah apa, jadi kita tunggu – subjudis, terima kasih banyak.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Jadi saya minta tarik balik sahaja. Mana ada subjudis, kalau tidak mahu tarik balik okeylah, jahatlah [*Ketawa*] tapi kalau tarik balik tidak jahat, baik berhemah macam Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rujuk kepada masalah wanita kerana sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan hendak berjaya hendak menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju adalah perlu bahawa *female labour participation rate* dengan izin mestilah sampai ke tahap 60 peratus. Sekarang kita hanya 54 peratus dan sekiranya tidak sampai 60 peratus macam mana kita hendak jadi sebuah negara yang maju.

Untuk membolehkan ia sampai kepada 60 peratus yang penting ialah tentang penjagaan kanak-kanak. Anak-anak mereka mesti dijaga supaya mereka boleh bekerja dengan hati yang tenteram. Oleh sebab itu, kita harap bahawa pihak Kerajaan Persekutuan boleh memastikan penjagaan kanak-kanak memenuhi 3A *availability, accessibility, affordability* dengan izin.

So, di sini kita harap bahawa ini perlu diberikan perhatian supaya pihak Kerajaan Persekutuan boleh mencapai hasratnya menjadi sebuah negara maju dan sebuah negara berpendapatan tinggi. Seperti Perdana Menteri pertama *Great Britain*, Margaret Thatcher pernah menyatakan, *if you want something said ask a man, if you want something done ask a women*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, betul.

[*Ketawa*]

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tentulah, Yang Berhormat Tenggara setuju punya. So, itu yang saya cakap kita tidak bernasib baik masa itu beliau bukan Yang Berhormat Menteri, beliau hanyalah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Akhirnya, saya ingin minta pihak Kerajaan Persekutuan boleh jaga alam sekitar tiga perkara. Satu, berkaitan dengan hutan kita. Hutan kita ditarah dan saya lihat laporan bahawa ada 100,000 hektar hutan dekat Kelantan ditarah. Adakah ini benar atau tidak dan juga hutan di Ulu Muda di mana pembalakan dijalankan sehingga menyebabkan empangan di Ulu Muda turun sampai ke 26 peratus dan ini menjejaskan kawasan tadah air dan juga bekalan air

bukan sahaja di negeri Kedah tapi juga di Perlis dan di negeri Pulau Pinang. Kita harap tindakan boleh diambil dan berkaitan dengan tenaga nuklear.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Batang Sadong

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Beliau menyatakan bahawa minggu ini akan hantar kertas kerja ke Kabinet supaya dapat kelulusan untuk menjana kuasa tenaga nuklear.

Tuan Yang di-Pertua, kami amat bimbang kerana kerajaan ingin membina dua reaktor pengeluar tenaga nuklear. Ini amat bahaya saya menyatakan pendirian pihak kerajaan, pihak pakatan bahawa kita menentang Malaysia menjadi sebuah pengeluar tenaga nuklear. Ini adalah sesuatu yang menjejaskan keselamatan dan kesihatan rakyat Malaysia kerana kita tidak pakar, kita tidak ada kepakaran dalam perkara ini. Jangan menjejaskan kesihatan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepanggar. Lepas Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Kelana Jaya.

3.57 ptg

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan titah Diraja.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut merafakkan sembah tahniah ke atas titah ke bawah Duli Tuanku yang telah menyentuh semua aspek kehidupan rakyat baik kehidupan sosial dan ekonomi terutama dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu pada hari ini.

Tuanku juga telah memberikan pengiktirafan terhadap kerajaan di bawah pimpinan Yang Berhormat Pekan yang Baginda sifatkan telah mampu menggalas tanggungjawab dan memacu pertumbuhan ekonomi demi kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat. Ke bawah Duli Tuanku juga telah menyentuh tentang lawatan Raja Salman dan pelaburan daripada negara China.

Dua negara ini sering disebut sebagai 'negara RCEP' yang mempunyai kejayaan dan kekayaan yang tidak boleh dinafikan. Signifikan daripada kedua-dua negara gergasi ekonomi ini akan membantu negara meningkatkan kepercayaan pelabur lain untuk terus datang dan melabur ke dalam negara ini.

Peningkatan angka pelaburan asing bermakna membawa peluang kepada perniagaan vendor dan peluang pekerjaan baru demi kesejahteraan rakyat khususnya generasi muda dan golongan graduan yang menganggur.

Hari ini peniaga-peniaga dari negara China telah membuka perniagaannya di Sabah khususnya dalam bidang pelancongan di samping kita mengalu-alukan penyertaan mereka, terdapat banyak isu dan rungutan yang menimbulkan kerisauan para peniaga tempatan. Isunya peniaga daripada China ini telah terlibat dalam perniagaan *Bed and Breakfast* dengan izin, bas

pelancongan, memborong makan tradisional dan menjual semula kepada pelancong daripada negara China itu sendiri.

Mereka menganjurkan pakej melawat Sabah dengan *chattered flight* dan membolot semua peluang-peluang perniagaan bermula daripada lapangan terbang, bas pelancongan, penginapan, tempat makan dan restoran milik mereka sendiri dan lebih memeritkan lagi makanan tradisional Sabah mereka pasarkan secara langsung kepada pelancong-pelancong yang mereka membawa masuk.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata lain mereka membolot semua segmen perniagaan daripada A to Z. Tiada yang tinggal kepada peniaga tempatan. Justeru itu, kerajaan perlu memperkenalkan satu dasar di mana pelabur-pelabur ini hanya boleh terlibat dengan pelaburan dan perniagaan yang berskala besar dan mengehendakan aktiviti perniagaan mereka untuk dinikmati oleh peniaga-peniaga tempatan. **Kementerian juga menggubal dasar khas untuk melindungi para peniaga bumiputera khususnya yang baru berjinak-jinak dalam industri pelancongan.**

■1600

Saya memohon supaya Kementerian Pelancongan membantu pengusaha-pengusaha pelancong di Parlimen Sepanggar dengan memberikan peruntukan khusus untuk membina kemudahan-kemudahan awam seperti tandas dan bazar kraftangan di kawasan-kawasan tarikan pelancong. Untuk memberikan gambaran, setiap hari berpuluh-puluh bas pelancong datang ke Sepanggar untuk menikmati air terjun, hutan lipur, pergi ke pulau dan melihat kelip-kelip di waktu malam di Sungai Kolosunan.

Masjid Bandaraya Kota Kinabalu di Likas menerima kunjungan tertinggi pelancong pada setiap hari terutamanya pelancong daripada China, Taiwan, Hong Kong dan lain-lain. Sehubungan itu, saya mohon agar kementerian dapat membantu menaik taraf dan membina dataran kejut dan ruang letak kereta di sekitar kawasan Masjid Bandaraya di Likas. Pusat maklumat pelancong juga boleh disediakan sekali dengan pondok polis bagi membantu pelancong yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita maklum bahawa di samping iklim ekonomi dunia tidak menentu, namun pertumbuhan ekonomi negara tetap positif di antara 3.5 hingga empat peratus secara konsisten. Namun, realitinya kehidupan rakyat di bawah menerima tekanan akibat kos sara hidup yang tinggi khususnya kenaikan harga barang komoditi. Kita mampu untuk memberikan penjelasan apakah sebab-sebab kenaikan kos barang ini kerana subsidi telah ditarik.

Sebagai contoh, baru-baru ini heboh pasal kekurangan minyak sawit di pasaran. Rakyat Sabah tahu bahawa negeri Sabah pengeluar sawit yang terbesar dalam negara ini.

FELDA memiliki ladang yang terbesar di negeri Sabah. Soalnya, apakah sebabnya kekurangan minyak sawit di pasaran?

Saya difahamkan semasa di bawah MPOB dahulu, isu kekurangan ini tidak begitu ketara. Setelah KPDNKK mengambil alih, barulah timbul isu ini. Saya ingin penjelasan apakah punca kekurangan bekalan ini dan bagaimana cara kerajaan mengatasinya?

Saya dimaklumkan oleh beberapa pemain industri ini bahawa ketika di bawah MPOB dahulu, MPOB membayar pengilang mengikut jadual sedangkan di bawah KPDNKK, ia mengambil masa tiga, empat bulan untuk membayar kepada pengilang. Selain itu, pihak industri ini juga kurang berminat untuk menyediakan minyak masak bersubsidi kerana *operational cost* yang tinggi berbanding menggunakan botol dan mendapat harga yang tinggi di pasaran. Soalan saya, apakah ada asas dan kebenarannya bahawa kerajaan begitu lambat membayar dan apakah benar pengilang-pengilang tidak berminat untuk menyediakan minyak sawit secara paket?

Tuan Yang di-Pertua, apabila bahang pilihan raya kian dekat, kian terasa, maka timbullah parti-parti politik secara aktif menggegarkan suasana politik di dalam negara ini. Mereka mencari kelemahan dan memilih isu-isu yang menjadi kemarahan rakyat dan dijadikan modal politik. Saya sebut beberapa isu lokal yang amat popular dan mendapat sambutan hangat. Isu pertama, isu *Sabah for Sabahan*. Kedua, isu Perjanjian Malaysia 63, isu perjanjian pulangan hasil 40 peratus kepada Sabah, isu kenaikan 20 peratus minyak dan isu *federalism* ataupun perjawatan persekutuan.

Pada saya, isu-isu ini sudah pun ditangani oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat dengan pembentukan *special committee* yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Kimanis dan Yang Berhormat Tanjong Manis mewakili Sarawak. Masalahnya, rakyat Sabah masih ramai lagi yang terkeliru dan tidak menerima penjelasan. Apakah mereka ini terikut-ikut dengan slogan yang dibawa oleh parti pembangkang?

Soalan saya, dengan beberapa siri mesyuarat yang telah diadakan oleh Kerajaan Persekutuan ataupun oleh *special committee* ini, sekiranya terdapat asas yang kukuh berkenaan dengan tuntutan Sabah dan Sarawak, maka Kerajaan Pusat perlu membuat kenyataan bagi kepentingan semua pihak. Saya bimbang isu ini akan mempengaruhi minda rakyat Sabah dan Sarawak.

Hari ini sudah *viral* dalam media sosial *detail* berkenaan dengan Perjanjian Malaysia 63, maklumat berkenaan dengan penyingkiran Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965 dan yang menakutkan, isu 66 di mana saya terbaca dalam satu *WhatsApp* mengatakan bahawa laporan tragedi 66 ini, rekod ini ada di bawah Kerajaan Australia tetapi tidak boleh didedahkan kecuali mendapat kebenaran daripada Kerajaan Malaysia. Apabila isu ini ditimbulkan, ia mengundang satu persepsi baru iaitu kerajaan dilihat cuba menyembunyikan sesuatu— apakah yang menjadi sebab musabab tragedi itu berlaku. Sebab itu saya minta supaya kementerian yang berkenaan dapat memberikan jawapan terhadap isu ini dalam

Dewan ini supaya ia boleh meredakan isu ini daripada bermain daripada tangan ke tangan melalui *WhatsApp*.

Tuan Yang di-Pertua, dunia berubah mengikut putaran alam ibarat air yang mengalir ke laut tidak akan kembali ke hulu. Teknologi menguasai kehidupan sosial manusia, media alternatif sudah menduri daging kepada rakyat dan rakyat menuntut agar kerajaan menyediakan infrastruktur yang lebih baik daripada 3G kepada 4G dan kini rakyat bercakap tentang 4D. Dinamika kehidupan memaksa kerajaan bertindak pantas bagi memenuhi kehendak rakyat.

Saya sekali lagi membangkitkan isu pembinaan *tower* komunikasi dalam DUN Inanam bagi meningkatkan lagi capaian internet penduduk luar bandar. Malangnya, saya difahamkan semua permohonan *tower* dibekukan oleh kerajaan negeri. Kementerian Komunikasi dan Multimedia tidak berupaya melayan permohonan baru kerana kuasa penggunaan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Justeru itu, saya ingin tahu adakah tanah milik individu tidak boleh digunakan untuk membangunkan *tower* ini? Saya membangkitkan isu ini kerana keperluan mendesak rakyat bagi membuktikan bahawa kerajaan peka terhadap kehendak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara ini tidak lagi terasing daripada dunia luar. Itu membuktikan mereka bersama rakyat di negara-negara lain ingin menikmati kemudahan-kemudahan *internet* yang lebih pantas. Maka saya mohon supaya kementerian dapat memberikan jawapan sama ada kita boleh menggunakan tanah individu untuk dibangunkan *tower* tanpa melalui agensi-agensi lain bagi mempermudah proses pembinaan *tower* ini.

Tuan Yang di-Pertua dalam kes Jabatan Air, saya ingin menyentuh sekali lagi iaitu berkenaan dengan kes SPRM Jabatan Air. Apa yang menjadi *viral* pada hari ini adalah apabila kita terbaca dalam media sosial mengatakan tidak ada kes, tidak ada unsur-unsur rasuah tetapi SPRM mengambil tindakan di bawah akta *money laundering*, sedangkan sebelum itu dalam media sosial dan di *newspaper* heboh mengatakan bahawa kes Jabatan Air ini melibatkan RM3.3 bilion peruntukan Kementerian Luar Bandar ketika Yang Berhormat Semporna menjadi Menteri KKLW.

Soalan saya, kalau benar ada elemen rasuah, kalau benar ada elemen salah guna kuasa, apakah sebabnya SPRM tidak mengambil tindakan di bawah akta rasuah? Kenapa diubah menjadi *money laundering*? Ini yang menjadi kekeliruan rakyat kerana apabila timbalan pengarah yang disebut-sebut sebelum itu menjadi salah satu ejen dalam isu pemberian kontrak Jabatan Air dengan memberikan kontrak kepada kroni dan juga saudara mara mereka, tiba-tiba timbalan pengarah menjadi saksi kerajaan dalam kes *money laundering*.

■1610

Jadi, kita minta supaya Menteri berkenaan memberikan penjelasan dalam Dewan yang mulia ini supaya rakyat yang di luar sana dapat mengetahui kedudukan kes sebenarnya walaupun belum ada perbicaraan berjalan.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, isu-isu jabatan air juga iaitu...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Sepanggar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Penampang bangun, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Boleh minta penjelasan juga daripada Yang Berhormat Sepanggar bahawa kontrak-kontrak di Sabah adalah dalam kuasa Sabah dan bukan pusat seperti mana yang telah diucap oleh Yang Berhormat Sepanggar tadi bahawa Timbalan Pengarah telah memberikan kontrak kepada keluarga beliau dan disyaki telah memberikan kontrak kepada keluarga beliau dan *privatization* sebanyak 52 kalau saya tidak salah, *water treatment plants* di Sabah. Terima kasih.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Penampang, apa yang saya sebut itu adalah apa yang telah dilaporkan oleh media massa dan juga media sosial. Oleh sebab semua terbaca bahawa penyiasatan dilakukan melibatkan semua jurutera daerah, so maknanya memanglah prosedurnya itu di bawah bidang kuasa jabatan air sendiri.

Saya ingin teruskan Tuan Yang di-Pertua, lagi berkenaan dengan isu air. Lebih 10 tahun dulu, MINDEF telah menyusun semula setinggan di Teluk Sepanggar untuk membolehkan pembinaan Pangkalan TLDM itu diadakan dan para setinggan itu telah dipindahkan ke satu kawasan baru yang disebut sebagai Kampung Numbak. Bekalan air telah pun dilaksanakan. Kalau tidak salah saya dalam tahun 2007 atau 2008, bekalan air itu telah pun sampai ke kawasan tersebut. Akan tetapi sehingga hari ini, penduduk yang ingin menyambung ataupun meminta bekalan air ke rumah masing-masing, jabatan air tidak boleh meluluskan penyambungan air tersebut kerana dengan alasan projek tersebut masih lagi di bawah JKR. Maknanya, projek tersebut belum lagi diserahkan walaupun sudah mengambil masa lebih 10 tahun. Jadi, apa jadi kepada penduduk kampung yang ingin bekalan air? Pada masa ini, Jabatan Air Sabah hanya memberikan kebenaran *stand pipe* yang boleh disambung melalui *standalone pipe* di kawasan tersebut sedangkan rakyat berhak untuk mendapat bekalan rumah ke rumah.

Bekalan air ini juga bukan sahaja untuk penempatan semula bekas-bekas setinggan TLDM, tetapi untuk penduduk sekitar kampung-kampung di sekitar kawasan tersebut. Jadi isunya, di mana punca masalah ini, JKR tidak serahkan projek tersebut kepada jabatan air. Sehingga hari ini, ia menjadi masalah kepada penduduk-penduduk tersebut. Saya mohon supaya kementerian dan jabatan berkenaan menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya sepertimana yang kita terbaca dalam *newspaper* tempatan berkenaan dengan bekalan air KKLW di Pulau Gaya yang telah mendapat perhatian semua pihak.

Saya juga ingin mengulang semula permintaan saya terhadap permohonan jalan-jalan luar bandar di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah iaitu saya sebut sekali lagi:

- (i) naik taraf Jalan Telungan-Natai-Tempulan;
- (ii) naik taraf Jalan Telipok-Lawa Mandau;
- (iii) naik taraf Jalan Kiambalang-Babagon Toki;
- (iv) naik taraf Jalan Kampung Kokol-Sonsogon;
- (v) naik taraf Jalan Ulu Kiansam; dan
- (vi) naik taraf Jalan Ruminding.

Semuanya jalan yang saya sebutkan ini tidak sampai pun RM10 juta kosnya dan melibatkan lebih 10,000 penduduk yang memerlukan jalan tersebut. Maka, saya mohon supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kali ini memberikan tumpuan yang serius. Ini kerana dalam sidang yang lepas saya tidak dapat penjelasan yang baik daripada Menteri tentang apa yang saya sebut dalam ucapan saya. Kali ini saya mohon supaya nama-nama jalan itu disebut secara betul supaya ia dapat memuaskan hati kepada penduduk yang menanti kepada pembinaan jalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh tentang janji ditepati yang dibangkitkan dalam media sosial hari ini. Ini berkenaan dengan pembinaan Dewan Inanam, Pekan Inanam. Pada bulan Jun 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melawat kawasan Sepanggar dan *walkabout* di kawasan Pekan Inanam. Dalam majlis tersebut, Yang Amat Berhormat telah meluluskan peruntukan pembinaan sebuah dewan bernilai RM2 juta. Sejak 2012 sehingga pada hari ini, pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu tidak dapat melaksanakan projek tersebut kerana kos RM2 juta itu tidak sesuai untuk sebuah pekan yang mempunyai penduduk lebih 200,000 orang.

Tujuan dewan ini dibina pertama sekali selain daripada digunakan semasa musim-musim perayaan seperti sambutan Krismas, Pesta Menuai, Tahun Baru Cina, Hari Raya, tetapi setiap minggu penduduk di sekitar kawasan Inanam itu memerlukan sebuah dewan apabila mereka mempunyai kenduri kahwin. Tidak ada dewan yang besar yang boleh disewa dan masyarakat di sekitar Inanam ini terpaksa menyewa dewan di pekan lain sama ada di Menggatal ataupun di dewan di Penampang sedangkan peruntukan ini sudah pun ada di situ tetapi tidak mencukupi. Saya memohon supaya pihak Pejabat Perdana Menteri meluluskan ataupun menunaikan permintaan DBKK untuk mendapatkan sebuah dewan bernilai RM20 juta. Maknanya, hanya menambah sebanyak RM18 juta sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: ...Sekali lagi memberikan sokongan saya ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Akhir sekali, saya minta supaya Kementerian Pendidikan dapat melihat kembali berkenaan dengan sekolah-sekolah daif di kawasan Parlimen Sepanggar. Senarai yang memerlukan itu ada di Jabatan Pendidikan Negeri

Sabah dan yang paling kritikal pada hari ini ialah kekurangan kerusi dan meja. Boleh dikatakan semua sekolah rendah dalam kawasan Parlimen Sepanggar itu memerlukan kerusi dan meja.

Saya pun tidak faham, apakah sebabnya kementerian tidak dapat menunaikan permohonan sekolah-sekolah yang memerlukan kerusi dan meja. Dia bukan memerlukan bangunan baru, hanya kerusi meja sahaja yang bernilai kurang daripada RM200 satu set. Itu pun kementerian tidak dapat tunaikan. Jadi, saya mohon ini diberikan perhatian serius kerana sekolah sedang berjalan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tumbangkan BN. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

4.18 ptg.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan minta kerusi meja. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Di Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Mesyuarat Pertama tahun 2017. Oleh sebab pilihan raya sudah dekat, kita semua berdebar. Kemungkinan besar perbahasan ini adalah perbahasan Usul Menjunjung Kasih terakhir saya bagi penggal Parlimen ini. Oleh demikian, saya ingin memberi fokus terhadap isu terpenting yang dihadapi oleh negara kita iaitu isu rasuah ataupun *corruption*.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V telah dengan jelasnya menitahkan Dewan yang mulia ini untuk mengambil langkah mengatasi gejala rasuah yang kian berleluasa di Malaysia. Tahniah saya ucapkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas usaha mereka membongkar kes-kes rasuah penjawat awam yang melibatkan nilai berpuluh-puluh juta ringgit seperti kes Sabah Water. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita semua lebih arif dan lebih tahu bahawa penjawat awam yang rasuah bukanlah punca utama gejala rasuah di Malaysia. Punca utama rasuah adalah ahli-ahli politik sendiri.

■1620

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menceburi bidang politik sejak tahun 2009 dan telah dipilih sebagai Ahli Parlimen daripada tahun 2013. Sepanjang empat tahun ini, saya perhatikan bahawa isu *party finances* adalah isu terpenting dan saya sedar bahawa isu politik wang adalah punca terbesar masalah rasuah di Malaysia. Politik wang sekiranya tidak disekat dan dihapuskan akan menghancurkan negara kita dan ia akan menghancurkan juga parti-parti politik dan akan terus memiskinkan negara dan juga rakyat.

I am taking a non-partisan position on this, Tuan Yang di-Pertua. Setiap tahun, kerajaan BN melaungkan tekad mereka untuk membanteras gejala rasuah. Yang pelik, tiada ahli politik yang ditangkap. Yang kena tangkap hanya penjawat awam...

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Exco Johor.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Exco Johor? Ha, sayalah. Adakah penjawat awam jauh lebih berkuasa dari ahli-ahli politik termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita? Mustahil penjawat awam berani makan rasuah sekiranya tidak menerima sokongan ataupun arahan daripada individu politik yang jauh lebih berkuasa. Ingat, gejala rasuah ini bukan sahaja tersebar luas di kerajaan pusat tetapi juga seperti kawan baik, Yang Berhormat Pokok Sena yang potong *trip* saya tadi, bahawa ia juga berlaku di kerajaan Johor. Maknanya kerajaan negeri-negeri pun mengalami masalah yang sama seperti Sabah juga.

Tuan Yang di-Pertua, kes kleptokrasi terbesar di dunia adalah bukti Kerajaan BN pandai cakap hendak lawan rasuah tetapi memang tidak bikin langsung. Saya memang hairan dalam kes ini, yang kita tidak boleh sebut-sebut namanya. Ini telah menyaksikan seorang tauke Cina muda, *playboy* yang kuat berjudi dan suka menyembur arak kepada selebriti seperti Paris Hilton. Satu botol arak ini, RM100,000 satu. Tauke Cina ini tidak disiasat langsung tetapi kes ini telah melihat wakil rakyat Melayu, Yang Berhormat Pandan dihukum penjara.

Bagi saya, kita perlu mengkaji semula akar umbi gejala rasuah ini. Dengan izin, we *must identify the root cause of corruption and the root cause of corruption is corrupt politicians in a political party that enables politician to rise in the position of power.* Oleh demikian, sistem kewangan parti-parti politik perlu dipantau rapi. Demi mewujudkan Ahli-ahli Parlimen yang telus dan bersih daripada rasuah, kita mesti memperbaiki sistem kewangan parti-parti politik dahulu. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *to carry out anti-corruption reforms, we must start from the finances of political parties itself.* Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, peranan saya, pejabat saya khasnya ialah untuk melihat dasar-dasar politik dan juga dasar-dasar ekonomi.

Pada Februari tahun ini, saya telah mengeluarkan satu kertas kerja mencadangkan bahawa urusan kewangan parti-parti politik perlu bersifat lebih telus dan bertanggungjawab. Justeru, persoalan penting saya pada Dewan yang mulia ini adalah ini, tahukah Ahli-ahli Dewan ini, apakah kos keperluan tahunan setiap parti politik kita? *Does anybody here know, how much our own political party needs money? How much is the quantum?* Kalau Ahli-ahli Parlimen boleh pantau belanjawan Kerajaan Pusat, sebanyak RM 280 bilion setahun, kenapakah majoriti Ahli Parlimen tidak tahu langsung belanjawan parti masing-masing?

Saya telah meneliti perbelanjaan operasi parti politik yang mempunyai lebih kurang 500,000 orang ahli. Kita pakai satu sistem yang senang. Kita kira berapa *head count* dan kita boleh buat anggaran operasi itu. Penilaian kita menunjukkan bahawa dana sebanyak RM10 juta setahun cukup untuk satu organisasi politik sebesar 500,000 ahli. Oleh itu, parti UMNO yang mempunyai 3.5 juta *members* dia, tidak perlu dana sebanyak RM 2.6 bilion setahun tetapi cuma RM35 juta setahun. Kalau kita benar-benar ingin membanteras gejala rasuah, langkah pertama ialah mendedahkan penuh jumlah dana yang diperlukan oleh setiap operasi dan kos pembangunan setiap parti.

Selepas pendedahan belanjawan, langkah kedua, *the second step* ialah mendedahkan sumber dana perbelanjaan tersebut. Dengan izin, *political parties must declare the funds they need and then, where they get the funds from*. Untuk memastikan tiada unsur-unsur rasuah, dana parti boleh didapati melalui tiga proses yang bersih. Sumber pertama ialah potongan gaji ahli-ahli politik. DAP, PKR, kita mengamalkan 20 peratus potongan gaji kita untuk *support* termasuk juga Ahli-ahli ADUN. Kedua, ialah memastikan setiap ahli kita membayar yurannya. Kalau yuran dia cukup, boleh *cover* 33 peratus. Ketiga, aktiviti-aktiviti *fundraising* tetapi yang legal, yang memastikan bahawa kita tidak boleh menderma melebihi RM 10,000 seorang. Jangan bagi RM 2.6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *if political parties are transparent with their expanses and also transparent in how they raise the money...*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *...we can eliminate 70 percent of corruption in Malaysia*. Silakan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, dari kawasan mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kelana Jaya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya kerana Yang Berhormat Kelana Jaya tadi sentuh dana-dana dari *political party*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak ambil berapa minit, Yang Berhormat? Tujuh?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bernafas sekejap. Ini, Yang Berhormat Kelana Jaya tanya pandangan daripada kita ataupun sedikit nasihat. Saya mahu tanya. Saya tahu dia soal, semua kata Barisan Nasional. Saya mahu tanya, daripada DAP, daripada Pakatan Rakyat itu semua, macam mana? Dia kata mesti mahu *declare* semua. Dia kata berapa ini, cakap hanya cantik tetapi DAP sudah beli itu *headquarter*, macam mana? Duit dari mana? Dana dari siapa? Sampai hari ini pun tidak ada *declare*. Jangan cerita kongkalikung, syok sendiri tetapi sendiri pun tidak boleh buat. Sendiri pun tidak ada *declare*.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Buat dahululah. Daripada pembangkang, tunjuk dahulu.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Okey, terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kenapa?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Pertama, *you* kena tanya DAP dululah. Jangan tanya saya. Saya PKR...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya, tanya DAP lah. Itu sudah buat. Kamu daripada PKR pun sama.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Akan tetapi ini...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini cadangan daripada Pakatan Rakyat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ceritalah.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jangan tuduh orang. Kita sendiri tidak tengok balik kita punya keluarga, kita punya rumah macam mana. Yang hari-hari tuduh orang rasuah. Kalau *you* kata PKR tidak ada. Selangor macam mana? Tengok dulu. Kita tidak mahu buat tuduhan sahaja. Ingatlah, apabila mahu baling batu sama orang, mesti mahu ingat, orang pun boleh baling itu batu.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Okey, Yang Berhormat Bintulu, terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jangan jadi kongkalikung, syok sendirilah.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih. Yang Berhormat Bintulu, ini adalah satu cadangan daripada saya dan ia adalah cadangan baik partisan atau non-partisan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya lah kalau cadangan daripada kamu, mesti cantik.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Ya, duduklah dulu, Yang Berhormat Bintulu. Yang Berhormat Bintulu, itu sudah habis dua minit saya punya masa lah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Akan tetapi sendiri punya keluarga, macam mana hendak selesai mesti mahu soal juga.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Janganlah hari-hari ingat hendak hentam Barisan Nasional sahaja.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mungkin hari ini nasib tidak ada baik, jumpa Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Bintulu balun lah.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Bintulu *declare*, kalau Yang Berhormat Bintulu *declare*, kita pun boleh *declare*, Yang Berhormat Bintulu. Itu sahaja. Ini cadangan saya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bangun*]

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya *continue, please*. Yang Berhormat Bintulu, lain kalilah. Nanti kita keluar minum boleh.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Kelana Jaya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Bintulu hari-hari *declare* apa, bah? Apa lagi hendak *declare*? [*Tidak jelas*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani, bangun. Hendak bagi, Yang Berhormat?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Adakah yang Yang Berhormat cadangkan itu seperti yang sedang dan dilakukan di Jerman? Di Jerman, ada undang-undang bahawa setiap parti walaupun banyak mana dia belanja, siapa yang

dapat terima derma, daripada siapa, dia mesti *declare* dalam Parlimen. Maknanya, usaha untuk memaklumkan kepada rakyat itu berlaku. Adakah ini maksud Yang Berhormat Kelana Jaya?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Ya, memang betul, Yang Berhormat Sungai Petani. Yang Berhormat Sungai Petani baca banyak.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: *[Bangun]*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Ini cadangan saya sebab ini *term* terakhir kita untuk penggal ini. Jadi *opportunity* sebab Duli Yang Maha Mulia minta kita lawan, banteras rasuah. Ini saya tengok, saya pun daripada Kelantan, saya hormat raja kita. Saya kata, kita cubalah. Jadi ini cadangan saya. Memang non-partisan, Tuan Yang di-Pertua. Silakan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Kelana Jaya, boleh komen sedikit atau tidak, di mana Yang Berhormat Bintulu pernah berlaku di mana beliau beri RM10 juta kepada bekas presiden MCA ini.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Itu, iya lah, kita pun semua tahu tentang PKFZ semua itu tetapi kita tanyalah Yang Berhormat Bintulu itu sendiri, nantilah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Hello.*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Bagi saya, isu dia...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: PKFZ...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sekarang PKFZ buat minyak ada terbengkalai atau tidak?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sudah, tidak payahlah. Ini semak sahaja.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: PKFZ punya projek ada buat kesusahan atau tidak? Sekarang itu daripada Kerajaan Selangor, berapa kutipan derma dia? Ada cakap terima kasih atau tidak? Hari ini berapa puluh juta dia dapat? Tiap-tiap tahun, bukan sehari.

■1630

Kamu jangan kongkalikung. Kalau mahu *debate*, *[Tidak jelas]* marilah kita debat tidak ada masalah.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jangan *you* syok sendiri.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Tidak apa. *Relax* dulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* balun lain orang boleh, balun dulu boleh. Marilah sekali.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Tidak apa, sebab masa saya habis lima minit isu ini. *[Ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* jangan balun sama orang tidak boleh tahan.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Okey, tidak apa nanti...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Orang mahu tahan.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau kita balun sama kamu, tidak boleh tahan.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Bintulu, PKFZ masih lagi hutang kepada Kerajaan Negeri Selangor. Pergi *check* PKFZ punya *annual report*, *check* dulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kamu ini Yang Berhormat Serdang, ini kongkalikung. Kamu tahu apa? Kamu tahu apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang, *out of order*.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *Order please*.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] Buta huruf.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tak *prove* apa?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia semua butalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kamu Yang Berhormat Serdang, kamu syok sendirilah.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] Buta huruf. Pergi *check* laporan [*Tidak jelas*] audit.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih. Terima kasih Ahli-ahli Parlimen semua ya. Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang memberi fokus kepada isu PDRM. Pejabat kita...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Bintulu, boleh *slow down* sedikit. Okey terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Kelana Jaya...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bangun, hendak bagi?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Okey baik, kawan saya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya cukup bersetuju dengan pandangan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya. Akan tetapi saya merasakan ianya terlalu berbaik sangka. Apabila dikatakan bahawa seolah-olah segala rasuah adalah demi parti. Sedangkan kita tahu kadangkala yang alasan demi parti itu adalah hanya *cover up* dan ianya masuk dalam poket-poket peribadi dan tidak ada kena mengena pun dengan parti. Saya rasa itu sahajalah yang perlu ditambah untuk menentukan bahawa masalah rasuah itu benar-benar dapat diselesaikan bukan

sekadar ada *transparency* dari segi perbelanjaan parti tetapi perlu juga dari segi semua kontrak kerajaan dan sebagainya dan juga *beefing up of the MACC*.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih banyak Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam memang betul. Saya memang setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Shah Alam. Kebanyakan kita ahli-ahli politik, kalau kita ada kuasa kadang-kadang kita diminta oleh parti untuk cari dana. Cari dana ini boleh *legal* dan boleh *illegal*, betul tak. Apa yang kita tahu ialah kadang-kadang dana ini dijumpai tetapi tidak masuk parti pun. Jadi Yang Berhormat Shah Alam memang betul, saya setuju dengan perkara ini.

Bagi saya yang paling penting kalau kita hendak *honest politician, the party must be honest in dealing the issue*. Kalau tidak hancur negara kita. Ini adalah *both sides*, saya hendak buat *advisory* ini untuk kepada *government* dan juga *non-government*. Baik, saya kalau boleh lima minit ini tidak sempat ini tetapi tidak apalah.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Selangor bangun. Yang Berhormat hendak bagi?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Tidak payahlah Yang Berhormat, cukuplah, nanti-nanti. Sudah enam minit, tujuh minit hilang. Okey PDRM, isu PDRM di kawasan Kelana Jaya khususnya DUN Subang Jaya, Yang Berhormat Hannah Yeoh dan saya sangat bertuah kerana PDRM ini, pegawai-pegawainya memang cekap dan berhemah tinggi. Kita lihat *crime rate* kita turun dan kita ada *gated* dan *guarded* semua ini. Akan tetapi saya cuma hendak katakan ini sahaja, bagi saya persepsi terhadap PDRM bahawa mereka *corrupt* adalah berpunca daripada dua benda.

Pertama ialah apabila kita ada *traffic offends*, polis *stop* kita, dia akan minta RM50 untuk *settle*. Bila ramai orang kena ataupun adik dia kena, *cousin* dia kena, jadi persepsi itu ialah semua polis *corrupt*.

Kedua ialah seperti pagi ini saya dengar Ahli Parlimen ada seorang yang timbulkan isu tentang gejala maksiat. Ya, saya ingat Yang Berhormat Batu Kawan. Yang Berhormat Batu Kawan kata kawasan komersial kita penuh dengan tempat berjudi, refleksologi yang sebenarnya tempat pelacuran. Kalau semua ini berlaku secara open dan polis tidak ambil tindakan, maka persepsi polis ini bertambah bahawa mereka semua *corrupt*. Daripada dua punca ini, satu daripada *traffic offends*, satu daripada persepsi terdapat tempat-tempat perjudian yang terbuka, polis dinampak sebagai tersangat *corrupt*. Satu berpunca daripada *organize crime*.

Jadi bagi saya, pejabat saya memang kita satu dasar. Jadi kita telah tulis satu kertas juga tentang perkara ini dan kita *recommend* tiga benda. Pertama untuk *traffic offence*. Semua ahli *police traffic* kena pakai *body camera* dan *body camera* ini tidak mahal. Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh pergi Lazada tengok RM500 satu biji, *it's not expensive*.

Kalau kita kira perkiraan untuk pantauannya atau *recording* nya dan juga *reexamination of the data*, ia akan melibatkan sebanyak RM1,500 setahun. Maknanya mesin campur pantauan adalah cuma RM2,000 setahun satu unit. Di Malaysia kita ada enam ribu orang *traffic police*. Kalau

semua *traffic police* pakai kosnya RM12 juta setahun. *The police can improve their image 100% by just installing RM12 millions of investment a year.* Bagi pejabat saya, kita buat perkiraan macam ini sebab saya rasa ini adalah dasar yang betul.

Kedua, kita kena bayar gaji polis kita meningkat setaraf dengan Singapura ataupun Hong Kong. Kenapa Singapura dan Hong Kong? Oleh sebab kedua-dua ini adalah negara yang terbaik di Asia mengenai *police corruption at the minimal level.* Berapakah gaji yang kita kena bayar? Bukan RM2.6 bilion setahun tetapi RM2.5 bilion sahaja, kita *save RM100 million.* Akan tetapi kita boleh pastikan semua ahli polis kita boleh hidup bukan selesalah tetapi sekurang-kurangnya *this incentivize them from corruption.* Maknanya dia boleh hidup dengan bangga dan boleh buat kerjanya dengan baik.

Kita lihat di Subang Jaya dan kita rasa bahawa polis ini aspirasinya boleh mencapai status seperti apa yang berlaku di Subang Jaya. Bagi saya, SPRM seperti kawan baik saya Yang Berhormat Shah Alam kata tadi itu, memang SPRM kena *100% independent.* Maknanya bajetnya bukan melalui Perdana Menteri, bajetnya kena terus daripada Parlimen dan dia kena *report* balik kepada Parlimen.

Baik dalam satu minit lebih, kalau boleh kita tambah satu minit, dua minitlah sebab mereka kacau banyak tadi. Saya hendak sentuh dua perkara yang penting dari segi ekonomi. Pertama ialah tentang pelaburan negeri China. Pada saya, saya memang sokong apa pelaburan pun daripada India ke, daripada Afrika pun kita terima. Cuma kita kena faham bahawa pelaburan China ini ada *geopolitical cost* nya. Kita kena bayar satu benda itu. Jadi saya minta Ahli-ahli Dewan, apabila kita berdepan dengan isu berbilion-bilion, beratus-ratus bilion punya *investment* kita kena faham bahawa *we can only negotiate if we are in the strong position.* Maknanya kerajaan kita tidak boleh terdesak apabila kita berunding. Ini *basic one on one negotiation.* Akan tetapi kalau kita teruskan berbelanja tidak pakai sistem langsung, tidak ada *check and balance*, susah kita hendak *negotiate* dengan China. Negara China akan ambil *advantage* yang penting dan kita akan bayar semua ini, anak-anak kita, cucu-cucu kita akan bayar.

Kedua tentang Saudi Arabia. Saya sokong, saya memang peka dan rasa terharu kepada Duli Yang Maha Mulia kerana beliau ada peranan untuk membawa *King Salman* ke sini. Akan tetapi kenapa ada ahli-ahli politik yang lain yang mempermainkan isu ini dan kata ini isu *confirmation* RM2.6 bilion ini betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi satu data yang betul. Pada bulan Disember 2016, *King Salman* menderma 20 juta riyal bersamaan RM23 juta kepada Syria. *Humanitarian Aid to the entire Syrian people, 23 million people received only RM23 million.* RM1 seorang, mustahil *King Salman* boleh bagi satu orang yang kaya yang berkuasa RM2.6 bilion. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Jadi bagi saya, saya cuma akhiri dengan kata *I hope both the house can work together, can try to find some meaning to why we are here as Parliamentarian*. Dengan ini saya menyokong usul Titah Diraja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerantut.

4.39 ptg.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk turut sama dalam membahaskan Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Dipertuan Agong dalam merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima pada 6 Mac yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak bidang yang telah disentuh oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri membuktikan keprihatinan Baginda yang mendalam terhadap suasana negara termasuk dalam pelbagai sektor yang melibatkan rakyat jelata terutamanya. Izinkan saya untuk mengambil sedikit petikan daripada Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, terutamanya saya hendak fokuskan kepada masalah pengurusan alam sekitar.

■1640

Titah Baginda, *“Kerosakan alam sekitar akan menjejaskan kehidupan dan mengambil masa yang lama untuk dipulihkan sepenuhnya serta melibatkan kos yang tinggi. Justeru, Beta menggesa semua pihak untuk menghargai dan melindungi alam sekitar alam semula jadi serta tidak memusnahkan keseimbangan ekologi. Contohnya, di Cameron Highlands. Undang-undang hendaklah dikuatkuasakan sepenuhnya demi meningkatkan keyakinan rakyat bahawa kerajaan serius dalam menjaga dan memulihara pengekalan alam sekitar. Beta juga menyeru supaya rakyat mengamalkan gaya hidup hijau seperti menggunakan tenaga dan air dengan cekap ke arah mencapai matlamat untuk negara menjadi ekonomi rendah karbon. Selain itu juga, masyarakat perlu lebih prihatin serta tidak membuang sampah merata-rata dan keadaan tandas-tandas awam hendaklah diberi keutamaan dalam kebersihan.”*

Tuan Yang di-Pertua dan sidang Dewan sekalian. Sejak akhir-akhir ini negara dihambat dengan masalah yang berkaitan dengan pengurusan alam sekitar. Antara isu-isu yang sering kali terpapar di media-media masa ialah isu-isu yang berkaitannya seperti banjir luar biasa di Kelantan yang berlaku pada tahun 2014, air sungai merah akibat pencemaran bauksit di Kuantan, gangguan bekalan air di Selangor dan juga di Wilayah Persekutuan, penerokaan tanah secara haram dan berleluasa di Cameron Highlands, kekeringan air dalam beberapa empangan di seluruh negara, terutama ketika musim kemarau, konflik binatang liar dengan manusia akibat daripada habitat mereka, habitat binatang-binatang liar ini telah diganggu gugat oleh manusia.

Tuan Yang di-Pertua, semuanya ini berkait rapat dengan pengurusan alam sekitar yang tidak mampu diurus secara mapan oleh kita. Kita melihat setakat ini kita punya undang-undang yang berkait rapat dengan alam sekitar. Misalnya, Akta 127 yang melibatkan kualiti alam sekeliling pada tahun 1974, Akta Perhutanan Negara dipinda pada tahun 1992 yang mengenakan penalti

RM10,000 atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya sekali atau denda maksimum RM500,000, sekurang-kurangnya satu tahun penjara. Berdasarkan kepada data yang ada sehingga tahun 2014, kawasan negara kita yang masih lagi berhutan ataupun terdiri daripada kawasan hutan berjumlah 55.34 peratus, di mana di Semenanjung masih lagi mempunyai saiz yang boleh juga kita banggakan, 5.8 juta hektar. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini data pada tahun 2014. Bagaimana pula data terkini? Apakah saiz hutan kita masih lagi bersaiz seperti yang saya nyatakan tadi?

Di sebelah pagi tadi Yang Berhormat Menteri telah pun menyatakan, mengikut dapatan, hutan simpan telah diceroboh lebih kurang 19,700 hektar. Walaupun angka ini belum dapat dipastikan lagi tetapi telah ternyata bahawa saiz hutan kita semakin mengecil. Bagaimana kita hendak pastikan dengan undang-undang yang sedia ada ini kita dapat mempertahankan saiz hutan yang ada di negara kita. Kerajaan kita dapati ada mempunyai Pelan Strategik tentang pengurusan hutan daripada tahun 2008 hingga tahun 2020 yang dipinda pada tahun 2010 untuk memastikan amalan baik dari segi pengurusan hutan. Akan tetapi kita melihat saiz hutan kita masih lagi dijajah secara rakus oleh pengusaha-pengusaha yang berkaitan dengan hutan ini. Sama ada pembalakan ataupun pengurusan pembukaan kawasan-kawasan perlombongan. Persoalannya, mengapakah masih lagi tinggi kes-kes pengusaha yang rakus ini berleluasa dan bermaharajalela seolah-olah kita tidak mampu untuk menahan gerombolan kedatangan mereka ini. Tuan Yang di-Pertua, natijah daripada ini, rakyat yang merana dan sengsara akibat daripada perkembangan penebangan hutan-hutan dan juga kawasan perlombongan.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak terkecuali di kawasan saya di Parlimen Jerantut. Sejak akhir-akhir ini, sudah lebih kurang satu tahun akibat daripada konflik haiwan liar seperti gajah yang habitatnya diganggu, maka ia telah juga memberi gangguan kepada penduduk di sekitar Jerantut. Saya tidak nafikan ada usaha yang dibuat oleh Jabatan PERHILITAN untuk berikhtiar, berusaha supaya gajah ini tidak mengganggu ketenteraman penduduk. Akan tetapi usaha mereka setakat cuba menghalau. Hendak halau gajah Tuan Yang di-Pertua, bukan menghalau kambing. Kalau kambing senang tetapi gajah ini, orang pun takut hendak halaunya menyebabkan ia sudah menjadi bahan suka atau bahan ejekan sebahagian penduduk Jerantut kepada usaha Jabatan PERHILITAN.

Lebih parah lagi dalam mereka hendak menghalau gajah-gajah ini, yang ditangkap, yang didakwa ialah terdapatnya sebahagian kecil, seorang sahaja rakyat di Jerantut ini, beliau yang mungkin kurang arif tentang undang-undang-undang-undang menangkap burung serindit. Tiba-tiba yang ini didakwa di mahkamah sedangkan kes gajah masih lagi berleluasa. Jadi, saya harap pihak kementerian, para pegawai dalam melaksanakan tugas itu cubalah memilih kepentingan. Kalau agenda besarnya hendak halau gajah, mengapa pemburu serindit yang ditangkap? Minta maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, kalau undang-undang-undang-undang kita ini teruk sangat, maka kita perbaiki supaya kita tahu di mana yang benar-benar patut kita perkasakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya lagi, mengapa kita masih gagal menguruskan alam sekitar dengan lebih berkesan? Adakah undang-undang kita tidak perkasa? Kalau undang-undang kita belum lagi diperkasakan, seluruh Ahli Dewan ini sepatutnya bersetuju nanti sekiranya sebarang pindaan yang dibuat untuk memperkasakan undang-undang yang berkaitan dengan alam sekitar kita, harap semuanya mendapat sokongan agar kita boleh tinggalkan negara kita ini nanti kepada zuriat yang akan datang dalam keadaan alam sekitarnya terpelihara. Saya mencadangkan kementerian supaya menubuhkan skuad khas seperti mencontohi Polis Diraja Malaysia. Mereka ada kumpulan yang dinamakan STING untuk membanteras dadah ataupun K9 dalam bertindak terhadap jenayah. Ini kerana penjenayah hutan ini, penjenayah alam sekitar ini lebih licik daripada kumpulan-kumpulan yang lain dalam melaksanakan visi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan antara kesan besar lagi dalam pengurusan alam sekitar ini ialah kira-kira RM40 juta dibelanjakan oleh TNB dalam usaha untuk memindahkan mendapan lumpur di empangan Sultan Abu Bakar di Cameron Highlands. RM40 juta dibelanjakan setiap tahun untuk membuang kelodak ataupun mendapan tadi akibat daripada pembangunan yang mungkin kurang teratur di kawasan atasannya. RM40 juta bukan sedikit. Kalau kita buat rumah orang miskin, rumah PPRT yang berharga RM40,000 sebuah, kita boleh dapat 1,000 buah rumah dapat dibina untuk kepentingan orang miskin dalam masa setahun. Kerajaan Pusat boleh membuat peruntukan khas kepada negeri-negeri yang masih lagi ada kawasan hutan ini supaya mereka tidak bangunkan, supaya mereka tidak tebang balak-balak mereka ini, supaya mereka jaga hutan ini. Sebagai pampasannya, Kerajaan Pusat perlu menyediakan dana khas untuk memastikan negeri yang masih lagi menyimpan hutan ini agar mereka juga mendapat peruntukan menggantikan hutan-hutan yang tidak ditebang.

■1650

Dalam masa yang sama, kita melatih rakyat kita, melatih kerajaan negeri kita, melatih juga pemimpin Kerajaan Pusat ini agar menukar pendapatan daripada penebangan balak ini tukar kepada pendapatan kerana menjaga hasil hutan negara. Kalau kita boleh datang, boleh jemput pelancong-pelancong untuk datang melihat kelebihan kawasan kita ini kerana ia kaya dengan flora dan fauna yang kurang terdapat di tempat lain. Usaha mendidik perlu diperkasakan untuk generasi akan datang. Mungkin boleh bagi anak angkat kepada sekolah-sekolah ataupun kampung-kampung dalam menguruskan kawasan-kawasan hutan tertentu yang telah dimusnahkan oleh pihak-pihak tertentu tadi.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang kerisauan baginda tentang jaminan bekalan makanan yang mencukupi dan berkualiti dengan harga yang berpatutan untuk rakyat negara kita. Statistik menunjukkan import makanan negara berjumlah dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini berjumlah RM221 bilion merupakan angka yang sangat tinggi. Mengapa kita masih bergantung terlalu banyak kepada import makanan sedangkan kita banyak agensi yang terlibat dengan usaha-usaha untuk menghasilkan hasil pertanian dalam negara seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, pihak RISDA, FELDA, tidak terkecuali juga FELCRA dan juga Lembaga

Pertubuhan Peladang. Kita harap agensi-agensi ini tidak hanya sebagai penyambung import menambahkan senarai pengimport bahan-bahan makanan tetapi sebaliknya menggunakan peruntukan yang sedia ada di pihak mereka agar membangunkan industri pertanian ini di dalam negara.

Kalau kita melihat sebagai contoh, sejak akhir-akhir ini FELCRA misalnya berusaha untuk menambah bekalan makanan negara melalui mengimport bahan makanan. Saya difahamkan FELCRA mengimport ikan sardin daripada Filipina, ikan tuna dari Indonesia dan akan mengimport daging daripada Argentina. Sepatutnya duit ini digunakan untuk membangunkan ternakan haiwan, ternakan lembu, kambing atau kerbau dalam kawasan-kawasan ladang mereka dan sekali gus kalau ini dapat dibuat, ia akan meningkatkan pendapatan peserta FELCRA. Ini kerana saya difahamkan di kawasan Parlimen Jerantut sendiri ada peserta FELCRA yang mendapat pendapatan secara— daripada FELCRA ini lebih kurang RM150 untuk tiga bulan.

Jadi mungkin melalui pendekatan membesarkan unsur pertanian ini, dalam bidang pertanian ini di kawasan-kawasan kawalan mereka sekali gus kita boleh meningkatkan pendapatan peserta FELCRA ke angka yang lebih munasabah. Kita lihat kerana import daging negara setakat ini kita banyak bergantung kepada luar. Daging sahaja, negara mengimport lebih kurang 70 peratus daripada sumber luar sedangkan negara kita kalau setakat ternak lembu, daging dan kerbau itu tidak ada masalah. Cuma mungkin usahanya tidak digembleng secara bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang TN50. TN50 ini merupakan satu perancangan yang sangat bijaksana kerana ia melibatkan golongan sasaran. Kita mengajak orang muda atau para belia ini bagaimana hendak mencapai hasrat negara dalam 30 tahun yang akan datang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Minta maaf, Yang Berhormat Shah Alam. Lima minit. Nanti kalau sudah habis yang saya ini, saya akan persilakan. Tidak apa, jangan bimbang. Saya ingin memetik Imam Ghazali punya pandangan yang menyatakan untuk melihat masa depan negara, lihatlah orang mudanya. Jadi langkah yang dibuat oleh kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib merupakan satu langkah tepat. Cuma, saya mengharapkan agar dalam usaha untuk memastikan TN50 ini, matlamatnya tercapai, maka kita mesti membuat pendekatan secara menyeluruh kepada semua kawasan di seluruh negara ini termasuk juga di kawasan saya, Jerantut, Sekijang, Lipis terutamanya dari segi kemudahan-kemudahan pendidikan.

Kerajaan telah menjanjikan Jerantut ini hendak dibina sekolah berasrama penuh dalam Bajet 2016. Jadi saya mengharapkan Kementerian Pendidikan tidak terlupa kerana sekarang sudah bulan Mac. Begitu juga hasrat untuk melihat belia-belie kita ini selamat dalam tempoh yang akan

datang ini. Jadi peningkatan, kemudahan prasarana berkaitan dengan keselamatan ini mengikut Titah Tuanku ialah akan diperbaiki apabila suasana ekonomi negara kita bertambah baik.

Perumahan belia terutamanya generasi kedua untuk pastikan mereka ini dapat rumah betul terutamanya di generasi kedua FELDA. Saya sangat mengharapkan agar FELDA dan kerajaan-kerajaan negeri bekerjasama agar sekurang-kurangnya memberikan tapak rumah kepada generasi kedua. Tidak perlu bagi rumah, sekadar memberikan tapak rumah dan rumahnya boleh dibantu pembinaannya selepas mereka dapat tapak rumah. Saya hendak mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri DiRaja Haji Adnan Yaakob kerana memberikan laluan istimewa kepada FELDA dalam menguruskan tapak-tapak rumah kepada generasi kedua FELDA ini.

Sedikit sahajalah. Boleh sikit sahaja.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sedikit sahaja? Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Lambat, Yang Berhormat Shah Alam bangun. Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta cadangan daripada Yang Berhormat Jerantut supaya semua kerajaan negeri yang mempunyai kawasan FELDA ini menggunakan konsep yang sama seperti yang Kerajaan Negeri Pahang telah laksanakan untuk membantu generasi kedua FELDA untuk memudahkan mereka mendapatkan lot-lot tapak tanah ini. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Sila, Yang Berhormat Shah Alam. Sikit sahaja. Kalau banyak saya potong.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Jerantut dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya ini berhubung soal hutan. Hutan simpanan dan pengawalan terhadap industri pembalakan. Saya ada terbaca tetapi ia berhubung dengan negeri Kelantan tetapi saya inginkan Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan secara umum kononnya ada satu perjanjian konsesi selama 30 tahun yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Kelantan dengan sebuah syarikat swasta yang melibatkan apa yang dinamakan sebagai *carbon credit trading* iaitu keadaan di mana negeri Kelantan ada banyak hutan. Dia boleh niagakan *credit carbon*-nya untuk diniagakan dan syarikat ini diberikan konsesi selama 30 tahun. Saya hendak minta Kerajaan Pusat ataupun menteri yang berkenaan untuk menjelaskan pendirian kerajaan....

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Okey, okey Yang Berhormat Shah Alam. Saya sudah faham sudah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Berhubung dengan perkara ini. Saya harap Yang Berhormat Jerantut boleh masukkan permintaan saya itu. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Ini kerana dia minta penjelasan, jadi minta Yang Berhormat Menteriilah. Tidak payah guna masa saya. Okey, terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Sekijang dan terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Masukkan dalam ucapan saya. Terima kasih.

Cuma seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, untuk saya menarik perhatian Dewan ini khususnya kerajaan tempatan ialah mengenai sejak akhir-akhir ini terlalu banyak sangat pusat-pusat judi sama ada yang berlesen ataupun tidak berlesen. Ibarat macam cendawan tumbuh. Termasuk juga di kawasan Jarantut. Ada pula sesetengah itu bertopeng. Di bawah dikatakan pusat hiburan keluarga. Kalau pusat hiburan keluarga, mengapa ada unsur-unsur judi? Saya pun tidak faham bagaimana diistilahkan pusat hiburan keluarga ini kalau tertutup, ada pula CCTV, ada pula pengawal, hendak masuk ini hanya orang-orang tertentu sahaja yang boleh masuk. Jadi saya minta kerjasama pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui PBT agar dapat membanteras semua pusat-pusat ini sama ada dia berlesen ataupun tidak berlesen.

Ini kerana yang menderitanya rakyat. Hujung bulan, kosong. Semua diserahkan kepada pusat-pusat judi ini. Apakah kita rela keadaan rakyat kita dihambat oleh isu-isu perjudian ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini oleh kerana masa pun sudah habis walaupun orang curi masa saya, menyokong Titah Diraja dalam perasmian Dewan yang baru ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pandan.

4.59 ptg.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan berucap untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi Mesyuarat kali ini.

■1700

Demi masa sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian. Oleh kerana masa semua suntuk dan banyak yang mencuri jadi saya akan terus sentuh perkara yang paling penting bagi sebahagian besar rakyat Malaysia iaitu harga minyak.

Tuan Yang di-Pertua, dua minggu yang lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengumumkan pengenalan harga petrol dan diesel yang akan diubah setiap minggu. Setakat ini tidak ada maklumat yang jelas hanya disebut tentang akan disemak setiap minggu dan akan ada harga siling juga mengenai dengan permintaan daripada Persatuan Pengendali Stesen Minyak yang mahukan jaminan keuntungan dan kos mereka itu dinaikkan.

Saya perhatikan ada banyak serangan ke arah saya daripada *cybertrooper* UMNO dan juga JASA yang cuba kononnya mengaitkan perkara itu dengan saya. Katanya saya yang minta supaya harga diapungkan dan saya juga yang minta supaya disemak setiap minggu. Memang betul saya yang paling banyak bersuara mengenai mekanisme menetapkan harga minyak sejak dua tiga tahun yang lalu. Mungkin kerana latar belakang saya daripada Petronas tetapi yang paling penting kerana isu minyak adalah isu yang paling membebankan rakyat. Harga minyak naik tambah pula dengan GST, itu menjadi bebanan yang tersangat besar kepada rakyat di seluruh negara.

Soal penetapan harga minyak mula jadi lintang-pukang sebaik sahaja Yang Amat Berhormat Pekan menghapuskan terus subsidi minyak dalam bulan Disember 2014 dan untuk rekod Dewan, Yang Amat Berhormat Pekan adalah satu-satunya Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang semasa pentadbiran beliau subsidi minyak dihapuskan terus, tidak pernah berlaku dalam sejarah negara kita ini sejak tahun 1974. Alasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Pekan ialah kerana kerajaan tidak ada wang. Alasan itu tidak boleh diterima oleh rakyat terutamanya apabila melihatkan jenis dan jumlah perbelanjaan hasil daripada petroleum setakat ini.

Saya hendak kongsi Tuan Yang di-Pertua, dengan Dewan dan juga yang menonton di luar, ini adalah perangkaan rasmi daripada Perbendaharaan yang boleh didapati di www.treasury.gov.my iaitu hasil Kerajaan Persekutuan dari tahun 1970 sehingga 2016 yang terkini. Daripada perangkaan itu boleh dijumlahkan pendapatan Kerajaan Persekutuan dari tiga sumber yang jelas datang daripada sumber petroleum iaitu PITA ataupun *Petroleum Income Tax*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, royalti dan juga dividen Petronas. Saya tidak campur pun lagi dari segi keuntungan dari cukai-cukai lain, dari GST, daripada lesen, daripada import duti saya tidak campur. Saya hanya campur tiga yang memang jelas hasil sumber petroleum, dividen Petronas, royalti minyak dan juga cukai pendapatan petroleum.

Saya hendak bantangkan kepada Dewan mengikut Perdana Menteri sebab saya hendak bagi ranking dan carta lima yang paling tertinggi, yang paling banyak belanja wang minyak negara. Perdana Menteri yang kedua, Tun Razak membelanjakan RM1 bilion dalam tempoh beliau berkhidmat iaitu menjadi purata RM175 juta setahun wang minyak dibelanjakan. Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn membelanjakan RM8 bilion dalam tempoh beliau berkhidmat bersamaan RM1.6 bilion setahun. Perdana Menteri keempat, Tun Mahathir Mohamad sepanjang 22 tahun beliau menjadi Perdana Menteri membelanjakan wang minyak RM163 bilion bersamaan RM8 bilion setahun.

Perdana Menteri kelima, Tun Abdullah Badawi membelanjakan RM204 bilion sepanjang beliau berkhidmat bersamaan dengan RM41 bilion setahun tetapi sudah tentu jaguh di dalam semua jaguh ialah Perdana Menteri yang keenam, Yang Amat Berhormat Pekan yang setakat berkuasa dari tahun 2009 hingga 2016 telah membelanjakan RM376 bilion ataupun bersamaan RM54 bilion wang minyak setiap tahun. Tuan Yang di-Pertua, memang jelas kita ada di kalangan kita seorang Perdana Menteri yang dah jadi juara yang mengatasi semua Perdana Menteri yang lain...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rompin bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat Rompin bangun.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya bagi Yang Berhormat Rompin kemudian bukan sekarang. Biar saya habiskan dahulu bahagian ini ya. Yang Amat Berhormat Pekan sudah jadi juara mengatasi semua Perdana Menteri yang lain bukan sahaja dalam soal belanja wang minyak. Yang Amat Berhormat Pekan menjadi juara dari segi hutang paling tinggi. *[Tepuk]* Yang

Amat Berhormat Pekan sudah jadi juara dari segi skandal kewangan paling besar, dia juga juara [*Tepuk*] di dunia. Dari segi juara dunia dia juga juara masih lagi belum dicabar dari segi penerima derma paling tinggi dalam sejarah dunia. [*Tepuk*]

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, minggu lalu saya tanya Yang Amat Berhormat Pekan tentang satu pelaburan kerajaan dalam dua buah projek mewah di Langkawi. Saya tanya dan saya hendak bawa perhatian Dewan sekarang kerana perbelanjaan mewah ini berlaku dalam keadaan pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan bagi alasan kerajaan tidak ada wang untuk bagi subsidi minyak.

Jadi saya hendak tunjukkan, dia kata wang tidak ada tetapi dia belanja dalam dua projek mewah yang bila dibentangkan saya yakin rakyat di luar akan marah. Satu ialah pembabitan pelaburan kerajaan menggunakan wang rakyat di dalam satu hotel mewah Hotel St. Regis di Langkawi dan satu lagi ialah pembinaan Langkawi International Convention Centre ataupun Pusat Persidangan Antarabangsa Langkawi (LICC).

Saya sebut dua-dua ini juga dan saya pilih dua yang ini bukan sahaja sebab ia mewah tetapi ini adalah dua projek mewah hasil usaha sama wang rakyat dengan sahabat baik Yang Amat Berhormat Pekan, Tan Sri Peter Sondakh daripada Indonesia. [*Dewan riuh*] Siapa yang tidak kenal baiknya Tan Sri Peter Sondakh dengan Yang Amat Berhormat Pekan? Ramai-ramai orang yang kenal, sudah tentu yang paling kenal Yang Berhormat Jempol dan Yang Berhormat Johor Bahru. Gara-gara FELDA terpaksa membeli saham yang dimiliki oleh Peter Sondakh di dalam PT Eagle High Plantation pada harga tiga kali ganda lebih mahal, Yang Berhormat Jempol direhatkan dan bersara daripada FELDA.

Gara-gara yang sama juga, Tan Sri Peter Sondakh juga, Yang Berhormat Johor Bahru kena ambil tempat ganti untuk bagi jawapan. Tidak sudah dia hendak cuba bagi jawapan kenapa beli saham harga mahal, Yang Berhormat Johor Bahru pula ada soalan sendiri pula, mana pergi wang FGV, RM4.3 bilion? [*Tepuk*] Jadi sebab itu soal kawan baik Yang Amat Berhormat Pekan dengan Tan Sri Peter Sondakh, ini semua orang sudah tahu sebab itu saya bawa kerana saya hendak ingatkan balik Dewan, saya hendak ingatkan balik Ahli-ahli Parlimen bahawa dalam keadaan kita atau mereka yang mempertahankan keputusan menghapuskan subsidi dan menaikkan harga minyak tiap-tiap minggu selepas ini, Yang Amat Berhormat Pekan menggunakan wang rakyat untuk membina dua projek mewah di Langkawi. [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: Kawan baik punya fasal, kawan baik.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Oleh sebab itu saya tanya minggu lepas, Yang Amat Berhormat Pekan. Saya tanya, kalau kita tidak ada wang untuk subsidi minyak, dia telah belanja rekod dunia Perdana Menteri paling tinggi dari segi wang minyak negara yang dibelanjakan, kalau kita tidak ada wang kenapa Kerajaan Malaysia melabur sehingga RM327 juta di dalam pembinaan Hotel St. Regis di Langkawi, RM327 juta? Kenapa kerajaan melabur sehingga RM116 juta di dalam LICC?

■1710

Tidak cukupkah segala bentuk *convention center* yang sedia ada? Dah besar dan cukup besar. Kenapa perlu dibina satu lagi di Langkawi menggunakan wang rakyat? Dan ini jawapan yang diberikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Pekan minggu lepas, hari Khamis, soalan nombor 47, soalan saya. Saya tanya berapa, dia jawab “Berikut ialah pelaburan kerajaan di dalam kedua-dua projek tersebut. Kerajaan memberikan pinjaman Bank Pembangunan pada kadar bunga empat peratus sebanyak RM305 juta kepada dua projek ini. Kerajaan kemudian suntik lagi dalam bentuk geran percuma, tidak payah bayar balik, RM35 juta. Kemudian kerajaan suntik lagi dalam bentuk dana modal, dalam bentuk pegangan saham, suntik modal RM40 juta melalui dua syarikat iaitu *International Eagles Resources Sdn. Bhd* dan juga *Twin Eagles Ventures Sdn. Bhd* menjadikan pelaburan kerajaan di dalam kedua-dua projek mewah di Langkawi itu RM380 juta dan Kerajaan Malaysia ada pegangan 60 peratus”.

Ada sebab saya sebut 60 peratus, kerana Peter Sondakh lagi cerdik daripada Yang Amat Berhormat Pekan. Kerajaan Malaysia suntik RM380 juta untuk dapat 60 peratus. Berapa yang Peter Sondakh suntik? Dia menggunakan satu syarikat RM2 bernama Eagle Rock Capital Labuan. Dari Labuan yang ada pegangan dalam dua projek ini dan dia hanya letakkan wang dia RM25 juta sahaja. Dengan RM25 juta, dia dapat berapa? 40 peratus sedangkan rakyat Malaysia bayar RM380 juta dapat 60 peratus. Yang Berhormat Rompin nak tanya soalan lagi, Yang Berhormat Rompin?

Dato’ Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tidak, perbandingan adalah lebih adil jika Yang Berhormat Pandan *averagekan price* petroleum semasa Tun Dr. Mahathir berapa harga *petroleum* per *barrel*. Semasa Tun Abdullah, berapa per *barrel* dan masa Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, masa Yang Berhormat Pekan, berapa per *barrel* harga. Jadi memberi satu gambaran yang tidak jelas, mengelirukan adalah tidak adil saya rasa. Harus diperjelaskan semasa Tun Dr. Mahathir, berapa harga minyak per *barrel*.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya terima. Saya nak jelaskan sekarang, daripada zaman Tun Razak sehingga ke zaman Tun Mahathir, harganya sekitar USD20 ke USD30 setong. Semasa Tun Abdullah Badawi, dia sempat mencecah USD120 kemudian turun ke sekitar USD60. Semasa Dato’ Sri Yang Amat Berhormat Pekan, dia sekitar USD70 pun pernah. Turun USD30 pun pernah, USD50 pun pernah, sekarang USD58. Yang penting begini Yang Berhormat Rompin, dia bukan soal oleh kerana aku dapat durian runtuh maka aku akan belanja semua. Oleh kerana sebab zaman Dato’ Sri Yang Amat Berhormat Pekan ini dapat durian runtuhlah, patut disimpan untuk anak cucu [*Tepuk*]. Kalau dulu tidak cukup buang. Logiklah kalau ada banyak itu dibelanjakan untuk buat sekolah, sekarang bila tengok wang banyak kerana dapat durian runtuh daripada minyak, lalu dibuatnya hotel mewah St. Regis di Langkawi tetapi pada masa yang sama dikutip cukai GST dan dipotong subsidi minyak.

Saya hendak balik semula kerana saya ada lima minit lebih sahaja dan saya perhatikan Yang Amat Berhormat Pekan cukup suka mengulang-ulang tentang Ali Baba sekarang ya. Dia kata sebelah kami ini Ali Baba. Sebab itu saya pilih St. Regis dan juga LICC kerana ini perniagaan Ali

Baba ala Yang Amat Berhormat Pekan [*Tepuk*]. Kerajaan Malaysia kena letak 94 peratus daripada modal dapat 60 peratus sahaja. Peter Sondakh letak enam peratus sahaja suntik, dapat 40 peratus. Itu nama dia apa? Ali Baba. Dewan yang mulia, baik. Saya nak cepat. Sebab itu rakyat tidak akan percaya kalau kita kata kerajaan tidak ada wang kerana rakyat boleh nampak. Dalam keadaan harga minyak naik, subsidi kena potong kemudian nak naik tiap-tiap minggu, pergi buat dua projek mewah yang Ali Baba pula. Yang untung siapa dia? Bukan rakyat Malaysia pun. Sudah la dia dapat FELDA, sekarang ini dengan hotel yang begini pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kembali tentang cadangan Yang Amat Berhormat Pekan untuk memperkenalkan harga minyak mingguan yang kononnya tertakluk kepada harga siling kerana saya perlu perelaskan dan tegaskan jika harga minyak disemak secara mingguan dengan harga siling tanpa subsidi, itu akan benar-benar menekan rakyat terutamanya yang berada di luar bandar apatah lagi yang berada di Sabah dan Sarawak. Tiap-tiap hari saya dapat aduan daripada persatuan-persatuan dan juga pengendali stesen petrol terutamanya di Sabah dan Sarawak kerana sistem ini yang mengapungkan harga tanpa subsidi akan menyebabkan mengendalikan stesen minyak di luar bandar seperti Sabah dan Sarawak tidak menguntungkan dan menyebabkan lebih banyak gulung tikar. Sebab itu saya pernah huraikan cara penetapan yang sepatutnya berlaku sekiranya kerajaan Yang Amat Berhormat Pekan benar-benar serius untuk menjaga rakyat.

Pertama, subsidi minyak mesti dikembalikan. Saya dah tunjukkan kita ada wang [*Tepuk*]. Kita membazir dan saya akan tunjukkan sekarang, selepas ini bahawa kita akan ada lebih banyak wang selepas ini yang perlu dikembalikan kepada rakyat. Pertama, subsidi minyak mesti dikembalikan. Yang kedua, dalam keadaan harga minyak mentah dunia jatuh mendadak, kalau ia tidak disemak setiap minggu, itu akan menyebabkan ada ketika dan masanya rakyat membayar harga lebih tinggi daripada yang ditetapkan di formula. Itu akan menyebabkan kerajaan secara senyap-senyap mencukai rakyat. Saya bentangkan perkara ini sejak tahun 2014 dan anggaran saya bagi Disember 2014 sahaja, Yang Amat Berhormat Pekan telah mengutip RM600 juta dalam bentuk cukai tersembunyi apabila harga yang jatuh itu tidak diterjemahkan dengan lebih cepat kepada rakyat. Sebab itu memang kena semak tiap-tiap minggu supaya bila harga jatuh, rakyat tidak kena cukai. Akan tetapi pada masa yang sama, harga yang disemak setiap minggu mestilah datang dengan harga siling yang ada subsidi. Kerana apabila harga itu naik balik mendadak seperti sekarang, apabila ia telah sampai ke peringkat harga siling, apa-apa harga yang dikira dengan formula selepas harga siling itu, kerajaan mestilah membayar subsidi untuk mengekalkannya pada harga siling.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah tanya minggu lepas kepada Yang Amat Berhormat Pekan. Berapa pendapatan luar jangka ataupun durian runtuh yang diperoleh oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2017 ini kerana kita tahu harga minyak yang digunakan untuk mengira pendapatan dan dibentangkan di Dewan dalam Bajet 2017 hanyalah USD45 setong. Sekarang harganya telah mencecah USD58 dan dijangka akan kekal sekitar USD60 bagi tahun

2017 ini. Saya tanya, dia tidak jawab. Dia kata itu spekulasi, tak boleh hendak jawab. Maknanya durian runtuh dia hendak simpan dalam poket dia sendiri. Jadi sebab itu saya hendak bentangkan dalam 53 saat yang terakhir, supaya Dewan tahu setiap hari dalam tahun ini bermula daripada 1 Januari 2017, setiap hari, Yang Amat Berhormat Pekan telah mengutip RM18 juta sehari dalam bentuk pendapatan luar jangka ataupun RM9 bilion setahun. Wang ini mestilah perlu dikembalikan kepada rakyat sebab itu saya hendak rumuskan dengan cadangan Pakatan Harapan bila kami menang Putrajaya nanti.

Pertama, subsidi minyak akan diberikan ikut isi padu termasuklah kepada Yang Berhormat Tenggara sekalipun. Maksudnya kita bagi 150 liter satu orang, kalau dia pakai lebih 150 liter, maka itu dia kena bayar harga penuh. Harga siling akan dilaksanakan dengan subsidi dan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan subsidi mengikut isi padu ini akan menggunakan kad pengenalan supaya hanya rakyat Malaysia sahaja yang dapat subsidi.

■1720

Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan peluang itu saya dengan ini menjunjung kasih di atas Titah Diraja Yang di-Pertuan Agong. *Assalamualaikum. [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

5.20 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas ruang dan peluang untuk saya terlibat dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Pertamanya saya menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu pembukaan Penggal Kelima, Sidang Parlimen Ke-13. Saya memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT dan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas ruang dan peluang untuk saya turut sama berbahas pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan pada petang ini memperlihatkan untuk memuji tindakan kerajaan dan penghargaan kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan kerana menerusi lawatan sulung Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud, walaupun tadi saya dengar Yang Amat Berhormat Pekan ditohmah dan juga difitnah tetapi akhirnya yang Raja Salman bin Abdul Aziz telah berjaya...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Kuala Selangor, celahan Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Hadir dan mengukuhkan lagi kerjasama strategik di antara Malaysia dan Arab Saudi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, lawatan ini juga telah berjaya menambahkan lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tak bagi jalan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Bahagian mana yang memfitnah tadi, Yang Berhormat Kuala Selangor?

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Kuota jemaah..

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Itu semua jawapan daripada Yang Berhormat Pekan sendiri. Jadi bahagian mana yang memfitnah tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Kuala Selangor tak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Lawatan ini juga telah menambahkan lagi kuota jemaah haji kepada lebih 30,000 orang hasil daripada rundingan di antara Kerajaan Malaysia dan ia menerima maklum balas yang positif daripada Raja Salman. Selain daripada itu, empat memorandum persefahaman telah ditandatangani melibatkan bidang ekonomi, bidang saintifik dan juga pendidikan, buruh dan sumber manusia serta kerjasama pertukaran berita.

Dari segi itu juga, ekonomi jumlah keseluruhan kerjasama strategik yang telah ditandatangani adalah bernilai RM40.47 bilion iaitu terdiri daripada perjanjian bernilai RM31 bilion di bawah perjanjian antara PETRONAS dan Saudi Aramco untuk Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang serta RM9.74 bilion menerusi tujuh memorandum persefahaman (MoU) perniagaan di mana ia juga akan berikan impak yang sangat positif bagi jangka masa panjang khususnya untuk negara Malaysia dari segi sudut ekonomi dan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Lawatan ini juga membuktikan bahawa segala tohmahan terhadap kerajaan adalah tidak benar dan hanya berniat jahat semata-mata. Selain daripada itu, saya juga dimaklumkan negara juga akan menerima kunjungan hormat daripada Presiden Perancis atas urusan kepentingan hubungan dua hala.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan TN50 pula, pertamanya saya juga ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat Pekan kerana telah memberikan satu gagasan baru khususnya selepas tahun 2020 dalam rangka jangka panjang bagi generasi muda di negara kita. Saya lihat gerakan yang dilakukan menerusi inisiatif Yang Berhormat Rembau selaku Menteri Belia dan Sukan dan Kementerian Belia dan Sukan khususnya menjelajah ke seluruh Malaysia bertemu dan berdialog dengan anak-anak muda bagi memberikan pandangan dan juga pengisian dialog, saya lihat mendapat respons yang sangat positif.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya dialog TN50 ini bukan hanya dilakukan di peringkat persekutuan semata-mata agar dapat juga dilakukan ke peringkat akar umbi supaya penghayatan ini juga dapat difahami dan juga didalami

khususnya bagi masyarakat luar bandar dan sebagainya untuk memahami aspirasi TN50 ini dan turut serta dalam memahami dan menjayakan hasrat murni ini.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat dari segi pelaksanaan dan impak jangka panjang, saya juga ingin mencadangkan dari segi kaedah mengenal pasti indikator dan juga tahap piawaian dan pencapaian. Mungkin sudah sampai masanya perlu diwujudkan satu institut TN50 yang mana boleh diletakkan di UiTM sebagai contohnya ataupun universiti-universiti awam yang ada supaya kaedah-kaedah kajian akademik dapat dilakukan dalam mengenal pasti kejayaan tahap pemahaman aspirasi TN50 ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Tentera Laut Diraja Malaysia di atas kesudian menjayakan kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) bagi menjaga keselamatan nelayan di perairan negara. Saya melihat inisiatif TLDM menerusi Program Rakan Maritim atau RAKAM 2.0 telah berjaya memberikan satu impak keyakinan kepada para nelayan untuk turun ke laut tanpa perasaan risau.

Selain daripada itu, saya memuji pihak TLDM yang bakal melancarkan aplikasi Keselamatan, Kesedaran dan Komuniti Maritim (K3M) dalam usaha membantu para nelayan sekiranya berdepan dengan ancaman ketika berada di laut. Soal pencerobohan nelayan khususnya daripada negara-negara lain selain daripada negara Malaysia amat harap dapat diatasi serta penguatkuasaan undang-undang maritim agar dapat dipertingkatkan mungkin dengan kaedah NBOS ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin memohon agar kerjasama ini dapat diperluaskan demi memastikan tiada ketirisan berlaku terutamanya di dalam aktiviti perikanan negara agar ia tidak merugikan negara terutamanya juga dalam konteks penyeludupan sama ada ikan-ikan Malaysia mahupun subsidi diesel yang diberikan kepada nelayan dan agensi-agensi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya pihak TLDM dapat mempertimbangkan untuk mewujudkan kerjasama NBOS dalam memastikan lokasi strategik terutamanya di pantai timur Sabah khususnya bagi menjaga kedaulatan nelayan yang ada di pantai timur Sabah. Saya akui ketika ini telah ada ESSCOM tetapi pada hemat saya, untuk memastikan kekuatan dan juga kerjasama berterusan dari segi penyaluran maklumat di antara nelayan di pantai timur Sabah kepada agensi ESSCOM, mungkin pihak TLDM juga boleh diberikan ruang dan peluang dengan lebih luas lagi terutama sekali dari segi elemen menangani keselamatan dan juga *sharing of the mission*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam usaha mengatasi atau menangani gejala rasuah, pujian harus diberikan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di atas sikap dedikasi dan iltizam yang tinggi. Jumlah penangkapan pesalah rasuah kian meningkat dari tahun ke tahun menunjukkan komitmen mereka yang tinggi bagi menangani gejala ini. Menerusi statistik tangkapan SPRM, menunjukkan pada tahun 2014, jumlah tangkapan yang telah dibuat

adalah sebanyak 552 orang dan ia meningkat kepada 841 orang pada tahun 2015 dan meningkat lagi kepada 939 orang pada tahun 2016. Peningkatan ini merupakan satu perkara yang perlu diambil perhatian yang serius oleh pihak kerajaan.

Saya lihat ia harus dilakukan kaedah-kaedah pemantauan dan kesedaran supaya ia boleh memastikan bahawa persepsi, khususnya dalam konteks rakyat kepada agensi-agensi atau pun individu tersebut dapat kita pulihkan.

Justeru itu, sungguhpun berlaku peningkatan skor Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) kepada 52 pada tahun 2014 berbanding 50 pada tahun 2013, usaha harus digiatkan bagi meningkatkan lagi Indeks Persepsi Rasuah (CPI) pada masa hadapan.

■1730

Selain itu saya juga ingin bertanyakan, apakah mekanisme yang terbaik bagi menangani gejala rasuah agar ia tidak menjadi barah di dalam negara dan apakah kaedah terbaik khususnya bagi menangani punca-punca kepada rasuah sama ada pemberi rasuah ataupun penerima rasuah. Pada hemat saya, saya ingin bertanya pada pihak kerajaan, adakah undang-undang yang khusus terutamanya bagi mengekang elemen-elemen kepada kaedah penyalahgunaan khususnya kepada pemberi rasuah dalam negara kita?

Sebentar tadi saya terdengar Yang Berhormat Kelana Jaya menyatakan tentang soal integriti dalam politik khususnya dari segi bentuk pembiayaan ataupun bentuk perbelanjaan sesuatu parti politik. Saya akui, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada keseriusan pihak kerajaan terutamanya apabila kerajaan telah membentangkan satu jawatankuasa mengenai pengenalan Akta Pembiayaan Dana Politik ataupun dengan izin, *Political Financing Act* yang kini dalam proses mengenal pasti hala tuju dan juga cadangan untuk diangkat ke Parlimen rang undang-undang tersebut. Di sini saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, sejauh manakah cadangan ini untuk diangkat ke Parlimen dan ada apakah kekangan dan halangan sama ada ianya benar-benar diterima khususnya oleh pihak pakatan pembangkang yang ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada perkara yang seterusnya iaitu apabila kita melihat kepada sejarah tanggal 23 Mei 2008, menjadi sejarah hitam apabila kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh telah diberikan kepada Singapura oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Kehilangan ini amat dirasai oleh seluruh rakyat Malaysia sehingga hari ini dan sejak itu, negara tidak hanya berdiam diri membiarkan kedaulatannya tercabar. Sebaliknya, membanting tulang empat kerat dan keringat dalam mencari usaha mengembalikan kedaulatan Pulau Batu Puteh ke tangan Malaysia.

Sehubungan dengan itu, apabila negara telah menjumpai bukti-bukti baru yang terdiri daripada surat oleh Pegawai Tinggi Kolonial Singapura pada tahun 1958, laporan kejadian tentera laut pada tahun yang sama dan peta Kota Singa pada tahun 1966 serta lebih daripada 3,000 dokumen milik Arkib Negara United Kingdom dikaji bagi mendapatkan bukti kukuh bagi mencabar semula keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2008.

Pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, penemuan ini merupakan satu harapan baru terutamanya rakyat Malaysia bagi melihat kedaulatan negara terus terjamin. Namun demikian, apa yang menghairankan saya adalah apabila ketika ini saya ingin bertanyakan kepada pihak kerajaan, apakah inisiatif kerajaan ini mendapat sokongan daripada semua pihak terutamanya Majlis Peguam? Ini kerana saya tidak mahu melihat Majlis Peguam ketika ini hanya menjadi juara dalam memperjuangkan hak dan kebebasan tetapi tidak memberikan sebarang bentuk pendirian terhadap usaha yang dilakukan oleh kerajaan khususnya yang berkaitan Pulau Batu Puteh yang melibatkan soal maruah dan kedaulatan negara yang ingin dibicarakan semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]

Jadi saya ingin menyatakan pada sini, apakah benar kepada pihak kerajaan sehingga hari ini Majlis Peguam tidak menyatakan sebarang bentuk pendirian. Jika mereka benar-benar berpegang teguh kepada prinsip keadilan melalui undang-undang, saya menyeru agar Majlis Peguam bersama-sama dengan pihak kerajaan di dalam memperjuangkan kedaulatan Pulau Batu Puteh ini kerana ia bukan hanya melibatkan soal kedaulatan negara, tetapi ia juga melibatkan soal keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya apabila saya terdengar daripada beberapa Ahli Parlimen yang memberikan penegasan tentang soal rasuah dan integriti. Di sini saya ingin bertanyakan kepada pihak kerajaan mengenai satu isu yang dibangkitkan oleh rakyat marhaen khususnya di Selangor mengenai dana Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) iaitu apabila pelantikan pengurus besar dibuat tanpa mengikut prosedur dan tatacara yang betul. Saya juga dimaklumkan pengurus besar ini juga merupakan individu mufliis sejak tahun 2008 untuk menguruskan dana di bawah YAWAS membabitkan peruntukan kira-kira RM500 juta setahun sehingga mencetuskan pelbagai persoalan berkaitan dengan soal amalan integriti yang dijalankan.

Saya juga ingin bertanyakan, adakah benar wujud dana yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan setengah daripada itu dimasukkan ke dalam akaun YAWAS. Ini kerana lebih daripada itu, Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2011 telah merumuskan bahawa program di bawah YAWAS ini meragukan dan tiada dokumen lengkap berkaitan perkara ini diutarakan. Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, biarpun ditegur oleh Laporan Audit Negara, YAWAS masih terus beroperasi tanpa *standard operating procedure* dengan izin, SOP dan dokumen yang lengkap sehingga hari ini. Keraguan ini ditambah lagi apabila transaksi dana YAWAS berjumlah RM200 juta yang sepatutnya digunakan bagi tujuan kebajikan rakyat Selangor telah disalah gunakan kerana wujud tohmahan yang mana dana ini disalurkan kepada Ahli-ahli Parlimen Pembangkang dan perkara ini saya terbaca dalam media sosial, diakui sendiri oleh Ahli Parlimen Seputeh bahawa beliau menerima dana di bawah SMUE yang disalurkan melalui YAWAS.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Saya berada di sini Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya baru ada satu sidang akhbar yang menafikan. Semua ini

tohmahan daripada Jamal Yunos. Saya berharap Yang Berhormat jangan jadi pengikut Jamal Yunos.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Saya cuma bacakan dalam media sosial tersebut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang BNBBC ini *unfair*. Dia bagi separuh benar punya kenyataan dan Yang Berhormat percaya penuh.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tidak apa.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya sudah beri amaran, kalau BNBBC website *continue to be like that*, saya akan saman dia ke mahkamah. Jadi saya berharap Yang Berhormat jangan ikut baca apa sahaja, tetapi tidak ikut apa yang saya jelaskan dan terangkan.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan dapat membantu memberikan penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu adalah Selangor, kenapa panggil di sini? Siapa yang siasat?

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta di sini Tuan Yang di-Pertua, saya...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan Jamal Yunos yang boleh jadi hakim dan boleh putus apa yang betul, apa yang tidak betul. Dia bohong.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tidak apa Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meneruskan apa yang telah saya nyatakan. Saya di sini saya hendak tanya kerana apa Tuan Yang di-Pertua, kerana saya sebagai anak Selangor, saya terpanggil untuk menyatakan perkara ini kerana ini melibatkan kepentingan rakyat, warga emas, warga miskin yang ada di negeri Selangor. Lebih-lebih lagi yang merisaukan saya kerana isu ini dibuktikan lagi menerusi bukti surat dari Perbendaharaan Selangor bertarikh 13 Disember 2013 kepada pengurus cawangan AmBank memohon membuka akaun bagi Skim Mesra Usia Emas (SMUE) iaitu antara program di bawah YAWAS atas nama 9 orang Ahli Parlimen Pembangkang di sekitar Kuala Lumpur membabitkan peruntukan bernilai RM10 juta. Jadi di sini saya ingin mengemukakan 3 persoalan yang harus dijawab mungkin oleh pihak SPRM, mahupun Jabatan Audit Negara. Pertama, adakah benar...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa salah? Sejak penggal yang lepas, Kerajaan Selangor telah beri hak kepada Ahli Parlimen Pakatan Rakyat di Kuala Lumpur...

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Seputeh, ini *floor* saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Untuk menguruskan SMUE kerana ramai warga Selangor duduk di Kuala Lumpur.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini adalah memudahkan mereka. Ini satu *social service* kepada yang keluarga si mati Selangor itu.

Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *Accusation is wrong. It is really unfair, bias and unjust.*

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya ingin bertanyakan 3 soalan...

Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Selangor, sekejap. Sila duduk. Yang Berhormat Seputeh, kita ada peraturan. Hormatlah peraturan. Mintalah izin untuk mencelah. Tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, saya belum habis lagi Yang Berhormat, sila duduk. Hormatlah, kita ada Peraturan Mesyuarat. Walaupun apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor menyakitkan hati dan telinga kita - Yang Berhormat, kalau berdiri minta penjelasan dan Yang Berhormat Kuala Selangor duduk dan baru saya boleh jempit Yang Berhormat. Sila.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, masa saya hampir tamat, ada tiga persoalan yang saya ingin tanyakan yang mungkin boleh pihak kerajaan bantu saya. Pertamanya, adakah benar RM10 juta ini dana emas SMUE dan yayasan....dimasukkan ke dalam akaun sembilan orang Ahli Parlimen pembangkang. Kedua, dari manakah sumber dana RM10 juta ini diperolehi dan ketiga, dimanakah wang bernilai RM10 juta yang telah dimasukkan dalam akaun kesembilan orang Ahli Parlimen pembangkang terbabit.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya akui masa saya telah tamat, dengan ini Yang Berhormat Kuala Selangor menyokong Titah Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

■1740

Timbalan Yang di-Pertua, [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Serdang.

5.40 ptg.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen Ketiga Belas, saya mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan isu di bawah lima tajuk iaitu alam sekitar, pengangkutan awam, tenaga boleh baru ataupun *renewable energy*, pendidikan dan juga Suruhanjaya Pilihan raya (SPR).

Bagi Alam sekitar saya dimaklumkan pemisahan sisa pepejal di sumber telah bermula di beberapa negeri pada 1 Jun 2016 iaitu Putrajaya, Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah, Perlis dan Pahang. Inisiatif ini dijalankan di bawah Akta 672 iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan juga Pembersihan Awam. Saya mohon menteri memberi statistik terkini mengenai program ini dan sejauh manakah program ini telah berjaya untuk mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dibuang di tapak pelupusan ataupun *landfill*. Jikalau program pemisahan sisa pepejal ini berjaya untuk mencapai matlamat untuk mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dibuang di *landfill* terutamanya di Kuala Lumpur, adakah ini bermaksud loji *waste to energy* ataupun *incinerator* yang dicadangkan di Taman Beringin Kepong tidak lagi diperlukan.

Pada masa yang sama, saya mohon menteri memaparkan terma kontrak konsesi loji WTE di Taman Beringin Kepong termasuk jumlah kos, *waste guarantee* yang telah diberikan, yang akan diberikan kepada syarikat konsesi, *buy back terms* ataupun syarat mengambil alih projek berkenaan, pampasan yang perlu dibayar kepada penduduk berhampiran loji ini jikalau kemalangan seperti kebakaran berlaku dan juga *internal rate of return* untuk pemegang konsesi. Saya juga mohon menteri memberi status terkini Projek *River of Life*, setakat ini berapa telah dibelanjakan untuk membersihkan Sungai Klang dan juga Gombak dan untuk membuat *landscaping* di tebing sungai. Berapa peratusan daripada perbelanjaan ini dibelanjakan di Wilayah Kuala Lumpur dan berapa peratusan dibelanjakan di negeri Selangor.

Apakah status pembinaan yang dicadangkan di persekitaran Masjid Jamek, Dataran Merdeka, dan juga Pasar Seni. Apakah rancangan yang sedang dan akan dijalankan untuk menaikkan kesedaran awam tentang projek ini. Apakah langkah yang sedang diambil untuk memastikan kegiatan *upstream* tidak menjejaskan kerja membersihkan sungai yang telah dijalankan *downstream*.

Isu kedua yang saya nak bangkitkan ialah pengangkutan awam. Mengikut laporan Ketua Audit 2015, Syarikat ERL Sdn. Bhd. yang memegang konsesi *high speed train* ke KLIA dan juga ke KLIA 2 telah menuntut sebanyak RM2.9 bilion daripada kerajaan berdasarkan kontrak konsesi yang berjalan dari tahun 1999 ke tahun 2029. Saya juga difahamkan bahawa kontrak konsesi yang baru yang akan berjalan sehingga tahun 2059 telah ditandatangani oleh kerajaan. Soalan saya ialah berapakah pampasan yang telah dan akan dibayar oleh kerajaan di bawah Kontrak Konsesi 1999 ke 2029 dan apakah terma dan syarat termasuk kadar kenaikan harga tiket yang akan dikenakan dari tahun 2017 hingga ke tahun 2029, dan juga dari tahun 2029 hingga ke tahun 2059.

Saya juga pohon penjelasan daripada menteri sama ada *passenger service charge* yang sedang dikutip oleh pihak MAHB dan sekarang dibayar kepada ERL akan dinaikkan atau tidak, dan jikalau kadar ini akan dinaikkan berapa jumlah kenaikan. Dalam jawapan Parlimen kepada soalan saya yang bertarikh 19 Mei 2016, menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memberi kepastian bahawa dokumen tender untuk rancangan Projek Kuala Lumpur-Klang BRT akan dibuka pada tahun ini iaitu tahun 2016. Apakah status terkini Projek BRT KL-Klang. Mengapa tender untuk projek ini belum dipaparkan di laman web SPAD walaupun telah diumumkan oleh SPAD baru-baru

ini. Apakah anggaran kos untuk projek ini dan mengapa ia tidak diberikan perhatian yang sama seperti Projek MRT ataupun Projek *High Speed Rail KL-Singapura* ataupun *East Coast Rail Link* yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri pada tahun lepas.

Dalam jawapan Parlimen kepada soalan saya yang bertarikh 19 Mei 2016, menteri di Jabatan Perdana Menteri juga telah memberi kepastian bahawa kerajaan telah merancang untuk memasang 3,000 panel maklumat hentian bas ataupun *bus stop information terminal* di semua 13 kawasan PBT di Lembah Klang yang akan memuatkan laluan bas dan juga jadual tambang di setiap hentian bas. Ini dijangka bermula pada suku keempat tahun ini iaitu tahun 2016. Akan tetapi tunggu sampai sekarang, projek ini belum lagi berjalan di PBT di Lembah Klang. Jadi saya nak tanya menteri, apakah status terkini Projek Pemasangan Panel Hentian Bas di Lembah Klang.

Saya juga rujuk kepada laporan surat khabar yang bertarikh 11 Januari 2017, dengan tajuk '*KTMB conducts inquiry over multi-million ringgit procurement deal*' di mana Presiden KTMB, Datuk Sarbini Tijan telah diarahkan untuk bercuti sementara menunggu keputusan siasatan sedang dijalankan. Baru-baru ini surat khabar *The Edge* telah melaporkan bahawa Datuk Sarbini telah meletak jawatan dan belum ada pengganti. Saya mohon penjelasan menteri tentang kekosongan jawatan Presiden KTMB dan sejauh mana ini akan menjejaskan pelan transformasi KTMB yang bermula pada tahun 2014.

Soalan terakhir saya mengenai pengangkutan awam ialah status *integrated ticketing* di Lembah Klang yang membolehkan seorang penumpang untuk menggunakan satu sistem pembayaran sahaja untuk semua pengangkutan awam di Lembah Klang, tidak kira LRT, MRT, Rapid KL ataupun KTMB. Sejauh mana yang saya tahu kad Rapid KL belum lagi boleh digunakan di stesen MRT yang telah dibuka pada bulan November 2016. Apakah *timeline* yang dirancang oleh SPAD untuk mewujudkan satu *integrated ticketing system* di Lembah Klang.

Isu ketiga yang saya nak bangkitkan ialah tentang tenaga boleh baharu ataupun *renewable energy*. Saya mohon menteri memberi status terkini Projek Solar Farm sebesar 50 mega watt yang telah dianugerahkan kepada Syarikat 1MDB secara rundingan terus ataupun *direct negotiation* pada tahun 2013. Surat tawaran telah diberikan kepada 1MDB pada 18 Mac 2014, oleh Kementerian Tenaga, Teknologi, Hijau dan Air. Tetapi lebih dua tahun kemudian, projek ini masih belum lagi bermula. Saya difahamkan bahawa Syarikat 1MDB belum lagi berjaya untuk mendapatkan pinjaman bank untuk menjalankan projek ini, dan pembayaran premium untuk menukarkan status tanah di Kuala Ketil...

Timbalan Yang di-Pertua, [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat sedang ya.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua, [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya fikir bahawa nasihat dan juga petua daripada Tuan Yang di-Pertua masih lagi kekal mengenai isu 1MDB, sila beralih kepada tajuk lain.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Bukan, ini bukan isu tentang perakaunan 1MDB ini tentang *solar farm*...

Timbalan Yang di-Pertua, [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada kaitan dengan 1MDB. Sila tajuk lain ya.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ok, saya harap menteri boleh jawablah tentang soalan-soalan *farm* ini. Saya juga minta penjelasan menteri, mengapa kontrak *solar farm* 150 mega watt dianugerahkan secara rundingan terus atau *direct negotiation* kepada *consortium* Quantum Solar Park yang berada di Melaka, Kedah dan Terengganu memandangkan bahawa semua syarikat di dalam *consortium* ini iaitu Maltech Pro Sdn. Bhd., Cam-Lite Sdn. Bhd., dan juga ItraMAS Technology Sdn. Bhd. tidak ada apa-apa pengalaman dalam bidang tenaga solar. Mengapa kontrak solar *farm* tidak diperuntukkan secara *open tender* seperti mana yang dilakukan oleh Suruhanjaya Tenaga pada September 2016.

Tambahan pula, saya nak tanya menteri mengapa tanggungjawab untuk mengendalikan semua tender untuk solar *farm* tidak diberikan kepada *SEDA (Sustainable Energy Development Authority)* dengan izin.

■1750

Isu keempat yang saya hendak bangkitkan ialah tentang pendidikan. Saya rujuk kepada laporan surat khabar bertarikh 12 Mac 2017 yang bertajuk, "*GST now impose on research grant.*" Saya mohon Menteri untuk memberi pengesahan sama ada maklumat ini adalah tepat atau tidak. Jikalau tepat, saya rasa tindakan ini adalah tidak wajar memandangkan bahawa peruntukan kepada IPTA telah dipotong tiga tahun berturut-turut. Saya juga dengar berita bahawa pihak IPTA juga telah menamatkan kontrak untuk pensyarah-pensyarah berkontrak dan ada sebahagian daripada mereka yang juga telah dipecat. Jadi saya mohon Menteri memberi angka yang tepat tentang jumlah pensyarah berkontrak yang telah dipecat dan juga kontrak pensyarah yang tidak diperbaharui.

Saya juga mohon penjelasan daripada pihak kementerian tentang program perundangan yang dijalankan di beberapa universiti tempatan yang tidak diiktiraf oleh *Legal Profession Qualifying Board (LPQB)*. Pada masa ini program perundangan di *HELP University, Management and Science University (MSU), Taylors University* dan juga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) jatuh dalam kategori ini. Ini bermaksud bahawa graduan program-program tersebut tidak boleh berdaftar untuk kursus *Certificate in Legal Practice (CLP)* dan tidak layak untuk menjadi peguam yang diiktiraf oleh Majlis Peguam ataupun *Bar Council*.

Jadi soalan saya kepada Menteri ialah mengapakah program seperti ini boleh diluluskan oleh pihak *Malaysian Qualification Agency (MQA)* memandangkan bahawa graduan tidak layak untuk menjadi peguam.

Isu yang terakhir yang saya hendak bangkitkan tentang ialah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Saya mohon penjelasan Menteri, mengapa hampir empat tahun selepas PRU ke-13 pihak SPR belum lagi membenarkan wakil parti politik tidak kira sebelah sini ataupun sebelah sana untuk

berdaftar dengan SPR sebagai Penolong Pegawai Pendaftar (ARO). Saya rasa isu ini telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini sudah banyak kali dan jawapan yang diberi oleh pihak Menteri memang tidak memuaskan.

Isu ini adalah amat serius memandangkan bahawa masih terdapat lebih kurang empat juta rakyat Malaysia yang layak untuk mendaftar sebagai pengundi tetapi masih belum mendaftar. Mengapa SPR tidak mahu bantuan daripada NGO dan juga parti politik untuk mendaftar lebih banyak pengundi yang layak untuk mengundi tetapi belum lagi mendaftar?

Pada masa yang sama saya juga hendak membangkitkan isu di mana saya pun ada pengalaman dan kawan-kawan saya di Selangor dan juga Kuala Lumpur juga ada pengalaman yang sama di mana pihak SPR telah janji untuk datang ke *shopping mall* ataupun tempat membeli-belah untuk mendaftarkan rakyat yang belum mendaftar ataupun menukarkan alamat daripada satu tempat mengundi ke tempat mengundi yang baru. Akan tetapi apabila mereka, pihak SPR ini pergi ke kompleks membeli belah mereka membawa *form* ataupun borang pendaftaran yang tidak mencukupi, di mana hanya 200 borang ataupun 300 borang sahaja yang dibawa oleh pihak SPR.

Saya rasa pada masa ini memang jumlah borang sedikit ini 200 borang ataupun 300 borang tidak mencukupi. Ini kerana sekarang saya rasa ada ramai orang yang mengambil perhatian bahawa ada kemungkinan bahawa PRU ke-14 ini akan diadakan ada kemungkinan akan diadakan pada tahun ini dan ada ramai orang yang belum mendaftar lagi yang mahu mendaftar. Begitu juga ada ramai orang yang hendak menukar alamat mengundi mereka mengikut alamat IC. Memang hanya SPR ada hak untuk membuat penukaran alamat dan Penolong Pegawai Pendaftar (ARO) pun tidak ada hak sebegini. Jadi saya hendak tanya Menteri mengapa pihak SPR mengehadkan jumlah borang yang dibawa ke aktiviti pendaftaran ramai-ramai yang diaturkan untuk membantu pihak SPR mendaftarkan lebih ramai pengundi.

Akhir sekali saya hendak mohon penjelasan Menteri, mengapa pihak SPR mengumumkan notis awam untuk pameran kali kedua persempadanan semula pada 8 Mac 2017 dengan mengecualikan negeri Selangor? Adakah pihak SPR ada berniat untuk menghabiskan aktiviti persempadanan semula ini dengan mengecualikan negeri Selangor ataupun tidak membuat apa-apa perubahan di negeri Selangor? Adakah ini bercanggah dengan Artikel 133 fasal 6 Perlembagaan Persekutuan di mana persempadanan tanah Melayu mesti dilakukan sebagai satu unit dan tidak boleh mengecualikan mana-mana negeri di Tanah Melayu?

Dengan itu saya mengucapkan terima kasih di atas peluang untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

5.56 ptg.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak sama-sama bersama dengan rakan yang lain turut sama ingin

membahaskan usul Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Tuanku di dalam Dewan baru-baru ini. Pertamanya, ada beberapa perkara yang menarik perhatian saya. Pertamanya adalah ada disebut di dalam ucapan tersebut mengenai pembangunan yang berkaitan dengan perniagaan ataupun dalam kes ini, saya hendak lebih tumpukan kepada pembangunan *hub* halal antarabangsa.

Jadinya Tuan Yang di-Pertua, dia ada satu mesyuarat, Mesyuarat Majlis Halal Malaysia ia yang baru-baru ini telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi. Dia ada mengumumkan mengenai pencapaian piawaian halal Malaysia adalah di prestasi yang sangat membanggakan dan mula mendapat tempat bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa. Malah banyak negara lain seperti Jepun, China, Cambodia antara lainnya yang juga memerlukan khidmat, yang juga mendapat khidmat daripada kepakaran Malaysia dalam membangunkan ekonomi sistem halal mereka. Ini kerana itulah pentingnya Malaysia perlu untuk menjalinkan kerjasama bagi membangunkan ekonomi sistem halal ini.

Akan tetapi dalam waktu yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil kesempatan ini selaku Pengerusi MATRADE untuk menguar-uarkan yang mengenai usaha yang dibuat oleh pihak MITI itu sendiri dengan mengadakan satu pameran yang dinamakan MIHAS dalam usaha untuk memperkenalkan yang berkaitan dengan Pameran Halal Antarabangsa buat kali yang ke-13 daripada 5 hari bulan hingga 8 April ini. Jadinya saya ingin mengambil platform ini untuk menjemput termasuklah Tuan yang di-Pertua juga bolehlah datang sekali untuk melihat pameran ini. Ini pameran yang terbesar yang berkaitan dengan halal bagi memberi sokongan kepada pembangunan sektor halal di Malaysia hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Saya tengok dalam skrin daripada bangku saya tidak nampak lilitan tudung yang cantik. Tetapi dalam skrin nampak jelas.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Akan tetapi tudung sahaja kah cantik Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bila tudung cantik, mestilah orangnya cantik.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey. Okey, saya sambung, rugi masa saya. Terima kasih banyak. Jadinya kita bila bercakap mengenai kenapa industri halal belum lagi setahap sampai ke tahap yang kita hendak di Malaysia ini. Ini kerana itulah saya hendak fokuskan mengenai cabaran-cabaran yang kita hadapi selaku orang Malaysia, usahawan Malaysia dalam usaha hendak mengeksport produk halal dan juga perkhidmatan halal itu sendiri.

Secara umumnya memang tahu pensijilan halal yang dikeluarkan oleh JAKIM setengahnya diwajibkan, setengahnya tidak diwajibkan. Saya hendak komen sikit mengenai ini agar pihak JAKIM boleh mengambil tindakan mengenai perkara ini. Oleh sebab apabila memerlukan pensijilan halal itu sendiri apa yang kita dapati bahawa kelewatan itu timbul yang menyebabkan pengusaha yang

hendak mengeksport barangan mereka ke luar negara yang perlukan halal *certification* daripada Malaysia ini sukar untuk pergi disebabkan kelewatan ini. Mereka mengambil *option* untuk mendapatkan perkhidmatan ini daripada negara-negara lain yang juga merupakan pencabar ataupun *competitor* kepada Malaysia.

■1800

Akan tetapi kita— saya ada fakta mengenai berapa banyak syarikat yang mendapat persijilan halal iaitu 6,548 syarikat yang telah direkodkan oleh HDC. Daripada jumlah ini Tuan Yang di-Pertua, hanya 40 peratus daripada mereka adalah usahawan bumiputera. Jadinya, ini menunjukkan- sebab kalau kita hendak dapat *certification* halal, memang ada beberapa perkara yang perlu kita buat untuk yang kena ikut *specs* seperti yang diminta, untuk membolehkan kita mendapat halal itu sendiri.

Jadi, ini menunjukkan daripada fakta ini, mungkin disebabkan dari segi kewangan, tenaga ataupun masa yang menyebabkan kurang bumiputera mendapat pensijilan halal ini sendiri. Dalam mengukuhkan keupayaan pengeluar produk dan perkhidmatan halal Malaysia, isu-isu berikut ini saya hendak minta supaya diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Yang pertama, kebanyakan pengeluar perkhidmatan halal kurang berkeupayaan untuk memenuhi perkhidmatan dan penawaran pasaran halal global disebabkan kurang pengetahuan dan kemahiran keusahawanan di dalam sektor ini.

Seterusnya, potensi yang besar dalam pasaran halal ini telah juga menarik persaingan dari negara-negara lain. Negara-negara lain yang bukan Islam seperti Thailand, *Singapore*, Jepun dan juga Australia yang telah juga memberikan satu fokus dalam membangun dan juga membantu pengeluar-pengeluar tempatan produk halal di dalam negara masing-masing dan secara langsungnya akan membantu untuk meningkatkan keupayaan mereka daripada segi pemasaran dan juga eksport.

Jadinya itulah, berbalik kepada usaha kita untuk memperkasakan industri halal itu sendiri di Malaysia, sedangkan dalam waktu yang sama kita mendapat pelbagai saingan di dalam dan juga di luar negara. Sebab itulah saya rasa sudah tiba masanya mereka daripada kementerian yang berkaitan, untuk melihat perkara ini untuk memastikan bahawa infrastruktur yang disediakan itu selari dengan apa yang diimpikan oleh pihak kerajaan untuk memastikan kita boleh menjadi halal hab berdaya maju di peringkat antarabangsa.

Jadinya, soalan saya juga kepada pihak kementerian adalah, apakah usaha dan juga tindakan pihak kerajaan dalam membantu pengeluar produk dan perkhidmatan halal Malaysia mengatasi cabaran yang telah digariskan sebentar tadi? Keduanya, saya juga hendak mendapatkan maklum balas daripada pihak kementerian, terutamanya dari segi ini daripada pihak JAKIM untuk menyatakan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak JAKIM untuk lebih proaktif, untuk memberikan kelulusan, *certification* halal kepada mereka yang layak dengan kadar yang lebih segera.

Seterusnya, ke tajuk yang kedua iaitu mengenai pembangunan luar bandar. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang banyak menumpukan kepada pembangunan luar bandar, termasuklah di kawasan saya. Akan tetapi kawasan saya ini Tuan Yang di-Pertua, ia bandar pun ada, kampung pun ada. Jadi, ia agak unik sedikit, kerana itulah bila kerajaan nyatakan hendak kurangkan penghijrahan dari luar bandar ke bandar. Jadi, persoalan yang saya hendak tanya kepada pihak kerajaan pula adalah, adakah kita telah membuat satu rangka perancangan berasaskan mungkin adanya satu konsep rangkaian nilai di tempat setempat yang bersesuaian bagi membolehkan terutamanya orang muda untuk tidak keluar daripada kawasan tersebut dan duduk sahaja di situ.

Jadi, kerana itulah saya tertarik kepada satu konsep yang saya baca iaitu satu konsep *rurbanization*. Ini adalah kombinasi antara *rural* dengan *urban* yang mana perlu ada dalam konsep *rurbanization* ini, adalah mengekalkan ciri-ciri setempat tetapi memberikan infrastruktur bercirikan moden kepada penduduk-penduduk setempat. Jadi, saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan supaya membuat satu kajian mengenai konsep *rurbanization* ini bagi membolehkan kemajuan suatu tempat itu dapat dikekalkan dengan mengekalkan ciri-ciri serta budaya kampung suatu kawasan tanpa terpisah daripada realiti pembangunan di bandar.

Saya ingin juga mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya satu kajian terperinci boleh dibuat mengenai perkara ini. Oleh sebab ia bukan perkara baharu, ia telah dilaksanakan di India, di *Singapore*. Jadinya berdasarkan itu, kalau hendak ikutkan bagi menyokong konsep untuk mengekalkan atau mengurangkan penghijrahan anak-anak muda ke luar bandar mungkin konsep ini boleh dilaksanakan. Selepas itu yang lainnya, saya ingin bertanya mengenai berapa perkara mengenai infrastruktur asas seperti lampu dan jalan kampung.

Saya kira perkara ini banyak kali saya sebutkan tetapi mungkin dasar-dasarnya masih ke belakang, jadi saya berharap pihak kementerian dapat melihat semula dasar-dasar ini seperti kalau satu kampung yang 10 lampu dan perkara seperti itu mungkin boleh ditukar mengikut keadaan semasa yang lebih moden. Oleh sebab takkanlah 10 tahun akan datang kita hendak bercakap lagi mengenai lampu jalan kampung, besarkan jalan kampung. Perkara itu perlu kita buat dari sekarang.

Seterus, saya hendak bercakap mengenai pemerksaan wanita. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda kerana menekankan aspek pemerksaan wanita, sama ada dalam sektor kerajaan mahupun swasta dan itulah yang telah dibuat oleh pihak kerajaan juga. Akan tetapi saya tengok ada beberapa perkara lain yang perlu kita tekankan dan perlu kita ambil. Akan tetapi sebelum itu saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan, terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Pekan kerana telah melantik seorang wanita sebagai Ketua Audit Negara, yang ini merupakan satu sejarah di mana pelantikan Tan Sri Dr. Madinah Mohamad sebagai Ketua Audit wanita yang pertama bagi tempoh dua tahun.

Jadi, ini membuktikan bahawa wanita Malaysia ini boleh dan mampu untuk melakukan. Apabila diberi amanah, mereka akan melaksanakan amanah tersebut. Akan tetapi bila kita

bercakap mengenai *gender gap index* ini Tuan Yang di-Pertua, ia berdasarkan kepada empat perkara. Pertamanya, pendidikan. Kita tak ada masalah dekat Malaysia ini pendidikan, *insya-Allah* wanita memang ke hadapan.

Keduanya, dari segi kesihatan, juga *insya-Allah* kita pun amat *advance*, amat ke depan dari segi ini. Ekonomi, agak kurang sedikit tetapi boleh dipertahankan. Akan tetapi yang kita tengok berdasarkan kepada perkara yang keempat iaitu wanita di dalam politik. Itulah yang menurunkan *gender gap index* ini ke tahap yang paling teruk sekali. Oleh sebab itulah kalau dekat luar kita selalu mengatakan bahawa kita mengikut jurang. Kalau ikut indeks jurang ini, kita perlukan tahap 30 peratus partisipasi wanita di dalam politik.

Jadi, kita ini sudah hendak pilihan raya, jadi saya berharap agar ada satu mekanisme yang membolehkan lebih ramai lagi wanita boleh *participate* di dalam politik dengan dinamakan sebagai calon-calon dalam pilihan raya. Yang itu secara tak langsungnya apabila lebih wanita dicalonkan, lebih wanita yang *insya-Allah* akan menang, jadi partisipasi wanita di dalam politik ini akan bertambah dan *achievement* untuk mencapai 30 peratus ini bukan sekarang. Sudah lama sudah kita bawa, sampai bila kita hendak berada di tahap 10.6 peratus di Malaysia ini? Oleh kerana itulah perkara ini perlu diambil kira dan perlu juga diambil tindakan dengan segera.

Dari segi *board of directors* pula, kalau ada satu kajian menunjukkan hanya 15 peratus sahaja wanita menduduki dalam *board of directors* ini. Yang selebihnya adalah lelaki. Saya hendak tahu, ia ada satu program pengarah wanita. Apa jadi dengan program tersebut?

■1810

Berapa ramai yang telah dilatih? Berapa ramai pula yang diberikan tempat? Kalau jumlahnya sangat kurang, mengapa? Adakah satu kajian telah dibuat untuk melihat semula modul tersebut untuk pastikan sama ada modul tersebut masih lagi relevan ataupun tidak relevan lagi? Kalau sekiranya ia tidak relevan lagi, apakah tindakan yang akan dibuat oleh pihak kerajaan untuk memastikan perkara itu *tally* dengan ekspektasi di pihak kerajaan. Betul, dasar kerajaan memang banyak menyebelahi wanita tetapi kita perlu buat lebih lagi sebab kita percaya *investment* di dalam wanita dapat memajukan negara ini. Ini jugalah yang dinyatakan menerusi matlamat kelima SDG yang digariskan oleh UN iaitu mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita dan kanak-kanak perempuan dalam usaha untuk memastikan tidak ada atau tidak akan ada jurang yang ketara antara gender dan perlu memperkasakan wanita di semua bidang.

Seterusnya, satu topik yang sangat suka saya bangkitkan iaitu mengenai *crowdfunding*. Tahun 2015, bulan Julai, kita di dalam Dewan ini ada bersama berbahas dan meluluskan satu akta yang membenarkan enam buah syarikat diberi lesen untuk membuat *crowdfunding* melalui penjana ekuiti melalui kaedah *crowdfunding*. Memang sebelum ini saya ada sebut dan sentuh mengenai isu ini dan saya juga ada mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk memberi penekanan kepada kaedah penjana modal ini secara lebih serius terutamanya kepada usahawan-usahawan baru. Di luar negara, ia sangat popular seperti pelbagai platform tetapi di Malaysia, kita pun ada juga. Bukan kita tak ada, kita ada.

Nama *website* itu *crowdfunding Indiegogo*, kita ada *Kickstarter*, kita ada *RocketHub*. Jadinya usahawan-usahawan ini adalah usahawan baru yang dapat menjana perolehan modal menerusi kutipan dana daripada *public* ataupun orang ramai. Hasil daripada apa yang kita luluskan di dalam Dewan ini, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan; kalau nak apungkan ataupun nak masukkan *crowdfunding* ini di atas talian, ambil masa 90 hari. Persoalannya, adakah tempoh 90 hari ini cukup untuk sesuatu *start up* meraih dana memandangkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai *crowdfunding* ini masih rendah lagi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Parit Sulong, boleh...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Keduanya, bila – Eh! Dah tinggal dua minit. Hah! Tak payah.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: 30 saat.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Nantilah bercakap sendiri. Okey, seterusnya...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tak, 30 saat.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ada lagi banyak lagi ini Tuan Yang di-Pertua. Tak apa. Nanti, nanti, nanti.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Parit Sulong, fasal *crowdfunding*, fasal *crowdfunding*.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya habiskan dahululah. Nanti kalau ada masa baru saya bagi. Keduanya, saya nak bertanya juga. Dia ada enam platform yang dah diberikan, yang dah diluluskan. Daripada enam platform ini, apa jadi dengan mereka? Saya nak tahu, berapa banyak syarikat *start up* ini yang telah berjaya meraih dana daripada platform ini. Daripada enam buah syarikat ini, mana yang aktif, mana yang tak aktif. Setiap satu syarikat ini, berapa banyak dah yang dia mampu untuk membantu usahawan-usahawan kecil ini mendapatkan dana secara *crowdfunding*. Saya juga nak tahu, persoalan saya seterusnya, berapakah jumlah dana keseluruhan yang dapat diraih melalui *crowdfunding* ECF ini, penggunaan ECF ini?

Kemudian, saya nak bertanya juga kepada pihak Kementerian Kewangan, bagaimana ataupun ada kah atau tidak sesuatu cara yang dibuat dalam kerangka pihak kementerian untuk mempromosikan kaedah *crowdfunding* ini di kalangan masyarakat kita? Sebab dia tak memerlukan dana daripada kerajaan, dia tak ada perlu pergi ke bank tapi dia *raise through public*. Saya bagi contoh, sebagai contoh, *scholar fund*. Dia gunakan dana tersebut yang telah dicapai, yang telah diperolehi daripada public untuk membantu anak-anak muda lain yang tidak dapat menyambung pelajaran ke peringkat universiti disebabkan kekangan kewangan. Cara itu saya salute dan saya rasa ramai lagi usahawan muda yang boleh dibantu melalui platform *crowdfunding* ini. Cuma kita nak tahu, daripada pihak kementerian, apakah langkah-langkah dan juga motivasi yang diberikan oleh pihak kementerian kepada syarikat-syarikat ini dan kesedaran kepada public mengenai sistem *crowdfunding* ini.

Kalau dibolehkan, lagi satu, melalui ekosistem sumber air di Malaysia ini. Jadinya, mungkin ada – saya cuma nak bercakap mengenai cadangan sahaja. Saya nak tahu apakah kementerian ada mengenal pasti status kawasan yang berpotensi untuk dijadikan kawasan pengambilan pasir. Kalau kita nak cakap mengenai ekosistem sumber air ini, ia memang bertujuan – air ini digunakan dalam pelbagai aktiviti harian. Tiga kegunaan utama air ini adalah *domestic industry* dan juga sektor pertanian. Kalau boleh huraian itu dapat dibantu oleh pihak kementerian mengenai kepentingan ataupun satu persoalan yang wajar kita beri perhatian. Saya nak tahu, sejauh manakah keberkesanan usaha yang dilakukan pada masa kini dapat menjamin kelestarian biodiversiti dan juga dapat memastikan ekosistem sumber air yang seimbang itu terus berkekalan di Malaysia ini.

Terima kasih banyak-banyak kerana diberikan peluang untuk sama-sama berbahas pada petang ini dan itu saya menyokong usul Titah Diraja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Sungai Petani.

6.17 ptg.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bersama-sama menjunjung kasih di atas ucapan Tuanku Agong dalam Dewan yang mulia ini. Sudah tentu Tuanku telah menyentuh banyak perkara yang menuntut perhatian kita. Namun, saya akan bangkitkan beberapa perkara yang saya kira amat mendesak supaya ini akan menjamin seterusnya rakyat kita, negara kita akan berada dalam keadaan yang amat selesa, aman dan damai.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua ialah tentang takwim persekolahan. Saya ingin bertanya dengan Kementerian Pendidikan, adakah kerajaan telah pun membuat *survey*? Setiap tahun kita lihat pelajar-pelajar kita yang akan menduduki peperiksaan tetapi terbantut akibat banjir. Bermula dengan peperiksaan PMR, SPM, STPM, lazimnya diadakan di penghujung tahun dan waktu penghujung tahun inilah keadaan geografi negara kita akan menghadapi monsun. Hampir setiap tahun kita kena berhadapan dengan banjir. Banjir ini kadang-kadang banjir kecil tetapi banjir akan datang dan kita juga pernah mengalami banjir besar hinggakan peperiksaan-peperiksaan itu ditunda.

Soalan saya ialah, apakah kerajaan tidak boleh fikir kenapa harus kita mulakan pendidikan ataupun buka sekolah dengan bulan Januari? Kenapakah kita tidak boleh buka *adjust* supaya kita buka sekolah bulan Mac atau April? Setelah itu peperiksaan akan berlaku di pertengahan tahun dan ini sekali gus kita akan mengelakkan pelajar-pelajar kita khususnya pelajar-pelajar di Pantai Timur daripada menghadapi banjir. Tiap-tiap tahun, dah 50 tahun. Takkanlah kita tak boleh '*pikiaq*' yang ini.

Setiap kali banjir, yang menjadi mangsa ialah pelajar-pelajar dan guru-guru. Jadi saya mengharapkan supaya kerajaan memikirkan, tidak ada ruginya pun saya fikir kalau kita mulakan

persekolahan kita pada pertengahan tahun dan memberikan peperiksaan kepada pelajar-pelajar kita bukan di penghujung tahun. Jadi, saya kira ini harus dilakukan. Saya pun tak nampak apakah kekangan yang akan kita lalui kalau ini kita lakukan.

Isu yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ada bangkitkan walaupun ini telah pun saya bangkitkan dalam kamar kedua tetapi saya merasakan bahawa isu ini ialah isu yang semua orang bercakap. Tadi pun Yang Berhormat Jerantut cakap dan sebelum ini pun ada ramai Ahli Parlimen kita telah bercakap tentang judi haram.

■1820

Tuan Yang di-Pertua, saya baru-baru ini telah pun berjumpa dengan pihak-pihak yang memang mengendalikan perniagaan perjudian sama ada empat nombor ekor ataupun Toto dan sebagainya. Saya amat terkejut Tuan Yang di-Pertua, kata mereka setiap satu syarikat yang menempatkan *outlet* mereka untuk buat judi yang “halal” akan ada sepuluh yang judi haram, yang akan kepung mereka. Niat mereka ialah supaya hendak mematikan *outlet* judi “halal” ini.

Saya tanya kenapa, judi haram *operate* 24 jam Tuan Yang di-Pertua. Judi yang “halal” yang berlesen ini ada masa dia, mungkin dia buka pukul 10, dia tutup pukul 5 atau pukul 6. Jadi orang akan membeli sama ada empat nombor ekor atau Toto dan sebagainya ada waktunya dan kerajaan ada *regulation* yang boleh *regulate* perjalanan *outlet* ini. Saya hendak sebut satu— ini satu malapetaka sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam laporan yang saya terima ini di Kedah lah yang paling banyak sekali. Saya tidak tahulah pasal apa, yang paling banyak premis judi haram adalah di Kedah sekarang ini dan saya telah didatangi oleh beberapa orang yang bekerja dalam judi haram ini. Mereka kata *average* pendapatan ataupun kutipan setiap premis ialah RM100,000 sebulan, *average*. Sebanyak 90 peratus ialah pelanggan-pelanggan Melayu, yang lainnya India dan Cina. Saya hairan macam mana orang Melayu ada duit banyak begitu. Kalau RM100,000 satu *outlet* kita ada beribu *outlet* di Malaysia maknanya orang Melayu tidak miskin Tuan Yang di-Pertua, tidak miskin *kot*. Jadi kita hendak bagi BR1M buat apa lagi itu.

Saya hairan bagaimana kita tidak ada satu kekuatan untuk menyekat kegiatan ini. Baru-baru ini di tempat saya, ini cerita benar, isteri suruh suami dia beli gas, Tuan Yang di-Pertua. Dia bagi duit dan dia bagi tong gas sekalilah. Si suami sampai kedai, sebelah kedai gas kedai judi, kedai judi haram. Dia main duit judi haram pun habis, duit yang bini dia bagi hendak beli gas. Akhirnya tong gas pun dia jual, hilang juga, duit pun hilang, tong gas pun hilang. Bini dia pun *mai* bawa anak-anak ini letak depan dia, anak merah lagi *mai* letak ini. Dia kata, “*Hang tengok ini apa jadi?*”. Inilah yang sedang berlaku.

Jadi saya hendak minta, walaupun Menteri akan jawab, saya tahu ini bukan kuasa kita, ini adalah kuasa *state* tetapi tidak mungkin kita tidak boleh membuat sesuatu khususnya Jabatan-jabatan Agama Islam. Saya difahamkan kalau kita hendak masuk di Genting Highlands dia tanya, “*Muslim kah non-Muslim*” untuk main judi. Kalau Muslim tidak boleh masuk, hendak beli Sport Toto pun dia kata situ orang Muslim tidak dibenarkan.

Apakah peranan agensi-agensi dan Jabatan-jabatan Islam untuk mengatasi masalah ini? Apakah tidak ada satu program sama ada kadi atau mufti kah atau pihak penguasa negeri sendiri pun berbincang dengan Kerajaan Pusat bagaimana menyelesaikan masalah ini? Saya percaya kalau ini berterusan hancur, khususnya orang Melayu, hancur. Oleh sebab kalaulah RM100,000 kutipan untuk satu *outlet*, kita ada puluhan ribu, Tuan Yang di-Pertua. Takkan kita tidak buka mata, takkan kita hendak tunggu satu undang-undang baru wujudkan sini baru kita hendak selesaikan masalah itu.

Saya mengajaklah, saya mengajak sungguh-sungguh sebab kemusnahan sedang berlaku di depan kita. Dalam itu Tuan Yang di-Pertua bukan sahaja dia main judi tetapi dia juga jual benda-benda yang lain sama ada *ice*, dadahlah. Dalam itu orang masuk tidak payah keluar pun dia boleh masuk, dia ada nasi lemak, minuman pun ada, orang duduk sampai 13 jam, 14 jam. Bukan sahaja budak-budak muda tetapi guru-guru, pegawai-pegawai tentera, baru-baru ini ada satu kumpulan— ini anak orang-orang India yang maklumkan kepada saya. Saya nampak bagaimana mereka simpati dengan orang Melayu. Secara kebetulan ahli parti saya bekerja dalam itu, orang India.

Dia kata Yang Berhormat saya melihat seorang Melayu ini datang main judi sudah kalah RM5,000. Jadi dia balik hendak ambil duit lagi, orang Melayu ini. Oleh kerana kesian dia potong wayar tempat *game* dia potong. Bila orang Melayu ini *mai*, dia kata rosak. Sebenarnya orang India ini potong, bukan dia hendak berhenti *tang* itu, dia main *tang* pula. Jadi orang tempat lain telefon dia kata, "*Macam mana pelanggan you ada sini?*" Maknanya ini ialah satu ketagihan yang luar biasa.

Oleh sebab itu saya mengajaklah kita kena buat sesuatu dan saya tahu ini bukan mudah tetapi kalau saya sekiranya kita biarkan akan berlaku kehancuran yang luar biasa, luar biasa. Kita sudah bercakap banyak tetapi harus ada tindakan dan tindakan itu mesti kita buat sama. Sama ada Kerajaan Federal ataupun Kerajaan Pusat dan institusi-institusi keagamaan khususnya pejabat-pejabat kadi dan mufti kena ambil tindakan. Kalau kita boleh tangkap orang khalwat, kita boleh tangkap orang macam-macam, takkanlah judi depan mata kita tidak boleh buat dan ini diperintah oleh agama kita khususnya untuk melihat benda ini boleh diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak cakap tentang kebersihan seperti yang telah pun dibangkitkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Baru-baru ini saya bawa tiga orang tetamu daripada Korea. Seperti yang saya sebut baru-baru ini bahawa di Kuala Lumpur sahaja kita tengok bangunan-bangunan pencakar langit. Kita pun rasa seronoklah tetapi sedarkah Tuan Yang di-Pertua bahawa di antara bandar raya yang kotor sebenarnya di kawasan Asia Tenggara ialah Kuala Lumpur. [*Disampuk*] Kadang-kadang kita pun tidak tahu kita belanja banyak dan kadang-kadang notis dihantar kerana kita tidak bayar cukai pintu tetapi di antara bandar raya yang kotor ialah di Kuala Lumpur.

Kalau Tuan Yang di-Pertua ada masa cuba turun cuba tengok Chow Kit Road. Chow Kit ini yang seingat sayalah semasa saya jadi *student* tahun 76 pun macam itulah keadaan dia. Sekarang ini tempat berniaga, tempat kotornya dan tidak ada pembersihan langsung. Dengan bangunan

tidak terurus, jadi kadang-kadang kita rasa kita hendak jadi hebat di antara bandar raya yang maju. Kita boleh tunjuklah *Twin Tower* kita dan sebagainya. Walaupun kita ada masalah dengan Kampung Baru kononnya kita ada masalah dengan sistem, kita ada masalah dengan perundangan, macam-macam masalah tetapi takkan masalah kebersihan tidak boleh diselesaikan? Tidak akan kita kena buat satu akta di sini pula baru hendak selesaikan masalah kebersihan.

Saya faham di Kampung Baru kita ada masalah untuk membangunkan Kampung Baru tetapi kebersihan tidak ada kompromi. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok di belakang Chow Kit itu cukuplah, saya rasa tidak mungkin kalau orang-orang ada sedikit kuasa boleh membiarkan keadaan ini terjadi. Saya difahamkan bahawa bukan sahaja masalah kesihatan daripada segi dadah dan sebagainya tetapi tikus-tikus yang bermaharajalela. Saya tengah makan dengan kawan di Kampung Baru ini, tiga orang, tikus lompat atas meja, Tuan Yang di-Pertua. Tikus besar anak kucing itu. Dia lompat ikut atas alang dia jatuh. Orang Korea ini lompat terbalik pinggan-pinggan sup kita terkejut. Saya kata, "*My God!*". Saya hendak sebutlah "*This is my country, beautiful country, you look at the Twin Tower*". Baru hendak habis cerita tikus lompat atas meja maknanya ini suatu yang tidak bolehlah.

Jadi saya tidak tahu apa yang menjadi masalah yang kalau kita pergi tempat lain— saya pujilah macam Bandar Melaka. Saya puji dia cuci waktu malam dan bersih Bandar Melaka, Pulau Pinang tetapi di Bandar raya Kuala Lumpur yang menjadi bandar raya kita sendiri saya rasa cukup memalukanlah. Jadi saya mintalah khususnya di kawasan-kawasan *supermarket* okeylah, tetapi orang luar negara bukan hendak datang *supermarket*, dia hendak tengok alam sekelilingnya. Akan tetapi, kalau kita tidak boleh tadbir ini kita hendak pergi *promote*. Saya kesianlah Menteri Pelancongan cerita macam-macam tapi akhirnya orang kata, "*Wow!*". Kalau kucing boleh lompat atas meja tidak apa saya fahamlah tapi kalau tikus lompat atas meja, ini suatu yang luar biasa Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya saya hendak bangkitkan tentang penunggang motosikal, Tuan Yang di-Pertua. Anak-anak muda mengeluh walaupun kita bincang banyak kali dan Timbalan Menteri pun telah memberikan macam-macam jawapan tetapi saya ingat kita ada lebih kurang satu hingga dua juta penunggang-penunggang motosikal yang tidak berlesen, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jumlah ini kita ada jumlah kematian tahun lepas sahaja 6,700 orang di jalan raya dan kebanyakan yang mati ini 60 peratus ialah penunggang-penunggang motosikal dan kebanyakannya berumur 16 tahun hingga 20 tahun. Ini adalah anak-anak muda kita.

Jadi bila saya berjumpa mereka dan bertanya apakah yang menyebabkan mereka tidak mahu ambil lesen ataupun *stop* separuh jalan dan akhirnya mereka menunggang motosikal dan tidak meneruskan pengajian mengambil lesen ini.

■1830

Jawapannya dua. Pertama, sistem untuk lulus dalam ambil lesen motosikal ini amat payah, cukup payah. Keduanya, dia kata kalau *failed*, kena duduk dan ambil *test* yang lain yang mengenakan kos yang tinggi. Jadi saya pula terfikir, zaman-zaman Dato' Seri dengan saya muda-

muda dekat universiti dulu, saya ingat kalau kita ambil lesen motor Tuan Yang di-Pertua, cukup mudah. Maksudnya boleh bawa motor buat pusingan "L", brek Tuan Yang di-Pertua ingatkan, kalau kita *break emergency* boleh, tiga, empat selepas itu kita boleh dapat lesen.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pusingan...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sekarang ini macam-macam. Pusingan lapan ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, pusingan lapan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, masih ingatkan pusingan lapan dahulu, masa universiti. Jadi maksudnya budak-budak akan bergembira apabila dia ada lesen dan dia tidak takut untuk menunggang. Tetapi sekarang ini sistem yang amat kompleks bagi dia waktu itu dengan komputer dan sebagainya, dia rasa menyusahkan. Jadi jalan pintas bagi dia ialah dia tidak ambil lesen. Kemudian bila dia tidak ambil lesen, kadang-kadang bila dia tengok *police road block* apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, dia akan lari dan inilah yang menyebabkan *accident*.

Kadang-kadang dia lari pula jalan yang menghala jalan songsang ini sebab dia takut dan kematian 18 satu hari ini satu luar biasa. Sebab itu saya ingat, saya minta Kementerian Pengangkutan melihat balik. Kalau kita boleh berikan lesen, *I mean modified*kan sikit sistem yang ada sekarang, sistem berkomputer dan sebagainya dan duduk dengan *lecture* berjam-jam, saya ingat tidak masuk akal. Walaupun kita kalau di Singapura lebih baik daripada kita, di China lebih teruk daripada kita tetapi itu mungkin suatu yang berbeza dengan kita. Tetapi di Malaysia ini hampir semua kampung, budak-budak naik motor, hampir semua dan itulah di antara kenderaan yang paling senang hendak pergi sekolah khususnya di Sabah dan Sarawak.

Jadi saya rasa harus ada suatu yang dilakukan kerana 18 orang maut kematian tiap-tiap hari dan mungkin salah seorang yang mati itu ialah bakal Perdana Menteri kita, kita tidak tahu dan mungkin orang yang bijak pandai di negara kita.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang TN50. Saya tidak ada masalah wawasan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Wawasan yang baik mungkin 2020 kita tidak tercapai tetapi apa salahnya kita merancang untuk TN50. Saya tidak ada masalah. Akan tetapi persoalannya Tuan Yang di-Pertua, ialah bagaimana kita membina bukan sahaja dari fizikal tetapi kekuatan mental mereka ini, anak-anak muda ini untuk berhadapan dengan masa depan. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, China akan menjadi *world economy*. *You like it or not?* Suka tidak suka, ia akan menjadi *world economy*. India akan *coming up* dan akan menjadi *world economy* juga. Mereka menjadi *power house* sedangkan negara kita ini negara yang Tuhan bagi segala-galanya dan rakyat kita ada *Chinese* dan ada *Indian*. Adakah kita hendak tengok peluang itu terlepas begitu sahaja. Bagaimana kita membina ini?

Jadi saya mimpikan Tuan Yang di-Pertua, saya mimpikan anak-anak Melayu, anak-anak Cina, Iban, Kadazan yang dapat bukan sahaja bersedia untuk menerima apa yang akan berlaku di

hadapan ini tetapi *mentally* bersedia untuk menjadi pemain-pemain dalam arena ekonomi. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau anak Melayu boleh bercakap empat bahasa. Anak Cina boleh bercakap empat bahasa. Orang Melayu boleh cakap Melayu, bila dia berjumpa dengan orang Kadazan, KDM, dia boleh cakap India. Orang Melayu boleh cakap dengan orang daripada Sabah, dia cakap Cina. *I mean multilingual society* dan dengan ini kita harus ada kesediaan untuk membuka ruang minda kita bahawa untuk menjadi rakyat yang baik dan untuk menjadi pemain dalam dunia ini, kita mesti *multilingual*.

Kita tidak boleh bergantung dengan bahasa kita sahaja. Bahasa Melayu *yes*, bahasa ibunda dan ini juga menjadi bahasa kebangsaan kita. Tetapi bahasa Inggeris, bahasa *Mandarin* dan akan berlaku juga lepas ini mungkin bahasa Arab, Urdu dan Tamil. Ini ialah peluang-peluang yang kita kena ambil *because* kita ada *ready made society* iaitu *Chinese and Indian* yang *receptive* kepada ekonomi. Sebab itu saya mendesak agar kerajaan melihat betul-betul menyediakan anak muda kita bukan sahaja dari segi akademik, kekuatan akademik tetapi kekuatan mental dan juga bahasa. Campak anak Melayu di mana-mana, dia boleh bercakap empat bahasa. Campak anak India di mana-mana, dia boleh bercakap empat bahasa. Bayangkan orang dunia akan tahu, satu-satunya negara yang boleh bercakap lima, enam bahasa ialah Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kalau ini terjadi tidak mungkin kita akan gagal dalam peperangan ini. Tidak mungkin. [*Tepuk*]

Sebab itu Kementerian Pendidikan, Jabatan Perdana Menteri mesti berlapang dada. Ini masa depan anak-anak kita. Kalau kita setakat *single* atau *monolingual*, kita tidak ke mana. Bayangkan kita hendak pergi China, kita hendak kena cari *translator* pula sedangkan kalaulah anak Melayu ini boleh bercakap bahasa Melayu dengan baik, bahasa Inggeris dengan baik, bahasa *Mandarin* dengan baik, bahasa Tamil dan Urdu, bayangkan kita akan menjadi *society* yang akan disayangi, orang hendak cari kitalah. Saya rasa masanya telah tiba untuk Kementerian Pendidikan, fikirkan ini untuk peringkat awal ini tidak semestinya kita akan jadikan *exam* subjek, jadikan elektif dahulu.

Maknanya di sekolah itu, murid-murid daripada sekolah rendah hingga sekolah menengah, diberi peluang bahawa di sekolah ini mulakan dengan sekolah-sekolah yang bersedia untuk di- *we train them*. Maknanya bersekolah rendah bayangkan, di sekolah ini boleh bercakap empat bahasa. Apabila dia pergi ke sekolah menengah, dia boleh cakap lagi dua, tiga bahasa dan tidak payah mengadakan *exam* kepada mereka, sebagai elektif. Ini saya rasa akan memberikan kita kekuatan dan saya yakin walaupun China akan menjadi *world economy but we are ready by then*. Walaupun India akan menjadi *world economy*, kita akan *ready* apatah lagi dalam keadaan kita boleh berbahasa Inggeris dengan baik.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih ke atas titah Tuanku dan saya amat menyokong apa yang Tuanku kata. Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Hulu Rajang.

6.36 ptg.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua ke atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta di dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Batu Sapi boleh, selepas pembangkang, Yang Berhormat Batu Sapi ya?

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih. Saya di kesempatan ini ingin mewakili seluruh rakyat di kawasan Parlimen saya ingin merafakkan sembah takzim saya bagi merakamkan jutaan tahniah kepada Sultan Muhammad V di atas pentadbiran Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15.

Keselamatan negara Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut menzahirkan rasa simpati kepada keluarga mangsa yang terlibat dalam insiden MH370 setelah tiga tahun tragedi ini berlaku. Ia merupakan satu kenangan pahit yang sukar ditelan oleh rakyat Malaysia. Namun begitu kita melalui detik hitam ini dengan penuh bersatu padu. Walaupun usaha pencarian masih menemui jalan buntu, namun doa rakyat Malaysia agar sentiasa bersama mereka yang hilang bersama kapal tersebut.

Kawalan keselamatan di setiap sempadan negara harus diperketat agar kes seperti ini tidak berulang lagi pada masa yang akan datang. Saya turut ingin membangkitkan hal keselamatan adalah di Parlimen di Dewan Bangunan Parlimen ini. Pintu keluar masuk juga harus dipertingkatkan. Keselamatan agar setiap individu, kenderaan yang masuk kawasan diperiksa dengan teliti agar kita tidak mahu sebarang musibah berlaku kelak.

Saya juga menyeru kepada Kementerian Dalam Negeri melihat kepada isu-isu keselamatan di kawasan Parlimen Hulu Rajang. Ia bersempadan dengan negara jiran kita iaitu Indonesia Tuan Yang di-Pertua. Banyak lorong-lorong tikus di sepanjang sempadan tersebut. Oleh yang demikian, saya mohon agar pembinaan pos kawalan di Long Busang Belaga, Long Singut dan Bukit Mabung yang saya sebut selalu setiap *debate* ataupun setiap ucapan saya, di bahagian Kapit. Saya juga mohon agar anggota tetap ditempatkan segera di Balai Polis Sungai Asap. Kekurangan anggota yang dipinjamkan dari Balai Polis Belaga turut menyukarkan kelicinan perjalanan keselamatan di Daerah Belaga.

Kemudahan *facility* kesihatan Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya saya ingin menjurus kepada soal akses kepada kemudahan kesihatan di Sarawak. Kita semua sedia maklum kerajaan sangat prihatin dengan menyediakan kemudahan akses jalan raya kepada rakyat negeri Sarawak. Jalan Kanowit–Song-Kapit yang bakal menghubungkan Daerah Kapit dijangka akan siap pada tempoh dua tahun lagi.

■1840

Justeru itu, saya menyeru dan merayu agar Hospital Kapit dapat diperbesarkan dengan melibatkan penambahan doktor pakar dan menambahkan jumlah bilangan mesin dialisis juga. Ini selaras dengan kadar penambahan jumlah pesakit Hospital Kapit yang kian meningkat setiap

tahun, Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat dalam jangka masa tiga tahun akan datang, Hospital Kapit akan menguruskan bilangan pesakit yang sangat banyak dan keperluan penambahan kakitangan dan pembesaran Hospital Kapit adalah amat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, Klinik Long Busang merupakan satu inisiatif yang dibina oleh DUN Belaga dan saya secara bergotong royong pada tahun 2014. Namun, penggantian klinik tersebut adalah penggantian Klinik Long Jawe yang telah dilimpahi air Tasik Bakun akibat pembinaan *Bakun Hydroelectric Power* pada ketika itu. Klinik ini telah dilengkapi dengan peralatan perubatan, pejabat dan juga logistik seperti perahu panjang. Turut disediakan adalah bilik-bilik pekerja klinik dan dilengkapi perabot. Ini bertujuan untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada lebih 2,000 penduduk kaum Orang Ulu di pedalaman.

Namun, pihak Kementerian Kesihatan tidak membenarkan klinik sementara itu beroperasi kerana tidak mengikut *specs* KKM. Pihak kementerian berjanji untuk membina sebuah klinik bagi mengatasi masalah ini, namun sehingga hari ini masih tidak ada kelihatan oleh rakyat dan penduduk saya di Hulu Rajang. Apabila klinik siap kelak, ia akan memberi perkhidmatan kepada 2,000 penduduk di kawasan sekitar untuk mendapat perkhidmatan perubatan yang lebih baik. Diharap Kementerian Kesihatan mengambil serius untuk mempercepatkan lagi klinik desa ini di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Bantuan Rakyat 1Malaysia dan bantuan kebajikan. Tuan Yang di-Pertua, penduduk di Hulu Rajang amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana beliau merupakan satu-satunya Perdana Menteri yang berbanding mantan Perdana Menteri yang memberikan bantuan seumpama ini kepada rakyat dengan tidak mengira bangsa sama ada mereka merupakan penyokong kerajaan ataupun pembangkang. Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) untuk tahun 2017 yang dinaikkan sehingga RM1,200 ini merupakan berita paling gembira untuk penduduk-penduduk khususnya di luar bandar.

Saya sendiri menyelami jiwa rakyat di kawasan luar bandar apabila menyampaikan bantuan ini, ada di antara mereka menitiskan air mata, Tuan Yang di-Pertua, lalu merakamkan penghargaan tidak terhingga kepada kerajaan. Tiada mana-mana kerajaan dalam dunia ini, Tuan Yang di-Pertua, yang memberikan bantuan seumpama ini. Terdapat juga beberapa penduduk kawasan pedalaman yang datang berjumpa dengan saya secara bersendirian mengatakan sumbangan ini bukan dedak seperti yang dipropagandakan. Jumlah yang begitu besar sebanyak RM5.4 bilion telah diperuntukkan untuk penerima BR1M tahun 2017, Tuan Yang di-Pertua.

Pembangunan infrastruktur asas di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, kawasan Hulu Rajang memerlukan pembangunan infrastruktur yang berterusan seiring dengan wawasan yang kini diilhamkan atas cetusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu TN50, Transformasi Nasional menuju wawasan negara menjelang tahun 2050. Saya ketika itu, Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada atau tidak ada. Hanya Tuhan sahaja tahu. Namun begitu, harapan dan cita-cita saya untuk melihat kemakmuran rakyat di kawasan Parlimen saya akan direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan sebuah negara maju bukan sahaja terletak dalam bidang ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan perpaduan nasional. Namun, pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar harus diberi perhatian serius oleh kerajaan selaras dengan kerancangan pembangunan pesat berlaku di Semenanjung Malaysia. Saya bukannya mahu membandingkan Kuala Lumpur dengan kawasan Parlimen saya. Namun, perbandingan saya buat melihat kepada kawasan pedalaman di Semenanjung jauh lebih baik berbanding lokasi di negeri Sarawak.

Keprihatinan khusus harus diberikan agar peluang sama rata dapat disediakan untuk semua rakyat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan itu, saya mohon agar pembinaan jalan raya untuk kemudahan rakyat dapat dijalankan melibatkan projek-projek seperti berikut.

Pertama, pada tahun 2016 semasa membentangkan bajet, saya ada memohon bagi mendapatkan Program Projek Jiwa Murni bagi pembinaan jalan raya dari Nanga Gaat ke Rumah Panjang Tuan Rumah Tungku di Sungai Gaat, Baleh, Kapit sepanjang 55 kilometer. Sungai Gaat adalah kawasan tempat lahir saya, Tuan Yang di-Pertua, dan satu-satunya saya seorang wakil rakyat di Malaysia tidak menikmati kemudahan jalan sampai ke rumah kediaman saya di pedalaman.

Kedua, saya juga mohon agar Program Jiwa Murni turut diteruskan bagi menaiktarafkan jalan akses Balak ke SK Lusong Laku di Daerah Belaga untuk suku kaum Penan yang melibatkan jalan sepanjang 22 kilometer. Ia untuk membantu masyarakat Kaum Penan yang tinggal di pedalaman yang terdapat kurang lebih dalam seribu orang penduduk Penan di kawasan Lusong Laku, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin mohon kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar secara serius melihatkan kepada janji yang ditabur bagi membina sebuah balai bomba di Daerah Belaga. Timbalan Menterinya ada di sini. Janji itu telah ditabur pada tahun 2015 dan dijanjikan akan siap pada tahun 2016. Namun, sehingga hari ini masih belum kelihatan bangunannya. Harapan rakyat untuk melihat bangunan merah putih simbolik warna bomba kelihatan di Daerah Belaga. Ini adalah satu perkara yang harus dipandang serius oleh pihak kementerian kerana rakyat sudah beribu-ribu kali bertanya kepada saya. Mohon disegerakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Bekalan elektrik luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa meneruskan usaha menyambungkan bekalan elektrik luar bandar menjadikan bukti bahawa komitmen usaha untuk membangunkan infrastruktur asas di kawasan luar bandar. Sememangnya inisiatif ini amat dialu-alukan oleh penduduk kawasan luar bandar seperti di Parlimen saya di Hulu Rajang. Saya berharap agar usaha ini dapat diperluaskan di kawasan Parlimen Hulu Rajang, khususnya di kawasan rumah panjang yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

Saya menyeru agar agihan bekalan elektrik dibina sama rata seluruh bahagian di negeri Sarawak, khususnya melibatkan kawasan pedalaman Hulu Rajang di Long Menjawah ke Pekan Belaga. Ketika ini bekalan elektrik di kawasan pedalaman masih bergantung kepada penggunaan genset atau generator walaupun berada berdekatan dengan Empangan Bakun. Siapa harus

dipersalahkan, Tuan Yang di-Pertua? Penduduk ketika ini memberi tanah dan rumah mereka bagi pembinaan empangan tersebut, namun pada hari ini mereka masih gagal mendapat bekalan elektrik.

Pada tahun lepas, pihak kementerian KKLW memaklumkan bahawa bekalan elektrik akan dibekalkan menjelang penghujung tahun 2016. Usaha ini adalah bagi meneruskan penyambungan bekalan elektrik di luar bandar menjadi bukti bahawa kerajaan tetap komited bagi memastikan masyarakat luar bandar seluruh negara akan menikmati bekalan elektrik sebelum mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Kita tidak mahu lagi mendengar menjelang sambutan kemerdekaan ke 60 tahun ini masih terdapat rumah panjang atau pedalaman di Malaysia tiada bekalan elektrik. Perjalanan 60 tahun itu cukuplah panjang dan rakyat kini mahu bekalan elektrik yang sempurna agar perjalanan kehidupan seharian dapat dilalui dengan penuh kegembiraan.

Fasiliti pendidikan di Hulu Rajang. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kesal dengan Kementerian Pendidikan Negeri Sarawak kerana memberi notis pemberhentian guru interim di sekolah menengah di negeri Sarawak. Kebanyakan guru-guru interim ini merupakan graduan dari Universiti Tun Abdul Razak. Jika pemberhentian ini diteruskan, maka secara tidak langsung menunjukkan bahawa ijazah mereka dari UNITAR tidak diiktiraf kerajaan. Namun, atas tindakan pantas Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, beliau telah berjaya menghalang daripada berlakunya bencana pemberhentian itu.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, di kawasan Hulu Rajang sahaja terdapat tiga buah sekolah menengah dan 34 buah sekolah rendah dan sebahagian besar daripadanya amat memerlukan bantuan dari segi penambahbaikan fasiliti. Saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian Pendidikan untuk melihat kembali pengumuman kelulusan blok tambahan penginapan guru di Sekolah Menengah Bakun yang kini hanya boleh mempunyai 24 bilik dan rancangan penambahan bilik bagi menampung 83 orang guru di sana.

Semasa lawatan saya pada Sabtu yang lalu sedih mendengar rungutan guru kerana mereka terpaksa menyewa dan berulang alik ke sekolah setiap hari.

■1850

Janganlah kita membebankan lagi tugas guru dan tugas-tugas mereka yang lain. Tatkala tanggungjawab mereka adalah untuk memberi didikan sempurna kepada pelajar.

Saya turut ingin membawa permasalahan berkaitan dengan pendidikan suku kaum minoriti Sarawak ke perhatian Kementerian Pengajian Tinggi. Namun, penyatuan pihak kementerian senaraikan kaum minoriti yang terdapat di Malaysia adalah seperti Sihan, kaum Baketan, kaum Tan Yong, kaum Punan, kaum Kejaman, kaum Penan, kaum Sekapan dan kaum Ukit Tuan Yang di-Pertua. Kaum-kaum ini merupakan kaum yang populasi adalah tidak melebihi 5,000 orang dalam Malaysia. Kaum yang paling sedikit adalah kaum Sihan iaitu dalam anggaran tidak melebihi 200 orang di Malaysia ini.

Oleh yang demikian, saya memohon kepada kedua-dua kementerian seperti yang saya nyatakan tadi, untuk memberi kelonggaran kepada kaum-kaum ini untuk memasuki institut

pengajian tinggi IPG untuk calon lepasan SPM dan STPM memandangkan kaum-kaum ini sering kali terlepas pandang daripada kemasukan ke IPG. Hal ini ekoran daripada menggalakkan mereka untuk mendidik anak bangsa mereka sendiri di samping motivasi anak bangsa mereka yang begitu sedikit di dalam populasi kita. Di samping itu, saya turut menyarankan agar kedua-dua buah kementerian memberi kelebihan yang sama kepada kaum-kaum ini sama seperti memberi kelebihan kepada kaum-kaum Penan dalam pendidikan, mahupun perjawatan dalam sektor kerajaan Tuan Yang di-Pertua.

Secara peribadi juga, saya menyambut baik Titah Baginda yang menyebut 80 peratus lepasan bidang latihan teknikal dan vokasional (TVET) berjaya mendapat pekerjaan. Namun, saya sangat sedih sekali apabila pengambilan pelajar di institut adalah terhad. Ia sama ada institut itu tidak cukup menampung bilangan pelajar atau kriteria pengambilan yang ketat. Oleh itu, saya cadangkan supaya kemasukan pelajar Dayak ke Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), politeknik, kolej komuniti, IKM dan juga sekolah teknik dan vokasional yang lain di Sarawak dipertingkatkan bilangan pengambilan dalam setahun dan kriteria kemasukan pelajar perlu dilonggarkan. Saya turut mencadangkan agar penubuhan institut kemahiran dan vokasional di Kapit dengan kadar segera agar peluang banyak dapat diberikan kepada belia-belia luar bandar. Oleh itu, saya menyeru kepada Kerajaan Persekutuan sekurang-kurangnya dua buah institut TVET dapat didirikan di kawasan Parlimen Hulu Rajang dan juga di kawasan Parlimen Kapit.

Kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengakhiri kata-kata yang terakhir, izinkan saya mewakili rakyat negeri Sarawak merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada mantan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Allahyarham Yang Amat Berhormat Tan Sri Adenan Satem di atas komitmen dan pengorbanan yang sangat tinggi yang telah ditunjukkan bagi memastikan negeri Sarawak berada di puncak kegemilangan dengan membuktikan sokongan rakyat negeri Sarawak tidak berbelah bagi kepada beliau. Saya sangat kagum dengan cara kepimpinan beliau.

Namun pada hari ini, legasi kepimpinan itu diteruskan oleh pahlawan seangkatan dengannya iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg, Ketua Menteri Sarawak yang keenam. Beliau merupakan seorang individu yang saya kenal cukup hebat dan kami percaya kegemilangan bakal diteruskan oleh beliau dalam memastikan negeri Sarawak yang akan sentiasa berada di puncak kejayaan. Saya dengan ini mewakili masyarakat Hulu Rajang mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Ya, Yang Berhormat Taiping.

6.54 ptg.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana membenarkan saya bangun untuk merafak sembah dan menjunjung kasih untuk bahas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan sesi penggal kelima, sesi pertama Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang dalam krisis. Dalam masa kesuntukan ini, saya ingin membangkitkan lapan perkara penting, berkepentingan awam dan juga mempunyai kepentingan yang amat kepada negara kita. Pertama adalah kejatuhan ringgit. Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa tahun ini, nilai mata wang kita telah merosot secara ketara. Pada tahun 2015, kejatuhan ringgit menjadikan mata wang ringgit adalah mata wang yang mengalami kejatuhan yang paling teruk di seluruh benua Asia. Jika dibandingkan dengan negara-negara lain, adalah amat penting sekali, mengapa ringgit jatuh? Faktor utamanya adalah kehilangan keyakinan pelabur. Mengapa pelabur hilang keyakinan? Antara sebab utama bukan sahaja skandal raksasa, *the monstrous scandal*, 1MDB.

Sebenarnya yang lebih penting, petang ini saya ingin memberikan satu amaran ataupun *wakeup call* kepada kerajaan. Negara kita sedang dalam krisis dan menghadapi kemungkinan akan diserang oleh penyangak kewangan sedunia. Tuan Yang di-Pertua, mengapa? Ini kerana dari segi fundamentalnya rizab negara kita semakin merosot berbanding dengan hutang negara jangka masa pendek. Di depan mata kita faktanya adalah rizab negara kita setakat 28 Februari tahun ini hanyalah RM108.91 bilion, sedangkan hutang negara jangka masa pendek adalah sebanyak RM132.8 bilion. Dengan kata lain, sebenarnya negara kita sedang berada di keadaan defisit untuk membayar hutang kerana jumlah defisit membayar hutang ini sebanyak RM23.27 bilion. Ini bermaksud jumlah rizab ataupun aset Bank Negara Malaysia tidak cukup untuk menampung liabiliti hutang jangka masa pendek. Ini bermaksud negara kita sedang menghadapi risiko yang tinggi. Sekiranya ada penyangak kewangan mengambil kesempatan untuk menyerang sistem kewangan kita, negara kita akan terjerumus ke kancah krisis dan kemusnahan.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: [Bangun]

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Malaysia adalah satu negara jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN lain, rakan-rakan ASEAN lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rompin bangun. Yang Berhormat Rompin.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Nanti, masa kesuntukan. Jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain, saya beri contoh Yang Berhormat Rompin sebagai Pengerusi PAC, rizab negara kita, Malaysia, defisit RM223.2 bilion. Negara Thailand di mana jumlah rizab adalah RM163.3 bilion tetapi hutang jangka masa pendek mereka hanya RM67.1 bilion, dengan kata lain mereka mempunyai lebih RM962 bilion. Jika dibandingkan dengan negara Indonesia, rizab mereka adalah RM134.3 bilion tetapi hutang jangka masa pendek mereka adalah RM57.94 bilion iaitu Indonesia mempunyai lebih RM764.5 bilion. Jika kita dibandingkan dengan Filipina,

Filipina rizabnya adalah USD865.1 bilion dan jumlah hutang jangka masa pendek adalah USD21.5 bilion, mempunyai lebih USD649.7 bilion.

Dengan kata lain, jika dibandingkan dengan Thailand, Indonesia dan Filipina, Malaysia adalah satu-satu negara yang kini menghadapi keadaan di mana rizab tidak cukup untuk menampung hutang liabiliti jangka masa pendek. Dari segi pertumbuhan rizab negara, kita juga berada di keadaan yang ketinggalan yang amat jauh sekali. Tidak payah pergi bandingkan dengan negara maju, kita bandingkan dengan rakan-rakan ASEAN yang dulu Malaysia mendahului. Kini kita semakin ketinggalan, semakin merosot.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Penjelasan ya.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: ...Di bawah Yang Berhormat Pekan. Kita bandingkan di depan mata kita, rizab Indonesia bertambah dalam tempoh 2008 hingga tahun ini, pertambahannya 160 peratus. Negara Filipina, pertambahan rizabnya 130 peratus. Negara Thailand, pertambahannya 47 peratus tetapi Malaysia pertambahannya berapa? Pertambahan 19 peratus sahaja.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya ingat Yang Berhormat Taiping ini bagi kita fakta salah ini Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Jika kita bandingkan dari segi pertambahan hutang...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Taiping bagi fakta salah ini. Saya minta penjelasan. Mana ada Filipina ada rizab sampai USD659 bilion?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Okey, okey.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Ini fakta salah. Saya minta tarik balik. Ini *misleading*.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Fakta tidak salah. Fakta ini semuanya...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Salah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ada dalam Bank Dunia. Jika tidak percaya, boleh baca.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tidak. USD659 bilion, lebih besar dari ...India. Saya ingat Yang Berhormat Taiping jangan *misleading the* Dewan.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ia mesti dilihat hutang negara luar...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Filipina punya rizab adalah USD865.1 bilion. Saya tidak beri laluan. Ini hanya cuba hendak...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jangan *mislead the* Dewan. Saya minta Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Taiping *misleading the* Dewan

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini cuma hendak beri kacau, tiada standard. Duduklah!

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya minta *standing order*. Ini salah ini.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta *ruling*. Inilah dia sikap Barisan Nasional yang menyerupai sikap burung unta dalam menghadapi fakta di hadapan mata.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Berapakah hutang dalam negeri berbanding hutang luar negara di Thailand?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kalau cakap fakta, kita terima. Ini tidak betul ini Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya rasa saya tidak payah layan mereka yang takut menghadapi kebenaran.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya dengar. Tidak takut!

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini krisis majmuk, apa sikap macam ini?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Akan tetapi kalau *misleading the Dewan*, kita tidak boleh terima. Sebab Yang Berhormat Taiping *misleading the Dewan*. Mana boleh Filipina ada sampai GDP simpanan USD659 bilion. Mana? Buktikan.

■1900

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Okey boleh duduk.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Buktikan, kalau tidak tarik balik. Saya minta tarik balik sebab Yang Berhormat Taiping *misleading the Dewan*.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, tolong bagi masa kerana ini kaki kacau yang ada.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya tidak kacau, *you* cakap bohong.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Boleh duduk. Apabila kamu cakap saya bohong...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Cakap betul-betul...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: ...Cerminkan diri sendiri dulu. "*Siapa makan cili, dia rasa pedas*".

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jangan *misleading*, jangan hendak...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Apa *misleading*?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: *Round down the people, you give the wrong information...*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Pergi cari laporan Bank Dunia.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: RM699 bilion, *you* tahu berapa banyak tak RM699 bilion?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya tadi kata banding dengan Malaysia...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Taiping, *you* tidak tahu apa yang *you* cakap.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: RM865.1 bilion.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: *Misleading.*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Itu yang tidak faham.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Buktikan, buktikan RM699 bilion.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Hampir RM1 trilion.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Matematik Darjah 1 pun tidak faham tapi hendak beritahu kita.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Salah ini, saya minta tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Inilah sikap sebab rakyat kini tolak UMNO, tolak BN.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya minta tarik balik.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Tidak payah peduli sikap macam ini.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tarik balik, *you* salah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Dari segi pertambahan hutang, dengar dulu. Dari segi pertambahan hutang kita dalam jangka masa pendek dalam tempoh 2008 hingga 2017— itu semua boleh dapat daripada laporan Bank Dunia. Malaysia, pertambahan hutang jangka masa pendek paling teruk jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN seperti Indonesia, Thailand dan Philippines. Dengar dulu!

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Dengar tapi fakta *you* salah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Pertambahannya 296 peratus.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Taiping, saya minta hendak dengar tapi saya minta tarik balik fakta tadi.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Indonesia hanya 96 peratus.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Taiping *misleading*. Saya minta tarik balik.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Dibandingkan dengan Thailand— inilah sikapnya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya boleh dengar tapi *you* betulkan, tarik balik.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Okey, duduk!

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tarik balik! Tarik balik!

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tarik balik sebab dia salah ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana dan budiman. Inilah perbezaan sebab itu Tuan Yang di-Pertua dipilih sebagai Timbalan Speaker. Ini bezanya, ada standard tidak macam itu, tidak ada kualiti punya.

Tuan Yang di-Pertua, di depan mata kita pertambahan hutang negara kita pada jangka masa pendek...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Boleh saya tanya, penjelasan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tidak payah, tidak payah.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Mohon penjelasan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tak payah. Malaysia peningkatannya tiga kali ganda lebih kurang. Indonesia 96 peratus, Thailand 52 peratus, Filipina 49 peratus. Ini bermaksud pertambahan hutang kita semakin membimbangkan tetapi rizab kita tidak meningkat. Semua di depan mata kita adalah fakta rasmi yang kita dapat daripada Bank Dunia.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tarik balik.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, maka disyorkan sekiranya bagaimana kita hendak mengembalikan keyakinan pelabur. Pertama, saya rasa yang penting adalah laporan audit berkenaan dengan 1MDB perlu dibentangkan di Dewan yang mulia ini dan kemudian dibahaskan. Malaysia telah menjadi bahan ketawa sedunia apabila laporan audit dijadikan rahsia rasmi. Saya rasa tidak ada negara lain jika hendak dijadikan rahsia rasmi, apa hal hendak audit. Jika hendak audit, mengapa jadikan OSA. Inilah sebabnya patutlah hendak mengembalikan keyakinan pelabur, laporan audit 1MDB mesti dibentangkan di Dewan ini di bahas dan untuk mencari kebenaran.

Yang kedua, dulu kita ada bank *Bumi financial scandal*, BMF. Dulu kita ada Tan Sri Ahmad Nordin sebagai Ketua Audit Negara. Pada tahun 1986, BMF adalah skandal terbesar di negara kita tetapi laporan audit BMF, Bank Bumiputera Finance dikemukakan di Dewan yang mulia ini, di bahas dan kemudian mereka yang salah di hadap ke muka pengadilan.

Yang kedua cadangan saya, mengikut Titah Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, mereka yang terlibat dalam rasuah tanpa mengira kedudukan haruslah di hadap ke muka pengadilan termasuk MO1. Mengapa? Saya rasa inilah satu cara, satu-satu mekanisme untuk mengembalikan imej dan integriti negara kita.

Ketiga, sebenarnya duit berbilion termasuk USD3.5 bilion yang telah disebut oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat di dalam kes *kleptocracy recovery initiative*. Patut dituntut dan dibayar balik kepada negara kita. Ini adalah duit rakyat kita, ini bukannya mereka yang curi, yang rompak, yang jadi penyangak patut di hadap ke muka pengadilan. Kita tidak boleh terus berada mengambil sikap burung unta, simpan kepala, sorok kepala dalam pasir dan berpura-pura seolah-olah tidak ada apa-apa yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membangkitkan tentang isu pelantikan jawatan utama dalam kerajaan. Mengikut Artikel 105 Perlembagaan Persekutuan di mana pelantikan jawatan utama kerajaan wajib mencerminkan integriti, profesional dan sikap berkecuali. Ini adalah amat penting. Saya ingin sentuh tentang pelantikan Ketua Audit Negara yang baru ini. Artikel 105 dan juga seksyen 9 dalam Akta Audit 1957, Akta 62 menghendaki Ketua Audit Negara ini mempunyai kelayakan perakaunan dan kewangan.

Kedua, dia mesti bersikap secara profesional berkecuali dan juga penuh integriti. Ini adalah *the statutory requirement* tetapi di depan mata kita, saya ingin bertanya kepada Dewan ini, adakah Ketua Audit yang baru Tan Sri Dr. Madinah sebenarnya merupakan ahli UMNO di mana nombor keahliannya 00609684. Saya hendak Menteri Kewangan dan Perdana Menteri jawab adakah dia merupakan ahli UMNO. Jika dia adalah ahli UMNO, bagaimana beliau dapat bersikap berkecuali. Ini melibatkan integriti pelantikan jawatan utama di dalam kerajaan.

Kedua, saya difahamkan kelayakannya adalah dalam *human resource*. Dia tidak pernah menjadi juruaudit. Bagaimana seorang yang tidak ada pengalaman dalam bidang kewangan dan perakaunan dan audit boleh dilantik sebagai Ketua Audit Negara. Adakah kita akan panggil seorang *mechanic* kereta untuk menjadi doktor menjalankan pembedahan. Semestinya tidak. *Would you call a mechanic to perform operation in hospital? You will not*, dengan izin. Maka bagaimana kita boleh melantik seorang yang tidak ada pengalaman dan kelayakan dalam bidang audit menjadi Ketua Audit Negara. Ini melibatkan isu Perlembagaan Persekutuan dan integriti seluruh institusi negara ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin membangkitkan isu yang seterusnya. Sebenarnya saya nampak Timbalan Tuan Yang di-Pertua masuk, saya berasa amat berterima kasih kerana isu yang akan saya bangkitkan berkaitan dengan Timbalan Tuan Yang di-Pertua juga. Saya rasa adalah sudah sampai masanya di mana negara kita di era globalisasi ini, fahaman sempit perkauman tidak ada tempat di tanah air kita yang tercinta ini. Sudah tiba masa selepas kita tunggu 45 tahun, sijil peperiksaan UEC diberikan pengiktirafan sepenuhnya.

Saya difahamkan anak kepada Tuan Yang di-Pertua kita belajar di sekolah *independent high school*. Anak kepada Timbalan Tuan Yang di-Pertua yang kita sayangi ini pun juga belajar di sekolah *independent high school*. Ini adalah satu pilihan yang tepat dan bijaksana supaya mereka dapat menguasai pelbagai bahasa. Saya difahamkan Yang Berhormat Ketereh, dia dipecat kerana memperjuangkan pengiktirafan. Hari ini di dalam surat khabar dilaporkan kerana dia sokong untuk kerajaan mengiktiraf sijil peperiksaan UEC, maka beliau dilucutkan jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, UEC adalah persoalan akademik. Ia bukan isu politik. UEC telah mendapat pengiktirafan lebih 600 buah institusi universiti tersohor di peringkat antarabangsa. Negara China, Taiwan dan Singapura memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar UEC. Bakat-bakat kita, modal insan kita semua direbut oleh negara-negara asing sedangkan negara kita sendiri yang menjalankan peperiksaan *United Examination of Certificate* tidak mengiktiraf produk sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, DAP telah membangkitkan perkara ini sejak tahun 1970-an, lebih 30 tahun kita memperjuangkan. Saya petik kata-kata Allahyarham Tan Sri bekas Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem. Beliau pernah kata, "*It is so foolish and stupid for the Federal Government not to recognize UEC*", sebab itu Sarawak mengiktiraf UEC, Pulau Pinang mengiktiraf UEC, Selangor mengiktiraf UEC, mengapa Kerajaan Persekutuan masih lagi bersifat kura-kura, lambat-lambat.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah persoalan akademik, bukan persoalan politik. Cukuplah kita demi kepentingan, di depan mata kita ada 80,000 orang pelajar UEC. 80,000 ini adalah bakat muda dan pada abad 21 ini sama ada negara kita boleh menjadi *competitive*, ia bergantung kepada modal insan, mutu kualiti modal insan yang kita ada. Apabila negara lain *they know how to appreciate our talent and we chase our talent away. What is this?* Cukuplah, *enough is enough*. Saya rasa sudah tiba masanya UEC bukan sahaja diiktiraf Tuan Yang di-Pertua, malahan saya ingin bangkitkan peruntukan kepada sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah menengah jenis kebangsaan yang telah bertahun-tahun. Saya minta maaf saya gunakan perkataan dianaktirikan.

■1910

Kita bagi satu contoh. Peruntukan SJK(C) apabila di depan kita RTM, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri umumkan akan berikan RM50 juta. Akan tetapi kita tunggu tahun 2015 yang diumumkan oleh Perdana Menteri wang tidak ada. Selepas kita bangkitkan di Dewan ini, kita diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri, wang kepada SJK(C) telah digunakan untuk bencana banjir di Kelantan.

Pendidikan, masa depan negara boleh digunakan untuk bantu mangsa banjir. Maka saya hendak tanya, mana dana mangsa banjir? Tahun lepas, kejadian yang sama berulang lagi RM50 juta. Sampai hari ini, tahun 2016 tidak diberikan sepenuhnya RM50 juta. Tahun ini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bilakah RM50 juta yang dijanjikan kepada SJK(C) ini akan dibayar? Tahun 2015 tidak ada, tahun 2016 hutang, tahun 2017 mana? Bila mahu bayar? Rahsia. Adakah ini masih lagi menjadi rahsia rasmi?

Tuan Yang di-Pertua, ini pendidikan janganlah kita menganaktirikan anak-anak pelajar kita. Ini adalah bajet yang kita bahas di Dewan yang mulia ini telah diumumkan dan diluluskan. Akan tetapi peruntukan tidak datang. SMJK yang dijanjikan sampai hari ini tidak ada juga. Oleh sebab itu saya harap kejadian ini tidak akan diulangi.

Seterusnya saya ingin membangkitkan tentang SPR. Tuan Yang di-Pertua, kita setakat ini walaupun negara kita sudah merdeka 60 tahun tetapi di depan mata kita masih ada lagi empat juta

rakyat Malaysia yang layak mengundi tetapi gagal menjadi pengundi. Yang Berhormat Gelang Patah dalam satu kenyataan telah katakan beliau telah memperjuangkan sistem pendaftaran automatik pengundi sejak tahun 1971. Sudah 46 tahun beliau bangkitkan perkara ini. *We should have automatic registration of voter.* Saya pernah bangkitkan lapan tahun dahulu. Jawapan yang saya terima, Yang Berhormat Menteri kata *yes.* Negara kita mempunyai teknologi ini tetapi kerajaan tidak mahu buat. Bazir duit setiap tahun pergi pasar malam, setiap hari pergi pasar malam, pasar pagi, pasar sana, pasar raya untuk buat sistem kempen pendaftaran pengundi. Mengapa kita ada sistem *online*? Tidak dibuat untuk jimat masa kepada semua?

Ini saya rasa adalah tanggungjawab kerajaan. Dahulu kita melancarkan Cyberjaya. Kita ada *e-government, electronic government.* Akan tetapi sistem pendaftaran *online* secara automatik untuk pengundi tidak boleh dilaksanakan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Seterusnya saya ingin membangkitkan tentang isu visa. Korea Utara diiktiraf sebagai *rogue state*, orang kata negara penyangak. Akan tetapi Kerajaan UMNO berikan dia masuk negara kita tanpa visa. Itu saya rasa peliklah, tidak tahu mengapa. Akan tetapi demi kepentingan negara untuk menarik pelancong. Saya di sini menggesa Wisma Putra, Kementerian Dalam Negeri memberikan kelonggaran visa kepada pelancong-pelancong khususnya daripada Hong Kong, Macau, Taiwan dan China. *These are all high spending tourist at this time.* Kita amat perlukan pendapatan daripada sektor pelancongan. Pelancong datang daripada Taiwan harus diberikan kelonggaran boleh tinggal di sini 90 hari. China *also same.* Amerika, Jepun memberikan layanan yang sama kepada pelancong daripada Taiwan tiga bulan. Mengapa Malaysia bagi sebulan?

Saya rasa ini adalah sudah sampai masanya *we have to be rational, we respect One-China Policy at the same time.* Untuk ia tidak menghalang kita untuk menggalakkan peningkatan dari segi pelancongan, komersial dan juga pembangunan ekonomi.

Demi kepentingan rakyat dan semua, saya menjunjung kasih dan amat berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas masa yang diberikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu Sapi.

7.14 mlm.

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima, Parlimen Ke-13 pada 6 Mac yang lepas dan saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk membahaskan titah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyahut dengan penuh taat sebagai wakil rakyat akan saranan Titah Duli Yang Maha Mulia tentang keperluan membangunkan ekonomi negara, meningkatkan produktiviti dan meringankan beban rakyat. Di sini, saya menyuarakan langkah-langkah konkrit diambil oleh semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan untuk membantu rakyat demi mencapai kesejahteraan.

Dari pemerhatian saya, antara kawasan yang sangat dibebankan oleh kemelesetan ekonomi sekarang ialah kawasan yang saya wakili iaitu kawasan Batu Sapi di kawasan perbandaran Sandakan dan persekitaran. Saya mencadangkan rangsangan ekonomi di Sandakan dengan langkah-langkah berikut. Dicadangkan Kementerian Pengangkutan menaik taraf Lapangan Terbang Sandakan dengan segera supaya ianya menjadi sebuah lapangan terbang antarabangsa dengan kemudahan yang lengkap.

Pada 3 Mac lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengumumkan Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan Projek Pemanjangan Landasan Lapangan Terbang Sandakan dan ini adalah berita baik. Saya mencadangkan landasan lapangan terbang ini ditambah dari 7,000 kaki sekarang ke 9,800 kaki. Penambahan tiga buah jambatan udara juga dicadangkan di Terminal Lapangan Terbang Sandakan untuk menampung keperluan penerbangan yang bertambah kelak.

Dicadangkan Kerajaan Pusat membantu Kerajaan Sabah melaksanakan satu projek mendalamkan Pelabuhan Sandakan dengan pengerukan. Pelabuhan Sandakan telah lama mengalami mendapan dan sedimentasi. Pelabuhan yang cetek dan tambak laut yang semakin tohor menghadkan saiz kapal yang boleh menggunakan pelabuhan ini. Projek ini akan membolehkan kapal yang besar berlabuh di Sandakan dan menggalakkan kegiatan perindustrian minyak sawit, kayu-kayan, sektor pelancongan dan kegiatan ekonomi lain.

Pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur asas terutamanya jalan raya perlu diberi keutamaan kerana jalan raya adalah keperluan asas di sesebuah bandar. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kerja Raya perlu bertindak segera untuk membaiki jalan raya yang rosak di Sandakan akibat musim hujan pada awal tahun ini.

Dicadangkan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Persekutuan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah untuk mempromosikan pelancongan di Sandakan dengan penekanan diberikan kepada pakej-pakej yang kreatif yang berasaskan alam semula jadi dan kebudayaan dan menambah penerbangan terus dari bandar raya-bandar raya dalam negeri seperti Kuching, Pulau Pinang dan Johor Bharu dan dari negara-negara ASEAN dan Asia Timur ke Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penambahbaikan perkhidmatan perubatan yang disediakan di kawasan yang saya wakili iaitu kawasan Batu Sapi, di kawasan perbandaran Sandakan, saya sekali lagi merayu kepada Menteri Kesihatan agar memberi keutamaan untuk meningkatkan kemudahan dan kepakaran di Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Saya mencadangkan khususnya langkah-langkah berikut diambil:

- (i) blok perubatan lama dinaiktarafkan dari segi kerja-kerja kejuruteraan awam, paip dan elektrik dengan segera;
- (ii) perkhidmatan radiologi termasuk CT Scan, mammogram dan *phoroscopy* dinaiktarafkan dengan segera;
- (iii) bilangan mesin hemodialisis ditambah dengan segera;

- (iv) bilangan ambulans ditambah dari empat buah ke lapan buah;
- (v) lif di blok pakar perlu dibaiki dengan segera;

■1920

- (vi) bilik-bilik pembedahan dibaiki dengan segera; dan
- (vii) ruang untuk tempat letak kereta ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pendidikan pada peringkat awal, di sini saya ingin mengulas satu isu yang berkaitan dengan Kementerian Pendidikan berkenaan dengan perguruan di tadika. Kementerian Pendidikan telah mensyaratkan semua guru tadika mesti memiliki Diploma Pendidikan Tadika menjelang tahun 2020. Ini adalah satu peraturan yang baik untuk jangka panjang kerana ia dapat menaikkan mutu pengajaran.

Namun, terdapat masalah dalam tempoh peralihan bagi guru-guru tadika yang sedia ada tetapi umur telah meningkat, terutamanya di tadika yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa penghantar di Sabah. Guru-guru tadika tersebut mempunyai banyak pengalaman mengajar dan memang layak mendidik kanak-kanak tetapi susah menyambung pelajaran mereka untuk mendapat diploma yang disyaratkan, tambahan pula yuran tadika yang dikenakan di Sabah biasanya agak murah kerana perlu membantu golongan yang miskin. Oleh itu, tanpa pendapatan dari bayaran yuran yang tinggi, pihak pengurusan tadika tidak mampu mengupah guru-guru yang berkelayakan tinggi. Dicadangkan kursus khas dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan untuk membolehkan guru-guru yang telah lama berkhidmat untuk mendapatkan sijil yang dianggap setaraf dengan Diploma Pendidikan Tadika.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan usaha kerajaan menjaga kebajikan rakyat luar bandar. Namun, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa di kawasan luar bandar di Sabah masih kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas. Di sini, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah untuk menyediakan kemudahan asas iaitu bekalan air bersih dan tenaga elektrik dengan jana kuasa tenaga suria di pulau-pulau di sekitar bandar Sandakan kerana penduduk-penduduk di 12 buah pulau di kawasan Batu Sapi masih tidak menikmati kemudahan bekalan air bersih dan bekalan elektrik.

Sehubungan dengan ini, di sini saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak atas keprihatinan beliau dan kenyataan beliau tentang keperluan salah satu kemudahan asas ini iaitu bekalan air bersih untuk penduduk-penduduk di pulau-pulau ini semasa beliau melawat ke Sandakan pada 3 Mac lalu.

Dari segi penyediaan sistem penyampaian oleh kerajaan, saya percaya Pusat Transformasi Luar Bandar dan Pusat Transformasi Bandar telah dan akan memainkan peranan penting. Saya merayu sekali lagi, sebuah pusat transformasi bandar dibangunkan di Sandakan dengan segera untuk menyalurkan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat di bandar ini dengan lebih berkesan. Tuan Yang di-Pertua, dengan usul dan cadangan yang saya bentangkan tadi, saya berharap saranan saya dapat diambil perhatian dan dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh semua kementerian dan agensi kerajaan lain. Akhir sekali, saya ingin menegaskan sekali lagi, saya

mendukung Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan mesyuarat. Dengan ini, saya mohon menamatkan ucapan saya ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Langat.

7.24 mlm.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersyukur kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V. Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan mukadimah saya dengan interpretasi apa yang telah dititahkan oleh Tuanku, terutama sekali dalam kos sara hidup yang meningkat, kerunsingan Baginda teramat sangat dan memberikan isyarat supaya kerajaan harus bekerja dengan lebih keras untuk memastikan rakyat tidak hidup sengsara dan merana.

Kedua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Sumber Manusia, rasionalnya yang membuka semua sektor kepada pekerja asing yang memberikan isyarat bahawa pekerja tempatan dalam keadaan hari ini yang telah pun dimaklumkan tahun 2016, 38,000 orang telah dibuang kerja dan waktu ini mengikut tinjauan ataupun pandangan daripada MEF bahawa hampir 50,000 akan dibuang kerja dan mahasiswa yang tidak bekerja ratusan ribu tidak boleh bekerja pada waktu ini disebabkan kesempitan dan juga tidak diberi peluang atau tidak ada pekerjaan dalam membentuk sebagai seorang pekerja. Dalam masa yang sama, kerajaan membuka sektor kepada pekerja asing. Semua sektor yang tidak membolehkan persaingan itu dilakukan terhadap pekerja tempatan.

Ketiga, saya berterima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia kerana baru-baru ini mengumumkan Skim Insurans Pekerja akan dilaksanakan dan dibentangkan di Parlimen tetapi mengikut jawapan yang saya terima, pada tahun 2018. Jadi, saya ingin menyarankan kepada Kementerian Sumber Manusia, segerakan skim ini untuk memastikan persiapan dalam dasar dan kerangka negara ini untuk memastikan pekerja yang dibuang dalam ketenatan ekonomi pada tahun 2017 dapat kita selamatkan.

Seterusnya, dalam perkara empat, pindaan dalam TPPA di bawah *chapter 19* yang memberikan isyarat bahawa Amerika tidak menyertai keanggotaannya dalam TPPA dan kerajaan sudah menampakkan kekenduran mereka. Ini memberikan satu pertanyaan sama ada perbelanjaan dan juga persiapan kita dalam *chapter 19* itu akan memberi kesan kepada pindaan yang telah pun disediakan. Persoalan saya kepada Menteri Sumber Manusia, apa jadi dengan persiapan TPPA dalam *chapter 19* itu yang memberikan pindaan yang menjamin atas dasar yang dibuat oleh *International Labor Organization* (ILO) yang diperkasakan dalam hak pekerja yang telah dipersetujui sebelum ini.

Kelima, saya menyambung rintisan daripada pemandu-pemandu teksi supaya mereka juga diberi pembelaan atas sifatnya sebagai rakyat Malaysia yang tidak dilayan. Saya diberitahu

beberapa peruntukan telah pun disediakan terhadap mereka, namun pada waktu ini tidak kenampakan hasilnya. Bagi pihak pemandu-pemandu teksi, saya merayu kepada kementerian supaya segerakan apa yang dijanjikan pada tahun 2016 supaya mereka mendapat manfaat dan persaingan dengan Uber dan juga GrabCar ini tidak memberi kemudahan kepada pemandu teksi yang ada Akta Teksinya itu untuk mereka diberi pembelaan.

Keenam, saya ingin bertanya kepada Menteri Sumber Manusia dan Menteri Kewangan, pinjaman yang diberikan daripada SOCSO dan juga EPF kepada 1MDB. Setakat ini, berapa yang telah dibayar dan saya mohon supaya diberi jawapan sebab wang ini adalah wang awam, wang pekerja, wang orang sakit, wang orang hendak bersara untuk mereka memanfaatkan simpanan mereka dan wang itu tidak boleh ditangguh bayar kerana ini adalah wang hak pekerja.

Saya ingin meneruskan beberapa perkara yang saya rasa begitu penting dalam Titah Tuanku. Dalam perkara enam, Tuanku telah bertitah di atas keprihatinan terhadap anggota tentera dan polis, kerja mereka dan pengorbanan mereka dan keluarga mereka. Setakat ini saya tidak kenampakan pembelaan itu diberikan ruang untuk mereka setelah bersara, terutama sekali anggota tentera yang dilihat pada waktu ini merintih dan menangis bila mana mereka bersara selepas 20 tahun mereka berkhidmat. Kedudukan mereka juga nampaknya tidak selaras dengan apa yang telah pun didasarkan, dikerangkakan oleh kerajaan dan Perlembagaan. Maka demikian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...Saya ingin menyarankan kepada Menteri Pertahanan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua ambil masa saya seminit, ganti balik seminit. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jauhkan sedikit mikrofon. Terlalu kuat suara.

■1930

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Oh, yakah? Jauh sedikit. Speaker telah pun mengambil masa saya seminit maka saya kena habis dua puluh satu minit. Maka ia demikian, saya ingin memohon penjelasan daripada Menteri Pertahanan, apakah kerangka dan juga persiapan ataupun penambahbaikan kepada pesara-pesara tentera ini supaya hidup mereka tidak melarat dan menderita. Saya ingin menegur dalam sektor keselamatan apabila mereka bersara perlu diberikan keutamaan kepada anggota-anggota tentera ini supaya mereka mengisi jawatan-jawatan keselamatan di sektor-sektor swasta untuk mereka menyambung kehidupan seterusnya.

Saya juga tidak mahu melupai anggota polis. Tahniah saya ucapkan kepada Menteri Dalam Negeri kerana telah pun menaikkan pangkat beberapa anggota, pegawai-pegawai tertentu. Tetapi saya hendak sarankan juga bahawa jangan dilupai tugas dan tanggungjawab anggota polis

ini yang telah menyumbang dan memperjudikan nasib mereka di hujung penghayatan dan juga penghidupan mereka itu disetimpalkan dengan tidak seimbang penggajian mereka.

Saya ingin menyatakan dengan jelas sebagai contoh kalau OCPD diletakkan gred N48 saya rasa itu tidak adil dan mereka perlu diberikan pendekatan-pendekatan penggajian dan juga pangkat kerana tugas mereka dan peranan itu mendesak supaya mereka diberikan keutamaan termasuk Tuan Yang di-Pertua, jangan dilupai pekerja-pekerja penjara yang dibayar gaji rendah daripada anggota polis.

Setiap kali persidangan Parlimen bermula saya tidak pernah terhenti untuk menyatakan dengan jelas bahawa pegawai-pegawai penjara dan anggotanya itu perlu dilihat atas kesetimpalan tugas yang telah mereka lakukan. Sekurang-kurangnya hidup mereka tidak terseksa dalam kepungan mereka-mereka yang telah digelar sebagai penjenayah dalam kelompok itu mereka juga perlu diberikan keutamaan dan penilaian sebagai pekerja anggota yang menjaga keselamatan negara. Maka yang demikian saya cadangkan kepada Menteri Dalam Negeri supaya mengkaji semula gaji-gaji mereka ini untuk mereka mendapat dan dihargai sumbangan dan ketugasan mereka yang begitu kritikal dalam suasana kerja mereka itu sendiri.

Seterusnya saya ingin menyinggung perkara sebelas daripada Titah Tuanku pendapatan tambahan kumpulan B40 dan M40 dan juga pekerja kontrak yang selama ini diperbahaskan dan dibicarakan dalam konteks kerajaan untuk memastikan bahawa kumpulan B40 dan M40 ini dapat diseimbangkan apabila berlakunya peningkatan kos sara hidup dan mereka ini adalah kumpulan yang terdedah dengan mala petaka kesengsaraan hidup.

Maka yang demikian, saya juga ingin menyarankan kepada kerajaan dalam kita membentuk TN50, lima tahun kita mesti ada kerangka dan dasar yang boleh memastikan bahawa di setiap penggal lima tahun ke lima tahun ke lima tahun sampai ke tiga puluh tahun Tuan Yang di-Pertua, harus diaturcarakan peningkatan penghidupan seimbang supaya bila negara itu maju, pekerja tidak dipinggirkan.

Termasuk pekerja kontrak, saya begitu sedih kontrak berterusan belasan tahun dan kita tidak nampak apakah polisi kerajaan untuk memastikan pekerja yang dalam kelompok kontrak ini dapat diberikan pembelaan. Saya sedih apabila saya mendapat berita bahawa ada pelajar-pelajar universiti kelulusan *degree* yang bekerja kontrak tujuh lapan tahun dan saya tidak tahu di mana letaknya masa depan mereka.

Mereka juga ingin berkeluarga, mereka juga ingin mendapatkan zuriat dan mempunyai harta tetapi dengan bekerja kontrak tiap-tiap tahun *direnewkan* ini memberikan tidak, ruang baik kepada mereka-mereka yang bekerja sebagai kontrak. Saya ingin menyarankan kalau sekiranya mereka ini ada keperluan untuk bekerja, tidak memungkinan kita membiarkan mereka berkontrak untuk selama-lamanya. Mereka juga ada cita rasa, mereka juga ada nafsu, mereka juga ingin berjaya dalam hidup mereka sebagai ketua rumah tangga.

Maka yang demikian, saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya waktu yang sama memastikan B40 dan M40 pekerja kontrak jangan dipinggirkan dalam kita memastikan pacuan

untuk menuju kepada 2050. Pekerja kontrak B40 dan M40 sama kenaikan kerataan mereka dan membolehkan mereka hidup selesa.

Saya ingin menyinggung kepada para 20 iaitu wanita menyumbang sasaran. Ke Bawah Duli Tuanku pada bacaannya itu adalah 50 peratus dalam pasaran kerja. Saya ingin menyarankan bahawa tatkala kita hendak memastikan wanita itu diangkat martabatnya, jangan dilupai hak mereka. Terutama sekali apabila mereka diberi cuti bersalin 60 hari ditingkatkan 90 hari termasuk pekerja-pekerja awam sektor kerajaan di bawah jabatan awam itu juga perlu diberikan perhatian bahawa 90 hari adalah masa anjakan yang paling sesuai untuk mereka pastikan bayi itu dijaga dengan baik. Itu adalah tuntutan yang dibuat oleh NGO-NGO di luar sana dan saya ingin menyampaikan dan juga memastikan hak wanita itu disamaratakan, diberikan sedikit anjakan supaya wanita dilihat menjadi tunggak utama pemain dalam memastikan negara ini majunya dan pastikan wanita tidak dipinggir.

Saya ingin juga menyinggung kepada perkara 22 yang dititah oleh Tuanku iaitu perkhidmatan kesihatan. Saya juga hendak memastikan bahawa memohon kerajaan mengkaji semula tentang kos yang dikenakan terhadap rakyat yang mendapat rawatan di hospital. Waktu ini saya begitu sedih apabila hendak berlaku contohnya satu pembedahan dan sebagainya atau rawatan yang memerlukan kos, terpaksa dibayar dahulu sebelum pelaksanaan pembedahan ataupun rawatan itu dilakukan.

Maka yang demikian, saya memohon kerajaan supaya mengkaji semula atas tarikan tuntutan yang diberikan kepada perkhidmatan kesihatan supaya rakyat tidak hidup sengsara dalam menagih dan menangisi untuk mereka mendapat rawatan yang sewajarnya. Saya juga ingin merujuk kepada perkara 30 yang begitu ditakuti oleh Ke Bawah Duli Tuanku, atas rasuah, penyelewengan, ketirisan di kalangan kakitangan kerajaan termasuk pegawai-pegawai.

Saranan ini perlu diambil serius oleh kerajaan dalam memastikan negara terhindar daripada perangai negatif ini supaya negara tidak diselubungi atau dikhuatiri akan menakutkan negara-negara luar terutama sekali dalam sektor pelaburan yang mengundang banyak hasil masuk untuk kebaikan rakyat dalaman negara ini juga akhirnya menakuti dan tidak mereka melabur disebabkan perkara-perkara yang Tuanku khuatirkan ini. Ini adalah tugas dan peranan yang wajib kita mainkan bersama untuk memastikan supaya perkara ini dapat diselesaikan.

Perkara yang seterusnya perkara 25. Perkara 25 adalah pendidikan, 80 peratus dan yang disasarkan dalam perkhidmatan terutama sekali peringkat universiti untuk memastikan pendidikan itu dapat dilaksanakan. Ini saya hendakkan penjelasan seikhlas-ikhlas daripada kerajaan terutama di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Apakah benar 6,000 pengajar universiti dalam negara ini ditamatkan perkhidmatan atas tidak cukup peruntukan?

Dalam masa yang sama kita ingin melihat pendidikan itu memacu kekuatan ekonomi dan juga kekuatan negara. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita telah memutuskan untuk mengurangkan bajet pendidikan tinggi di IPTA dan juga IPTS. Dalam masa yang sama, kita juga hendak mengharapkan satu kualiti pendidikan berada dalam tahap yang kita sasarkan. Namun

menjadi persoalan, kalau benarlah 6,000 pengajar ini diberhentikan *lecturer-lecturer* ini maka persiapan untuk kita menuju ke TN50 itu, saya tidak nampak ruangnya.

Saya ingin menegaskan bahawa pendidikan tidak boleh kita kompromi dan hari ini saya membuktikan bila mana anak saya sendiri belajar peruntukan untuk aktiviti-aktiviti universiti terpaksa ditangguhkan dan diminta anak-anak pelajar ini mencari sumber sendiri.

■1940

Anak-anak ini terpaksa mencari orang-orang yang boleh membantu. Dalam soalan yang saya hendak ajukan ini, ketakutan... Ha! Yang Berhormat Padang Rengas pun dah balik, kira okey la *chief*. *See you Sir*. Tengok, saya boleh tegur dia jalan. Jadi maknanya saya fokus kepada isu.

Apa yang saya khuatir, kalau benarlah 6,000 pengajar ini telah diberhentikan maka saya khuatir kualiti pendidikan itu tidak dapat dicapai dalam mengangkat martabat universiti dan saya begitu sedih kerana dalam bajet yang lalu, pendidikan tinggi ini ditarik bajet mereka dan peruntukan ini sebenarnya mengganggu gugat urusan pentadbiran universiti. Saya ingin menyarankan kepada kementerian supaya kaji semula dan cari sumber pendapatan lain dan memastikan bahawa jangan dikacau universiti-universiti ini untuk memastikan melahirkan dan menjadikan negara ini negara maju.

Kalau kita kedekut dalam melahirkan insani yang bijaksana, mana mungkin kita boleh mengangkat negara ini sebagai negara yang maju sedangkan rakyatnya bodoh dan tengin. Saya tidak nampak ini sebagai satu perkara yang boleh diselesaikan dengan memotong peruntukan kepada universiti-universiti dan ini memberikan satu tugas kita dalam kita membicarakan soal pembangunan, kita jangan lupa asas utama pendidikan itu adalah perkara wajib yang tak boleh dikompromikan.

Akhir bicara saya, dalam kita meneruskan apa sahaja bentuk TN50 ini, saya ingin menegaskan kepada kerajaan terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menggaris panduan dasar, kerangka dalam peringkat demi peringkat untuk memastikan bahawa segala apa yang saya bicarakan tadi tidak menjadi benteng atau halangan kepada perkara yang hendak menuju kepada negara maju. Kita tidak apalah, kita kata 2020 itu bersifat gagal ataupun tidak sampai ke matlamatnya tetapi kita juga harus sedar bahawa setiap cadangan dan juga peralihan sesuatu dasar itu perlu bukan cara slogan tetapi perlu dibuktikan dengan sasaran.

Sebagai contoh, kalau kita hendak melahirkan negara maju, kita mesti ada kelompok berkemahiran. Apa kerangka dasar yang kerajaan hendak buat dalam kemahiran. Kita hendak pastikan bahawa dengan berdialog, tidak menyelesaikan masalah. Dengan berforum, tidak akan menyelesaikan masalah. Yang lebih daripada itu ialah untuk kita pastikan mesti ada garis pandu untuk kita menuju ke negara maju dan kita tidak akan meminggirkan mana-mana kelompok ataupun kumpulan. Ini tidak, apa yang berlaku pada hari ini, dalam masa yang sama kita umumkan TN50, kita buka kepada sektor pekerja asing. Dalam masa yang sama, pekerja hendak kena buang, kita tak fikirkan bagaimana untuk kita membantu mereka.

Dalam masa yang sama, kita bicarakan soal negara maju tetapi separuh daripada 40 peratus pekerja itu adalah pekerja asing dan ini juga harus dipandu cermat oleh kerajaan. Bukan sahaja berslogan tetapi memastikan juga setiap pekerja, setiap mereka yang ada, *stakeholder* untuk memastikan hak itu tidak tercicir. Oleh sebab itu dalam saranan saya di bawah Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini menekankan kos sara hidup dan kumpulan-kumpulan yang begitu jelas Baginda bertitah bahawa jangan dipinggirkan M40 dan B40 dan pekerja kontrak yang akan merana disebabkan mereka dipinggirkan hanya memikirkan pembangunan, terlupa modal insan.

Oleh sebab itu, dalam masa satu saat daripada sekarang Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan dan juga menyanjung tinggi Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tasek Gelugor.

7.44 mlm.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sama-sama membahaskan Usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. *Bismillahir Rahmanir Rahim, alhamdulillah rabbil alamin*, salam Negaraku Malaysia. Ucapan salam sejahtera dan selawat kepada junjungan besar Nabi SAW dan juga setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana menganugerahkan Malaysia sebuah negara yang aman damai dan penuh kemakmuran. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada Tasek Gelugor dan amat wajar bagi saya gunakan kesempatan ini untuk sama-sama mengambil bahagian bagi membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V ketika Istiadat Pembukaan Penggal Kelima baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan setinggi-tingginya dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta seluruh barisan jemaah pimpinannya yang telah melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan jayanya terutamanya bagi perkara-perkara yang melibatkan kebajikan rakyat. Selain daripada itu, kegigihan dan kesungguhan kerajaan haruslah dipuji kerana berjaya mengharungi liku-liku yang penuh mencabar walaupun kita diuji dengan kelembapan ekonomi dunia yang turut menjejaskan pasaran ekonomi negara sepanjang tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keadaan sedemikian, pada tahun 2016, Keluaran Dalam Negara Kasar telah mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 4.2 peratus secara keseluruhan dengan suku keempat meneruskan lonjakan pada kadar 4.5 peratus. Ianya sejajar dengan unjuran rasmi kerajaan untuk tahun lalu iaitu 4.0 peratus sehingga 4.5 peratus. Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2017 pula, KDNK dijangka bertumbuh pada kadar 4.4 peratus yang disokong melalui

pelaksanaan projek infrastruktur, peningkatan harga komoditi dan pertambahan pelancong asing serta lonjakan eksport. Oleh itu, saya berpendirian bahawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Pengerusi Barisan Nasional perlu dikekalkan setelah terbukti mampu menjamin kestabilan ekonomi, kemakmuran dan keamanan yang berterusan.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia bahawa kita sememangnya rasa bertuah dan berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia atas hubungan erat dan semangat kerjasama kerajaan dengan Kerajaan Arab Saudi. Baru-baru ini kita telah menerima kunjungan rasmi daripada Raja Salman bin Abdul Aziz Al Saud, Raja Arab Saudi yang juga merupakan kunjungan yang pertama dilakukan oleh Raja Arab Saudi tersebut ke Malaysia dalam tempoh pemerintahannya. Tuan Yang di-Pertua, ada sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab terutamanya di sebelah sana umpamanya indah khabar dari rupa kerana mereka hanya pandai dan suka mengkhabarkan tentang sesuatu perkara yang tidak baik terhadap negara kita. Ini jelas terbukti dengan cara mereka yang suka berbohong dan menghasut rakyat tanpa satu fakta asas yang kukuh.

Sebagai contoh, mereka telah menguar-uarkan bahawa negara ini akan muflis tapi pada pandangan saya, pembangkang yang bankrap idea dan bukannya Kerajaan Barisan Nasional kerana istilah muflis tidak pernah terpahat dalam kamus ekonomi Kerajaan Malaysia. Selain itu, memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pembangkang di Malaysia ini adalah seperti pakatan Ali Baba sehingga kini gagal bersetuju untuk memilih siapa bakal menjadi Perdana Menteri sekiranya mereka mendapat kuasa. Antara hasil perkembangan ekonomi negara dapat dilihat adalah melalui perjanjian yang telah dimeterai. Pertamanya, dengan Jerman menerusi pelaburan bernilai Euro 1 bilion atau hampir RM5 bilion melalui Syarikat Osram pada tahun lepas.

Seterusnya, kita juga turut mencipta sejarah apabila berjaya memeterai perjanjian pelaburan dengan Kerajaan China yang bernilai RM144 bilion walaupun ada setengah pihak mengatakan kerajaan menjual negara kepada negara China. Jadi inilah perkara-perkara yang sepatutnya kita lihat, yang sepatutnya kita teliti dengan baik. Apabila lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke China, merunding perdagangan dengan negara China, kita telah dapat menaikkan harga kelapa sawit dan juga getah apabila negara China bersetuju untuk mengimport jumlah yang cukup besar hasil daripada komoditi negara.

■1950

Sejurus dengan itu kita dapat menyelesaikan isu ataupun masalah harga komoditi yang menurun yang membebankan penoreh-penoreh getah dan juga pengusaha-pengusaha ladang kelapa sawit. Harga pasaran getah pada tahun Disember 2016 adalah berjumlah RM994.50 per kilogram berbanding RM454.40 per kilogram pada tahun 2009. Manakala pasaran sawit turut melonjak pada RM3,241.83 per tan pada tahun 2016 berbanding RM1,862 per tan pada tahun 2009. Manakala yang terbaru hasil daripada lawatan Raja Arab Saudi, kita melihat bahawa satu jumlah pelaburan bernilai US 7 bilion ataupun USD7 bilion, antara perjanjian Petronas dan Aramco Arab Saudi telah berjaya dimeterai.

Sesungguhnya Kerajaan Malaysia dan Arab Saudi turut menandatangani empat perjanjian lain berkaitan dengan perdagangan dua hala, sumber daya, kerjasama ilmu dan pendudukan serta pertukaran informasi antara pejabat berita rasmi kerajaan di kedua-dua negara. Oleh yang demikian, ini adalah menunjukkan satu keadaan yang cukup baik yang melambangkan kepada perkembangan ekonomi negara kita di masa yang akan datang.

Apa yang perlu kita lihat di sini hasil daripada peningkatan pendapatan dan juga pembangunan ekonomi negara ini adalah merupakan satu perkara yang wajib dihargai oleh rakyat tidak kira siapa juga dan kita sebenarnya sepatutnya memainkan peranan untuk menyokong usaha-usaha yang telah dilakukan dengan sebegini rupa.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa sedih dan begitu kesal kerana ada pihak yang cuba menghasut rakyat supaya memandang serong kepada apa yang telah dilakukan oleh kerajaan selama ini sehinggakan ada pihak dan ada sebahagian daripada rakyat yang tidak tahu bagaimana untuk mengucapkan syukur kepada tuhan dan berterima kasih kepada kepimpinan hasil daripada nikmat yang telah pun mereka kecapai. Jadi dengan sebab itu, saya menyeru kepada semua pihak dalam negara kita agar mereka terus mensyukuri dan juga berterima kasih kepada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya masyarakat juga patut berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana hasil lawatan Kerajaan Arab Saudi telah mendapat satu respons yang begitu positif apabila Kerajaan Arab Saudi bersetuju untuk meningkatkan kuota haji Malaysia yang mana setakat ini kuota jemaah haji Malaysia hanya berjumlah 27,900 orang sahaja tetapi dengan persetujuan terbaru daripada Raja Arab Saudi, *insya-Allah* kuota tersebut akan dapat meningkat dengan lebih luas lagi. Ini akan membolehkan ramai daripada umat Islam daripada negara kita Malaysia yang selama ini tertangguh masanya untuk menunaikan ibadat haji, maka mereka akan mendapat peluang yang lebih baik dan lebih luas untuk menunaikan ibadat haji hasil daripada kelonggaran yang diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi berdasarkan kepada kerjasama yang telah dijalinan.

Namun begitu, ada satu masalah berkenaan dengan ibadat haji dan umrah. Apabila kita juga selalu mendengar banyak juga syarikat-syarikat yang mengendalikan ibadat ataupun pakej umrah telah menawarkan harga pakej yang begitu murah di antara RM3,000 sehingga RM5,000 sedangkan harga pasaran melebihi RM9,000. Ia telah menjadi satu umpan yang menarik ramai rakyat Malaysia untuk membayar dan menyertai pakej-pakej murah ini. Namun begitu, apa yang amat menyedihkan kita ialah apabila pengendali-pengendali ini telah pun membuat satu perkara yang tidak wajar dengan menipu jemaah yang akan menunaikan ibadat umrah tersebut melalui operasi-operasi yang tidak sah. Kalau kita melihat laporan daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, dalam tempoh 29 bulan, sebanyak 111 kes telah dilaporkan di seluruh negara melibatkan kerugian bayaran daripada jemaah umrah sebanyak RM4.8 juta.

Justeru, di sini saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkaitan berkenaan dengan situasi ini. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi membendung dan menyekat perbuatan-perbuatan sesetengah pihak atau syarikat

yang tidak bertanggungjawab, malah mereka sanggup menipu rakyat kita dalam usaha untuk menunaikan ibadat umrah. Kita bimbang keadaan ini akan menjadikan satu impak nama buruk kepada negara Malaysia dan akan menjejaskan tawaran daripada Raja Arab Saudi terhadap kuota haji pula.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu hal lain yang ingin saya sentuh ialah perkara yang berkaitan dengan konsep *wasatiyyah*. Saya ingin memetik apa yang disebutkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentang satu konsep iaitulah konsep *wasatiyyah*. Konsep *Wasatiyyah* ini telah pun diperkenalkan lebih daripada lima atau pun enam tahun yang lepas dan konsep ini telah mula difahami bukan sahaja oleh rakyat Malaysia, malah juga difahami di seantero dunia.

Konsep ini adalah merupakan satu konsep yang mempromosikan sikap yang toleransi, sikap kesederhanaan, bekerjasama, tolong menolong dan sentiasa menerima, menghargai di antara satu sama lain tanpa mengira kaum, agama dan sebagainya. Ini adalah satu konsep yang amat baik yang perlu kita jayakan bersama-sama baik di pihak kerajaan, mahupun juga di pihak rakyat itu sendiri. Jadi dalam hal ini, kita perlu faham bahawa konsep *wasatiyyah* bukanlah hanya satu konsep yang diterjemahkan untuk difahami dan digunakan oleh orang-orang Islam semata-mata tetapi ia adalah merupakan konsep yang bersifat sejagat.

Semua pihak, malah semua agama bersetuju dengan konsep *wasatiyyah* ini kerana ia adalah konsep yang bersifat menyelamatkan semua pihak, menyelamatkan seluruh manusia. Namun begitu, dalam hal ini ada juga rakyat kita yang tidak memahami tentang konsep kesederhanaan ini. Oleh sebab itu, wujudnya masyarakat yang mengambil sikap untuk mewujudkan konfrontasi di antara satu sama lain. Di antaranya ialah apabila kita melihat di dalam *blog-blog* dan juga tulisan-tulisan yang dicatatkan di dalam *Facebook* dan sebagainya, terdapat lagi sebilangan rakyat yang mengeji di antara satu sama lain, yang merendah-rendahkan di antara satu sama lain, yang menghina agama-agama lain dan banyak lagi perbuatan-perbuatan dan perilaku yang mengguris hati di antara satu sama lain.

Jadi ini menunjukkan bahawa konsep *wasatiyyah* ini tidak difahami sebenarnya oleh rakyat kita sendiri. Justeru itu, kita melihat dalam sehari dua ini juga *viral* satu video yang menunjukkan ada pemimpin yang juga tidak tahu macam mana untuk memahami dan juga beramal dengan konsep *wasatiyyah*. Mereka sanggup menerjah pergi ke majlis kenduri orang lain, membuat haru-biru di situ dan tidak menghormati apa yang sedang dijalankan oleh masyarakat di situ dan ini menjelaskan kepada kita bahawa konsep *wasatiyyah* walaupun sesuatu yang amat baik tetapi ia masih gagal dihayati oleh seluruh penduduk di negara kita.

Justeru dengan itu, saya juga ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah konsep *wasatiyyah* ini dilaksanakan di dalam negara sehingga ke akar umbi, melewati batasan kaum, agama dan tempat dan apakah strategi yang dilaksanakan sehingga kini serta apakah ia telah mencapai matlamat yang ditetapkan. Jadi dalam hal ini, saya mengharapkan

konsep yang begitu baik dapat dilaksanakan dengan begitu baik, dihayati dengan begitu baik oleh rakyat di dalam negara kita sendiri supaya kita boleh dicontohi oleh masyarakat lain.

■2000

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua perkara berkenaan dengan perkhidmatan kerajaan. Pertama sekali berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan yang berkaitan juga dengan Jabatan Pengangkutan Jalan di mana setelah sekian lama pihak Jabatan Pengangkutan Jalan memperkenalkan kertas lesen kenderaan ataupun kita panggil *road tax* yang kita lekat di cermin kereta kita, kualitinya amat rendah sekali. Plastik yang kita gunakan sering kali terkoyak. Walaupun kita faham seolah-olah mesti suatu ciri keselamatan apabila dicuri ataupun ditarik daripada cermin dia akan terkoyak, tetapi masalahnya, plastik tersebut tidak tahan panas. Apabila kereta kita terdedah dalam cahaya panas setiap hari, plastik tadi sudah pun mula berkeremot dan juga mula lekang daripada cermin dan akhirnya ia tidak boleh digunakan lagi.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh saya?

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasik Gelugor]: Ya, sila.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Saya hendak sebut sedikit tentang *road tax* ini.

Saya mendapat banyak aduan juga bahawa sekarang apabila kita bayar *road tax*, tidak lagi dibuat cetakan pegawai. Dulu kita ada di geran itu dicetak pegawai yang menerima bayaran itu dan juga cetakan tarikh kita bayar *road tax*. Jadi bila tidak ada itu, orang-orang di utara bila dia pergi ke Thailand, polis Thailand tidak menerima geran itu dan tidak mempunyai kebenaran masuk, disebut kebenaran mengimport kereta kerana dikhuatiri kereta curi. Bila mereka balik sini untuk masuk Thailand, mereka perlu cetakan dan dicaj bayaran RM10 untuk cetakan tadi. Apa salahnya kalau kita cetak dan kita jadikan begitu? Sebab, kita bukan sentiasa ada hubungan komputer tadi. Membebankan rakyat. Terima kasih.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasik Gelugor]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya minta masukkan jadi sebahagian daripada ucapan saya.

Jadi, isu-isu yang berkaitan dengan ini dia menyusahkan dan menyulitkan rakyat. Jadi saya harap pihak JPJ dan Kementerian Pengangkutan boleh meng*improvekan*, dengan izin, tentang kertas *road tax* yang tidak berkualiti. Bukan sekadar *road tax* itu tidak berkualiti, malah cetakan di atas kertas *road tax* itu juga mudah pudar sehinggakan belum cukup setahun, maka tulisan di atas *road tax* itu sudah tidak jelas lagi. Mungkin kerajaan sudah patut memikirkan tentang konsep lain ataupun cetakan lain. Begitu juga apa yang telah disebutkan oleh pihak Yang Berhormat Kuala Kedah.

Begitu juga saya ingin menyentuh tentang SmartTAG *reader* yang digunakan sekarang ini cukup bermasalah. Dulunya yang warna putih, yang gemuk itu, yang itu senang. Kadar terimaan gelombangnya itu pun agak jauh. Tapi yang sekarang yang hitam ini, kadang-kadang kita guna pun dia tidak dapat *detect* dan banyak masalah yang diadu oleh rakyat dalam penggunaan perkara-perkara ini.

Jadi minta pihak Kementerian Pengangkutan dan juga pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia mempertimbangkan semula tentang kualiti barang-barang yang dibekalkan kepada pengguna kerana kita bayar, bukan kita dapat percuma, tapi kita dapat barang tidak berkualiti.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh ataupun mengemukakan pertanyaan kepada Jabatan Kerja Raya atau Kementerian Kerja Raya Malaysia berkaitan dengan cadangan untuk mewujudkan sebuah simpang empat di Pekan Tasek Gelugor iaitu di kawasan Parlimen saya yang berhampiran dengan Pusat Komersial Tasik Gelugor dan juga Balai Polis Tasik Gelugor. Bilakah *traffic light* dan juga simpang empat tersebut akan diwujudkan? Adakah peruntukan telah disediakan untuk dilaksanakan pada tahun ini? Jadi saya mohon penjelasan daripada Kementerian Kerja Raya kerana perkara ini telah menjadi satu keperluan yang amat mendesak bagi penduduk-penduduk di situ.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Kinabalu.

8.04 mlm.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya turut serta perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada sesi Parlimen kali ini.

Pertama sekali, saya ingin memohon supaya Kerajaan Malaysia mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina di Malaysia, *Certificate of United Examination for Independent Chinese Middle School in Malaysia* ataupun UEC sebagai sijil peperiksaan yang setaraf dengan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Tuan Yang di-Pertua.

Di Sabah, ibu bapa dari kaum dan bangsa selain Cina turut menerima dan memilih sistem pendidikan sekolah menengah persendirian Cina. Malah, jumlah pelajar di sekolah-sekolah menengah antara 25 sehingga 80 peratus.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, lebih kurang 80 ribu pelajar memasuki *Chinese independent school* dan mengambil UEC tiap-tiap tahun di seluruh 60 buah sekolah di Malaysia. Kerajaan Sarawak adalah satu-satunya kerajaan di bawah Barisan Nasional yang mengiktiraf UEC sebagai peperiksaan yang diterima oleh Perkhidmatan Awam Sarawak. Kerajaan Pusat juga telah berkali-kali menyatakan pertimbangan dalam mengiktiraf UEC. Malahan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat juga sendiri menyokong penuh pengiktirafan UEC oleh Kerajaan Sarawak baru-baru ini kerana berpendapat bahawa pengiktirafan ini membawa kebaikan kepada rakyat. Saya harap Ahli Parlimen Barisan Nasional Sabah dan Kerajaan Negeri Sabah di bawah Barisan Nasional menyokong pengiktirafan UEC sama seperti Kerajaan Negeri Sarawak.

Tapi, saya tidak hairan kalau Ahli Parlimen Barisan Nasional dan Kerajaan Barisan Nasional Sabah tidak sokong pengiktirafan UEC kerana takut. Tengok apa yang berlaku kepada Ahli Parlimen Ketereh, Tan Sri Anuar Musa. Beliau digantung kerana menyokong pengiktirafan

UEC bahawa *Unified Examination Certificate* (UEC) ataupun Sijil Peperiksaan Bersama diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia sebagai satu sijil peperiksaan kebangsaan.

Dengan prinsipnya, UEC merupakan salah satu akses pendidikan negara yang penting bagi negara kita dan ia telah memupuk ramai warganegara yang berjaya dalam berbagai-bagai aspek. Kepelbagaian ini menunjukkan kekuatan dan keistimewaan negara kita tanpa kira kaum dan bangsa.

Di negeri Sabah, semakin ramai pelajar dari keturunan berlainan termasuk bumiputera Sabah pergi masuk *Chinese independent school* dan menduduki peperiksaan UEC. Ia menunjukkan bukan sahaja orang Cina yang perlukan sijil UEC diiktirafkan malah semakin ramai pelajar dari pelbagai kaum dan bangsa turut menerima sistem pendidikan *Chinese independent school*, Tuan Yang di-Pertua.

Maka, ia adalah penting bagi Kerajaan Persekutuan, pada pandangan saya, mengiktiraf bukan sahaja UEC tetapi sistem pendidikan yang bersifat kepelbagaian dan mempertahankan hak-hak pendidikan bahasa ibunda yang diperuntukkan di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

■2010

Tuan Yang di-Pertua, lebih 600 universiti dari lebih 12 negara asing seperti Australia, UK,US, China, Singapura, Thailand dan lain-lain negara telah mengiktiraf sijil pengajian tinggi sejak lebih 30 tahun yang lepas. Ia menunjukkan sijil UEC diterima oleh masyarakat antarabangsa dan bidang akademik termasuk universiti-universiti ternama seperti *Oxford University, Cambridge University, Harvard University* dan sebagainya. Saya berpendapat bahawa kita tidak harus mengabaikan kelebihan ini, harus mengambil inisiatif menjadikan ia sebagai sesuatu kekuatan dan kelebihan negara kita dengan mengiktiraf UEC dan sekolah-sekolah *independent school*.

Secara praktikal, pengiktirafan sijil UEC dan sistem *Chinese Independent Schools*, warganegara kita yang fasih dalam bahasa kebangsaan, bahasa Inggeris, dan Cina menjadi satu kelebihan dan kekuatan kita khususnya, apabila negara kita giat memasuki pasaran antarabangsa. Dengan adanya rakyat yang mampu menguasai ketiga-tiga bahasa tersebut, negara kita akan menjadi lebih berdaya saing. Lebih-lebih lagi, kini negara China semakin berpengaruh dan maju dari segi ekonomi dan politik.

Selain daripada itu, disebabkan kekurangan sekolah dan guru di Sabah, *Chinese Independent School* dijadikan sebagai alternatif. Bagi pelajar yang tinggal berjauhan seperti di Tenom, Kunak, Tawau dan Beaufort, belajar di *Chinese Independent School* untuk mendapatkan akses pendidikan. Jika kerajaan boleh mengiktiraf UEC, ia bukan sahaja membantu rakyat dari bangsa tertentu, tetapi ia adalah membawa manfaat kepada seluruh negara termasuk pelajar dari pelbagai kaum.

Saya mohon supaya Kerajaan Persekutuan memegang prinsip dan semangat yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan deklarasi United Nations di mana semua manusia wajib diberi hak pendidikan dan mengiktiraf UEC dengan segera demi kebaikan masa

depan negara. Di sini saya harap kementerian boleh meluluskan cadangan supaya UEC diterima oleh semua universiti, pusat pengajian tinggi tempatan dan juga perkhidmatan awam di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Pulau Gaya, Pulau Semangka dan Kampung Numbak, saya telah membuat lawatan ke Pulau Gaya, Pulau Semangka dan Kampung Numbak. Saya amat terkejut apabila murid-murid sekolah rendah terpaksa bangun seawal 4 pagi untuk bersiap ke sekolah. Mereka juga terpaksa menaiki bot sama ada ke pulau atau ke tanah besar untuk menghadiri kelas. Saya hairan mengapa murid-murid kecil ini terpaksa berulang-alik dan bertarung nyawanya ke tanah besar dari pulau atau dari tanah besar ke Pulau Gaya hanya untuk menimba ilmu. Saya ingin Kementerian Pendidikan jelaskan apa sistem yang digunakan untuk menempatkan murid-murid ke sekolah yang jauh.

Isu ini sebenarnya sudah lama, ibu bapa juga terpaksa mengeluarkan belanja yang tinggi hanya untuk kos pengangkutan sahaja, anak-anak ke sekolah Tuan Yang di-Pertua. Saya telah menemu ramah beberapa murid-murid sekolah yang menunggu dan tiba di Jeti Pasar Besar Kota Kinabalu. Akan tetapi murid-murid yang tinggal di Telipok, **Chulo** dan Menggatal— terdapat murid-murid yang tinggal di Telipok, **Chulo** dan Menggatal tetapi bersekolah di Pulau Gaya dan murid-murid di Pulau Gaya yang bersekolah di Sembulan atau sebagainya.

Murid-murid SK Pulau Sepanggar mula terpaksa bersesak di dalam sebuah bot lebih 100 orang murid-murid untuk ke Pulau Sepanggar. Bot ini juga kelihatan uzur dan perlu dibaiki. Jangan pertaruhkan nyawa anak-anak kita. Keadaan laut yang tidak menentu juga menyebabkan mereka sering kali tidak dapat menghadiri kelas. Kehadiran guru juga ditentukan oleh keadaan cuaca dan ombak. Saya harap Kementerian Pendidikan boleh menyediakan bot atau sebarang pengangkutan untuk guru dan juga murid-murid sekolah dengan percuma.

Keadaan jeti juga boleh menyebabkan bahaya dan kematian jika tidak berhati-hati. Penduduk pulau, guru dan sekolah terdedah kepada bahaya. Keadaan jeti yang tidak berbumbung juga menyebabkan orang ramai termasuk guru dan murid sekolah basah apabila hujan turun. Saya juga ingin mencadangkan supaya asrama guru disediakan di pulau-pulau bagi memudahkan guru-guru yang mengajar di situ. Ini juga dapat mengurangkan kos pengangkutan dan masa berulang-alik ke sekolah tiap-tiap hari.

Keadaan sekolah di Pulau Sepanggar juga teruk, Tuan Yang di-Pertua. Lawatan ke SK Pulau Sepanggar mendapati kawasan bangunan sekolah telah mengalami hakisan yang teruk dan tiada usaha untuk menghalang atau membaiki kawasan sekolah tersebut. Saya minta supaya Kementerian Pendidikan mengambil maklum perkara ini sebelum kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

Penduduk di Pulau Gaya, Pulau Sepanggar dan Kampung Numbak memberitahu saya bahawa *pam boat* masih lagi tidak boleh digunakan. Mereka tidak dapat ke laut untuk menangkap ikan dan tidak dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah. *Pam boat* merupakan pengangkutan yang paling murah. Oleh itu, saya harap mengkaji semula penggunaan *pam boat* di

kawasan Sepanggar dan Kota Kinabalu sebagai menolong penduduk di Pulau Gaya dan Sepanggar.

Kerajaan sepatutnya memberi pilihan kepada para nelayan untuk menambah pendapatan mereka, bukan hanya kuat kuasa undang-undang tanpa mempedulikan kesusahan dan hidup mati rakyat. Saya harap kerajaan boleh memberi program mikro kredit ataupun pinjaman enjin sangkut kepada penduduk Pulau Gaya dan Sepanggar supaya mereka boleh menangkap ikan dan menjalankan perniagaan, mengangkat barang dan menghantar orang. Dengan itu, mereka boleh menjana pendapatan dan mengurangkan kos menghantar anak-anak ke sekolah, Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu juga, masalah yang dihadapi oleh penduduk Pulau Gaya dan pulau-pulau lain ialah bekalan air dan elektrik. Saya harap kerajaan lebih memberi perhatian tentang keperluan asas penduduk di pulau-pulau ini. Pulau-pulau ini hanya terletak beberapa kilometer dan beberapa minit perjalanan dari Kota Kinabalu. Malah mereka terpaksa membeli air dengan harga RM7 setong iaitu 200 liter sahaja RM7, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tidak tahu kenapa begitu. Penduduk Pulau Gaya terpaksa mengeluarkan RM21 hingga RM35 untuk membeli air setiap hari.

■2020

Alamak! Setiap keluarga membelanjakan RM600 hingga RM1,000 sebulan untuk membeli air sahaja. Ini sudah tentu membimbangkan mereka. Mana dunia ada air yang begitu mahal Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tidak tahu kenapa begitu mahal. Saya sangat hairan mengapa mereka tidak dihiraukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Rata-rata mereka ialah bumiputera Islam, adakah mereka hanya alat untuk memenangi pilihan raya sahaja. Oleh itu saya harap kerajaan boleh memberi air percuma bukan sahaja kepada penduduk Pulau Gaya sebagai pampasan kerana telah membeli air dengan harga yang begitu tinggi sejak puluhan tahun lagi. *Haiya* ini terlampau!

Begitu juga dengan penduduk di pulau lain seperti Pulau Sepanggar dan Pulau Banggi di Kudat. *Adoi*, di Pulau Sepanggar satu-satunya sumber air ialah perigi, perigi Asino yang air masin. *Haiya*, saya harap masalah mereka dapat diberi perhatian. Kalau di Selangor pengguna air sebanyak 20 meter padu tidak dikenakan bayaran percuma, tidak kira orang kaya atau miskin kenapa orang Pulau Gaya yang termiskin dipaksa beli air yang begitu mahal sekali dalam dunia. Apa ini! Saya sangat kecewa kerana bila ini macam kenapa rakyat kita kena potong leher ini macam. Inilah Barisan Nasional.

Yalah saya bagi tahu pergi tengoklah lawat sana, sama penduduk lebih 12,000 penduduk di Pulau Gaya hidup dengan sangat menderita. Orang setingan sama 12,000 pun setingan sahaja tapak rumah pun tiada, air pun hendak beli pun mahal ada air di sana tetapi tidak kasi bagi. Tak tau rakyat kenapa Barisan Nasional buat begitu terlampau. *Aik* pulau di sini ada lebih 3,000 pengundi untuk Barisan Nasional. Kenapa Barisan Nasional begitu kejam, minta sokong tetapi apa pun tidak mahu buat. Ini kerajaan apa ini? Yalah saya hairan air sampai 54 tahun, air kehidupan asas pun susah, 54 tahun!

Islam lagi, ya orang Islam. Ya, okey saya juga Tuan Yang di-Pertua ada sedikit 1 minit. Ketua Menteri Sabah isu atau masalah yang berlaku di Sabah biasanya akibat pengurusan atau pemimpin yang paling *corrupt*. Saya merujuk kepada Ketua Menteri Sabah. Menurut *Sarawak Report*, Ketua Menteri Sabah mempunyai wang berjuta-juta di luar negara. Antara bank yang disyaki mempunyai wang akaun simpanan Ketua Menteri Sabah ialah Bank UBS AG siasatan dan bukti amat jelas bahawa wang simpanan dan pengeluaran mempunyai kaitan dengan Ketua Menteri Sabah.

Kes ini mula terbongkar apabila Michael Chia telah ditangkap di Hong Kong atas tuduhan pengubahan wang haram di Hong Kong pada 2008 dengan jumlah wang sebanyak SGD16 juta dalam RM40 juta. Adakah teknik yang sama turut digunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri satu ketika dulu. Saya minta kerajaan memberikan penjelasan berkenaan ini isu kerana ia melibatkan kejujuran dan imej pemimpin kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat masa habis Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya sikit lagi bolehkah, bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan menyiasat akaun nombor lihat akaun nombor UBS AG 231117 dan di Zurich dan juga satu akaun MA21010109 dengan jumlah USD90 juta.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Itu nombor apa itu, sudah lebih 4 nombor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, masa habis Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Masa sudah habis duduklah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Siapakah pemilik akaun tersebut Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana akaun ini mempunyai kaitan dengan pengubahan wang haram serta wang konsesi balak di kaitkan dengan Ketua Menteri Sabah. Rakyat ini tahu apakah yang sedang berlaku dengan wang konsesi balak yang sepatutnya dikembalikan kepada rakyat Sabah. Saya harap MACC ambil tuntutan tindakan keras siasatan *scam* terbesar ini. Akhirnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Lagi satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tanjung Aru. Satu minit lagi ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat masa habis Yang Berhormat. *[Dewan riu]* Yang Berhormat habiskan ya. Habiskan Yang Berhormat, habiskan. Ya minta habiskan Yang Berhormat ya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasihlah saya harap isu yang saya sebutkan tadi diberi perhatian, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik.

8.26 mlm.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya pun daripada Gerik untuk turut bersama berbahas Titah Diraja. Pertama mewakili rakyat Parlimen Gerik mengucapkan tahniah di atas pelantikan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong daripada negeri Kelantan dan juga tahniah diucapkan kepada Paduka Seri Sultan Perak sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong. *[Tepuk]*

Tuanku telah menitahkan tentang keselamatan, satu soal PDRM yang mana saya hendak bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri, Ketua Polis Negara pernah menyatakan judi hendak dihapuskan. Sehingga hari ini kita lihat di bandar besar, di bandar kecil masih operasi judi berlaku termasuk dalam kawasan saya sama ada di pangkalan hulu ataupun di Gerik. Seheinggakan ada persepsi yang menyatakan judi boleh hidup kerana dilindungi oleh pihak PDRM. Tetapi kita harap tidak menjadi satu kenyataan-kenyataan yang dipandang oleh masyarakat di bawah. Maka pihak polis kena berbuat sesuatu supaya judi haram ini merosak terutamanya generasi Melayu yang duduk di kampung-kampung.

Macam-macam kaedah untuk menghabiskan duit yang menyebabkan kita terasa yang bila tempat judi tadi dicekup esok buka balik bermakna mereka ini berani kerana ada orang yang melindungi di belakang tabir. Dalam PDRM juga dia hendak menjaga keselamatan dalam negara. Tuanku menitahkan soal fahaman radikal, ajaran sesat, ideologi militan, Islam berpegang kepada Ahli Sunah Wal Jamaah dan pelbagai lagi. Kita mengharapkan perkara-perkara ini menjadi satu dokongan dan pegangan kepada pihak polis.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri yang kita lihat. Ini orang selalu sebut harga barang kita mahal, tetapi penyeludupan bukan datang daripada luar negara. Kebanyakan penyeludupan barang kita pergi ke Thailand. Barang kita pergi ke Singapura. Barang kita pergi ke Indonesia. Kalau hendak masuk ke dalam negara pun kecuali rokok seludup yang harganya murah sedikit. Sesuatu perlu dibuat di mana *action* yang dijanjikan oleh Kementerian Dalam Negeri unit penyeludupan bila hendak ditubuhkan satu struktur yang ada ketua pengarah yang boleh beroperasi duduk sama rendah, berdiri sama tinggi di kawasan sempadan di perairan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik berucap macam menghalu kepada Yang Berhormat Tenggara Yang Berhormat. Kita sambung esoklah Yang Berhormat ya.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Minta maaf terlupa hendak tengok Tuan Yang di-Pertua. Pasal pakai spek ini kan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita sambung esok ya Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Boleh, tiada masalah, 20 minit esok ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada 16 minit 33 saat Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 14 Mac 2017.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam]